



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 19)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 20)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 117)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018	(Halaman 21)
Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018	(Halaman 69)

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PKR
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP

### MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] – PPBM
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] – PKR
3. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
4. “ Menteri Kewangan, Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
5. “ Menteri Pertahanan, Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] – PPBM
7. “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Puan Rina binti Mohd Harun [Titiwangsa] – PPBM
8. “ Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PKR
9. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PKR
10. “ Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
11. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
12. “ Menteri Tenaga Manusia, Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
14. “ Menteri Kesihatan, Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] – AMANAH
15. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] – PPBM
16. “ Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Mohd Redzuan Yusof [Alor Gajah] – PPBM
17. “ Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar [Kuala Langat] – PKR
18. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim Bandar Baharu] – PKR
19. “ Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian [Selangau] – PKR
20. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PKR
21. “ Menteri Industri Utama, Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
22. “ Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP

23. Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] – AMANAH
24. “ Menteri Wilayah, Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
25. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
26. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Mohamaddin bin Ketapi [Silam] – WARISAN
28. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy – *Senator*

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah, Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading] – PPBM
2. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Md Farid bin Md Rafik [Tanjong Piai] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Eddin Syazlee Shith [Kuala Pilah] – PPBM
5. “ Timbalan Menteri Industri Utama, Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
7. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
8. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
10. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
11. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
12. “ Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
14. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
15. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
17. “ Timbalan Menteri Tenaga Manusia, Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
18. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH

19. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
20. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
21. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PKR
22. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
23. “ Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
24. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Haji Marzuki bin Yahya – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Liew Chin Tong – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad - *Senator*

#### AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
3. “ Tuan Ahmad Faizal bin Azumu [Tambun] – PPBM
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
5. “ Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PKR
6. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
7. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
8. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] - PKR
9. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
10. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
11. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
12. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
13. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
14. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
15. “ Puan Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
16. “ Laksamana Muda Dato’ Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson] – PKR
17. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
18. “ Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
19. “ Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
20. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
21. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
22. “ Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PKR
23. “ Tuan Jugah a/k Muiyang @ Tambat [Lubok Antu] – PKR

24. Yang Berhormat Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai] – PKR
25. “ Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
26. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
27. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
28. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
29. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
30. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
31. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
32. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
33. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PKR
34. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
35. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
36. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
37. “ Dato’ Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] – PPBM
38. “ Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
39. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
40. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
41. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
42. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
43. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
44. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
45. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
46. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
47. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
48. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
49. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
50. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
51. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP
52. “ Dato’ Seri Dr. Santhara [Segamat] – PKR
53. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
54. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
55. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
56. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
57. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
58. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
59. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
60. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
61. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
62. “ Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
63. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR

64. Yang Berhormat Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
65. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
66. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] – DAP
67. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
68. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
69. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] – DAP

#### AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – UMNO
3. “ Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – UMNO
4. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
5. “ Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
6. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
7. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
8. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
9. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
10. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. “ Dato’ Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis] – UMNO
12. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keteroh] – UMNO
13. “ Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
14. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – UMNO
15. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
16. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
17. “ Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – UMNO
18. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
19. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
20. “ Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
21. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
22. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – UMNO

23. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
24. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
25. “ Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
26. “ Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
27. “ Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
28. “ Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
29. “ Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
30. “ Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
31. “ Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
32. “ Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
33. “ Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
34. “ Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
35. “ Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
36. “ Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] – UMNO
37. “ Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
38. “ Dato' Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
39. “ Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
40. “ Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – UMNO
41. “ Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – UMNO
42. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] – UMNO
43. “ Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
44. “ Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] - UMNO
45. “ Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – UMNO
46. “ Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] - UMNO
47. “ Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
48. “ Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands] - MIC
49. “ Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
50. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
51. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO



52. Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
53. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – UMNO
54. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]
3. “ Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]
4. “ Tuan Ahmad Fadhi bin Shaari [Pasir Mas]
5. “ Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]
6. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
7. “ Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]
8. “ Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]
9. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]
10. “ Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]
12. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]
13. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai]
14. “ Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]
15. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
16. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
17. “ Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]
18. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]

#### **AHLI-AHLI (PBB)**

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [lgan]
2. “ Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit]
3. “ Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya]
4. “ Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]
5. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
6. “ Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas]
7. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
8. “ Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong]
9. “ Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
10. “ Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
11. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
12. “ Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong]

13. Yang Berhormat Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

**AHLI-AHLI (BEBAS)**

1. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah]
2. “ Dato’ Dr. Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai]
3. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]

**AHLI-AHLI (PRS)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit]
2. “ Dato’ Masir anak Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
3. “ Datuk Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

**AHLI-AHLI (WARISAN)**

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
2. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan]
3. “ Datuk Seri Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]

**AHLI-AHLI (PDP)**

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

**AHLI-AHLI (PBS)**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu]

**AHLI-AHLI (PBR)**

1. Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]

**AHLI-AHLI (UPKO)**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran]

**AHLI-AHLI (SUPP)**

1. Yang Berhormat Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian] – SUPP

**AHLI-AHLI (STAR)**

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]

**DEWAN RAKYAT****Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Amisyahrizan bin Amir Khan

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nor Sakinah binti Samat

Nurammarah binti Md Isa

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

Rabu, 8 Ogos 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]** minta Menteri Kewangan menyatakan, sama ada Kerajaan Pusat bersetuju untuk mengkaji nilai pajakan tanah Pulau Pinang itu yang dilihat sudah tidak bersesuaian dengan nilai hartanah semasa. Atau, adakah Kerajaan Pusat mahu memberikan pampasan kepada negeri Kedah, dan jika ya, berapakah jumlahnya?

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerlun dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah.

Untuk makluman Yang Berhormat Jerlun dan Dewan yang mulia ini, pada 7 Jun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau mempengerusikan Majlis Kewangan Negara untuk tahun 2018, telah menzahirkan hasrat supaya Kerajaan Persekutuan mengkaji semula pemberian khas Kedah yang bernilai RM10 ribu bagi setiap tahun.

Jemaah Menteri pada 4 Julai 2018 telah bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan memperuntukkan bayaran sumbangan khas kepada Kerajaan Negeri Kedah pada kadar RM10 juta setahun. Ini merupakan satu *unilateral undertaking* oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Kadar sumbangan khas ini akan disemak semula sepuluh tahun sekali atau dalam jangka masa yang difikirkan sesuai. Sumbangan khas ini akan dibayar mulai tahun 2018.

Pada masa yang sama, pemberian khas RM10 ribu kepada Kedah akan diteruskan. Perlu dinyatakan bayaran ini telah pun termaktub di bawah Perkara 167(7), Perlembagaan Persekutuan iaitu, "*Persekutuan hendaklah membuat pembayaran tahunan yang sama sebagaimana yang kena dibuat sebelum Hari Merdeka di bawah Perkara II Terti yang dibuat pada enam hari bulan Mei tahun seribu lapan ratus enam puluh sembilan antara Baginda Ratu pada satu pihak dengan Raja Siam pada pihak yang satu lagi berkenaan dengan Negeri Kedah*". Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan dan juga di atas pengumuman keputusan Jemaah Menteri mengenai sumbangan RM10 juta setahun bagi negeri Kedah Darul Aman. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri mengucapkan jutaan terima kasih di atas keputusan tersebut.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Kedah ini merupakan sebuah negeri yang banyak menyumbang kepada jaminan bekalan makanan. Padi yang dihasilkan oleh Kedah menyumbangkan 35 peratus daripada semua beras yang digunakan oleh rakyat seluruh Malaysia dan ini melibatkan 270 ribu hektar tanah yang merupakan bendang, sungai, hutan, empangan dan tasik selain kawasan tadahan air ataupun hutan simpan. Semua tanah ini tidak boleh dimajukan untuk memberikan hasil yang lumayan kepada rakyatnya.

Walaupun kami faham dan terima peranan kami untuk menjamin bekalan makanan bagi seluruh rakyat Malaysia, tetapi atas sebab jumlah tanah yang begitu luas untuk tujuan tersebut, maka hasrat kami untuk membangunkan negeri seperti mana yang kita lihat berlaku di negeri-negeri seperti di Selangor, Pulau Pinang, Johor agak tidak kesampaian. Maka oleh sebab itu, adalah hasrat kami juga untuk terus memohon ihsan daripada Kerajaan Persekutuan untuk memberi tumpuan yang lebih kepada negeri Kedah yang dianggap kedua tercorot dari segi pendapatan isi rumah. Sebaik-baiknya bantuan ini dalam bentuk, bantuan-bantuan kewangan ya untuk membangunkan taman industri yang baru.

Jadi soalan tambahan saya ialah, adakah Kerajaan Persekutuan sanggup untuk memberi perhatian seperti mana yang kami harap-harapkan ini?

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Jerlun.

Memang benar apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat bahawa negeri Kedah merupakan suatu negeri yang amat penting khususnya dalam aspek memastikan keselamatan dari segi makanan iaitu dalam perkara ini adalah beras.

#### ■1010

Itulah sebabnya penekanan senantiasa diberikan apabila permintaan seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat diberikan, lebih-lebih lagi apabila kita ada sebuah kerajaan yang sehalu dan seiring dengan Kerajaan Persekutuan. Ini ditambah lagi seorang Menteri Besar yang begitu dinamik dan juga cekap dan mesra dengan Kerajaan Persekutuan termasuk Ahli-ahli Kabinet sendiri.

Jadi di sini tentulah saya hendak berikan jaminan bukan sahaja secara peribadi, tetapi saya percaya daripada Kabinet termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang akan memberikan perhatian dan keprihatinan ke atas pembangunan yang berlaku di negeri Kedah. Sekian, terima kasih.

**2. Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah usaha kementerian bagi meningkatkan lagi kemudahan peralatan dan kakitangan di Hospital Universiti Sains di Kubang Kerian memandangkan kini ia menjadi tumpuan utama pesakit di Kelantan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian telah beroperasi sejak tahun 1983 dan merupakan Hospital Pengajar Universiti (HPU) ketiga di negara ini selepas Pusat Perubatan Universiti Malaya dan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia peka bahawa seiring dengan peningkatan rakyat di negeri Kelantan dan Pantai Timur, peralatan dan kemudahan infrastruktur serta kepakaran sedia ada di HUSM perlu dipertingkatkan. Justeru itu, menerusi Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah menyalurkan peruntukan bernilai RM68 juta yang bertujuan untuk pemberian sebanyak 1,439 buah peralatan perubatan baharu.

Bagi tujuan naik taraf pula, KPM turut memperakui beberapa cadangan pembangunan untuk pertimbangan dan kelulusan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Antara cadangan-cadangan pembangunan yang terlibat adalah penambahbaikan infrastruktur sedia ada HUSM bernilai RM25 juta dan cadangan pembangunan infrastruktur bekalan air bersih bernilai RM4.5 juta.

Di samping itu, pada tahun 2018, KPM telah meluluskan peruntukan tambahan belanja mengurus berjumlah RM1.64 juta di mana sebanyak RM840,000 untuk perolehan secara sewaan bagi tempoh lima tahun khusus untuk rawatan pesakit koronari jantung dan RM800,000 bertujuan untuk penyelenggaraan peralatan perubatan agar perkhidmatan rawatan dapat diberikan dalam keadaan sempurna dan terbaik. Selain itu, HUSM turut menerima peruntukan berjumlah RM14.7 juta bagi tujuan menyambung perkhidmatan pembekalan ubat-ubatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tujuan meningkatkan kepakaran di HUSM, beberapa permohonan perisian jawatan kritikal, antaranya Jururawat dan Pembantu Perawatan Kesihatan telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Di samping itu, HUSM turut mengemukakan permohonan perjawatan baharu kepada JPA yang melibatkan skim lain, antaranya Pensyarah Perubatan, Pegawai Undang-undang, Pegawai Kaunseling, Pegawai Pemulihan Perubatan, Jururawat dan Juru X-ray. Sekian sahaja jawapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Pertama, saya ucap terima kasih kepada jawapan Menteri yang memperuntukkan satu jumlah RM68 juta kepada HUSM dan ini satu tindakan yang sangat dialu-alukan.

Cuma saya ingin dalam soalan tambahan ini untuk bertanya kepada Menteri, apakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan sebuah *PET-CT scan* di HUSM memandangkan buat masa ini hanya ada dua hospital sahaja di negara kita yang mempunyai *PET-CT scan* ini. Pertama di Putrajaya, dan yang kedua di Hospital Pulau Pinang. Memandangkan keperluan *PET-CT scan* ini yang melengkapkan penyelidikan perubatan nuklear yang menjadi suatu bidang yang sangat penting bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di HUSM, saya fikir di Pantai Timur perlu ada sebuah *PET-CT scan* ini bagi kemudahan pesakit-pesakit khususnya di kawasan Pantai Timur. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Kubang Kerian, sebenarnya untuk *teaching hospital*, *core business* kita adalah untuk PdP. Maksudnya, *core business* kita adalah untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar di kampus kesihatan USM ini boleh menerima satu pengajaran dan pembelajaran yang paling baik, yang terbaik untuk mereka.

Jadi setakat ini, memang kita tidak ada rancangan untuk tambah *PET-CT scan* untuk hospital USM kerana saya rasa kalau memang ada keperluan *PET-CT scan* ini permintaan dari golongan pesakit, sepatutnya permintaan ini dipanjangkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, dan bukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini kerana *core business* kita adalah memastikan PdP di Hospital USM adalah dalam satu tahap yang memuaskan, tetapi bukanlah untuk menjadi sebuah hospital yang membekalkan perkhidmatan seperti hospital umum di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Sekian sahaja. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Suatu masa dahulu ada perbincangan sama ada, ada kewajaran untuk menyatukan *teaching hospital* dengan hospital di bawah Kementerian Kesihatan. Sekarang ini saya harap sudah stabil. Jeli menyokong supaya diasingkan kedua-duanya iaitu oleh kerana *teaching hospital* mempunyai prioriti yang berbeza, maka harus terus diasingkan pemantauan dan *governance teaching hospital* dengan hospital di bawah KKM. Pertamanya.

Keduanya, di hospital USM ini terdapat pakar-pakar yang ulung dalam bidang diabetes, *brain* dan juga tulang, antaranya dan kita ucap tahniah kepada mereka. Memandangkan kepakaran yang ada di HUSM pada hari ini, dua soalan.

Pertama, adakah perancangan kementerian untuk menjadikan HUSM sebagai pusat rujukan bagi Pantai Timur? Maksudnya Pahang, Terengganu, mungkin sebahagian daripada Perak, pusat rujukan bagi kepakaran tertentu yang mana terdapat beberapa tokoh yang unggul di hospital USM.

Keduanya ialah, sama ada kementerian bercadang untuk mengadakan satu perbincangan dengan *stakeholders*, pemegang taruh khususnya pensyarah dan lain-lain untuk melihat kepada *gap*, apa hasrat mereka, dan apa yang mampu disediakan oleh kerajaan. Ini penting untuk memastikan kita dapat memenuhi keperluan mereka dan juga untuk pastikan *staff morale* dapat kita pertahankan. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jeli. Memang setakat ini kita tidak ada satu rancangan untuk gabungkan kedua-dua hospital umum dan hospital pengajar universiti. Memang saya rasa tidak ada rancangan ataupun perbincangan tentang isu ini.

Tentang sama ada kita ada rancangan untuk HUSM menjadi hospital rujukan, saya rasa di bawah KPM kita hanya ada *teaching hospital*, kita tidak ada buat *classification* di antara hospital rujukan atau hospital biasa. Jadi, saya rasa definisi itu sebenarnya, saya rasa perlu bincang dengan Menteri Kesihatan untuk dapat maklumat yang lebih terperinci bagaimana kita kalau berhasrat untuk menjadikan *teaching hospital* ini juga menjadi satu *referral hospital*. Ini saya perlu buat perbincangan dengan Menteri Kesihatan.

Jadi saya rasa setakat ini kita bukan sahaja ada PPUM, HUSM dan juga Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, jadi memang kita selalu peka terhadap permintaan mereka daripada golongan pensyarah dan juga pelajar-pelajar di sana. Pada masa yang akan datang, memang kita juga berhasrat untuk menambah lagi *teaching hospital* di Malaysia.

#### ■1020

Setakat ini, selain daripada ketiga-tiga *teaching hospital* yang saya sebut tadi, kita juga ada *teaching hospital* di UiTM dan juga di UIA. Untuk UPM, kita juga jangka bahawa bangunannya akan siap pada bulan Mac tahun depan.

Selain daripada itu, UniSZA, UMS dan juga UiTM Puncak Alam, kita juga dalam rancangan untuk membina *teaching hospital* yang baharu untuk universiti-universiti tersebut.

Jadi kita harap bahawa pada masa yang akan datang, lebih banyak universiti yang menawarkan program perubatan ini mempunyai *teaching hospital* mereka sendiri untuk memastikan bahawa doktor-doktor yang kita latih adalah antara yang paling baik. Sekian sahaja. Terima kasih.

**3. Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, adakah pihak kerajaan akan membina sebuah stadium kecil atau satu tempat kemudahan sukan bagi rakyat di kawasan Parlimen Tampin.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tampin. Cadangan Yang Berhormat Tampin untuk KBS membina satu stadium mini di Parlimen Tampin akan dipertimbangkan.

Cuma, pihak KBS ingin memaklumkan, pada masa ini sudah ada satu stadium mini yang sudah siap dibina di kawasan Parlimen Tampin, dan banyak lagi *facilitysukan* yang telah pun siap dibina oleh pihak KBS. Contohnya, sebelas gelanggang sukan pelbagai guna. Total gelanggang di Parlimen Tampin ialah 21 dan juga kompleks sukan yang sudah pun siap dibina.

Kalau ada cadangan lain, Yang Berhormat boleh tolong maklumkan dan pihak KBS akan perincikan sebaik mungkin. Terima kasih.

**Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ketahui walaupun sudah ada stadium mini di kawasan Tampin tetapi dari segi aspek penyelenggaraan dan sebagainya, itu menimbulkan persoalan. Itu satu.

Kedua, sudah setiap kali pilihan raya diadakan, banyak janji yang dikemukakan kepada penduduk Tampin khususnya Gemas untuk mewujudkan stadium ini. Malahan, sudah dua penggal pilihan raya berlaku, janji ini masih lagi diuar-uarkan. Malahan, peruntukan untuk membina stadium mini di Gemas sudah diluluskan.

Soalan saya ialah apakah kementerian akan meneruskan projek ini ataupun menangguhkan ataupun kalau hendak meneruskan, berapa lama lagi rakyat Tampin untuk menerima janji-janji ini untuk dipenuhi?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada dua soalan. Pertama, berkenaan penyelenggaraan stadium ataupun aset-aset sukan sedia ada. Saya rasa sepatutnya ini dijadikan fokus kerana pada masa ini bukan sahaja di Parlimen Tampin tetapi di seluruh Malaysia ada banyak aset sukan yang sedia ada tetapi tidak diselenggarakan dengan baik dan ia memaksa pihak KBS untuk melalui proses pelupusan aset.



Kedua, berkenaan janji-janji yang telah pun dijanjikan masa ataupun musim PRU. Oleh sebab itu, pihak KBS sekarang ini tengah melalui masalah di mana kita berjaya membina pelbagai stadium, kompleks sukan, gelanggang bola tampar dan lain-lain tetapi selepas siap dibina, proses untuk penyelenggaraannya itu sukar kerana tiada peruntukan kewangan.

Kalau ikut proses yang sedia ada, selepas siap dibina, pihak KBS akan berikan stadium tersebut untuk diselenggarakan oleh majlis perbandaran ataupun pimpinan di peringkat negeri. Ini kerana kalau kita asyik membina tetapi peruntukan penyelenggaraan itu semakin lama semakin menurun, ia menyukarkan pihak KBS yang boleh menyelenggarakan aset-aset sedia ada tetapi sekarang tidak dapat duit ataupun peruntukan yang secukupnya untuk melakukan perkara ini.

Oleh sebab itu, kalau ada janji-janji berkenaan isu tersebut, ia patut diperhalusi sebelum itu supaya kita boleh membina aset-aset sukan bukan sahaja di satu kawasan tetapi di seluruh Malaysia. Saya dimaklumkan kalau kita beri contoh di kawasan di Kelantan, semalam apabila saya sempat berjumpa dengan EXCO Belia dan Sukan di sana, Stadium Kota Bharu, setiap kali tibanya pilihan raya, akan ada janji untuk ditambah baik tetapi akhirnya tidak dapat. Ini janji yang datang daripada Kerajaan Persekutuan. Dan juga untuk membina satu kompleks sukan dalam setiap Kawasan Parlimen. Akan tetapi pada masa ini, tidak silap saya- Yang Berhormat Tanah Merah tidak ada, yang ada hanya di Tanah Merah. Janji ini dilakukan saya rasa dalam setiap pilihan raya.

Oleh sebab itu, saya rasa pembangunan aset sukan, pembangunan belia dan sukan harus dilakukan di seluruh Kawasan Parlimen tidak kira di kawasan kerajaan ataupun pembangkang, dan kita akan usahakan sebaik mungkin. Akan tetapi, Yang Berhormat Tampin, apa yang tekankan tadi itu betul. Penyelenggaraan itu harus dibuat dan selepas ini mungkin saya akan cuba berdialog secara peribadi dengan Yang Berhormat untuk cari titik pertemuan dan penyelesaian di sana. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Pasir Mas, Pasir Mas.

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, dari Hulu Selangor.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, saya bagi suara dari Kelantan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Pasir Mas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Rantau Panjang. Tadi Yang Berhormat Jeli sudah.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan isu kemudahan untuk sukan terutama untuk golongan belia. Kita lihat hari ini semakin pupus tanah-tanah untuk padang bola untuk permainan belia-belie akibat daripada pembangunan.

Jadi saya ingin tahu, apakah dasar yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan setiap kawasan, setiap kampung ada ruang padang bola ataupun tempat rekreasi untuk anak-anak muda kita? Jadi, apa perancangan pihak kementerian? Minta penjelasan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Sebaik mungkin memang kita akan usahakan supaya di setiap kawasan Parlimen ada perancangan dan pembangunan sukan yang sedia ada, dan kadangkala kita sasarkan atau fokuskan. Sebagai contoh, kita lihat ada di beberapa kawasan Parlimen khususnya di negeri yang berjaya membangunkan *velodrome*, dengan izin, kita lihat pembangunan di sana pun, sukan tersebut juga membangun dengan pesat. Kita akan usahakan sebaik mungkin di setiap kawasan Parlimen.

Oleh sebab itu semalam pihak KBS telah pun buat pertama kali menghidupkan ataupun mengaktifkan semula pimpinan Majlis Sukan Negara di mana ia diwakili oleh setiap satu EXCO Belia dan Sukan di peringkat negeri tidak kira daripada negeri kerajaan ataupun pembangkang.

Sebelum ini tidak pernah- pernah ada sampai tahun 2006 dan selepas 2006 ia tidak lagi diaktifkan dan sekarang ini telah pun diaktifkan semula supaya perancangan dan pembangunan sukan boleh dibuat secara menyeluruh tak kira negeri itu ditadbir oleh kerajaan ataupun pembangkang supaya pembangunan sukan dan belia boleh dibangunkan bersama oleh seluruh rakyat Malaysia. Terima kasih.

**4. Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah pakaian pramugari MAS sesuai dengan imej Malaysia yang agama rasminya adalah Islam. Nyatakan jenis-jenis pakaian pramugari MAS serta aspek pelanggaran syariah yang dikenal pasti.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*Dari Tumpat ke Bandar Tun Razak;  
Soalan Yang Berhormat tanya, akan cuba saya jawab.*

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak kena itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:**

*Orang berbudi kita berbahasa;  
Inilah keindahan Dewan yang mulia.*

Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat penerbangan perlu mematuhi standard keselamatan, antara lain termasuk pengungsian kecemasan atau *emergency evacuation*, dengan izin, dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti mana yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan *International Civil Aviation Organization* (ICAO).

Dalam hubungan ini, CAAM menyatakan salah satu keperluan bagi memperoleh sijil keselamatan, syarikat penerbangan perlu memakai pakaian seragam yang membolehkan pramugara dan pramugari menjalankan tugas-tugas keselamatan dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat penerbangan adalah bebas untuk memilih pakaian seragam asalkan mematuhi kriteria seperti berikut:

■1030

- (i) pakaian seragam mampu menjalankan tugas semasa pengungsian kecemasan (*emergency evacuation*), dengan izin; dan
- (ii) keputusan komersial syarikat penerbangan tersebut berdasarkan kesesuaian dan imej korporat masing-masing, selari dengan identiti *Malaysian hospitality* yang diamalkan oleh Malaysia Airlines Berhad (MAB), pakaian seragam baju kebaya yang dipakai oleh para pramugari adalah mencerminkan budaya Malaysia yang menonjolkan layanan mesra kepada para pengguna penerbangan berkenaan.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan tiada sebarang halangan langsung bagi mana-mana syarikat penerbangan untuk menetapkan pakaian pramugari yang menepati kehendak syariah Islam selagi mana ia mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh CAAM. Terima kasih.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa Yang Berhormat Menteri tidak menjawab soalan saya secara tepat. Soalan saya ialah berkaitan dengan *Malaysia Airlines System (MAS)*, yang ini di bawah kawalan kerajaan. Sepatutnya kena ada satu *dress code* yang menepati syariah ataupun *syariah-compliant*.

Soalan tambahan saya, dalam aspek menepati syariah ini sepatutnya ia maju setapak lagi dalam seluruh SOP yang dilaksanakan oleh *cabin crew*.

Kita pernah bangkitkan di Dewan ini dan menjadi isu yang berlanjutan dan tak diselesaikan sampai hari ini. Sahabat-sahabat yang kita bersama dahulu, antaranya Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Sepang yang ada dok tengah main telefon ini. Dia antara orang yang kita berjuang bersama untuk, bukan sahaja aspek pemakaian yang patuh syariah, bahkan juga SOP lain yang berkaitan, antaranya arak, hidangan arak. Ini menjadi hak dan kebebasan yang patut diberi kepada *cabin crew* yang beragama Islam untuk tidak menghidangkan arak. Ini belum kita bercakap soal caj yang kita bayar untuk penerbangan antarabangsa yang diambil daripada situ untuk belanja menghidangkan arak secara percuma.

Ini soal yang sangat sensitif bagi umat Islam yang saya yakin dan percaya yang sebelum ini Pakatan Harapan kata kita tawan Putrajaya dulu baru kita laksanakan Islam. Inilah masanya, dan saya mengharapkan Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Shah Alam tak jadi pasu bungalow dalam Kabinet.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Saya menghormati pandangan Yang Berhormat tadi. Saya tidak akan melindungi bahawa memang kebanyakan kita mempunyai sentimen yang lama. Bukan sekadar Yang Berhormat Shah Alam, bukan sekadar Yang Berhormat Sepang tetapi Parti PAS sendiri apabila bermulanya penubuhannya sehingga ke hari ini, saya yakin ada ciri-ciri dan kehendak tersebut.

Malah, pemimpin-pemimpin PAS sebelum kita ini pun ada semangat tersebut, termasuklah pemimpin-pemimpin PAS yang menyertai Kerajaan Barisan Nasional dalam tahun 1973 hingga tahun 1977... [*Tepuk*] Pakaian pramugara atau pramugari MAS adalah begitulah daripada mula tertubuhnya sehingga ke hari ini.

Saya menghormati pemimpin PAS yang dahulu, saya menghormati penglibatan mereka dalam kerajaan tetapi inilah perjuangan yang mereka telah lakukan mungkin tidak tercapai sepenuhnya. Maka, kita usahalah sama-sama untuk memberi peluang kepada kerajaan yang ada ini melalui kementerian-kementerian yang ada, melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga urusan agama ini untuk meneruskan lagi usaha ini. Dalam suasana negara kita yang tidak boleh memaksa sesiapa sekalipun memakai pakaian yang secara umumnya adalah pakaian yang boleh kita anggap senonoh dalam pengertian umum tetapi jangan dengan menggunakan paksaan. Itu saya fikir pendirian kementerian.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** [*Bangun*]

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Soalan tambahan, saya jemput Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Oh! Hebat, dahsyat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Sungguh budiman pagi ini. Saya meneliti jawapan daripada Timbalan Menteri, dan saya juga meneliti soalan daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Isu ini Tuan Yang di-Pertua, berterusan sebegitu lama dan isu ini menjadi satu komitmen dalam kita mengangkat agenda reformasi untuk keadilan, kesaksamaan dan juga kebenaran.

Saya dalam aspek ini mengakui bahawa isu ini bukan isu baru tetapi dalam masa yang sama, anjakan itu perlu diwujudkan. Tidak ada sekatan yang saya dimaklumkan kepada pekerja-pekerja untuk mereka berpakaian secara *Islamic-compliant* dan saya menganggap bahawa ianya memberikan kita isyarat bahawa sesuatu perlu kita lakukan.

Soalan saya, bersetujukah Timbalan Menteri dengan saya bahawa, pemakaian itu diletakkan sebagai asas utama untuk mencerminkan kenegaraan? Kesan daripada itu akan mengurangkan dan mengendurkan masalah negatif kepada pelanggan, membolehkan perkara ini diangkat sebagai isu untuk dibincangkan, untuk dijangka sebagai agenda, memberi kesan kepada kes yang sebelum ini tak pernah-pernah selesai. Akan tetapi Pakatan Harapan memberi harapan kepada *syariah-compliant* yang kita laungkan selama ini. Setujukah Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tentang pakaian pun berkobar-kobar ya, semangat. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Kapar yang membuktikan bahawa apabila isu ini berkaitan dengan hal-hal seperti agama yang penting ini, sebenarnya banyak persamaan yang ada di kalangan kita.

Kehebatan Yang Berhormat Kapar ini ialah sentiasa beliau menggabungkan perjuangan beliau dan juga perjuangan hakiki beliau yang satu lagi iaitu pekerja-pekerja yang bekerja di syarikat seperti MAB, ini adalah yang sentiasa beliau perjuangkan.

Jadi, saya yakin apa Yang Berhormat Kapar telah suarakan tadi menggambarkan hasrat pekerja-pekerja di syarikat tersebut. Saya yakin sebagaimana yang saya maklumkan tadi, kementerian dan jabatan yang berkenaan di Jabatan Perdana Menteri sedang sekarang ini pun berusaha sedaya upaya untuk memastikan bahawa kita melaksanakan dasar-dasar bersama Kerajaan Pakatan Harapan ini sesuai dengan tuntutan agama-agama dan agama Islam dalam negara kita ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh satu lagi? Boleh satu lagi Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan lagi? Penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada pakaian pramugari, kita sekarang ini beralih ke isu ekonomi.

**5. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]** minta Menteri Kewangan menyatakan, langkah-langkah yang dirancang untuk menghadapi masalah hutang dan liabiliti sebanyak RM1.087 trilion.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Selayang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan adalah terkawal dan terurus, langkah-langkah kawalan hutang berikut sedang dilaksanakan:

- (i) mengkaji semula projek-projek yang melibatkan kos yang tinggi berdasarkan keperluan bagi mendapatkan kos yang lebih rendah;
- (ii) bagi projek yang sedang dilaksanakan, keseluruhan kos projek sedang dikaji semula untuk mengelakkan kerajaan di caj kos yang tidak berpatutan;
- (iii) projek infrastruktur mega mahal seperti *High-Speed Rail*, *Mass Rapid Transit* dan *East Coast Rail Link (ECRL)*, sedang dikaji semula bagi meneliti struktur kos keperluan dan keutamaan projek serta memastikan keupayaan kerajaan dalam membiayai serta membayar balik pinjaman yang dibuat;
- (iv) menyediakan peruntukan tahunan di bawah perbelanjaan mengurus bagi memastikan bayaran pokok dan faedah dapat dibuat mengikut tempoh masa yang ditetapkan;

- (v) membiayai semula sebahagian daripada pinjaman pada kadar yang lebih rendah atau *refinancing*; dan
- (vi) memastikan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, termasuk sektor kreativiti dan inovasi, untuk memperbanyakkan sumber kewangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan mikroekonomi terus kukuh serta dapat menangani sebarang krisis. Teras utama menangani hutang satu trilion Kerajaan Persekutuan ialah kebertanggungjawaban fiskal agar meyakinkan para pelabur dan pasaran modal bahawa Kerajaan Persekutuan masih ada ruang dasar fiskal dan kewangan. Terima kasih.

#### ■1040

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya juga ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberikan kenyataan yang lengkap tentang saiz dan jumlah pinjaman serta liabiliti kerajaan. Ini kerana sebelum ini kerajaan di bawah Barisan Nasional tidak memberikan gambaran yang begitu tepat, khususnya dengan mengadakan *off-budget financing*. Jadi makna juga *outsourcing financing* yang dibuat syarikat atas pinjaman oleh kerajaan dan bayaran melalui apa yang dipanggil sewa dan yuran. Ini tidak memberikan satu gambaran yang tepat, dengan izin, *less than transparent*.

Soalan tambahan saya ialah, adakah kerajaan baharu akan mengamalkan cara untuk mengadakan *off-budget financing* dan kalau ada, adakah ini akan diberikan maklumat yang penuh supaya rakyat mengetahui apa sebenarnya pinjaman.

Kedua ialah bolehkah kerajaan memberikan maklumat di dalam kenyataan ini yang membezakan pinjaman di dalam mata wang ringgit dan juga mata wang asing kerana risiko adalah berbeza dan untuk yang ada kesan kepada nilai mata wang kita.

Yang ketiga ialah apakah *chances* untuk mengadakan pinjaman dikurangkan atau terma itu ditukar kepada satu yang lebih berpihak kepada kerajaan dengan mereka yang memberikan pinjaman kepada kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Yang Berhormat dari Selayang tentang soalan tambahan yang begitu bernas ini. Yang pertama saya ingin menyatakan bahawa pihak kerajaan bertekad untuk bercakap benar dalam menegakkan prinsip ketelusan. Kita tidak akan sembunyi dan sorok-sorokkan hutang sebenar seperti yang diamalkan oleh kerajaan terdahulu yang memberikan satu gambaran yang tidak tepat tentang kedudukan kewangan dan ekonomi Malaysia.

Tentang *off-balance sheet financing*, saya ingin menyatakan bahawa pihak kerajaan hanya akan menjalankannya sekiranya ia memihak kepada Kerajaan Persekutuan dalam aspek kosnya. Tetapi seperti yang kita sedia maklum, biasanya *off-balance sheet financing* akan diperolehi dengan kadar faedah yang lebih tinggi berbanding dengan hutang secara langsung daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Kita kena lihat kaedah dan keadaan, tetapi saya jangka ini akan jarang berlaku.

Yang kedua tentang mata wang asing. Dalam aspek pinjaman secara langsung, sebanyak RM687 bilion ini, 97 peratus adalah dalam bentuk hutang domestik iaitu sebanyak RM666 bilion. Sedangkan tiga peratus atau sebenarnya RM21 bilion adalah dalam bentuk tukaran wang asing lain dan di situlah kita akan menimbang kalau perlunya untuk memastikan pinjaman Kerajaan Persekutuan dalam bentuk tukaran wang asing lain atau *foreign exchange*, ada *foreign exchange* tidak bertambah.

Tentang soalan terakhir sama ada kita akan lihat bolehkah kita buat *refinancing* supaya ia akan lebih memihak kepada kerajaan dari segi kos. Tentulah ini adalah salah satu langkah yang kita boleh ambil. Sebagai satu contoh kita lihat tentang pinjaman 1MDB.

Pihak kerajaan baharu sekarang tidak faham mengapa pinjaman tersebut yang dijamin oleh pihak Kerajaan Persekutuan diperolehi dengan kadar faedah yang begitu tinggi yang sehingga dianggarkan sampai 100 *basis points* lebih tinggi daripada kadar pasaran dan pada masa yang sama mendapat rundingan atau mendapat nasihat kepakaran daripada institusi-institusi kewangan yang terkenal seperti *Goldman Sachs*.

Selepas mendapat pinjaman dengan kadar yang begitu tinggi, ini pula kita bayar USD588 juta sebagai *undirecting fee* kepada syarikat tersebut. Ini sesuatu kemusykilan yang saya tidak faham dan saya percaya masih belum dijelaskan dengan baik oleh pihak kerajaan lama. Mengapa ambil sebuah institusi kewangan seperti *Goldman Sachs* yang begitu terkenal, bayarnya dengan fi yang begitu besar tetapi akhirnya kita kena bayar pinjaman dengan kadar yang jauh lebih tinggi daripada kadar pasaran.

Ini adalah sesuatu yang bukan sahaja tidak betul tetapi menimbulkan syak wasangka ada salah laku dan itulah sebabnya kita mungkin harus menimbang semula sama ada kita boleh membiayainya semula *refinancing* supaya kita boleh dapat kadar yang lebih rendah dan sekali gus mendapat penjimatan.

Sekiranya kita lihat dari segi 100-120 *basis points*, penjimatannya dari segi faedah untuk tempoh masa pinjaman selama 20 tahun, boleh sampai ke RM1 bilion. So itu adalah satu penjimatan yang besar dan menunjukkan macam mana penyalahgunaan atau penyelewengan yang berlaku dalam kerajaan lama begitu merugikan rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ingin memuji kerajaan sekarang dalam usaha hendak menyekang ataupun hendak menambah baik kedudukan keberhutangan negara ini, proses ataupun program rasionalisasi perbelanjaan yang sedang diamalkan.

Namun saya hendak tanya soalan yang telah saya tanyakan ketika perbahasan, demikian juga pernah ditanya oleh Yang Berhormat Pontian pada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dijanjikan jawapan bertulis tapi tidak diberi iaitu berkaitan dengan kedudukan hutang yang dahulunya *direct debt* ataupun hutang langsung yang dahulu 686, hari ini telah meningkat kepada 702. 702 ini meningkat sebab berlakunya hutang baru yang berlaku yang melalui *issuance of MGS*, bermula daripada bulan Mei sehinggalah bulan Julai. Keseluruhan jumlah ini dalam tempoh dua bulan ini adalah RM22 bilion, angka yang besar. RM8 bilion dikatakan adalah *redemption* ataupun *debt rollover*. Manakala RM14 bilion yang selebihnya adalah digunakan untuk membiayai.

Soalan saya, adakah ia digunakan RM14 bilion ini untuk pertama, membiayai fiskal kerana ternyata yang kita tahu banyak rasionalisasi ini membabitkan pengurangan perbelanjaan pembangunan dan juga perbelanjaan mengurus seperti tadi 17 ribu kakitangan kontrak dibuang dan banyak lagi program-program sosial ekonomi yang telah pun dimansuhkan ataupun bakal dibatalkan. Itu semua merupakan penguncupan kepada *expenditure, development* ataupun *operation*. Adakah RM14 bilion itu untuk menampung fiskal defisit atau yang sememangnya akan berkurang atau ia digunakan untuk menampung kekurangan *income* hasil daripada *tax holiday*, tiga bulan yang berjumlah hampir RM11 bilion dan saya fikir mungkin Yang Berhormat Menteri boleh memberi pencerahan. Terima kasih .

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih. Yang tambahan dari segi hutang pinjaman secara langsung ini bukanlah daripada kerajaan baru, ini adalah susulan daripada kerajaan lama. So saya di sini saya ingin tegaskan bahawa saya pun ada sebut tentang bentuk *contingent liability* ataupun jaminan luar jangka di mana saya berikan pecahan. Ini untuk maklumat Yang Berhormat. Saya rasa telah pun dihantar...

**Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Ini *direct debt*, bukan yang *contingent*.

**Tuan Lim Guan Eng:** Akan tetapi ini saya bagi, *direct debt* Yang Berhormat sudah tahu juga, itu sudah dinyatakan tadi. Saya hendak bagi tambahan lagi, tambah lagi supaya sekiranya tidak terima surat yang dihantar oleh kementerian saya, saya bagi sekarang iaitu dari segi jaminan luar jangka liabiliti di mana jaminan kerajaan perlu ditanggung adalah sebanyak RM102 bilion.

■1050

Apa yang kita sebut iaitu sungguh pun kita menjadi penjamin tetapi kerana penghutang tidak dapat bayar, penjamin sudah jadi peminjam. So kerana penjamin sudah jadi peminjam, maka kita harus akui ini adalah seperti hutang secara langsung. Ini selalu dipertikaikan kerana ada pihak menyatakan anda hanya penjamin tetapi apabila peminjam tidak boleh bayar- kita pernah jadi penjamin, kita pun tahu. Kalau peminjam tidak mampu bayar, penjamin seakan-akan menjadi peminjam dan bayar terus bagi pihak penjamin. So inilah yang berlaku yang di mana hutang-hutang peminjam masih boleh bayar, ini tidak menjadi masalah, ini tidak diambil kira... [Disampuk] Bagi saya habis dulu.

Satu lagi ialah 1MDB hutang bersih sebanyak RM38 bilion dan yang pun jadi satu isu besar ialah PFI dan PBLT sebanyak RM59 bilion, yang jadi keseluruhan hutang luar jangka liabiliti atau *contingent liabilities* ini menjadi sebanyak RM199 bilion. Ini adalah tambahan, tambah lagi PPP iaitu satu kaedah yang di salah gunakan...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Itu yang itu dah dimaklumkan tetapi ini *direct debt*, hutang langsung yang baru dibuat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya habiskan? Bolehkah saya habiskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kepala Batas, izinkan Menteri jawab dulu.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Sebab jawapan tidak ada. Saya jawab dengan cara yang elok sebab Dewan perlu tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, dia sedang jawab. Sabar, sabar.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bagilah peluang saya beritahu. Ini rakan saya dari Kepala Batas mungkin tidak sabar sikit, tidak apa. Dari segi pajakan kewangan PPP ini satu penyalahgunaan kaedah yang sepatutnya bagus dari segi hasratnya tetapi telah disalah gunakan untuk memberikan projek-projek, kontrak-kontrak kepada kroni-kroni Barisan Nasional. Ini di mana asalnya kos projek ini dianggar sebagai rendah, tetapi kerana mereka buat *backloading* dengan mengambil kira kos operasi menjadikan kos yang ditanggung oleh pihak kerajaan sebagai jaminan melonjak kepada RM201.4 bilion. Ini menjadikan hutang kerajaan bertambah sebanyak RM400 bilion, daripada RM687 bilion kepada RM1,087 bilion iaitu lebih RM1 trilion pada 31 Disember 2017.

Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada Kepala Batas ialah tambahan selepas itu dan seperti yang saya sebut, ini adalah susulan. Susulan daripada apa yang dilakukan oleh kerajaan lama. Kalau hendak disebut bahawa ini adalah untuk membiayai program-program baru pihak kerajaan, itu saya rasa tidak kena pada tempatnya. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, ini perkara penting Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah soalan? Saya dah berdiri dua tiga kali.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Satu soalan lagi. Satu sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Menteri boleh menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya rasa tadi Yang Berhormat Kepala Batas tanya soalan asal pun ada, tiga soalan tambahan, ia adalah memadai untuk tujuan soalan tersebut.

**6. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, rasional tindakan pengumuman potongan jalur lebar sebanyak 30 peratus seperti yang dilaporkan.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Krau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan dibangkitkan meminta Menteri menyatakan rasional tindakan pengumuman potongan jalur lebar sebanyak 30 peratus seperti yang dilaporkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat kepada apa yg diumumkan, tiada pengumuman bahawa potongan jalur lebar sebanyak 30 peratus. Akan tetapi saya telah pun semak dengan Yang Berhormat dan saya diberitahu bahawa soalan itu merujuk kepada potongan 25 peratus dari harga. Jadi, saya mohon izin supaya saya jawab soalan itu daripada sudut itu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, kementerian telah mengumumkan satu inisiatif yang dikenali sebagai, "*double the speed and half the price*". Untuk menjayakan inisiatif ini, kementerian telah pun pada 8 Jun Tuan Yang di-Pertua, melaksanakan 10 niat apa yang dikenali sebagai *standard mandatory* mengenai harga capaian ataupun *Mandatory Standard on Access Pricing (MSAP)*. Ia berkuat kuasa daripada 1 Januari 2018 iaitu tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerangka *standard mandatory* mengenai penetapan harga akses ini menawarkan pakej borong pada harga yang lebih rendah kepada syarikat telekomunikasi. Secara teorinya Tuan Yang di-Pertua, apabila bekalan pakej borong adalah rendah, maka harga yang ditawarkan kepada pelanggan juga akan turun. Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga sedang mengkaji langkah-langkah lain bagi menurunkan harga jalur lebar dan memantau supaya harga pakej permulaan adalah munasabah untuk semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif Jalur Lebar Dua Kali Lebih Pantas Pada Separuh Harga atau *Double the Speed, Half the Price* akan dilaksanakan seiring perancangan jaringan infrastruktur yang bakal disiapkan untuk memberi impak ketersediaan. Rasionalnya Tuan Yang di-Pertua, rakyat bakal menikmati kemudahan capaian yang lebih baik, kos yang lebih mampu milik dan meningkatkan peluang akses yang memberi pulangan terbaik dalam pelbagai situasi.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada pengumuman yang dibuat pada 20 Jun 2018 tahun ini, kementerian menjangkakan harga perkhidmatan jalur lebar akan turun sehingga 25 peratus menjelang penghujung tahun ini. Ini merupakan Tuan Yang di-Pertua, langkah awal kerajaan bagi menjayakan inisiatif *Double the Speed, Half the Price* yang telah pun diumumkan. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tahniah *Berita Nasional* jam 8 malam, cukup hebat sekarang. Rating sangat tinggi, boleh mengalahkan TV3.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, saya faham peraturan... *[Disampuk] Handsome, handsome*. Lama tidak nampak, sidang Dewan Negeri Perak ya.

Pada 22 Mei selepas angkat sumpah, Yang Berhormat Menteri akan mengkaji harga jalur lebar dan pada 20 Jun umum dan pada 21 Jun selepas diumumkan potongan harga jalur lebar mulai tahun hadapan, saham Telekom kita terus jatuh pada kadar 35 sen. Jadi soalan saya, bagaimana Yang Berhormat Menteri atau kementerian ini hendak imbangkan di antara keperluan dua belah pihak iaitu hasrat kerajaan untuk merapatkan jurang digital di antara masyarakat luar bandar dengan bandar, dengan keuntungan syarikat-syarikat telekomunikasi yang lain seperti Telekom. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Krau. Itu soalan yang baik. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa bila kita ikut kepada kerangka MSAP, ia ada beberapa tahap yang kita perlu lalui. Satu-satunya kita kena buat apa yang disebut sebagai gazet. Kita kena gazatkan bahawa kita akan laksanakan sepenuhnya. Itu telah pun dilakukan sebagaimana saya sebut. Kemudian, kita akan adakan perbincangan.



Perbincangan ini melibatkan semua pihak, syarikat telekomunikasi dan sebagainya. Perbincangan itu masih dijalankan. Maka dalam keadaan sekarang, saya tidak dalam keadaan untuk memberitahu apakah yang dibincangkan kerana ia belum muktamad dan saya tidak ada kebenaran daripada pihak-pihak yang dalam perbincangan itu.

Akan tetapi apa yang kita lihat dari segi kita hendak bawa penurunan harga, kita juga lihat kepada kalaulah harga itu diturunkan, kualiti perkhidmatan ditambah baik, maka di situ kita boleh lihat bagaimana perniagaan sesuatu syarikat telekomunikasi itu akan berkembang. Ini kerana kita kena faham di mana kita membawa perkhidmatan yang lebih murah, ia lebih menarik kepada lebih ramai pelanggan.

So dari segi itu, kena lihat bahawa ada manfaat-manfaatnya. Ada pihak-pihak yang mengatakan kalau harga itu turun, maka keuntungan satu syarikat itu akan turun. Itu tidak berapa benar Yang Berhormat. Sebaliknya apa yang berlaku, kalau kita boleh menunjukkan bahawa kita ini lebih kompetitif, kita ini boleh membawa atau menawarkan pakej yang lebih baik kepada pelanggan-pelanggan, maka mereka akan datang dan mereka akan gunakan perkhidmatan kita. Ini akan membesarkan, memperluaskan *customer base* kita. Kalau itu berlaku, kita akan melihat perkhidmatan kita ini meningkat, keuntungan kita ini akan meningkat. Jadi, kita ambil pendekatan sebegini.

#### ■1100

Kita ini hendak satu keadaan di mana kita ada *win-win situation* untuk semua pihak tetapi apa yang penting kita ialah kena fokuskan kepada *internet* ini kerana ianya menjadi satu perkara yang sangat relevan bukan sahaja sekarang tetapi di masa yang akan datang.

Jadi, apa yang kita perlu lakukan ialah kita kena pastikan bahawa semua rakyat ada akses kepada *internet* dan akses itu kena pada harga yang tepat dan kualiti yang lebih baik dan juga kelajuan yang kita boleh dikatakan seiras dengan *world standard* yang kita ada sekarang. Ini adalah satu perkara yang kita beri penekanan di dalam kementerian saya. Jadi, dalam keadaan tersebut, perbincangan masih dijalankan dan kita harap bahawa ianya akan selesai dalam masa yang terdekat. Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri mengenai *cyber security*. Pada tahun 2018, *United Nations eGovernment Survey* telah meletakkan Malaysia ranking ketiga setelah Singapura dan juga USA dan kriterianya kenapa Malaysia berjaya diletakkan di tempat ketiga adalah kerana, dengan izin, Malaysia sudah berjaya menubuhkan satu *creation of Information Security Certification Body* kerana lima aspek iaitu perundangan, teknikal, organisasi, peningkatan kapasiti dan kerjasama.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan di sini sama ada Yang Berhormat Menteri akan mengkaji semula aspek kerjasama antarabangsa dengan badan-badan inovasi peringkat global supaya tahap keberkesanan *cyber security* ini dapat dipertingkatkan untuk negara. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar. Walaupun ianya luar daripada soalan asal tetapi memang saya ingin menyatakan di sini bahawa aspek keselamatan siber ataupun *cyber security* ini adalah satu aspek yang cukup penting.

Kita lihat bagaimana sekarang bila kita ini di dalam proses kita mempertingkatkan akses kepada *internet*, kita mempertingkatkan *economy digital* dan sebagainya, apa yang penting ialah pada peringkat-peringkat yang kita lalui ini, kita ada apa yang disebut sebagai data. Sering kali kita lihat data dikumpulkan dan kita ada beberapa kes kita lihat ada *data breaches*. Itu satu contoh.

Selain daripada itu, kita ada ancaman-ancaman siber yang berlaku di serantau kita pun yang kita boleh lihat baru-baru ini di Singapura misalnya berlaku. Jadi kepada saya, ini adalah satu perkara yang cukup penting. Saya setuju apa yang kita kena lakukan ialah kita perlu adakan perbincangan dengan negara-negara di serantau kita kerana apabila ada serangan siber ini, ianya kerap kali bukan melibatkan satu negara sahaja. *In fact, it can come from anywhere outside the country.*

Dalam keadaan tersebut, saya rasa apa yang kita kena wujudkan ialah kita kena wujudkan satu sistem di mana kita ada kerjasama yang erat di antara semua negara khususnya di negara serantau kita supaya apabila ada *threat* ataupun ancaman siber ini, kita boleh bertindak dengan cepat kerana ianya berlaku dengan pantas.

Jadi, Yang Berhormat, saya setuju ini adalah satu perkara yang kita sedang lihat. Saya telah pun menghadiri beberapa mesyuarat juga, saya ada satu mesyuarat di Singapura di mana ada perbincangan dengan pihak-pihak daripada kerajaan di negara-negara sekitar kita. Kita turut berusaha dan hujung tahun ini kita harapkan bahawa kita dapat berjumpa dan kita dapat membincangkan bagaimana kita boleh menetapkan satu kaedah di mana semua negara ini dapat persefahaman bagaimana kita- *how do we deal with threats of cyber security* dan juga kita lihat pada masa depan *how we do the set up a system that will effectively, dengan izin, deal with this problem. So,* memang itu perkara dalam perhatian Kementerian saya. Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**7. Puan Noorita binti Sual [Tenom]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, projek menaik taraf jalan raya di seluruh Parlimen Tenom, terutama di Ulu Tomani, dan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan pengaspalan jalan raya ke Ulu Tomani dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom atas soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, projek membina Jalan Ulu Tomani, Tenom, Sabah telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan* Ketiga tahun 2018. Status terkini adalah di dalam peringkat penilaian tender.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini bernilai lebih kurang RM189 juta untuk jalan sepanjang 35.6 kilometer termasuk dua buah jambatan. Walau bagaimanapun, projek tersebut telah ditangguhkan untuk dinilai semula kerana Kementerian Kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi telah memutuskan bahawa semua projek yang masih belum dikeluarkan surat setuju terima (SST) akan dinilai keutamaannya terlebih dahulu sebelum pelaksanaannya diteruskan dengan mengambil kira juga kedudukan kewangan semasa negara.

Kementerian sedang mengadakan sesi libat urus atau *engagement*, dengan izin, dengan Kementerian Kewangan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk memuktamadkan senarai projek yang telah ditangguhkan seperti yang saya maklumkan tadi. Sekiranya diluluskan, projek-projek ini akan dilaksanakan secara tender terbuka. Terima kasih.

**8. Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan prestasi ekonomi sebelum dan selepas PRU-14, dan nyatakan kesan khusus dari segi pelaburan terus pelabur asing- *foreign investment*, sama ada yang sedia ada dalam negara dan yang berpotensi untuk dibawa masuk ke negara ini.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Terima kasih, Yang Berhormat Sabak Bernam. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata pertumbuhan ekonomi benar Malaysia bagi tahun 2017 adalah sebanyak 5.9 peratus selepas pulih sepenuhnya dari kelembapan ekonomi dunia pada tahun 2016. Pertumbuhan ekonomi ini disokong oleh inflasi pada kadar 3.7 peratus dan masih berada pada tahap guna tenaga penuh di mana kadar pengangguran kekal stabil pada 3.4 peratus.

Dari sudut pelaburan pula, Malaysia telah mampu menarik pelaburan langsung asing atau FDI mencecah RM41 bilion pada tahun lepas. FDI pada suku pertama tahun 2018 berjumlah RM12 bilion berbanding RM3.4 bilion pada suku keempat tahun 2017. FDI bagi suku kedua tahun 2018 pula akan diterbitkan datanya pada 17 Ogos 2018.

Meskipun data ekonomi makro ini menunjukkan prestasi ekonomi negara dalam keadaan yang kukuh, namun situasi di sebalik petunjuk ekonomi utama mencerminkan keadaan yang berbeza dan memerlukan perhatian. Masih terdapat ketidaksamaan pertumbuhan antara negeri, jurang antara kumpulan pendapatan terutamanya dalam kumpulan B40, kadar pengangguran belia yang tinggi dan juga kenaikan kos sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi ekonomi selepas PRU-14 masih belum dapat dinilai sepenuhnya kerana data ekonomi benar adalah setakat suku pertama tahun 2018 sementara petunjuk ekonomi jangka pendek yang lain hanya setakat bulan Mei. Petunjuk kewangan yang terkini masih merekodkan aliran keluar modal semenjak tahun lepas lagi. Ini berikutan respons kepada pelbagai faktor khususnya kelonggaran dasar monetari Amerika Syarikat yang telah meningkatkan kadar faedahnya dan ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China.

Kerajaan Pakatan Harapan telah mengumumkan beberapa langkah pengukuhan kedudukan ekonomi dan kewangan termasuk memberhentikan amalan kewangan yang tidak telus dan tidak terurus serta menangani ketirisan pada semua peringkat pentadbiran. Kerajaan juga sedang mengkaji keutamaan projek pembangunan terutamanya projek mega yang pembiayaannya tidak telus dan tidak mampan.

Walaupun pertumbuhan ekonomi dijangka akan terkesan berikutan pelaksanaan dasar pembaharuan di samping persepsi awal pelabur asing yang mengambil langkah berhati-hati, keadaan ini dijangka hanya bersifat sementara dan akan kembali pulih dalam masa terdekat. Tumpuan dasar kerajaan pada masa hadapan juga akan mengimbangi objektif pengukuhan fiskal dan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi bagi menangani sentimen pasaran dan pelabur serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap prospek ekonomi.

Dasar struktur dan strategi bagi menentukan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif yang akan diperkenalkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas akan melengkapi inisiatif kerajaan dalam mengukuhkan kedudukan fiskal dan reformasi institusi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi. Selepas PRU-14 ini, rakyat di luar sana tertunggu-tunggu apakah manfaat yang akan mereka terima sama ada ahli korporat, petani, nelayan dan sebagainya.

#### ■1110

Dalam pertumbuhan ekonomi negara telah berkembang 4.2 peratus pada tahun 2016 kepada 5.9 peratus pada tahun 2017. Soalan tambahan saya, apakah unjuran pertumbuhan ekonomi dalam tahun 2018 dan tahun-tahun mendatang termasuk kadar inflasi dan pengangguran serta nyatakan apakah faktor mikro dan makro yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi?

Apakah mekanisme kerajaan untuk menstabilkan ekonomi negara secara keseluruhan ekonomi termasuk domestik, termasuklah peningkatan permintaan domestik memandangkan ekonomi global yang mencabar? Apakah langkah dan strategi Pakatan Harapan untuk meningkatkan FDI ke negara ini dan dalam masa yang sama mengekalkan pelaburan asing yang sedia ada? Sekian, terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih, Yang Berhormat Sabak Bernam. Banyak soalan tambahan itu, saya hendak kena *pulun* satu-satu.

Satu-persatu, soalan pertama tentang unjuran untuk tahun 2018. Unjuran pertumbuhan ekonomi untuk tahun 2018 banyak penganalisis pasaran yang memberi unjuran antara 5.1 peratus hingga 5.6 peratus untuk pertumbuhan tahun 2018. Unjurannya berbeza tetapi itulah puratanya antara 5.1 peratus hingga 5.6 peratus.

Soalan kedua, manfaat yang akan diterima oleh syarikat-syarikat, pelabur dan sebagainya dan juga bercakap tentang faktor makro dan faktor mikro. Jika kita lihat keadaan ekonomi dunia sebelum ini, kita telah mencapai pemulihan tahun 2016. Dalam keadaan sekarang, dalam perang ekonomi Amerika Syarikat dan China contohnya, ini akan memberi kesan kepada ekonomi Malaysia juga secara langsung dan secara tidak langsung.

Tentang FDI, kita banyak bercakap tentang kemasukan FDI, sebelum ini saya terangkan. Kalau kita lihat data daripada FDI suku pertama tahun 2018 lebih tinggi daripada suku terakhir tahun 2017. Namun seperti mana saya sebut, kita tidak ada data terbaharu.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan FDI, antara yang menjadi tarikan utama saya rasa adalah reformasi institusi. Ini akan memberi keyakinan kepada pelabur asing bahawa kita bergerak dari satu model yang lama, yang sebelum ini ke arah model yang lebih telus, yang lebih menyeluruh dan lebih inklusif. Ini saya yakin akan dapat membantu menarik pelabur-pelabur asing dan pada masa yang sama mengekalkan apa yang ada sebelum ini. Saya rasa itu sahaja. Kalau saya tertinggal sila maklumkan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih. Tiga kali bangun, baru boleh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2017, pelaburan kita ialah RM30.91 bilion dan apakah unjuran pelaburan kita pada tahun 2018? Pada tahun 2017, usaha-usaha pembangunan kita berjumlah RM44.88 bilion. Apakah unjuran pada tahun 2018 dari segi pembangunan? Di tangan saya ini ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang diberikan kepada semua Ahli Parlimen.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa ini adalah dokumen rasmi kerajaan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia. Disebut bahawa hutang Persekutuan RM686.84 bilion, 50.8 peratus dan berbeza daripada apa yang disebut Yang Berhormat Menteri Kewangan. Tidak payah jawab soalan yang kedua itu. Memang itu yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Boleh jawab bertulis. Terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Soalan sekali lagi, Yang Berhormat. Soalnya, soalan kedua tentang hutang?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya tentang hutang disebut dalam buku. Semua Ahli Parlimen diberikan buku ini oleh Akauntan Negara Malaysia bersama dengan Laporan Ketua Audit Negara dinyatakan bahawa hutang Persekutuan RM686.84 bilion, 50.8 peratus daripada KDNK. Berbeza daripada apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan. Terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menjawab tentang hutang tersebut secara detil sebentar tadi. Cuma saya hendak tambah sedikit untuk makluman.

Untuk makluman, kalau kita tengok satu penerbitan daripada IMF keluaran tahun 2011 tentang hutang bertajuk, '*Public Sector Debt Statistics: Guide for Compilers and Users*'.

Bagaimana dalam penerbitan ini IMF mengambil kira dan memberi *guidance* bahawasanya jika dalam pelaksanaan atau pertimbangan *financial risk and vulnerability*, kita sepatutnya turut mengambil kira *contingent liability as part*, dengan izin, *of the assessment for fiscal risk and vulnerability of the public financial*.

So, itu saya rasa antara satu lagi penjelasan kalau Yang Berhormat Pontian ingin melihat dengan lebih lanjut, saya boleh bagi satu *chapter on this one*. Mungkin dapat perhatian. Jadi sebelum ini kita banyak berbincang tentang hutang tiada penyelesaian, semua sudah tahu tetapi masing-masing hendak mencari jawapan yang dikehendaki tapi jika kita rujuk maknanya kalau kita hendak melihat setakat mana *vulnerability* hutang kita, kita perlu mengambil kira juga *contingent liability* dalam pentadbiran kerajaan khususnya. Saya sebut *the objective of debt sustainability analysis and vulnerability analysis is to evaluate a country's capacity to finance its policy agenda*. So, *that is part of the thing* atau sebahagian daripada apa yang kita perlu ambil kira dalam sebahagian daripada dasar fiskal, merancang dasar fiskal negara.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Soalan pertama tidak dijawab. Soalan kedua saya minta jangan dijawab. Soalan pertama tidak dijawab.

**9. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]** minta Menteri Industri Utama menyatakan, hasil kajian oleh Kementerian mengenai permintaan industri tempatan terhadap kayu getah, jika ada, untuk mewajarkan larangan eksport kayu getah. Adakah larangan eksport ini menjejaskan para pekebun getah.

**Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ada menjalankan kajian keperluan dan permintaan kayu getah oleh industri melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB). Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, penggunaan kayu getah bergergaji (KGB) oleh industri hilir dianggarkan dalam lingkungan 600,000 meter padu sehingga 750,000 meter padu setahun.

KGB merupakan bahan mentah utama khususnya dalam pembuatan perabot. Pada tahun 2017, keluasan kawasan tanaman semula tanam semula getah yang dilaksanakan oleh pihak RISDA di Semenanjung Malaysia adalah 15,911 hektar berbanding dengan 21,200 hektar pada tahun 2016. Daripada jumlah ini, dianggarkan sebanyak 670,000 meter padu KGB dapat dihasilkan. Manakala pada tahun 2018 pula, RISDA menyasarkan aktiviti tanam semula getah di Semenanjung Malaysia sebanyak 14,139 hektar. Ini dianggarkan hanya mampu menjana 590,000 meter padu KGB sahaja.

Selain itu pada tahun 2017, purata stok KGB berada pada paras yang rendah iaitu sebanyak 78,364 meter padu. Jumlah stok KGB pada bulan Januari hingga Mei 2018 adalah pada kadar purata 78,710 meter padu di mana ia mencatatkan penurunan sebanyak 9.4 peratus berbanding pada tempoh sama tahun lalu. Dengan pengurangan jumlah kawasan tanam semula, bekalan kayu getah menjadi semakin berkurangan. Di samping itu, bekalan stok KGB yang rendah juga menyebabkan bekalan secara keseluruhannya tidak stabil.

#### ■1120

Keadaan ini telah menyebabkan industri perabot mengalami kekurangan bekalan KGB. Lanjutan daripada itu, kementerian telah menguatkuasakan larangan sementara pengeksportan KGB sejak Julai 2017 di Semenanjung Malaysia untuk memastikan bekalan kayu getah mencukupi di pasaran domestik, khususnya untuk pemprosesan produk bernilai tambah tinggi.

Larangan ini juga bertujuan untuk menggalakkan industri beralih kepada pembuatan produk bernilai tambah berasaskan kayu getah seperti perabot yang mampu memberi enam kali ganda pulangan berbanding KGB. Larangan sementara eksport KGB dilihat tidak menjejaskan pekebun kecil di mana mengikut data RISDA, harga kayu getah kebun yang dijual secara berkelompok masih lagi stabil iaitu dalam lingkungan di antara RM8000 hingga RM11,000 satu hektar. Kementerian ini akan terus memantau situasi bekalan KGB bagi memastikan industri tempatan dan pekebun kecil mendapat pulangan yang setimpal. Sekian terima kasih.

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Harga getah telah jatuh sejak kebelakangan ini menyebabkan para penoreh sudah kurang turun untuk menoreh getah terutamanya para pekebun kecil. Ini telah menyebabkan beberapa kilang di Sarawak tidak mempunyai getah yang mencukupi untuk beroperasi pada kapasiti yang penuh. Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk meningkatkan aktiviti penorehan getah terutamanya di negeri Sarawak? Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini isu kayu sekarang alih ke getah tetapi tidak apa, sedikit lari daripada jawapan asal. Apa yang kita lihat sekarang ialah walaupun harga getah jatuh tetapi keperluan atau permintaan terhadap lateks memang ada permintaan yang tinggi. Kita lihat negara kita ini memang kilang sarung tangan, *glove* memang menepati pasaran yang tinggi di pasaran antarabangsa.

Jadi yang kita lihat ialah ramai penoreh getah ini mereka hanya suka kumpul getah dengan bentuk *cup lump* sahaja kerana ini lebih mudah. Akan tetapi mereka tidak begitu suka untuk mengumpulkan lateks getah kerana mereka perlu pergi ke kebun getah dua kali pada setiap pagi. Jadi kerajaan telah pun memberi insentif kepada penoreh getah yang tujuannya untuk menggalakkan mereka mengumpul- menggalakkan lebih aktiviti dari segi pengumpulan lateks bagi keperluan kilang *glove*- sarung tangan tempatan.

Jadi saya dengar apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Julau tadi, memang insentif akan diberikan kepada para penoreh getah dan kalau ingin bertanya tentang harga ataupun insentif secara terperinci, saya akan beri jawapan secara terperinci dalam bentuk jawapan bertulis.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua, Rompin. Terima kasih langkah untuk menghalang eksport kayu getah adalah satu langkah yang tepat kerana industri getah merupakan satu industri penting negara.

Adakah kerajaan bercadang untuk memberi insentif kepada pekebun-pekebun kecil dan juga swasta untuk menanam lebih getah dan ini memulihkan *supply* kayu getah dalam masa yang sama dapat getah ditingkatkan- insentif untuk tanam kayu getah diberi kepada umpamanya RM500 satu hektar ataupun RM300 satu hektar untuk menggalakkan orang menanam getah. Adakah ada rancangan kerajaan seperti ini?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih. Sebenarnya yang saya tahu kerajaan telah memberi peruntukan yang secukupnya kepada pihak RISDA untuk meningkatkan kawasan tanam semula pokok getah. Pokok getah ini- kerana soalan asal tentang larangan eksport kayu getah. Kalau kayu getah ini dieksport dengan begitu sahaja yang pulangnya memang rendah. Akan tetapi kalau ia dijadikan sebagai *sawn wood* ataupun kayu getah bergergaji (KGB) yang pulangnya akan meningkat enam kali ganda daripada hanya kayu papan pokok getah.

Jadi kerajaan memang menggalakkan lebih banyak penanaman semula getah dan juga pemprosesan kayu getah. Ini termasuk juga- sebenarnya kita hendak menggalakkan juga industri hiliran pemprosesan kayu getah di Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung supaya kita boleh meningkatkan lagi industri hiliran kayu kayan di negara kita.

**10. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan berapakah jumlah penalti atau pampasan yang dibayar semula oleh pihak kerajaan akibat pembatalan projek HSR KL-Singapura dan apakah impaknya terhadap peluang pekerjaan dan ekonomi negara.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat keutamaan kerajaan sekarang adalah memastikan sebarang projek pembangunan mesti membawa impak yang positif kepada negara khususnya dari segi pertumbuhan ekonomi. Dalam semua projek pembangunan infrastruktur sekiranya dirancang dengan teliti dan mengikut prinsip pembiayaan yang telus dan dalam kemampuan negara, ianya boleh menyumbang secara positif kepada pembangunan ekonomi negara.

Bagi projek kereta api laju Kuala Lumpur-Singapura, kerajaan belum membuat keputusan mengenainya. Oleh yang demikian, isu pampasan adalah tidak berbangkit buat masa ini. Manakala impak ekonomi projek kereta api laju Kuala Lumpur-Singapura ini akan bergantung kepada pelbagai faktor seperti kepadatan penduduk, harga tiket, panjang laluan serta kos pembinaan dan pembiayaan projek atau *financing cost*. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri pada Isnin yang lalu Yang Berhormat Menteri ada menyatakan kepada media bahawa beliau telah berjumpa dengan pihak berkuasa Singapura mengatakan bahawa sewaktu beliau melawat Menteri Keselamatan Dalam Negeri di Singapura, beliau menyatakan perjumpaan itu membincangkan perkara HSR iaitu antara Kuala Lumpur-Singapura.

Akan tetapi malangnya pada semalam, Kementerian Pengangkutan Singapura menyatakan tidak ada perjumpaan pun atau bermesyuarat tentang perkara ini. Ini menggambarkan satu kenyataan yang tidak konsisten ataupun tidak menepati yang dinyatakan ataupun...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Memalukan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** ...Memalukan mengikut kata Yang Berhormat Pontian.

Persoalan saya, apakah ianya merupakan satu pertindihan kuasa antara Menteri Ekonomi, Menteri Kewangan ataupun Perdana Menteri. Soalnya, apakah langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi membincangkan hal-hal ini kerana ia merupakan satu boleh menjana ekonomi yang baik kepada 30,000 orang pekerja. Apakah ada perbincangan perkara ini?

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Memandangkan perjumpaan tersebut adalah perjumpaan di antara Yang Berhormat Menteri dengan pihak Singapura, saya rasa beliau adalah yang paling layak menjawab dan memberi penjelasan akan hal tersebut. Jadi tentang pertindihan kuasa, saya tidak merasakan timbul sebarang pertindihan kuasa apabila pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi diberi tanggungjawab untuk melihat dalam projek HSR ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

*[Masa Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]*

■1130

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2018.**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah itu untuk maksud-maksud tertentu bagi bahagian tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]; dibaca kali pertama; dan akan dibaca kali kedua pada Mesyuarat ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG ANTIBERITA TIDAK BENAR (PEMANSUHAN) 2018**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.31 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 9 Ogos 2018.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Kota Bharu. Apakah perintah tetap?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Peraturan Mesyuarat 36(12), saya mohon izin untuk membaca Tuan Yang di-Pertua. *Are you with me?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat. Itu kenyataan yang mengelirukan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya. Muka surat 53, Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat berbunyi, “*Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan, adalah disifatkan menghina Majlis dan Ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu.*”

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya ingin merujuk kepada suatu jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Hal Ehwat Agama semasa menggulung perbahasan pada 6 Ogos 2018. *I have the Hansard with me now.*

Saya ingin merujuk kepada muka surat 119 dan 120 dalam *Hansard* 6 Ogos 2018. Dengan hormatnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Hal Ehwat Agama, semasa menjawab celahan daripada saya dan juga dua lagi Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Sik dan Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Berhubung dengan Rang Undang-undang 355. Di dalam muka surat 119 para akhir saya baca, beliau mengatakan demikian, “*Sebagai rekod untuk memberi keadilan kepada isu ini yang telah kita bahas dua tahun panjang perkara ini, saya sendiri..*”, kata Menteri, “*saya sendiri telah mengemukakan rang undang-undang peribadi, tetapi tidak diterima iaitu rang undang-undang peribadi kepada isu memperkasakan Mahkamah Syariah secara holistik.*”

At page 120, para pertama beliau mengatakan, “*Sekarang kami telah menjadi kerajaan dengan sokongan rakyat, maka sudah tentulah idea-idea kami itu, kami akan cuba terapkan dan kami lebih melihat Yang Berhormat isu pemeraksanaan Mahkamah Syariah ini dengan cara yang lebih holistik, insya-Allah, itu saya punya response*”. Ini kenyataan beliau.



Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah menerima satu maklumat dan saya telah melihat dokumen tersebut, bahawa pada tahun 2017, Yang Berhormat Parit Buntar, yang sekarang ini Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Agama, telah mengemukakan satu Usul Ahli, *Private Motion* bukannya rang undang-undang peribadi. *These are two different things*, usul hanya dengan surat, rang undang-undang melalui *bil*. Sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Marang pada tahun lepas. Jadi itu *two different things*.

Jadi untuk integriti Dewan ini supaya tidak dikelirukan, maka saya rasa saya terpaksa membangkitkan perkara ini walaupun saya bercadang hendak berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi beliau tidak ada di sini. Namun demikian, *to be fair to the minister*, saya rasa jikalau *minister*- Timbalan pun tidak ada hari ini, jikalau Yang Berhormat Menteri mendengar usul saya ini, jikalau dia hendak *retract* balik, perbetulkan kita boleh terima.

Akan tetapi jika tidak mahu menarik balik satu-satu perkara, saya ada bukti jikalau dia tidak tarik balik dan perbetulkan perkara ini, saya akan mengusulkan supaya dirujuk kepada Jawatankuasa Terpilih Dewan. Itu perkara yang saya ingin bangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Di depan Dewan ini Yang Berhormat Kota Bharu telah membangkitkan Perkara 36(12) tentang "*Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis dan Majlis boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan*". Akan tetapi Yang Berhormat sendiri pun tidak meminta Ahli-ahli yang keluaran kenyataan itu dirujuk, cuma diminta dia ditarik balik. Maka, memandangkan Yang Berhormat Menteri sekarang ini dia pun tidak ada di dalam Dewan, saya rasa adalah adil supaya dia diberikan peluang untuk dia menjelaskan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN 2018

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.37 pg.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengenakan, melevikan dan memungut Cukai Perkhidmatan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018, yang dicadangkan adalah untuk membolehkan pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan, *Sales and Services Tax (SST)*, bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan, *Goods and Services Tax (GST)*. Penggantian ini adalah sebahagian daripada prioriti atau keutamaan Kerajaan Persekutuan untuk menyejahterakan rakyat dan ia selaras dengan manifesto Pakatan Harapan untuk memansuhkan GST.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon] **mempengerusikan mesyuarat**]*

Sebagai satu kerajaan yang berjiwa rakyat, Kerajaan Persekutuan berpendapat, kesejahteraan rakyat adalah lebih penting daripada peningkatan dan perluasan sumber pendapatan kerajaan. Tiada gunanya pemerintah hidup dalam suasana yang sangat selesa tatkala rakyat ditekan dengan cukai yang efisien dan tinggi seperti GST.

Peningkatan kesejahteraan rakyat ini akan dicapai melalui pengurangan beban cukai yang ditanggung orang ramai. Sebanyak RM17 bilion dari segi kutipan cukai dijangka akan dipulangkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada rakyat pada tahun ini melalui perubahan sistem cukai ini. Seperti yang dimaklumkan, sebelum ini hanya 38 peratus daripada bakul barangan dan perkhidmatan yang terdapat dalam Indeks Harga Pengguna, dikenakan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan, SST. Berbanding 60 peratus yang dikenakan cukai GST sebelum ini.

Menurut Jabatan Kastam Diraja Malaysia, 5,443 barangan dan perkhidmatan dikecualikan daripada cukai SST manakala hanya 545 perkara tidak tertakluk kepada cukai GST. Dengan kata lain, jumlah barangan dan perkhidmatan yang tidak dikenakan cukai SST adalah 10 kali ganda lebih besar daripada jumlah perkara yang tidak di cukai di bawah sistem GST.

#### ■1140

Di bawah SST, botol susu, perkhidmatan jagaan kanak-kanak, basikal, motosikal bawah 750cc, insurans kesihatan, lampin dewasa, kerusi roda dan tongkat tidak dikenakan cukai. Bukan seperti di bawah GST, kesemua ini dikenakan cukai enam peratus.

Secara khususnya kepada perkhidmatan, hanya 43.5 peratus jumlah perkhidmatan akan dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar enam peratus. Ini adalah rendah daripada 68.8 peratus jumlah perkhidmatan yang sebelum ini dikenakan GST pada kadar yang sama. Ini jelas menunjukkan bahawa beban cukai SST ke atas rakyat terutamanya cukai perkhidmatan adalah lebih ringan daripada beban cukai GST. Sungguhpun kadar sama, tetapi liputannya 44 peratus berbanding dengan GST iaitu 65 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan cukai perkhidmatan yang baru akan mengekalkan model dan skop berkenaan berasaskan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975 yang telah dimansuhkan selaras dengan pengenalan GST pada tahun 2014. Namun begitu, beberapa penambahbaikan kepada model dan skop berkenaan sedia ada perlu dibuat bagi memudahkan pentadbiran cukai, mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan meminimumkan kelemahan yang terdapat di dalam sistem percukaian seperingkat. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyejahterakan rakyat dengan meringankan tekanan kos sara hidup.

Selain itu, cukai GST merupakan satu cukai pelbagai peringkat yang menyeluruh turut dikenakan kepada semua jenis perkhidmatan tanpa mengambil kira keperluan sesuatu golongan. Sebagai contoh, GST dikenakan ke atas pusat jagaan bayi, kanak-kanak serta golongan tua. Pengenaan cukai ke atas perkhidmatan ini tidak selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjaga kebajikan anak kecil, keluarga dan warga emas. Di bawah model cukai perkhidmatan yang baharu, perkhidmatan tersebut tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Pada masa yang sama, tahap nilai ambang jualan tahunan atau *threshold* perniagaan bagi tujuan pendaftaran cukai perkhidmatan juga akan diseragamkan kepada RM500,000 setahun. Ini bagi membolehkan penyedia perkhidmatan kecil beroperasi tanpa dikenakan cukai ini. Apabila cukai perkhidmatan dikenakan, ianya pada tahap enam peratus. Kalau dibandingkan dengan kadar lama iaitu hanya pada RM100,000, ini telah dinaikkan pada kadar RM500,000.

Tuan Yang di-Pertua, antara penambahbaikan yang akan dilakukan adalah, satu, menyeragamkan nilai ambang- *threshold*, bagi tujuan pendaftaran penyediaan perkhidmatan. Bagi tujuan penyeragaman serta bagi memastikan penyedia perkhidmatan kecil tidak terbeban dengan tugas dan kos pematuhan cukai, nilai ambang bagi tujuan pendaftaran dicadangkan supaya ditetapkan pada RM500,000 setahun bagi semua perkhidmatan bercukai. Manakala, tiada nilai ambang ditetapkan bagi pengeluaran kad kredit dan kad caj serta pembekalan elektrik kepada pengguna domestik.

Walau bagaimanapun, kerajaan faham yang rakyat Malaysia gemar mendapatkan roti canai, nasi goreng, nasi kandar, kuetiau, milo ais dan pelbagai lagi hidangan di luar rumah bersama keluarga dan rakan-rakan.

Oleh itu, restoran seluruh negara atau kedai kopi akan diberikan kelonggaran dan dicadangkan akan dikenakan cukai perkhidmatan hanya apabila jualan tahunan mereka mencecah RM1 juta setahun. Nilai ambang yang lebih tinggi berbanding yang ditetapkan di bawah GST ini diharap dapat mengurangkan tekanan ke atas harga makanan di luar rumah, lalu dapat meningkatkan kuasa membeli pengguna.

Penambahbaikan skop dikenakan cukai perkhidmatan. Di dalam skop asal cukai perkhidmatan, terdapat perkhidmatan di mana kategori yang sama tidak dikenakan cukai perkhidmatan serta terdapat pelbagai layanan cukai berbeza ke atas kategori perkhidmatan yang sama. Kepelbagaian layanan cukai tersebut adalah bercanggah dengan prinsip ketelusan dan berpotensi menjadi *loophole*, dengan izin, yang boleh dimanipulasikan bagi tujuan pengelakan cukai selain merumitkan proses pentadbiran cukai.

Sehubungan dengan itu, bagi tujuan pelarasan, dicadangkan jenis perkhidmatan bercukai berikut dibuat penambahbaikan dan penyeragaman.

Pertama, perkhidmatan penginapan atau hotel diluaskan meliputi *bed and breakfast* (B&B), *shared accommodation*, *serviced apartment* dan *homestay*.

Kedua, restoran diluaskan meliputi perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman, *catering*, *takeaway*, *food truck* dan penyediaan makanan minuman di kedai runcit-*retail outlet*.

Ketiga, perkhidmatan insurans dan takaful kepada perniagaan B2B diluaskan meliputi perlindungan insurans am yang ditawarkan kepada individu B2C. Namun begitu, pelaksanaan ini tidak meliputi insurans perubatan supaya selaras dengan layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan kesihatan.

Keempat, perkhidmatan sewa pandu meliputi semua penyewaan kenderaan termasuk kenderaan yang didaftarkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999.

Kelima, semua jenis perkhidmatan yang disediakan di kelab malam, kelab persendirian, kelab golf dan lapang sasaran adalah dikenakan cukai perkhidmatan.

Dan keenam, semua bentuk perkhidmatan telekomunikasi termasuk *add-on services* seperti aplikasi dan *games* di dalam pakej talian perkhidmatan *internet* dan televisyen berbayar- *satellite internet* adalah dikenakan cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan baharu yang dikenakan cukai perkhidmatan enam peratus. Dicadangkan juga supaya perkhidmatan berikut dikenakan cukai perkhidmatan enam peratus.

Pertama, aktiviti perjudian yang terdiri daripada nombor ramalan, kasino, kelab, loteri dan lumba kuda.

Kedua, perkhidmatan penerbangan dan *chartered* kapal terbang termasuk helikopter domestik- *big ticket items* yang saya sebutkan semalam- dikenakan cukai. Perkhidmatan penerbangan tersebut tidak termasuk perkhidmatan di bawah *Rural Air Services* di Sabah dan Sarawak. Untuk perkhidmatan di Sabah dan Sarawak, ia dikecualikan.

Ketiga, perkhidmatan teknologi maklumat kecuali perkhidmatan yang diliputi di bawah kategori pengurusan dan khidmat nasihat juga akan dikenakan cukai.

Keempat, bekalan elektrik kepada pengguna domestik bagi penggunaan melebihi 600 unit setiap bulan.

Penetapan juga telah dibuat supaya caj bilik dan makanan yang dikenakan oleh pihak hospital swasta yang sebelum ini dikenakan cukai perkhidmatan enam peratus tidak lagi dikenakan cukai perkhidmatan di bawah sistem SST baharu. Ini bermaksud, keseluruhan perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan oleh hospital swasta tidak dikenakan sebarang cukai kepenggunaan.

Kadar cukai perkhidmatan bagi kad kredit dan kad caj. Kadar cukai perkhidmatan spesifik bagi kad kredit dan kad caj dikenakan pada kadar spesifik RM25 setahun bagi kedua-dua kad utama dan *supplementary* iaitu pengurangan daripada GST ataupun sebelum ini.

Kemudahan di bawah cukai perkhidmatan. Kemudahan sistem kontra di bawah cukai perkhidmatan terdahulu akan dikekalkan. Melalui kemudahan ini, penyedia perkhidmatan boleh menolak cukai perkhidmatan di dalam penyata bayaran bagi perkhidmatan yang dibatalkan, ditamatkan atau apa-apa sebab yang lain seperti mengurangkan premium atau diskaun.

Dalam memastikan penyedia perkhidmatan dapat mengenakan cukai perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa, penyedia perkhidmatan yang merupakan *registrant* GST yang telah dikenal pasti akan didaftarkan secara automatik oleh Ketua Pengarah Kastam tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan. Mana-mana orang yang layak berdaftar dikehendaki berdaftar sebelum 1 September 2018 dan mengenakan cukai perkhidmatan melalui 1 September 2018 iaitu tarikh kuat kuasa yang dicadangkan bagi akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018 mengandungi 95 Fasal yang dibahagikan kepada 13 Bahagian seperti berikut.

Bahagian I - Permulaan. Terdapat dua fasal di dalam Bahagian Permulaan seperti berikut.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan menjelaskan kuasa Menteri Kewangan untuk menetapkan tarikh kuat kuasa keseluruhan akta dan tarikh kuat kuasa berlainan bagi penganan dan kutipan cukai.

#### ■1150

Fasal 2 menjelaskan takrifan kepada perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam akta.

Bahagian II - Pentadbiran. Bahagian ini mengandungi fasal 3 hingga fasal 6 adalah berkaitan dengan pentadbiran cukai perkhidmatan oleh pihak yang diberi kuasa di bawah akta ini, antaranya melibatkan:

- (i) kuasa Ketua Pengarah Kastam untuk membuat pengawasan ke atas semua perkara yang berhubungan dengan cukai perkhidmatan dengan dikawal oleh Menteri Kewangan;
- (ii) keperluan bagi pegawai untuk memperkenalkan diri dalam melaksanakan kewajipan di bawah akta;
- (iii) semua pegawai yang menjalankan tugas berkaitan cukai perkhidmatan adalah penjawat awam; dan
- (iv) kerahsiaan maklumat.

Bahagian III - Penganan dan Skop Cukai Perkhidmatan. Bahagian ini mengandungi lima fasal bermula dari fasal 7 hingga fasal 11 adalah berkenaan penganan dan skop cukai perkhidmatan yang mana fasal 7 menyatakan cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas semua perkhidmatan bercukai yang disediakan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya.

Fasal 8 menjelaskan kuasa Menteri Kewangan untuk menentukan sebarang perkhidmatan sebagai perkhidmatan bercukai.

Fasal 9 menetapkan kaedah dalam menentukan nilai perkhidmatan bagi tujuan pengiraan cukai perkhidmatan. Secara asasnya nilai perkhidmatan bercukai bagi perkhidmatan berhubung pembekalan perkhidmatan ditentukan berdasarkan harga perkhidmatan tersebut. Bagi nilai perkhidmatan lain, ia ditentukan oleh nilai sebenar perkhidmatan yang disediakan. Berhubung dengan polisi insurans atau sumbangan takaful, nilai perkhidmatan ditentukan berdasarkan nilai premium atau sumbangan yang dibayar.

Fasal 10 yang berkaitan dengan kadar cukai perkhidmatan yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan. Secara amnya, kadar standard bagi cukai perkhidmatan adalah enam peratus.

Fasal 11 menjelaskan berkenaan masa cukai perkhidmatan boleh dikenakan dan dibayar. Secara amnya, cukai perkhidmatan dikenakan apabila pembayaran diterima bagi perkhidmatan bercukai yang disediakan. Bagi aktiviti perjudian, masa kenaan cukai perkhidmatan adalah seperti yang ditentukan oleh Menteri. Bagi perjanjian yang dibuat dalam tempoh 1 Jun 2018 sehingga tarikh kuat kuasa akta untuk membekalkan perkhidmatan bercukai selepas tarikh kuat kuasa akta ini, cukai perkhidmatan akan dikenakan.

Bahagian IV - Pendaftaran. Bahagian ini yang mengandungi fasal 12 hingga fasal 20 adalah berkenaan keperluan pendaftaran bagi orang kena cukai dan lain-lain jenis pendaftaran yang dibenarkan.

Fasal 12 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menetapkan nilai ambang bagi tujuan pendaftaran penyedia perkhidmatan bercukai. Penetapan ini akan dibuat melalui perintah yang disiarkan di dalam warta. Nilai ambang pendaftaran dicadangkan ditetapkan sebanyak RM500,000 bagi ke semua kategori perkhidmatan bercukai. Manakala bagi restoran, nilai ambangnya ditetapkan sebanyak RM1 juta. Tiada nilai ambang ditetapkan bagi perkhidmatan berkaitan kad kredit dan kad caj.

Fasal 13 menyatakan bahawa orang yang bertanggung untuk berdaftar seperti di fasal 12 perlu memohon untuk berdaftar menggunakan borang yang ditetapkan sebelum hari terakhir bulan berikutnya. Tarikh pendaftaran pula secara asasnya akan bermula pada hari pertama selepas bulan beliau membuat permohonan. Kegagalan orang bertanggung untuk berdaftar adalah satu kesalahan. Selain itu, bahagian ini juga adalah berkaitan dengan:

- (i) pendaftaran secara sukarela oleh orang yang tidak bertanggung untuk mendaftar;
- (ii) kuasa ketua pengarah untuk mengarahkan orang bercukai dilayan sebagai orang bercukai tunggal sekiranya didapati menjalankan pengasingan aktiviti perniagaan secara tiruan atau *artificial*;
- (iii) pendaftaran untuk perkongsian tetapi ia tidak terpakai untuk *limited liability partnership*;
- (iv) pendaftaran cawangan dan bahagian;
- (v) penentuan berakhirnya tanggungan untuk berdaftar;
- (vi) pemberitahuan pemberhentian tanggungan oleh orang berdaftar; dan pembatalan pendaftaran.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V, Perakaunan, Taksiran dan Mendapatkan Balik. Bahagian ini yang bermula dari fasal 21 hingga fasal 33 adalah mengenai perkara melibatkan:

- (i) tanggungjawab orang berdaftar yang menyediakan perkhidmatan bercukai untuk mengeluarkan invoice yang mengandungi butiran yang ditetapkan, antaranya nama penyedia perkhidmatan dan kadar serta amaun cukai yang terlibat;
- (ii) tanggungjawab orang berdaftar menyimpan rekod sama ada dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris dan rekod tersebut perlu disimpan selama tujuh tahun;
- (iii) tempoh bercukai iaitu selama dua bulan atau lain-lain tempoh seperti mana yang ditetapkan oleh ketua pengarah;
- (iv) kewajipan untuk menghantar penyata serta membuat pembayaran cukai tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya;
- (v) kuasa ketua pengarah untuk mentaksirkan amaun cukai yang perlu dibayar jika seseorang itu gagal mendaftar, gagal mengemukakan penyata atau mengemukakan penyata yang salah atau tidak lengkap;

- (vi) kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam untuk mendapatkan semula apa-apa cukai yang kena dibayar sebagai hutang sivil, menetapkan pembayaran awal bagi orang kena cukai yang akan keluar negara serta memohon untuk menghalang mana-mana orang dari meninggalkan negara;
- (vii) bayaran secara ansuran, penahanan barang dalam kawalan kastam eksais sehingga cukai perkhidmatan dijelaskan.

Bahagian VI - Pengecualian, Pembayaran Balik dan Peremitan. Bahagian ini yang mengandungi fasal 34 hingga fasal 40 memerihalkan kuasa Menteri untuk memberikan pengecualian kepada mana-mana orang atau kumpulan orang daripada membayar keseluruhan atau sebahagian daripada cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas sebarang perkhidmatan bercukai serta remisi cukai. Menteri juga mempunyai kuasa untuk membuat bayaran balik cukai perkhidmatan yang telah dijelaskan.

Selain itu, bahagian ini menjelaskan kuasa ketua pengarah untuk membuat bayaran balik atau mengutip semula cukai melibatkan pembekalan perkhidmatan yang dihapus kira akibat hutang lapuk atau berkaitan cukai yang terkurang, terlebih atau tersalah bayar. Ketua pengarah juga telah mempertimbangkan potongan ke atas penyata cukai dari semasa ke semasa berdasarkan permohonan orang berdaftar terhadap amaun cukai yang telah dibayar kepada kerajaan tetapi terpaksa di pulang balik kepada pelanggan atas sebab pembatalan atau penamatan perkhidmatan bercukai atas sebab lain yang dibenarkan oleh ketua pengarah.

Bahagian VII - Ketetapan. Bahagian ini mengandungi enam fasal bermula dari fasal 41 hingga fasal 46. Bahagian ini berkenaan perkara berkaitan ketetapan umum dan ketetapan kastam iaitu:

- (i) ketetapan memerihalkan takrifan ketua pengarah mengenai pemakaian mana-mana peruntukan di dalam akta ke atas mana-mana orang atau golongan orang atau apa-apa aktiviti perniagaan;
- (ii) ketua pengarah juga diberi kuasa untuk membuat ketetapan kastam berdasarkan kepada permohonan yang dibuat oleh mana-mana orang ke atas perkara berikut:
  - (a) penentuan perkhidmatan bercukai;
  - (b) penentuan orang kena cukai;
  - (c) prinsip yang diguna pakai bagi menentukan nilai sesuatu perkhidmatan; atau
  - (d) perkara lain yang ditetapkan oleh ketua pengarah.

Selain itu, bahagian ini terus menerangkan bahawa ketetapan kastam boleh dipinda, diubahsuai atau dibatalkan oleh ketua pengarah atas sebab-sebab tertentu. Dalam situasi berlakunya dua ketetapan kastam dikeluarkan atas perkara yang sama ketetapan tersebut akan dianggap batal dan tidak sah dan perlu dimaklumkan kepada ketua pengarah.

Bahagian VIII - Peruntukan Khas Yang Berhubungan Dengan Kawasan Ditetapkan. Bahagian ini yang mengandungi fasal 47 hingga fasal 51 adalah berkaitan layanan cukai perkhidmatan yang terpakai di kawasan ditetapkan iaitu Labuan, Langkawi dan Tioman. Secara amnya, cukai perkhidmatan tidak dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan di dalam atau di antara kawasan ditetapkan kecuali bagi perkhidmatan yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.

#### ■1200

Bahagian IX - Peruntukan Khas Berkenaan Dengan Kawasan Khas. Bahagian ini mengandungi fasal 52 hingga 56, menjelaskan layanan cukai perkhidmatan di kawasan khas. Secara amnya, cukai perkhidmatan tidak dikenakan atau dikutip ke atas perkhidmatan bercukai yang dibekalkan di dalam atau di antara kawasan khas. Bagi tujuan bahagian ini, kawasan khas adalah terdiri daripada:

- (i) zon bebas di bawah Akta Zon Bebas 1990;
- (ii) kawasan pembangunan bersama di bawah Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990; dan
- (iii) gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen di bawah Akta Kastam 1967.

Bahagian X - Penguatkuasaan. Bahagian ini mengandungi tujuh fasal bermula daripada fasal 57 hingga 63 yang berkaitan dengan tindakan penguatkuasaan. Secara asasnya, bahagian ini meliputi aktiviti berikut:

- (i) pemeriksaan;
- (ii) penyiasatan;
- (iii) penggeledahan;
- (iv) penyitaan; dan
- (v) kuasa untuk menahan.

Bahagian XI – Perbicaraan dan Prosiding. Bahagian ini mengandungi fasal 64 hingga 71 adalah mengenai perbicaraan dan prosiding. Sebagai contoh, berkenaan dengan pendakwaan, beban pembuktian, obligasi kerahsiaan, perlindungan pemberi maklumat, penyampaian saman, kompaun dan perintah mahkamah.

Bahagian XII – Pelbagai. Bahagian ini mengandungi fasal 71 hingga 91 yang menjelaskan peruntukan pelbagai. Antaranya melibatkan kesalahan, penalti, semakan semula dan rayuan, pemberian notis dan penyediaan bayaran cukai perkhidmatan oleh pelikuidasi syarikat yang digulungkan, pengemukakan sijil pengauditan tahunan oleh penyedia perkhidmatan berdaftar, perlindungan pegawai daripada liabiliti, ganjaran, kuasa ketua pengarah untuk menetapkan fi dan kuasa Menteri Kewangan untuk membuat peraturan.

Bahagian XIII – Peralihan. Bahagian ini yang bermula daripada fasal 92 hingga 95 menetapkan perkara berkaitan tempoh peralihan daripada sistem percukaian GST kepada cukai perkhidmatan. Antaranya melibatkan:

- (i) keperluan pendaftaran awal sebelum tarikh kuat kuasa;
- (ii) layanan cukai ke atas perjanjian yang bersifat progresif atau berkala yang bermula sebelum kuat kuasa akta ini dan berakhir pada atau selepas tarikh kuat kuasa; dan,
- (iii) layanan cukai ke atas pembekalan perkhidmatan sebagai hak seumur hidup.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan, saya sekali lagi ingin menekankan bahawa cadangan penggantian cukai GST dengan SST bertujuan untuk mensejahterakan rakyat dengan meringankan beban cukai yang ditanggung. Seperti yang telah saya maklumkan sebentar tadi, cukai SST hanya merangkumi 38 peratus daripada bakul barangan dan perkhidmatan yang tersenarai di dalam Indeks Harga Pengguna (CPI).

Ini jauh lebih rendah daripada 60 peratus barangan dan perkhidmatan yang dahulunya dikenakan cukai GST. Dengan khususnya, sub komponen CPI berkenaan pembekalan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api. Hanya 28 peratus barangan dan perkhidmatan di cukai di bawah SST, manakala 59 peratus barangan dan perkhidmatan telah dikenakan cukai GST.

Disebabkan liputan cukai GST yang meluas, ia boleh dinamakan sebagai satu cukai *cradle to grave* kerana barangan dan perkhidmatan untuk bayi sehingga untuk golongan warga emas, semua di cukai secara rapi oleh GST. Daripada bayi sehinggalah ke zaman tua, barangan keperluan seperti botol susu, perkhidmatan jagaan kanak-kanak, lampin dewasa, kerusi roda dan tongkat, semuanya kena GST. Di bawah SST, semua akan dikecualikan daripada cukai, sekali gus meringankan beban sara hidup bagi keluarga baharu dan warga emas.

Dengan penurunan beban cukai ini, Kerajaan Persekutuan berharap kekayaan negara akan dapat dikongsi dengan lebih meluas lagi di pelbagai lapisan masyarakat, khususnya bagi golongan kurang berkemampuan dan juga kelas menengah selepas sekian lama dihimpit dengan cukai GST. Demi menjayakan perubahan ini yang diinginkan oleh rakyat Malaysia, saya mengajak semua Ahli Parlimen, termasuk Ahli Parlimen pembangkang bersama-sama dengan kerajaan baharu untuk menyokong pengenalan semula cukai perkhidmatan ini sebagai satu langkah menggantikan GST.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengenakan, melevikan dan memungut cukai perkhidmatan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ya, saya jemput Yang Berhormat Pontian. Sila.

#### 12.06 tgh.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi.* Salam sejahtera, salam negaraku 1Malaysia. *Service tax* atau cukai perkhidmatan (ST) daripada SST. SST ini bolehlah kita anggap sebagai 'Senyap-Senyap Tambah', Tuan Yang di-Pertua. Kalau di luar sana, anak-anak muda sebut SST ini 'Slow, Slow Tipu'. Saya ingin menyatakan bahawa harga pasti akan naik dengan kewujudan ST ataupun *service tax* enam peratus ini. Telah disebut tadi kawasan-kawasan yang dikenakan dan juga servis yang dikenakan.

Sebagai contoh, *serviced apartment*, perkhidmatan apartmen. Kerajaan Barisan Nasional, seingat saya telah mengeluarkan satu perintah baharu kastam bahawa *serviced apartment* tidak dikenakan GST enam peratus. Ramai pada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini pun duduk di *serviced apartment*. Kita amat tidak bersetuju *serviced apartment* ini dikenakan *service tax* (ST).

Begitu juga restoran. Ya, nilai ambangnya telah dinaikkan ke RM1 juta. Semalam Yang Berhormat Jelutong sebut selepas ini kita akan pergi KFC, tidak ada lagi cukai GST. Itu satu kesilapan Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong mana?

**Seorang Ahli:** Cuti.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Cuti [*Ketawa*] Saya hendak maklumkan bahawa kalau kita pergi KFC, KFC akan mengenakan *service tax*, serupa macam GST dulu. Sekarang ini KFC tidak mengenakan apa-apa cukai kerana ada *tax holiday*. Selepas ini tentunya KFC, bukan hanya KFC, *Pizza Hut*, *Secret Recipe*, restoran francais yang lain, *McDonalds*, *Starbucks*, *Old Town White Coffee* dan seumpamanya, semua akan mengenakan enam peratus *service tax*. Sebahagian daripada barang-barang makanan, minuman yang dijual di dalam restoran seumpama itu sudah ada 10 peratus *sales tax*, cukai jualan. Ini yang kita sebut sebelum ini bahawa kesan daripada SST ini ialah 10 campur 6 ataupun 16.

Sebagai contoh yang lain ialah pusat servis kenderaan. Segala barang yang diimport, yang dijadikan servis di pusat servis kenderaan itu telah dikenakan *sales tax* 10 peratus dan kemudian kita pergi ke pusat servis itu, kena enam peratus lagi- 10 campur 6 menjadi 16, di pusat servis kenderaan. Kalau kita pergi ke hotel pula, ini satu lagi masalah.



Sebahagian daripada barang-barang di hotel itu sudah ada *sales tax* 10 peratus, campur dengan enam peratus *service tax*, campur lagi Tuan Yang di-Pertua, ada campur lagi *service charge*.

■1210

*Service charge* ini sebenarnya satu sehingga 15 peratus dan kebanyakan hotel mengambil 11 peratus sebagai *service charge* sebagai pengganti kepada *tips*. Saya kira Kementerian KPDNHEP sekarang, perlu membuat sesuatu tentang *service charge* ini. Tujuan diadakan *service charge* ialah untuk diberikan kepada pekerja hotel dan pekerja restoran-restoran yang tertentu. Akan tetapi laporan-laporan menyatakan bahawa bukan pekerja hotel yang dapat, tetapi syarikat itu yang dapat dan tidak diberikan kepada pekerja hotel.

Apa yang telah dibuat oleh KPDNKK sebelum ialah meletakkan satu *signboard* besar di hadapan kaunter hotel dan juga restoran yang berkaitan bahawa restoran dan hotel itu mengenakan caj tambahan 10 peratus *service charge* ataupun caj perkhidmatan. Saya kira Kerajaan Pakatan Harapan perlu meneliti tentang *service charge* satu sehingga 15 peratus ini. Pemberi servis yang mengenakan *service charge* ini kenapa mesti memilih hanya 10 peratus? Jika mereka ingin menjadi kompetitif berbanding dengan hotel yang lain restoran yang lain, mereka boleh kenakan lima peratus misalnya, atau mereka boleh mengikut apa yang dibuat oleh *KFC* dan seumpamanya yang tidak mengenakan langsung *service charge*, mereka hanya ada *service tax*.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyatakan di sini ialah kasino, permainan mengadu nasib, loteri, mesin perjudian, pertaruhan ini dikenakan *service tax* sebanyak enam peratus. Kenapa hanya enam peratus? Boleh dikenakan lebih daripada itu. Tempat-tempat pertaruhan dan perjudian ini, saya cadangkan supaya dikenakan 20 peratus supaya orang tidak pergi ke tempat itu. Kalau boleh tutup terus kasino, permainan loteri, mesin perjudian dan yang lain-lain ini. Kenapa kita perlu meletakkan enam peratus? Kita boleh letakkan kurang daripada itu.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Atau lebih daripada itu. Maafkan saya.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Mohon mencelah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Hendak tanya,

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Satu lagi kelab malam ini

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Pontian mohon mencelah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kelab malam, kelab persendirian ini jangan letakkan *service tax* enam peratus. Ini tempat-tempat orang kaya, ini kelab malam, apa semua ini. Letak 20 peratus kah, 30 peratus. Biar tutup lagi bagus.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Pontian. Rasah mohon mencelah. Yang Berhormat tadi menyatakan bahawa tempat perjudian, macam kasino itu kalau boleh dikenakan cukai perkhidmatan 20 peratus. Saya hendak tanya itu pendirian peribadi ataupun pendirian daripada rakan-rakan di sebelah sana?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Apa benda itu? Tidak perlu jawablah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak. Saya hendak tanya, tadi Yang Berhormat Pontian mengatakan bahawa mencadangkan 20 peratus untuk cukai perkhidmatan yang berkaitan dengan perjudian. Saya hendak tanya, itu pendirian peribadi Yang Berhormat Pontian ataupun rakan-rakan di sebelah sana? Sebab semalam ada perkataan kasino itu sudah jadi lompat satu Dewan ini, riuh. Saya hendak tanya itu pendirian macam mana? Pendirian bersama ataupun pendirian peribadi Yang Berhormat?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya kira mereka boleh bersetuju dengan saya tempat-tempat yang tidak berfaedah ini, kita naikkan *service tax* lebih daripada enam peratus.

Satu lagi ini untuk anak-anak muda ini. Anak-anak muda yang ada kad prabayar ataupun *prepaid card*. Saya ingin maklumkan kepada mereka bersedialah, kad-kad prabayar dan *prepaid card* itu akan naik harga kerana ada enam *percent service tax* sekarang ini kosong *percent GST*. Selepas ini tentu harganya akan lebih mahal dan mengamuklah, tolong lah bantu kami menggunakan media sosial bantai pihak Pakatan Harapan ini. Kerana *prepaid card* dan juga prabayar anda semua sudah naik harga sebanyak enam peratus [Ketawa]

Satu lagi, penalti disebut bahawa pembayaran lewat 10 peratus tempoh 30 hari pertama saya cadangkan turun kepada lima peratus 15 peratus tempoh 30 hari kedua, saya cadangkan turun 10 peratus, 15 peratus tempoh 30 hari ketiga saya cadangkan turun 10 peratus, penalti maksimum 40 peratus daripada pembayaran lewat ini terlalu ketat dikenakan 90 hari, saya cadangkan 40 peratus turun kepada 20 peratus. Jadi saya ada membuat cadangan untuk mengurangkan penalti dan meningkatkan apa-apa yang patut terhadap *service tax* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi contoh kesan harga cukai bertindih. Contoh harga pengilang, minuman, satu botol minuman RM4.00, cukai jualan dikenakan ialah 10 peratus daripada RM4.00 menjadikan RM0.40 sen. Harga belian yang dibeli oleh hotel daripada harga pengilang tadi menjadi RM4.40 sen. Akan tetapi harga jualan hotel ia tidak akan letak RM4.40 sen, kerana hotel inginkan keuntungan. Katalah dia untung sebotol minuman itu RM3.00 .RM4.40 sen campur RM3.00 menjadikan RM7.40 sen.

Cukai perkhidmatan dikenakan kepada RM7.40 sen itu dan enam percent daripada RM7.40 sen ditambah lagi RM0.44 sen, bererti pengguna akan membayar RM7.84 sen. Ini yang saya katakan sebagai 10 campur enam dan campur 10 lagi *service charge*, maka saya kira ia adalah suatu amat tinggi jika dibandingkan ketika zaman GST. Kita tidak ada 10 percent itu. Kita ada enam percent GST campur 10 percent *service charge* . Tidak ada 10 percent cukai jualan.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya? sila Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Pada pandangan Yang Berhormat Pontian, bagaimana mekanisme pihak kerajaan hendak menentukan cukai perkhidmatan enam *percent* dikenakan? Kerana dengan GST yang cukup bersistematik pun masih ada masalah. Akan tetapi apabila kita pecahkan antara jualan dan perkhidmatan bagaimana kerajaan boleh pastikan peniaga-peniaga tadi yang kaedah perkhidmatan kononnya RM1 juta baharu dikenakan servis? Bermakna, ini yang saya inginkan pandangan daripada Yang Berhormat Pontian. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Gerik, nilai ambang yang ditetapkan ialah 500 ribu. Akan tetapi telah dinaikkan kepada 1 juta untuk restoran. Walau bagaimanapun, KFC tentu jualannya lebih daripada 1 juta bukan? Dan begitu juga macam restoran francais yang lain.

Jadi satu lagi ialah, tentang ...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta Yang Berhormat Pontian,

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dalam keadaan sekarang ini mungkin adakah Yang Berhormat Pontian mungkin mencadangkan iaitu *enforcement* adalah satu agensi yang perlu dikuatkuasakan. Sebab? Apabila SST berjalan, kedai-kedai yang tidak mencukupi ambang ataupun *threshold* 1 juta pun mengenakan servis caj kepada mana-mana pihak, kedai-kedai kecil.

Jadi di situ ada *argument* yang sedang berlaku. Jadi apakah Yang Berhormat Pontian mungkin mencadangkan supaya menambah penguat kuasa, kerajaan perlu memperketat penguat kuasa, memantau peniaga-peniaga yang mengaut keuntungan dalam keadaan mereka tidak dibenarkan untuk meletakkan servis caj tersebut.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Itu satu cadangan yang baik, penguatkuasaan ini bukan hanya Kastam tetapi juga KPDNHEP. Saya ingin mencadangkan supaya Kastam tidak berpakaian Kastam. Tidak pakai uniform Kastam, pakai baju biasa dan masuk ke pusat-pusat yang difikirkan sesuai berlaku penipuan-penipuan itu dan penguat kuasa ini sebenarnya tidak ramai Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan penguat kuasa lebih kurang empat lima ribu orang sahaja.

Peniaga di Malaysia ini lebih kurang sejuta, bayangkan empat lima ribu orang di banding dengan sejuta. Oleh sebab itu, kalau penguatkuasaan tidak kuat, maka segala penipuan akan dilakukan. Kadang-kadang mereka akan kutip tetapi mereka tidak akan bayar balik itu di antara perkara-perkara yang berlaku sebelum ini.

Jadi sekali lagi, saya ingin menyatakan di sini bahawa *Service Tax* dan SST ini adalah cukai yang terkebelakang. Kita ingin menjadi sebuah negara yang menuju ke hadapan tetapi kelihatan Pakatan Harapan dia lebih suka menjadi *populist* daripada memilih satu sistem cukai yang lebih baik iaitu GST. Kita telah mencadangkan semalam GST pada kadar yang lebih rendah pada tiga peratus dan saya telah menyatakan bahawa GST tiga peratus ini adalah kadar yang paling rendah dalam dunia apabila kita melihat kadar-kadar yang ada di seluruh dunia. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Mohon Yang Berhormat Pontian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya? silakan. Siapa itu?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Pasir Mas.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Silakan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Mohon mencelah.

#### ■1220

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya dengar Yang Berhormat Pontian menyebut berkenaan dengan GST sebagai cukai yang baik dan efektif. Saya ingin bertanya berkenaan dengan tuntutan balik daripada pihak peniaga yang dianggarkan sebanyak RM10 bilion ke RM11 bilion yang masih belum dibayar oleh pihak kerajaan dalam tempoh sepatutnya 14 hari daripada tuntutan dibuat. Jadi sebagai anggota pentadbiran kerajaan di sesi yang lepas, apa pandangan Yang Berhormat Pontian terhadap kegagalan untuk membayar balik tuntutan ini?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya difahamkan bahawa kutipan GST ini secara keseluruhan ialah RM60 bilion dan apabila ia ditolak dengan *input tax credit*, ia menjadi RM44 bilion pada tahun sudah.

Saya juga difahamkan bahawa tuntutan yang tidak dibayar adalah sekitar RM7 bilion hingga RM8 bilion dan tuntutan yang tidak dibayar ini pada pandangan kami di sebelah sini ialah kerana ada pertikaian daripada tuntutan itu.

Ketika saya menjadi Timbalan Menteri Kewangan, kami memanggil pakar-pakar VAT, GST daripada Australia, daripada UK, daripada New Zealand, daripada Singapura untuk memberikan taklimat kepada kami. Di antara perkara tentang *input tax credit* (ITC) ini ialah mereka menyebut bahawa kita memberikan cek kosong, *blank cheque* kepada syarikat-syarikat. Oleh kerana itu, tolong hati-hati kerana ada syarikat-syarikat di luar sana yang kurang beretika dan kerjanya memang sengaja untuk menipu dalam *input tax credit* ini.

Semalam kita telah disebut dan telah dinyatakan oleh Menteri Kewangan tentang perkara yang berkaitan itu. Itu kerja Menteri Kewangan lah hendak cari duit itu. Apa hal hendak suruh kami pula untuk menyelesaikan? Kamu sudah ambil kerajaan ini, ambil dengan segala hutang-hutangnya. Ya, Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Pontian.

Semasa kita memperkenalkan GST dulu, setelah kita membuat kajian yang begitu lama dengan satu perbelanjaan yang besar lebih daripada RM100 juta untuk membuat infrastruktur, sistem, latihan, bukan sahaja kepada pegawai-pegawai bahkan kepada syarikat-syarikat yang telah berbelanja begitu banyak sekali untuk menyediakan segala perisian serta konsultant mereka, jadi apakah perbelanjaan tersebut dianggap sebagai kerugian?

Sekarang kita regresif, kita ke belakang pula. Kita buat satu sistem yang boleh sebenarnya mengakibatkan kita sebenarnya kepada potensi untuk kita tambahan risiko. Seperti yang telah diingatkan oleh Bank Negara ataupun Bank Dunia dalam *Malaysia Economic Monitor* pada 2 Julai yang lalu bahawa apa juga dasar-dasar baharu yang diperkenalkan oleh kerajaan tanpa hati-hati akan menyebabkan risiko tambahan kepada ekonomi kita. Macam mana pendapat Yang Berhormat Pontian?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Baling ada memberi pesan kepada saya, dia kata kalau sudah ambil itu, jangan ambil isi sahaja, tulang ambil sekali. [*Ketawa*] Kalau fahamlah, Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Ini perisian sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin, memang ia merupakan belanja hangus kepada syarikat-syarikat dan seingat saya, pada ketika itu kita memberikan bantuan, kita memberikan subsidi ratusan juta kepada IKS, PKS terutamanya untuk membeli perisian-perisian yang berkaitan.

Saya kira kalau ada syarikat-syarikat di luar sana yang rasa terkilang akibat daripada apa yang telah berlaku ini dan mereka telah membelanjakan sekian banyak untuk melaksanakan satu-satu sistem GST dan kemudian tidak puas hati pada kerajaan, saman sahaja kerajaan yang ada ini, dapatkan duit balik. Terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Pontian, Ipoh Timur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput Yang Berhormat Ipoh Timur untuk membuat perbincangan.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih. Pencelahan ya. Belum habiskan? Pencelahan sikit sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Okey, bolehlah, boleh. Nampaknya ramai hendak minat bahas ini.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Bagi dua minit sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sila, sila sambung balik.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Cuma kita balik kepada isu yang terakhir yang disentuh oleh Yang Berhormat Pontian tadi. Saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat Pontian bersetuju dengan saya bahawa kesemua wang yang sepatutnya dipulangkan kepada peniaga-peniaga, wang GST yang sepatutnya dipulangkan sepatutnya dimasukkan ke dalam satu akaun amanah. Akan tetapi, untuk kerajaan yang lama ini, ia telah pun dimasukkan ke dalam *consolidated fund* yang mana telah pun diguna pakai oleh kerajaan yang lama dan ini merupakan satu kelakuan pecah amanah yang serius daripada kerajaan yang lepas. Setuju atau tidak?... [*Tepuk*]

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pertama, Yang Berhormat Ipoh Timur, ia dipanggil ITC iaitu *input tax credit* ya, Yang Berhormat Ipoh Timur, apa yang disebut sebagai apa yang di-*claim* balik itu.

Segala wang diperoleh daripada sumber-sumber kutipan kerajaan sama ada daripada kastam, sama ada daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), ia memanglah sepatutnya dimasukkan dalam akaun yang disatukan. Selepas itu bayarlah balik. Kalau kurang berapa bilion, bayarlah balik. Apa payahnya? Apa yang perkara itu patut dijadikan isu?

Terima kasih. Saya sudah cukuplah, cukup ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Kenapa tidak payah bayar dulu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput pembahas daripada Jeli. Sila.

### 12.26 tgh.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Pontian adalah pakar rujuk kamilah. Seorang pakar dalam bidang GST dan mungkin juga SST. Jadi kita ucap tahniah kepada beliau kerana mempunyai pengetahuan yang luas dan juga bertanggungjawab untuk menghebahkan dasar baru ini apabila ia mula diperkenalkan.

Kami sudah kalah semalam, hari ini hendak cuba nasib dan harap mungkin akan berjaya. Cuma, saya hendak teruskan pertanyaan Yang Berhormat Ipoh Timur demi ketelusan, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri semalam menggunakan perkataan rompak. Saya faham bukan rompak wang GST tapi rompak wang *refund*, ITC tadi untuk GST. Saya faham ada perbezaan itu.

Akan tetapi, rompak ini satu perkataan yang *very harsh*, dengan izin, memberi konotasi ada niat jahat, ada terancang dan Yang Berhormat Ipoh Timur cakap tentang salah guna kuasa. *I am all for transparency. Let's be clear*, Yang Berhormat Menteri. Penting dalam konteks baharu ini kita harus *transparent*. Fasal apa takut? Kita harus mengetahui apa kedudukan sebenarnya.

Jadi semalam, kalau tidak silap saya, Yang Berhormat ada menyatakan bahawa Yang Berhormat akan mendedahkan dan sudah pun didedahkan tentang perkara ini. Cumanya, perkataan rompak dan salah guna kuasa ini satu tuduhan yang beratlah. Maknanya saya hendak taulah pada pandangan Yang Berhormat, dalam konteks ketelusan- *I want to get to the bottom of it*, dengan izin- adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa ada satu skema terancang untuk menipu rakyat? Maknanya orang yang patutnya digunakan untuk *refund* digunakan untuk tujuan yang lain. Saya faham dalam kepala mungkin Yang Berhormat yang lain itu ke situlah perginya mungkin. Jadi saya hendak dapat kepastian.

Saya juga difahamkan bahawa kaedah yang digunakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri berbeza. Lembaga Hasil Dalam Negeri katanya, mengikut saya taulah, saya bukan bertugas di sana tetapi katanya *refund* ini cepat Lembaga Hasil. Maknanya kalau ada *refund* dalam tempoh dulu mungkin lambat sikit, hal-hal birokrasi tetapi akhir-akhir ini Lembaga Hasil Dalam Negeri sudah meningkatkan keberkesanannya atau *efficiency*-nya, kecekapannya membolehkan *refund* dibuat dalam tempoh yang singkat.

Jadi katanya mengikut apa yang saya faham, kastam terpaksa membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk membolehkan *refund* dibuat. Walhal, Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak perlu buat demikian.

Jadi kalau begitu halnya, kenapakah tidak mungkin amalan yang dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri yang membolehkan lembaga tersebut membayar *refund* dengan cepat, kenapakah amalan yang tidak dibuat di Lembaga Hasil Dalam Negeri itu tidak dapat dibuat di Jabatan Kastam?

## ■1230

Jadi yang penting sekali perkataan 'salah guna kuasa' Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Menteri menggunakan perkataan 'rompakan'. Ini tuduhan yang amat serius dan kita mahu ketelusan. Apa yang pada pandangan Yang Berhormat...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** ...Apa sebenarnya yang berlaku dan saya harap dalam ucapan penggulungan Yang Berhormat Bagan akan cerita tentang hal ini.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Jeli, Kuala Krau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jeli.

Cuma pertanyaan saya kalau kes-kes yang melibatkan dua tahun- duit itu tidak *direfund* – duit GST tersebut, adakah mana-mana syarikat yang terlibat membuat tindakan tuntutan sama ada secara bertulis atau proses undang-undang di mahkamah? Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Krau. Sudah pasti Yang Berhormat Menteri akan jawab. Jadi itu yang pertama. Dewan ini ingin mengetahui apa maksud 'rompakan'- apa maksud 'salah guna kuasa' dan jika benar ada *evil intention occur* ataupun niat jahat, kita hendak tahu Yang Berhormat, kita hendak Yang Berhormat beritahu kami apa sebenarnya yang berlaku.

Ini kerana mungkin kalau begitu- kalau benar maka sudah pasti masyarakat perniagaan di luar sana mereka amat tidak puas hati, kalau benar berlaku. Kita harus cari jalan bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Jeli.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Kalau Yang Berhormat menyebut semalam bahawa harga mungkin naik oleh sebab mereka yang tidak dapat *refund* itu telah terpaksa untuk mengambil kira harga berdasarkan maklumat yang lambat...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Gerik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Gerik ingin mencelah.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jeli. Ekoran perkataan-perkataan yang sakit telinga kita dengar, rompak dan sebagainya, gambaran yang ada pada saya, bila mereka menukarkan daripada GST kepada SST, mereka sudah tahu. Dengan buat SST ini, banyak penipuan akaun dan pelbagai lagi yang boleh dipusing. Mungkin sumber tersebut mereka hendak. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Jeli? Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik. Ini jawapan yang mungkin tidak secara langsung. Akan tetapi antara rasional diperkenalkan GST ialah untuk memastikan *the black economy* itu membayar cukai, bermakna kita telah paksa mereka. Kalau dulu mereka tidak bayar cukai, semalam saya bagi anggaran mungkin RM4 bilion daripada RM40 bilion *odd* itu datang daripada sektor *black economy*, itu anggaran.

Jadi maknanya kita paksa mereka bayar cukai. Jadi ini antara ketelusan dan kebaikan GST. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pindah. Saya ada tiga lagi perkara, ringkas sahaja. Pertama mengenai *service charge* dan *service tax*. Ini menimbulkan banyak kekeliruan dalam masyarakat. Kita ada *service charge* yang dikenakan oleh restoran dan juga servis yang lain.

Kita tahu ada perjanjian antara majikan dengan pekerja di mana majikan mungkin berjanji untuk mengutip *service charge*, membolehkan wang itu dipulangkan kepada *employee*. Dalam bahasa pasarnya *tips*. *Tips* ini maknanya setengah mungkin simpan untuk dia, setengah bagi balik. Itu antara *employer* dan *employee*.

Hal ini kerana mengikut sesetengah pihak gaji yang diterima oleh *employee* itu rendah. Maka perlu ditokok tambah dengan *tips* ataupun *service charge*. Jadi ini menimbulkan keraguan pada masyarakat. Kita ada *service tax*, ada *service charge* yang dikenakan oleh hotel-hotel *established* tertentu. Adakah kerajaan ingin melihat perkara ini dan menyelaraskan perkara ini supaya dielakkan *confusion*? Pertama perlu ada pencerahan, perlu ada program pendidikan untuk membolehkan rakyat memahami apa beza *service charge* dan *service tax* ini.

Hal ini kerana mereka terkeliru kerana mungkin mereka membebankan kerajaan. *Service charge* mungkin 10 percent, 15 percent, *service tax* cuma enam persen. Jadi kenapa enam – sepuluh ini kata dia? Jadi perlu ada pencerahan, *education*, mungkin ada yang silap faham. Jadi adakah kerajaan bercadang untuk buat demikian?

Seterusnya yang tiga poin saya ialah berkaitan dengan untuk mengimbangi keperluan rakyat dengan keperluan untuk mengenakan cukai, mengimbangi kesejahteraan rakyat dan masa depan rakyat. Semalam saya cakap sedikit mengenai perkara ini. Saya hendak tekankan sekali lagi bahawa bagi sebuah negara moden kita perlu infrastruktur yang hebat. Kuala Lumpur kita hendak jadi *global city*, maka perlu infrastruktur yang canggih – MRT 1 dan MRT 2, jalan-jalan raya yang bagus dan kita hendak *maintenance* dan lain-lain. Jadi itu untuk kita tambah perbelanjaan, itu realitinya.

Di Jepun umpamanya, mereka hendak buat keputusan hendak naikkan VAT ataupun GST ini daripada lapan hingga 10 peratus- 2015 lagi, akan tetapi mereka tidak berjaya atas sebab-sebab politik. Maka saya difahamkan mungkin ia ditangguhkan ke tahun hadapan. Kenapa mereka hendak tambah? Hal ini kerana keperluan bertambah. Kita ada *fighter jets*.

Sekarang ini sektor keselamatan umpamanya memerlukan peruntukan yang besar, canggih-canggih peralatan ini, ada *submarines* makin mahal. Itu realitinya. Bukan barang-barang ini harga naik mendadak, bukan kata turun dengan *currency*nya lagi. Maka itu realitinya. Jadi kalau kita tidak menceritakan keadaan sebenar pada rakyat, maka rakyat mungkin akan beranggapan bahawa semuanya dapat diperolehi secara mudah. Sila.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan sedikit penjelasan kerana Yang Berhormat Jeli sebagai mantan Menteri Kewangan dan pernah berkhidmat di bawah beberapa portfolio ekonomi. Jadi saya ingin dapatkan pandangan dan juga penjelasan daripada Yang Berhormat Jeli. Masalah yang dihadapi oleh kerajaan adalah untuk hendak *strike a balance*, dengan izin, soal *efficiency* dan *effectiveness*.

Cukai yang kita bincangkan sekarang ini ada kaitan dengan soal *efficiency*. Dikatakan GST satu sistem yang lebih efisien seperti mana yang disebut beberapa kali oleh Yang Berhormat Rembau dan kerajaan pun bersetuju. Kerajaan Pakatan Harapan memilih untuk mengambil sistem yang *less efficient* atas sebab kononnya hendak mengurangkan bebanan kepada rakyat.

Akan tetapi implikasinya, apabila kurang efisien dalam pengurusan cukai, ini menyebabkan kerajaan mempunyai kurang dana yang menyebabkan kerajaan menjadi kurang efektif, *less effective*. Jadi antara *efficiency* dan *effectiveness* ini, yang mana satu yang harus kita pilih? Sekarang ini kerajaan memilih untuk *to be less efficient*, maka akan juga jadi *less effective* kerana mempunyai dana yang berkurangan untuk dibelanjakan kembali kepada rakyat.

Kedua Yang Berhormat, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat. saya difahamkan di bawah sistem SST ini, lebih banyak syarikat yang tidak lagi terlibat. Misalnya kalau di bawah GST, 472,000 buah syarikat kalau tidak silap saya yang berdaftar di bawah sistem GST, bila kembali kepada SST – saya baca *statement* daripada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri, hanya lebih kurang 80,000 buah syarikat sahaja yang terlibat.

Maka lebih banyak syarikat yang tidak terlibat. Ini bukan sahaja soal *efficiency* lagi. Sama ada sistem percukaian ini *friendly* kepada pengguna dalam konteks *consumers tax* atau lebih *friendly* kepada syarikat-syarikat yang besar.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Terima kasih, Yang Berhormat Ketereh. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan beberapa Yang Berhormat yang lain di sebelah sana mengakui tentang *efficiency*, ketelusan, *transparency* GST. Ini tidak dapat dipertikaikan. Itu *in the public domain* telah dihebahkan pada umum.

Jadi jelas- cumanya seperti Yang Berhormat Ketereh cakap tadi, sebagai sebuah kerajaan, kita tengok daripada dua sudut. Satu kecekapan- macam kita hendak, *we want to tax the black economy* kerana dia tidak bayar cukai dan kita hendak satu sistem yang *transparent*. Itu sebabnya diperkenalkan GST, itu pilihan kami.

Jadi kerajaan hari ini hendak *sacrifice* itu untuk mengurangkan beban, *alhamdulillah*. Cumanya saya hendak sambung sedikit, Kerajaan Singapura umpamanya juga telah buat keputusan awal tahun ini, Menteri Kewangannya untuk menaikkan cukai daripada tujuh peratus hingga sembilan peratus. Bukan sekarang, akan tetapi bermula tahun 2021 dia bagi *time*.

Ini kerana *argument* nya perbelanjaan bertambah untuk- kerana *aging*, makin tua. Maka infrastruktur yang bertambahnya keperluan. Maka itu perancangan beberapa buah kerajaan. Maka kerajaan hari ini harus adil. Beritahu rakyat, itu realitinya. Hari ini enam peratus- lima, enam dan sepuluh, *whatever it is*. Akan tetapi sebagai sebuah kerajaan moden yang ingin infrastruktur terbaik yang perlu jaga warga tua dengan lebih baik, *world-class education, the best health facilities*, semuanya ini, kerajaan harus menerangkan rakyat bahawa ini lima, enam *whatever*.

#### ■1240

Akan tetapi, pada satu masa nanti untuk memastikan bahawa kita dapat memenuhi kehendak rakyat. Tadi mengenai kementerian sukan, Yang Berhormat Tampin menyebut tentang apa yang hendak menyelenggara. Tahniahlah Yang Berhormat Tampin ada pusat sukan. Saya tiada lagi. Yang Berhormat Tampin bercakap hendak baiki dan selenggara. Saya belum ada lagi. Alhamdulillah Yang Berhormat Tampin. Jadi, Yang Berhormat Tampin hendak saya pun hendak juga ya. Jadi, saya bercakap tentang ini realiti menguruskan negara bukan senang, hendak buat manifesto senang yang populis 100 hari.

Akan tetapi, realiti *have struck you*, dengan izin. Maknanya kita sekarang ini dapat lihat bahawa bukan sesenang itu. Maka, akan timbul satu hari nanti apabila keperluan pertahanan lebih tinggi, sekuriti lebih tinggi dan *education*. Maka, rakyat perlu dimaklumkan bahawa popular-popular tetapi satu hari nanti lima, enam, 10 kah satu hari nanti perlu naikan macam mana Singapura telah pun membuat keputusan, sudah lulus di Parlimennya untuk naik tujuh hingga sembilan. Jepun, 2015 daripada lapan hingga 10. Kerana apa? Itu adalah realiti hari ini.

Ini kerana sebagai sebuah kerajaan moden, kita perlu belanja yang lebih. Maka, itu satu hari nanti ini mungkin berlaku.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Jeli, bolehkah sedikit mencelah.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Sila.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Bolehkah mencelah? Sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Negara kita ini ramai yang sudah mengatakan bahawa akan menuju sebuah negara yang menua. *The aging nation* menjelang tahun 2030. Semakin tahun semakin ramai yang menjadi tua dalam negara kita melebihi 60 tahun ke atas. Setakat ini, untuk penerima bagi bantuan kebajikan dalam negara kita adalah lebih setengah juta orang dengan perbelanjaan yang kalau kadar yang dibayar sekarang ini adalah sampai kepada RM1.5 bilion setahun.

Jadi, saya difahamkan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan ini berhasrat untuk menaikkan lagi kadar bantuan ini sehingga RM800 hingga RM1,000 sebulan kepada penerima bantuan yang akan bertambah ramai nanti. Adakah ini akan menjejaskan penerima-penerima bantuan dengan berkurangnya pendapatan kerajaan hasil daripada kita telah memansuhkan GST dan kembalikan SST ini. Terima kasih.



**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Tuan Yang di-Pertua. *Spot on*, dengan izin Yang Berhormat Beaufort. Makna itulah maksud saya. Kita dalam Pakatan Harapan hendak mansuhkan hutang FELDA. Perlu kewangan. Pakatan Harapan ini RM50 satu orang wanita. *Alhamdulillah*, baguslah. Akan tetapi, kita tengok juga implikasi kewangan. Kerajaan beri subsidi, hendak naikkan minimum *wages*. Kerajaan akan subsidi juga. Bagus. Popular.

Akan tetapi, semuanya ini perlu belanja. Jadi, soalan saya adakah lima, enam, 10 ini akan tetap sampai bila-bila ataupun untuk melaksanakan berapa Janji Pakatan Harapan. *When reality has struck* sama ada Kerajaan Pakatan Harapan akan perlu melihat semula kadar-kadar ini. Macam mana Singapura sudah buat keputusan. Macam Jepun sudah buat keputusan. Itu dua negara yang telah pun melaksanakan GST.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri. Ini berkaitan dengan kawasan khas tadi, Yang Berhormat sedia maklum kita ada beberapa masalah di Pulau Pinang berkaitan dengan beberapa *services* baru. *The new global business services, Broadcom* umpamanya di isu-isu dahulu berkaitan *withholding tax*. Cuma, saya hendak tanya sama ada pelabur-pelabur kita bercakap *services* ini restoran, servis kereta. Akan tetapi, ekonomi moden ini *we're moving into higher end services*. Apa yang ada di Cyberjaya. Di Pulau Pinang. Juga, di Johor. *Modern services* yang beri peluang pekerjaan berpendapatan tinggi pada anak-anak kita.

Jadi, saya hendak tahulah saya belum baca lagi saya tidak tahu dari segi teknikalnya. Cuma, saya mohon penjelasan apakah kesan cukai baru ini, *sales tax* baru ini dan juga dalam konteks yang lama GST itu kepada syarikat-syarikat yang keluar daripada-kalau dalam kawasan khas tidak apalah. Dalam Langkawi ataupun FTZ tidak ada masalah tetapi keluar daripada FTZ ini kepada *Principal Customs Area* umpamanya adakah syarikat-syarikat terlibat dalam *modern services* ini akan menghadapi masalah.

Kalau mereka menghadapi masalah, ini mungkin akan menjejaskan iklim faktor pelaburan. Kalau tidak ada, tidak ada apa. Cuma, saya mohon penjelasan agar sistem cukai ini telah mengambil kira berapa masalah yang dibangkitkan oleh syarikat-syarikat seperti *Broadcom* di Pulau Pinang dan lain-lain dalam perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Saya minta Yang Berhormat Rasah berbahas.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Kuala Kedah.

## 12.44 tgh.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas kejayaan membentangkan dan Dewan telah meluluskan Akta Jualan pada semalam dan hari ini kita akan berbahas berkenaan dengan undang-undang cukai perkhidmatan. Pengenalan ataupun pembentangan cukai perkhidmatan ini sebenarnya adalah salah satu yang telah disebutkan dalam Buku Harapan, Manifesto Pakatan Harapan. Di mana di bawah janji pertama lagi iaitu menghapuskan GST.

Saya cukup terkejut semalam ada Yang Berhormat kalau tidak silap saya Yang Berhormat Setiu ke apa yang mengatakan bahawa SST ini tidak dimaklumkan kepada rakyat. Saya hendak bacakan di bawah janji pertama Janji Satu daripada 60 Janji salah satu perenggan dalam buku ini mengatakan bahawa... *[Membaca petikan] "Dalam jangka masa pendek Kerajaan Pakatan Harapan akan menghapuskan GST yang zalim dan menggantikannya dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan yang lebih adil dan tidak menyusahkan rakyat dan peniaga"*. Hari ini, pembentangan ini membuktikan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan di bawah Malaysia baharu menghapuskan kezaliman GST dengan memperkenalkan cukai perkhidmatan yang baru yang lebih mesra rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, 38 bulan rakyat Malaysia dibelenggu di bawah kongkongan GST yang zalim. Di mana menyebabkan rakyat Malaysia buat kali pertamanya selepas 14 kali PRU menjadikan pemerintah ataupun kerajaan sebagai pembangkang dan pembangkang sebagai kerajaan pada 9 Mei yang lepas. Jawapannya, kita mengatakan ataupun kita menyampaikan salam selamat tinggal ataupun *sayonara* kepada GST.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dengan pemansuhan GST kerajaan akan kurang hasil. Kalau ikutkan perangkaan yang diberikan pada tahun ini RM17 bilion. Tahun depan seandainya GST terus diperkenalkan kerajaan akan mengutip lebih RM23 bilion. Akan tetapi, tidak apa walaupun dikatakan sistem GST, sistem kutipan cukai yang lebih efisien tetapi kurang efisien sistem percukaian tersebut tidak bermakna kerajaan baru kurang efektif dalam menjaga kebajikan dan kepentingan rakyat.

Saya tetap yakin dan percaya kerajaan baru Pakatan Harapan tetap efektif dalam menjaga kepentingan rakyat... [*Tepuk*] Sebab dahulu ada GST pun, ada Yang Berhormat Menteri pun rakan saya dari Rembau. Hospital Rembau sampai hari ini tidak bina-bina. Sudah tiga kali PRU dikatakan. Akan tetapi, walaupun ada GST yang dikatakan efisien tetapi walaupun cukai perkhidmatan ini dikatakan kurang efisien dan sebagainya tetapi yang penting tidak menzalimi rakyat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Boleh Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada celahan dari Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan sebenarnya mengakui apabila pengenalan SST nanti pendapatan ataupun hasil negara akan berkurangan dengan begitu drastik sekali. Apatah lagi ditambahkan dengan lagi dengan subsidi minyak. Maka, pendapatan akan terus berkurangan. Di sini akan menyebabkan yang pertama sekali, adakah kerajaan akan mengurangkan belanja pembangunan yang sangat diperlukan oleh rakyat. Itu yang pertama. Kedua, bagaimana dengan rating? Ketiga, apakah keyakinan pelabur-pelabur terhadap negara kita. Terima kasih.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya cukup percaya pelabur yang soalan ketiga. Pelabur asing akan lebih mempunyai keyakinan terhadap kerajaan baru di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Langkawi sebab kami tidak mengamalkan kleptokrasi dan kami tidak ada 1MDB. Yang Berhormat Rembau.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Yang Berhormat Rasah, cuma saya hendak perbetulkan fakta sikit ya. Yang Berhormat Rasah tidak boleh cakap bahawa disebabkan satu projek *delay* ini disebabkan kerana GST. Kalau tidak tahu fakta jangan bangkitkan tentang perkara tersebut. Kelewatan hospital di kawasan Parlimen saya projek yang dibuat secara tender terbuka di bawah JKR yang mana *end user* dia adalah Kementerian Kesihatan adalah disebabkan yang pertama masalah tanah.

#### ■1250

Kedua, masalah reka bentuk. Ketiga, masalah kontraktor itu sendiri. Tidak ada kena mengena dengan GST. *So please, I know you want to be- not a hero la, what we call it- teacher's pet, but gets your facts right* Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Rembau. Akan tetapi fakta dia Hospital Rembau itu tidak siap sampai hari ini. Walaupun sudah diutarakan, sudah diketengahkan, sudah disebutkan berulang kali, tiga PRU saya rasa Yang Berhormat Rembau. Kali saya tidak...

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *You can shift the goalposts all you want, but your point is demolished already.*

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Sabar, saya sudah bagi peluang untuk ketengahkan *point* ini. Cuma saya hendak katakan kenapa saya bawa kes ini sebab tadi Yang Berhormat Ketereh dan Yang Berhormat Jeli ada menyatakan bahawa, ini *Senior Minister* yang lama dalam kabinet yang lama mengatakan bahawa efisien, cukai yang lebih efisien.

Akan tetapi dengan cukai yang lebih efisien pun, infra yang penting macam Hospital Rembau gagal dibina pada zaman Barisan Nasional. Jadi tidak ada soal efisien, dengan *effectiveness of the government*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang cukup yakin SST yang kita akan perkenalkan pada 1 September ini adalah cukai yang tidaklah memudaratkan ataupun menzalimi rakyat sebab SST adalah berdasarkan *positive listing*. Maknanya, perkhidmatan yang telah disenaraikan yang dikenakan cukai. Jadi apa bezanya dengan GST yang diperkenalkan sejak 1 April tahun 2015? Ia adalah berdasarkan *negative listing*. Maknanya dikecualikan dalam senarai, *otherwise* ia akan dikenakan cukai. Itu yang dikatakan menzalimi rakyat

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rasah. Satu minit sahaja.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Saya tidak beri laluan, sebab waktu makan tengah hari sudah dekat. Saya tidak bagi laluan. Minta duduk.

Jadi saya cukup percaya dan saya cukup yakin dengan senarai yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi banyak perkhidmatan khususnya penjagaan bayi, penjagaan kanak-kanak, kain lampin untuk OKU, untuk warga emas, perkara-perkara sebegini termasuk perkhidmatan di hospital swasta tidak dikenakan cukai perkhidmatan. Ia sangat penting.

Saya cakap terus terang, masyarakat Malaysia hari ini banyak yang pergi mendapat perkhidmatan rawatan perubatan di hospital swasta dan terpaksa menanggung cukai GST sebelum ini. Hari ini kita mansuhkan dan tidak dikenakan cukai di bawah SST. Ini adalah antara keberkesanan yang cuba dilaksanakan oleh kerajaan baharu sambil meringankan beban daripada hospital kerajaan. Ianya menguntungkan semua pihak terbabit. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya juga...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Yang Berhormat Rasah, Machang. Sikit Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Machang sekejap.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Eh, Kuala Krau...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Saya habiskan *point* saya dahulu. Sudah dekat hendak makan tengah hari ini.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Sekejap eh?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak mengapa, tidak mengapa. Bagi orang baharu peluang ini.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Okey, tapi bagilah?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Nanti dahulu tengok masa.

**Seorang Ahli:** Jangan takut...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tertakluk kepada masa. Tuan Yang di-Pertua saya juga mengalu-alukan, menyambut baik cadangan daripada Menteri Kewangan bahawa nilai ambang dinaikkan daripada- kalau SST dahulu RM100,000 kepada RM500,000, bersesuaian dengan keperluan hari ini di mana pemberi ataupun pembekal perkhidmatan yang mana mereka yang berniaga secara kecil-kecilan tidak mengenakan cukai terhadap pelanggan mereka dengan kaedah ataupun pendekatan sebegini ia secara langsung akan menggalakkan persaingan daripada pesaing-pesaing dalam mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan. Ia akan memberikan peluang kepada para peniaga kecil-kecilan untuk mereka supaya bersaing dalam dunia perniagaan.

Oleh sebab pelanggan mereka atau penerima perkhidmatan mereka akan mempunyai pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih murah, yang tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Jadi, saya anggap ini adalah sesuatu yang sangat baik dan nilai ambang untuk kedai makan dan restoran dinaikkan kepada RM1 juta, saya rasa ia sesuai dan munasabah kerana memang seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri, rakyat Malaysia suka makan di kedai mamak, restoran, kedai kopi dan sebagainya. Makanan adalah keperluan asas yang perlu diberikan perhatian dan diberikan keutamaan oleh kerajaan. Jadi ini juga menunjukkan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan untuk tidak membebankan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ambil kesempatan pada tengah hari ini untuk menyatakan bahawa kejayaan ataupun keputusan kerajaan untuk mengurangkan orang ataupun syarikat yang berdaftar di bawah SST dikurangkan daripada RM472,000 kepada hanya sekitar RM70,000. Kalau RM472,000 itu di bawah GST, di bawah SST hanya sekitar RM70,000, ia jelas menunjukkan banyak pembekal perkhidmatan yang sebelum ini tiga tahun lebih mengenakan GST terhadap pelanggan mereka, sekarang ini tidak lagi diwajibkan ataupun tidak lagi disyaratkan untuk mengutip cukai tersebut bagi pihak kerajaan. Jadi saya berharap langkah sebegini...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada sebut- Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat ada menyebut tadi tentang kesejahteraan rakyat. Kalau kita tengok daripada angka inflasi, kita ukur. Pada tahun 2018, bulan April angkanya 1.4 peratus. Bulan Mei ia naik 1.8 peratus. Bulan enam ia turun 0.8 peratus. Saya akui. Apa sebab? Fasal *tax holiday*. Sekarang saya baru terbaca, satu komen daripada seorang CEO sebuah pasar raya besar, yang mengatakan *come September*, barang akan naik. Dia kata dia tidak boleh buat apa-apa. Jadi apakah sebenarnya tentang kesejahteraan rakyat ini? Kalau barang akan naik bila SST akan diperkenalkan...

**Seorang Ahli: ...Jawab.**

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya rasa Yang Berhormat Jasin ini hujah dia banyak *contradict*, bercanggah dengan rakan-rakan dari sebelah sana. Tadi ada ini kata kalau kutip *tax*, cukai naik. Ada yang kata jangan kutip *tax*. So, macam-macam versi. Jadi saya harap supaya Yang Berhormat Jasin rujuk kepada rakan-rakan lain sebelum hujahkan di sini supaya jangan ada percanggahan sesama rakan-rakan semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon teruskan.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Jawab soalan, bukan mengelirukan lagi.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak saya tidak bagi laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon diteruskan. Saya berharap SST yang diperkenalkan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri adalah merujuk kepada pematuhan daripada para pembekal perkhidmatan yang lebih mudah. Masalah-masalah yang berlaku, yang dihadapi oleh mereka yang membekalkan barangan dan perkhidmatan pada zaman GST tidak akan berulang.

Saya juga berharap Jabatan Kastam Diraja Malaysia, (JKDM) dapat memperbaiki apa-apa kesilapan, apa-apa pendekatan yang tidak jelas, yang mengelirukan masyarakat tidak kira sama ada pengguna ataupun pembekal perkhidmatan pada zaman GST dahulu tidak berulang pada zaman SST sekarang. Saya sendiri, saya beri contoh, saya pernah hadir di Jabatan Kastam Diraja Malaysia di Seremban untuk mendapatkan maklumat tentang GST ketika bulan Mac sebelum 1 April 2015 tetapi pegawai yang berbeza memberikan versi yang berbeza berkenaan dengan pelaksanaan GST tersebut.

Jadi saya mohon supaya Kementerian Kewangan dan juga pihak pegawai daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia memastikan masalah berkenaan dengan versi ataupun pendekatan, ataupun kaedah yang akan dilaksanakan di bawah SST dapat dimaklumkan dengan secara mendalam, secara menyeluruh, secara jelas kepada semua rakyat Malaysia supaya tidak berlaku masalah-masalah yang timbul dan telah menyusahkan, menyebabkan rakyat tertanya-tanya, macam mana GST dilakukan dahulu.

Jadi saya percaya, pegawai-pegawai, walaupun pegawai itu ialah perkhidmatan awam tetapi dapat *adopt* terhadap pendekatan kerajaan baharu, Kerajaan Pakatan Harapan yang sudah pastinya akan sentiasa meletakkan kepentingan dan juga kesejahteraan rakyat Malaysia di tempat yang sama. Akhir sekali saya mohon pada peluang tengah hari ini untuk menyatakan sokongan penuh saya terhadap rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam telah hampir tepat pukul satu... [*Dewan riuh*] Sambung.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat dan kita akan sambung semula pada jam 2.30 petang. Terima kasih.

**Seorang Ahli Yang Berhormat:** Yang Berhormat Ayer Hitam boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Cuma satu minit sahaja.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua, sudah pukul satu... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat jam sudah tepat pukul satu. Saya tangguhkan mesyuarat dan kita sambung semula jam 2.30 petang. Terima kasih.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, teruskan perbahasan dengan menjemput Yang Berhormat Ayer Hitam.

**2.32 ptg.**

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang sekali lagi untuk terlibat dalam perbahasan untuk Akta Cukai Jualan 2018 ini. Semalam sudah ada satu keputusan yang telah dibuat iaitu kalau kita melihat SST ada dua komponen penting. Jadi, saya mohon maaf kerana ini adalah cukai perkhidmatan. Semalam kita sudah selesaikan tentang cukai jualan.

Jadi, satu keputusan yang telah dibuat ialah kita menolak untuk mewujudkan *Select Committee* untuk kita memperhalusi sama ada, ada atau tidak satu formula baru. Pada hari ini kita berdepan dengan satu akta, iaitu Akta Cukai Perkhidmatan yang mana dia ada hubung kait dengan apa yang telah kita luluskan semalam.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini- semalam Yang Berhormat Rembau telah menyatakan pendirian kita. Kita melihat SST ini ada dua komponen. Semalam telah selesai satu komponen. Komponen kedua, kalau kita lihat semata-mata daripada sudut perkhidmatan, mungkin daripada luar kita nampak ianya tidaklah mendatangkan satu akibat yang terlalu signifikan tetapi apabila kita gabungkan dua komponen, iaitu Akta semalam yang kita luluskan iaitu tentang *sales tax* campur dengan SST, maka satu perubahan yang agak ketara.

Sebelum ini rata-rata kita hanya dikenakan GST sahaja tetapi kali ini kita kena melihat ada perkhidmatan seperti pusat servis kenderaan ini yang terpaksa kita bayar selain daripada 10 peratus ke atas barangan yang kita beli, yang kita tempah, pada waktu yang sama, perkhidmatan yang kita dapatkan daripada pusat servis itu, kita terpaksa bayar enam peratus juga. Ini menyebabkan tanggungan kepada pengguna itu akan meningkat. Kalau kita lihat gabungan kedua-dua komponen ini.

Tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyebut tentang berapa nilai ambang, *threshold*. Saya ucapkan terima kasih kerana kalau sebelum ini nilai ambangnya mungkin RM100,000, RM150,000. Sekarang kita naikkan kepada RM500,000. Sebagai contoh, kalau dulu untuk perniagaan yang RM300,000, mereka dikenakan. Kalau nilai ambangnya RM300,000, dia kena bayar.

Sekarang mungkin RM500,000 baru kita bayar. Akan tetapi dalam konteks ni, kita tak boleh melihat perkara ini disebabkan kegagalan GST telah menghindar kita daripada melakukan sebarang penyelarasan. Apa yang saya hendak maksudkan di sini ialah, dalam GST sendiri, kita membenarkan penyelarasan dari segi nilai ambang. *Threshold value* itu juga boleh diubah.

Jadi Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan GST ini *from cradle to grave*. Saya tidak bersetuju dengan pandangan ini. Betul, sebelum itu ada barang-barang termasuk barang bayi kita dikenakan, sampailah orang tu meninggal. Mungkin sampai hari tua pun mereka kena tanggung GST. Akan tetapi, apabila kita memperluaskan senarai pengecualian cukai bagi barangan ataupun perkhidmatan, saya rasa perkara ini boleh dibuat.

Saya cuma hendak kata, nilai ambang boleh kita naikkan, tak kira sistem SST atau GST yang kita guna pakai. Ini bermaksud, kita tidak terbatas kepada perubahan sistem daripada GST kepada SST. Bermaksud, ianya dibolehkan tetapi kita memilih oleh sebab sudah ada manifesto yang kita patut patuhi seperti mana yang dijanjikan oleh kerajaan, maka mereka telah membuat keputusan, kita tidak mahu lagi GST dan kita akan teruskan kembali kepada sistem lama iaitu SST.

Di dalam konteks ini, saya cuma hendak maklumkan pada Dewan yang mulia ini, di bawah GST pula, kita lihat bukan sebab hospital tidak dapat dibina mengikut jadual waktu yang ditetapkan di Rembau, maka kita persalahkan GST. Sama juga, saya sebagai golongan profesional, saya tak akan mempersalahkan SST sekiranya besok di kawasan saya tak dapat bina hospital kerana kita tak boleh buat satu andaian yang begitu *simplistic*.

Saya minta supaya Ahli Yang Berhormat di sana melihat perkara ini. Kita tengok konsep itu tidak salah tetapi pelaksanaan seperti mana yang kita berkali-kali pertahankan, kalau ada masalah daripada segi pelaksanaan, kita kena perketatkan apa yang selama ini merupakan kelemahan kita. Akan tetapi perkara ini semalam nampaknya tidak ada ruang untuk kita berbincang.

Berbalik kepada Akta Cukai Perkhidmatan ini. Saya dapati salah satu komponen yang disebutkan ialah *food truck*. Untuk orang-orang bandar, *food truck* ini merupakan satu tempat yang agak popular untuk mereka membeli makanan secara bungkus. Jadi ini juga adalah satu bidang pencarian rezeki yang agaknya baharu dan ianya khasnya kepada golongan muda, mereka hendak berniaga di kawasan-kawasan di bandar. Itu sebagai salah satu cara.

Bukankah untuk bidang ini, *food truck*, alangkah baik kalau kita tidak dikenakan cukai perkhidmatan. Ini kerana saya lihat kalau kita hendak kawal harga, kalau kita tambah enam peratus, bermaksud mereka juga tertakluk kepada kenaikan kos. Kenaikan kos ini akhirnya akan dipindahkan kepada pembeli ataupun pengguna. Ini salah satu contoh yang saya hendak tunjukkan.

Kedua, kita lihat bekalan elektrik. Kalau melebihi 600 unit, dikatakan kita akan dikenakan enam peratus dari segi *service tax*. Ini saya hendak maklumkan pada Dewan yang mulia ini, sebenarnya untuk 200 unit yang pertama *kilowatt-hour* yang kita gunakan selama ini, RM87 sahaja. Akan tetapi selepas itu, anjakan itu begitu besar.

Saya jangkakan bagi mana-mana isi rumah yang menggunakan 600 unit iaitu lebih kurang RM200 lebih atau RM300, lebih daripada itu, mereka kena bayar iaitu enam peratus lebih daripada sebelum ini. Ini akan membebankan mereka yang dalam golongan M40. Lebih-lebih lagi kalau subsidi kita kurangkan, macam-macam bantuan kita tidak bagi berbanding dengan zaman dahulu dan ini akan menyebabkan bebanan ataupun tanggungan kepada mereka yang berada pada tahap M40 akan meningkat juga. Ini satu contoh.

#### ■1440

Kedua, mungkin kerajaan kena tengok balik. Kalau dari segi *electricity*, saya perhatikan sebenarnya bekalan elektrik ini kepada sekolah ada subsidi yang diberi tetapi ada yang berlebihan itu dibayar oleh pihak sekolah. Kadangkala dikutip dalam kalangan ibu bapa. Ini yang menjadi kekhuatiran saya. Di sini saya minta kementerian tengok balik oleh kerana ini adalah satu tindakan daripada GLC, kadangkala mereka mengambil kesempatan. Saya pernah bangkitkan perkara ini sebelum ini iaitu kita lihat kenapa tarif elektrik, kalau RM87 kebanyakan sekolah akan mencapai lebih dari 200 unit, tidak ada masalah. Akan tetapi hendak melebihi 600 unit pun sangat mudah. Kalau kita ada pelajar 300 orang, 400 orang, ia akan lebih daripada 600 unit.

Dalam konteks ini, semua sekolah kena tanggung lebih banyak. Kenapa? Salah satu sebabnya ialah untuk tarif sekolah, kita kategorikan sebagai perdagangan 'C'. Jadi sebab itulah kita nampak tarif itu dalam kategori perdagangan bermaksud satu unit harganya ialah 59 sen berbanding dengan industri cuma 44 sen. Bagi pejabat kerajaan pula kalau kita lihat, saya pun rasa pelik macam mana dulu kadarnya hanya 36 sen, kalau banding dengan sekolah 59 sen. Ini yang menyebabkan kita kena tengok balik kerana senang mencapai nilai 600 unit untuk setiap sekolah.

Dengan adanya keadaan ini, Dewan yang mulia ini kita kena tengok. Kalau kita tengok jumlah, kita jumlahkan semua sekolah khususnya sekolah bantuan kerajaan kalau ditanggung oleh ibu bapa akhirnya ibu bapa akan sengsara. Saya harap Menteri Kewangan dapat melihat perkara ini kerana bekalan elektrik ini kalau sampai 600 unit, ianya pada orang yang duduk di bandar terlalu mudah untuk kita mencapai nilai ambang ini.

Saya juga ingin menyatakan kebimbangan saya. Kalau kita lihat di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018, kita lihat di bawah SST ini *service provider* dalam bidang digital, IT, automasi akan menghadapi satu kesan yang buruk atau implikasi buruk kerana modal pelaburan tidak diberi pengecualian *intermediate goods*. Ini kita kena lihat. Maka bagi mereka yang berkecimpung di dalam bidang perkhidmatan atau pembekal perkhidmatan digital, IT atau automasi di Malaysia, mereka tidak mempunyai *level playing field* kerana perkhidmatan yang diimport tidak dikenakan *service tax*.

Saya bagi satu contoh, kalau Alibaba kita tahu dalam era digital ini kita memang usaha untuk kita membangunkan e-ekonomi kita ataupun ekonomi digital kita dan apa yang kita dapat lihat ialah Alibaba telah melabur *cloud computing* di Indonesia. Apa akan berlaku sekiranya syarikat di Malaysia, SME kita juga membangunkan bidang ini iaitu pembekalan perkhidmatan dalam IT dan sebagainya. Apabila satu ibu pejabat telah ditubuhkan di sana khusus untuk *cloud computing*, dia tidak perlu datang ke sini.

Akan tetapi solusinya yang telah dibekalkan, ia untuk mereka yang memberi perkhidmatan daripada luar negeri, mereka tidak perlu bayar tetapi untuk *local* SME yang membangunkan bidang ini, mereka terpaksa membayar enam peratus. Di mana *level playing field* untuk SME kita. Jadi ini merupakan satu kekhuatiran dan saya berharap supaya dalam sistem percukaian yang kita perkenalkan ini, kita betul-betul kena melihat aspek ini khususnya kalau kita hendak atau kita bercita-cita untuk membangunkan ekonomi digital di Malaysia.

Satu perkara lagi yang ingin saya bangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam. Satu pendedahan yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan dan sebentar tadi sahabat kita Yang Berhormat Jeli telah bangkitkan dengan cara yang beradab supaya kita dapat satu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Apabila jawapan Menteri Kewangan mengatakan kerajaan terdahulu telah merompak, *refund* GST. Ini adalah satu dakwaan yang sangat-sangat serius. Kita tahu bahawa sejak tahun 2014 kita perkenalkan GST dan kita tahu sejak hari itulah baru ada mekanisme untuk kita dipulangkan iaitu *refund* GST.

Kita sedar bahawa dalam mana-mana kalau kita bertanya kepada orang yang arif dalam bidang ini, mereka boleh kata setiap tahun Jabatan Kastam akan menasihati Perbendaharaan berapa jumlah bajet yang patut disediakan untuk *refund* GST. Itu perkara yang biasa. Jikalau ditetapkan misalan RM20 bilion untuk pulangan atau *refund* GST, maka pembayaran akan dibuat melalui akaun Amanah, itu perkara biasa yang dibuat. Saya bersetuju sekiranya wang itu terus hilang daripada Perbendaharaan, itu namanya perompak.

Akan tetapi kalau wang itu masih lagi dalam akaun kerajaan dan kita tidak sepenuhnya dimasukkan dalam akaun Amanah, itu bukan namanya rompak. Kita boleh rombak semula kerana kita melihat peruntukan itu kita boleh tokok-tambah mengikut tahun ke tahun. Saya rasa dalam soal ini kita dapat penjelasan daripada Yang Berhormat yang secara aman. Kita hendak dengar apa yang sebenarnya berlaku. Kalau ada mana-mana orang atau pegawai telah mencuri RM20 bilion ini, saya rasa ini adalah satu kes yang berat, saya setuju dengan Yang Berhormat ambil tindakan.

Akan tetapi oleh kerana disebabkan masalah teknikal, kalau dahulunya tidak diberi dengan jumlah yang genap iaitu jumlah yang mencukupi, ianya cuma satu *accounting method* ataupun kita boleh lihat kalau tidak cukup, ada mekanisme untuk kita tokok tambah. Jadi saya minta Yang Berhormat dapat memberi penjelasan tentang perkara ini.

Seterusnya, kalau ada sebarang *shortfall* apa yang mereka lakukan ialah kita masukkan dalam peruntukan akan datang dan kita akan buat penyelarasan berdasarkan *year-to-year basis*, tidak ada masalah. Jadi saya minta Yang Berhormat dapat beri penjelasan kepada Dewan ini supaya kalau yang benar itu memang dirompak, diambil oleh orang lain, saya sokong tindakan boleh diambil, tidak ada masalah. Kalau ianya bukan, saya berharap ianya dapat diberi penjelasan agar kita boleh buat penyelarasan. Ini adalah sistem kita, mungkin kita buat sistem GST anggaran *estimation* mungkin tidak tepat, itu kita kena kaji semula apa masalahnya. Jadi saya rasa jangan kita mempersalahkan GST semata-mata, *efficiency* kita tidak cukup. Semalam kita dah berkali-kali cakap dan nampaknya kerajaan sudah ada keputusan tidak akan mendengar.

Jadi sebelum mengakhiri ucapan saya di sini, saya sekali lagi minta supaya kerajaan melihat perkara ini. Kita *gentleman*, kalau sesuatu yang boleh kita lakukan perbincangan secara aman, tidak ada masalah. Kalau yang lemah kita kata lemah. Apa yang boleh kita perbaiki, kita akan perbaiki tetapi dengan tohmahan yang tidak berasas, saya khuatir orang luar akan mempunyai satu prasangka macam kita ini dulu Ahli Jemaah Menteri, kita tahu dan kita ambil duit ini. Ini tidak adil bagi kita, kita tidak tahu siapa yang buat itu. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat meneliti perkara-perkara yang telah saya bangkitkan.

Akhir sekali, saya minta supaya sekali lagi nyatakan pendirian kita iaitu kita minta seperti mana yang kita telah utarakan semalam iaitu tubuhkan satu jawatankuasa pemilihan untuk kita bincang kerana masih ada ruang untuk kita berbincang dan ini adalah keputusan semata-mata kepada kerajaan. Kita boleh bekerjasama antara kedua-dua pihak dan kita berjanji tidak akan mengganggu-gugat kedudukan kewangan. Sementara itu ada zaman peralihan kita gunakan sistem yang ada supaya tidak menjejaskan perolehan kerajaan. Itu kita boleh bagi jaminan. Jadi dengan itu, saya tidak menyokong akta ini dan seterusnya menyatakan *reservation* kami iaitu teruskan GST tetapi kita kurangkan *service tax*. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Ada lagi yang hendak berbahas? Saya jemput Yang Berhormat Pasir Salak.



**2.50 ptg.**

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya telah pun mendengar dengan teliti hujah-hujah yang telah dikemukakan pada hari semalam dan juga pada hari ini berhubung kait dengan cukai GST dan juga SST, dibandingkan di antara satu sama lain. GST telah diperkenalkan oleh kerajaan dahulu dengan tujuan tertentu iaitu untuk menambahkan pendapatan kerajaan. Pendapatan kerajaan ini sangat penting. Waktu itu kita menghadapi penurunan ataupun kekurangan pendapatan disebabkan oleh sumber pendapatan daripada minyak umpamanya masa itu, begitu terancam sekali. Harga minyak jatuh menurun dengan begitu serius sekali.

Kalau kita ingat, mantan Perdana Menteri pernah menyatakan bahawa pendapatan, *revenue* daripada GST ini merupakan satu sumber yang telah membantu negara kita. Malah, turut membantu untuk membayar gaji-gaji pegawai kerajaan. Kalau sekiranya tidak ada pendapatan daripada sumber itu, mungkin jentera pentadbiran juga terjejas. Apabila jentera pentadbiran terjejas, bermakna kesejahteraan rakyat akan juga terjejas. Jadi, GST *is a savior*. Penyelamat kepada negara dan juga kepada rakyat. Jadi, kita kena akui dan pada masa itu sumber-sumber *revenue* yang lain juga terjejas seperti harga kelapa sawit, *export* kita, *revenue* daripada eksport pun menurun. Ini diperkenalkan dan terbukti berjaya. Itu saya hendak sebut satu perkara.

Perkara kedua, berhubung kait dengan apa yang dikatakan bahawa pokoknya kita hendak menangani kos sara hidup rakyat. Cukai GST dikatakan telah membebankan rakyat dalam menghadapi kos sara hidup. Di sini ingin saya mengingatkan kita, Tuan Yang di-Pertua, memang diakui ada rakyat di kampung-kampung berpendapatan rendah.

Namun begitu, pada keseluruhannya, kita dapati ekonomi rakyat tidaklah seburuk sebagaimana yang digambarkan. Buktinya, kita boleh lihat berduyun-duyun orang membeli-belah. Yang pergi ke pasar tani, pasar basah dan lain-lain pasar. Kalau kita pergi ke kawasan-kawasan kampung, berduyun-duyun kereta, bersusun-susun rakyat pergi membeli-belah. Mana mungkin rakyat boleh membeli-belah, berbelanja kalau sekiranya tidak ada pendapatan.

Begitu juga kalau di *urban area*. Kawasan bandar. Kita dapati masih ramai lagi kalau kita pergi ke hotel-hotel. *Coffeeshouses* penuh dengan pelanggan-pelanggan. Mana mungkin datangnya pelanggan-pelanggan ini kalau sekiranya pendapatan rakyat begitu teruk sekali. Di sini saya ingin menyatakan fakta. Itu *observation* yang kita tengok. *Consumers' behavior* menunjukkan tidak ada kegawatan yang begitu teruk sebagaimana yang digambarkan.

Akan tetapi kalau kita hendak tengok fakta, Menteri juga menyebut bahawa per kapita kita, dengan izin, *what is the per capita?* Rakyat kita, Malaysia dikatakan lebih daripada RM3,000. Kalau RM3,000, maknanya pendapatan pada tahap yang baik dan sebab itulah mereka mampu untuk berbelanja, untuk membeli segala keperluan-keperluan hidup. Akan tetapi saya juga ingin menyatakan pandangan saya, per kapita ini pun kadang-kadang tidak boleh pakai sangat.

Ini kadang-kadang kajian pihak-pihak yang tertentu untuk menunjukkan pendapatan rakyat kita ini tinggi. Sebenarnya kalau kita lihat di kampung-kampung, petani-petani, pesawah dan nelayan, pendapatan bulanan mereka hanya sekitar antara RM1,500 hingga RM2,000 sebulan, terutamanya pesawah. Ada lebih kurang 800,000 orang pesawah. Petani dan nelayan pun begitu. Jadi, bagaimana dengan tahap per kapita RM1,500 hingga RM2,000 ini? Adakah mencukupi atau tidak? Kita dapati untuk keperluan harian mereka, jumlah ini adalah jumlah yang boleh dikatakan agak selesa.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatakan bahawa keadaan ekonomi rakyat begitu tertekan sekali, begitu buruk sekali, begitu 'membebankan' sekali. Bukan beban tetapi 'beban'. 'Membebankan' sekali adalah satu tuduhan yang tidak betul. Untuk apa tujuan ini? Tujuan politik supaya rakyat bangkit menentang kerajaan. Itu sahaja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, untuk menangani kos sara hidup, tidak hanya bergantung kepada cukai. Tidak hanya bergantung kepada cukai untuk dihapuskan atau diperkenalkan. Apa yang penting, kita kena terima hakikat bahawa pendapatan rakyat mesti ditingkatkan. Dengan izin, *their disposable income must be increased in the long term*. Ini kerana kita tidak boleh dapat menafikan, tidak boleh kita mengamalkan sikap *denial* bahawa kenaikan harga barang ini adalah satu hakikat.

Saya ingat lagi masa saya keluar daripada universiti dahulu. Saya keluar universiti, *the first car I want to tell you*, dengan izin, saya beli Mini Clubman. Berapa harga *Mini Clubman*? Cuma *RM7,000 at that time- RM7,000 in 1972*. Sekarang mana boleh dapat *Mini Clubman* dengan harga *RM7,000... [Disampuk] Brand new* lah. Mestilah, mana boleh kalah. Mesti beli *brand new [Ketawa]* Kita beli *brand new, but now, it is only RM100,000 to RM200,000, because increase in the price is unavoidable. If the consumer price increase is unavoidable, it is because of what? The cost of production*. Tiap-tiap tahun orang minta gaji bertambah.

Kalau ini sekarang, *cost of the production*. Contoh sekarang. Kalau harga minyak sudah naik, *the fuel cost has increased and because of the increase in the fuel cost, you will increase the transportation cost. It will increase* nelayan punya aktiviti kerana mereka menggunakan minyak diesel yang harganya sudah meningkat. Pengangkutan daripada pelabuhan penangkapan ikan, bawa ke bandar, bawa ke pasar borong, Pasar Borong Selayang yang semalam dipersoalkan oleh Yang Berhormat Puncak Borneo yang dia kata tanya Yang Berhormat Bung pergi ke apa nama ini? Pasar Borong pun dipertikai buat apa? Dia pergi pasar borong, biarlah dia pergi pasar borong. *You* pula meragui pula dia pergi pasar borongkah atau pergi mana-mana tempat lain.

Jadi, *transportation cost*, Tuan Yang di-Pertua, *increased. Production cost, increased. All the cost will go to the costing kepada pricing. All the cost will be transferred, dengan izin, to the consumer price*. Jadi, apa cara kita hendak mengelakkan bahawa *increase in the cost of production, increase in the consumer price? There's no way. This is the reality of life*. Oleh sebab itu, jalan yang tidak lain dan tidak bukan ialah *we have to increase their disposable income. How to increase the disposable income? This is the government's job*. Kerajaan dulu kita sudah cuba sedaya upayanya, naik sikit-sikit.

Sekarang ini kerajaan sudah ambil alih. Mereka kata mereka *can do better. Can do great*. Itu, ini, lebih hebat. Buatlah. Kita hendak tengok. *But, I want to-* saya ingin mengingatkan di sini, jangan bergantung kepada SST sahaja. Jangan bergantung kepada penghapusan cukai GST sahaja. Ingatkan bahawa harga barang akan tidak naik dan kos sara hidup terjamin. *No way. There are other factors*, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dengan sebab itu, saya rasa kita kena melihat masalah kos sara hidup ini secara holistik. Dari segi *multi-pronged strategy* kalau kita hendak membantu rakyat, menyejahterakan rakyat. Tuan Yang di-Pertua...

#### ■1500

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Pasir Salak, boleh penjelasan?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Penjelasan?

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Sekejap sahaja.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh, tak ada masalah.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pasir Salak. Saya ingin bertanya, minta penjelasan. Seperti Yang Berhormat sebut tadi, negara kita mengalami kekurangan dana dan perlukan perbelanjaan untuk menguruskan negara, membangunkan negara.

Saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat Pasir Salak bersetuju kalau saya mencadangkan negara kita ini, kita perkenalkan cukai kepada golongan satu peratus yang tertinggi sekali, yang terkaya di negara kita. Golongan satu peratus ini yang menguasai kekayaan negara kita begitu luas, begitu banyak, kita kenakan cukai kekayaan ke atas mereka ini. Itu satu.

Kedua, adakah Yang Berhormat Pasir Salak bersetuju, untuk mengatasi kekurangan dana negara kita ini, kita naikkan semula peratusan cukai korporat daripada tahap sekarang kita tingkatkan lagi. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, kita kena melihat secara rasional di sini. Kita jangan anti kepada pihak yang kaya. Jangan kita memandang serong kepada orang yang kaya *because*, dengan izin, *they are also contributing*. Cara macam mana? Mereka digalakkan untuk melabur. Bila melabur, mewujudkan peluang ekonomi, menambah pendapatan kepada kerajaan dan pendapatan yang bertambah, kita boleh gunakan untuk pembangunan negara dan rakyat.

Akan tetapi jika kita kenakan cukai yang terlalu tinggi, kata mereka ini banyak duit sebab itu kena cukai tinggi, dia lari, cabut lari. *They go elsewhere, they go to Myanmar. They go to Bangladesh, they go to Vietnam*. Sekarang pun sebenarnya kita kena berhati-hati. Sudah banyak pelabur-pelabur luar yang telah melarikan pelaburan mereka ataupun memindahkan pelaburan mereka ke negara lain. Saya dulu pun memperingatkan juga dan saya harap kali ini Kerajaan Pakatan Harapan akan melihat perkara ini. Kalau ditanya daripada segi sama ada ianya boleh membantu, boleh membantulah daripada segi cukai sahajalah tetapi bantuan daripada segi pelaburan?

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** [Bangun]

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Motivation, incentive for them to invest and create economic activity. You will have to pay a cost to that, there is an opportunity cost to that.* Jadi kita kena melihat secara rasional. Terpujanglah kepada pihak kerajaan, antara Menteri lah menjawab tetapi itu pandangan saya.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya?

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Belakang. Cameron, Cameron...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Pada pandangan saya, seperti yang tadi Yang Berhormat Pasir Salak cakap tadi memang ada faktor-faktor lain yang mempengaruhi kenaikan harga dan kos sara hidup tapi daripada pernyataan Menteri Kewangan semalam, beliau amat *confident* dan yakin bahawa dengan mengenalkan pengenalan SST ini dan memansuhkan GST ini, beliau amat *confident* bahawa harga akan turun.

Walaupun pada penghujung penggulungan, beliau telah memutarakan mengatakan bahawa harga tidak pasti akan turun tetapi saya percaya daripada pernyataan dan juga tujuan utama SST yang diperkenalkan ini adalah untuk mengurangkan harga barangan dan juga kos sara hidup. Itulah janji yang telah dilontarkan oleh Pakatan Harapan semasa pilihan raya dan GST sering dikaitkan dengan kenaikan harga dan kos sara hidup yang tinggi.

Jadi saya rasa adalah wajar untuk kita mendapat jaminan daripada Menteri Kewangan dan juga kerajaan Pakatan Harapan untuk memastikan walau apa sistem yang digunakan, rakyat harus dijaga dan janji harus ditepati. Maka dengan itu, harapan saya ialah bahawa dengan pengenalan sesuatu sistem itu, yang kerajaan yakin itu, dapat mengurangkan kos sara hidup dan juga harga barangan. Apa pandangan Yang Berhormat Pasir Salak?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu soalan kena tanya kepada Menteri Kewanganlah ya, tetapi saya nak ingatkan di sini, ingat satu lagu, lagu Melayu.

♪ *Apa guna berjanji...*

*Kalau tak ditepati...* ♪

Ha, sambungnya saya dah lupa [Ketawa]

Saya boleh ingat dua ayat itu sahaja tetapi sedap lagi itu. Bukan sahaja sedap didengar tapi ianya satu pengajaran. Penggubah lagu itu, komposernya memberikan peringatan kepada kita, jangan suka berjanji. Jadi saya ingat eloklah peringatan itu kepada Menteri. Jangan mudah-mudah berjanji.

*There is no way that you can guarantee the price will not go up, there is no way that you cannot guarantee the price will go down. Up and down* dengan izin, terpulang kepada ekonomi dan ingat, ekonomi Malaysia kita bukan satu ekonomi yang bersendirian. Kita bergantung kepada dunia luar. *We are an export-dependent country, we are dependent on US* punya ekonomi, ekonomi negara China, ekonomi negara Jepun. Ingat itu. Jangan terlalu *overconfident*. *Mark my word* Tuan Yang di-Pertua. *By the 1st of September, you will see your promise will be* apa orang kata, *you will not meet your promise*. Jangan terlalu *confident*. Ha, lagi itu, itu lagi *last* sekali.

Satu saya nak perbetulkan iaitu pendapatan kerajaan yang dikatakan kita sebut pada masa beberapa tahun yang lalu, kita menghadapi masalah. *I want to put it right*, jangan orang kata, "*Oh ini pasal belanja boroslah, pasal hutang 1MDBlah. Pasal hutang itulah, pasal hutang inilah maka kerajaan tak ada duit ini*". Bukan sebab itu. Sebabnya ekonomi dunia kita pada tahun itu, tahun-tahun tersebut *we had that problem. We were facing global economic problem. I think* Menteri Kewangan tahu *we had economic problem- affected by the world economy* dan pendapatan negara terjejas disebabkan *world economy*...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini Yang Berhormat Damansara kah, Yang Berhormat Petaling Jaya ini?... Tony, Tony.

**Seorang Ahli:** Damansara.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ha, Yang Berhormat Damansara ini pakar sangat bab ekonomi. Penasihat kepada Menteri Kewangan *but the logic you give-* eh, tunggu dulu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Bukan penasihat ya, bukan penasihat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Penasihat? Okey penasihat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Bukan penasihat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jangan '*punahsihat*' ya? Biar betul jadi penasihat. Bila *you* kata, Yang Berhormat Damansara kata ini GST memperkayakan akauntan. *This is a serious allegation*, dengan izin, *you know? I want to urge* Persatuan Akauntan di luar ini jawab, jawab Yang Berhormat Damansara. Malangnya dia orang tak ada di sini, saya pun bukan akauntan, tak boleh jawab bagi pihak mereka...

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *I am different, man. You know?*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Minta laluan, minta laluan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You* jangan tuduh. Kasihan akauntan.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Akauntan minta laluan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Siapa pula? Okey Yang Berhormat Tebrau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Tebrau seorang akauntan. Semalam pada masa Yang Berhormat Pasir Salak berucap, saya di luar kerana ada urusan lain tetapi akauntan-akauntan di luar sudah mesej saya untuk menjawab Yang Berhormat Pasir Salak. Akauntan ini, kita menyokong GST pada masa pelaksanaan kerana kita fahamkan itu sistem yang baik, sistem baik. Akan tetapi pada masa itu saya sendiri ada keluarkan satu kenyataan, walaupun sistem yang baik, kalau orang yang menguruskan tidak baik, sistem itu akan dirosakkan... [*Tepuk*] Itulah pendirian saya pada masa GST dilaksanakan oleh Kerajaan BN.

Semalam saya pun ada sebut dalam perbahasan saya, kelemahan pelaksanaan GST kerana penguat kuasa tidak jalankan tugas dengan baik untuk memastikan tidak ada ketirisan dan juga bayaran yang terlebih bayar tidak dapat dipulangkan kepada pengilang-pengilang mengakibatkan pengilang-pengilang naikkan harga sebagai ganti rugi tidak dapat bayaran balik GST. Itulah sebab GST itu membebankan rakyat walaupun ia adalah satu sistem yang baik.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey, *thank you*. Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tebrau ini saya ingat dia *absent* kot, tidak hadir Dewan ini. Perkara itu sudah bincang sudah, panjang lebar sudah semalam tentang pelaksanaan ini. *Everybody have said it*. Ada dengar kah tidak?

■1510

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dia dengar daripada mana? Sudah dijelaskan pelaksanaan. *You have problem with the pelaksanaan-implementation. You fix the pelaksanaan, not the system. You don't change the system.*

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You don't like the Wakil Rakyat, you change the Wakil Rakyat, don't change the party.*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Itu sebablah *change the government*.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** [*Ketawa*] Ya tidak? *That was the mistake*. Jadi tadi berkenaan dengan akauntan, *you should stand up. You're an accountant, bukan, Yang Berhormat? Yang Berhormat akauntan- are you?*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Ya, saya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Okay, I want to hear you. What is your response to the allegation by Yang Berhormat Damansara that you make a lot of money from GST? Jawab itu.*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Itu...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jawab itu.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Itu tidak betul.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak betul, *you marahlah sama dia. Apa marah sama saya?*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Saya tidak marah *you*.

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi dengan kata lain, Yang Berhormat Damansara sudah buat tuduhan yang tidak berasas kepada akauntan, betul?

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Am I right?*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Kerana tuduhan- kita tidak buat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Yes or no? That's all. I don't want to hear anything.*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Kita menang. Sudah, sudah. Untuk tuduhan- itu salah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Yes or no? That's all.*

**Seorang Ahli:** Ya lah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Yes or no?*

**Beberapa Ahli:** *No.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Ah, yes... [Dewan riuh]*  
Sekian, terima kasih... *[Dewan ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Salak. Ada lagi perbahasan kah? Sekiranya....

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Alor Setar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Alor Setar.

### 3.11 ptg.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kawan, bagi laluan ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga rakan sekalian.

Saya rasa dalam tiga empat rang undang-undang yang kita bicara ini, sebenarnya lebih kurang sama iaitu mansuhkan GST dan laksana balik SST. Saya rasa di sini perbandingan ini perlu buat, pertama, di antara dua sistem, dan kedua, dalam GST sendiri. Ini kerana kalau kita gunakan SST 10 peratus, banding dengan GST enam peratus, pengiraan ataupun cara kira itu akhirnya kita boleh dapat keputusan bahawa kadangkala ini yang baik, kadangkala ini yang lebih, kadangkala ini yang lagi mahal, kadangkala ini yang murah kerana dia tidak habis. Saya ingin hendak buat perbandingan dalam beberapa perspektif.

Pertama, saya rasa, selalunya bila kita buat perbincangan ataupun buat analisis minta pakar-pakar buat analisis, biasanya kita hanya buat analisis empat peringkat iaitu pengilang, pemborong, peruncit sehingga *consumer*, pengguna. Akan tetapi, adakah *market* keadaan sebenarnya semesti ikut cara ini? Maka inilah timbul masalah. Akhirnya apa yang akan wujud, keputusannya tidak semesti sama dengan apa yang kita analisis.

Saya cuba bayangkan sebenarnya dalam banyak keadaan di mana rantai itu lebih daripada empat peringkat. Contohnya, selepas pemborong, dia jual kepada peruncit. Peruncit ini dia boleh jual lagi dua kali peruncit sehingga ke *consumer*. Kerana apa? Khususnya di luar bandar, luar bandar bukan senang-senang boleh pergi sampai *Tesco* kah, *Makro* untuk beli. Maka apabila kita hendak ambil kira kesan dia, beza. Ini satu.

Kedua, kita kena banding juga di antara GST sendiri. Walaupun dalam teorinya, pemborong beli, dia boleh *claim input tax* tetapi apa perbandingannya jikalau ada dua pemborong, seorang pemborong yang ada CPP boleh *claim*, satu pemborong yang tidak ada? Kesannya dia beza. Katakan kita pakai satu harga yang senang kira. Kalau pengilang keluar satu barang, harga dia, dia jual RM100. Kalau SST dia kena sekali, tambah 10 peratus, RM110 sehingga pemborong. Sekiranya dia jual kepada satu pemborong yang pakai GST ada *input tax*, maka kos dia RM106 kerana enam peratus. Akan tetapi teori dia, dia boleh *claim* balik RM6 *input tax* itu. Maka kos dia masih RM100.

Akan tetapi kalaulah ikut empat peringkat yang kita ceritakan tadi, pengilang, pemborong, peruncit sehingga *consumer*, pengguna dan setiap peringkat hanya tambah RM10 sebagai margin keuntungan, akhirnya apa jadi? Akhirnya kita akan nampak kalau perbandingan antara SST dengan GST, GST nampaknya kurang mungkin harganya RM2 iaitu RM127 dan SST RM130, kalau setiap peringkat tambah RM10.

Akan tetapi apa yang saya cerita di sini sekiranya rantai ekonomi itu dipanjangkan lagi. Katakan kalau pengilang keluar, hantar botol air itu sampai Tesco, ada peruncit dia beli dekat Tesco, dia jual kepada pengguna. Akan tetapi apa kata kalau di luar bandar, peruncit dia beli, dia sendiri jadi pemborong juga, dia jual lagi kepada peruncit. Peruncit lagi dia jual lagi, akhirnya sampai ke kedai kopi, dia jual lagi bancuh air. Akhirnya kalau lebih daripada empat peringkat, sebenarnya kesan harga dia tidak sama.

Maka kalau saya panjangkan satu peringkat rantai dia sehingga *consumer* lebih daripada satu peruncit, harganya kalau banding SST dengan GST sebenarnya lebih kurang sama. Akan tetapi di sini saya mengaku bahawa kerajaan kutip lebih, betul. Akan tetapi katakan rantai ekonomi ini dipanjangkan satu lagi peringkat, satu lagi peringkat- kita kena faham di kawasan luar bandar bukan senang boleh terus dapat daripada pemborong. Akhirnya beliau tambah lagi rantai, maka *effect* GST akan jadi berkali-kali ganda. Akhirnya harga akan lebih daripada SST. Itu satu.

Tidak termasuk juga perbandingan di antara GST sendiri. Di bawah GST sendiri ada yang tidak habis, tidak sampai *threshold* RM500,000, maka dia tidak boleh hendak *claim input tax*. Bila dia tidak boleh *claim input tax*- barangkali mungkin *turnover* syarikat dia tidak sampai RM500,000 tetapi dia juga merupakan pemborong juga. Katakan kalau ada satu pemborong yang boleh *claim input tax*, ada satu pemborong yang tidak mampu kerana dia tidak boleh register untuk *claim input tax* katakan. Maka dua-dua ini masuk, ambil daripada pengilang yang sama. Harga dia apa beza?

Sama juga kalau kita ambil RM100, satu pemborong dia RM106 tapi dia boleh *claim input tax*, satu lagi tidak boleh *claim* sebab dia tidak ada lesen dan juga *threshold* dia tidak sampai. Maka perbandingan ini kalau ikut juga rantai empat peringkat sehingga lima peringkat, akhirnya harga dia beza. Harga dia beza maksudnya katakan kalau RM100 setiap rantai itu keuntungan margin hanya RM10, akhirnya pengguna yang beli di satu kedai yang tidak ada CPP boleh *claim input tax*, ada satu yang boleh *claim*, sebenarnya yang boleh *claim* ini dia lagi mahal kerana termasuk juga cukai tersebut.

*The ending price* sini RM136, sini RM137 walaupun keuntungan dua-dua pemborong sama kerana setiap peringkat dia untung yang sama. Seluruh rantai ini keuntungan sama tetapi bila hujung dia harga beza, akan timbul keadaan di mana sama ada yang boleh *claim input tax* ini dia nampak kalau saya terpaksa jual mahal sikit, adakah saya terpaksa kurangkan keuntungan ataupun seorang pemborong ini, nampaknya saya tidak perlu *claim input tax* pun saya lagi murah, lebih baik saya jual harga sama dengan mereka yang ada *input tax*, saya naikkan hargalah supaya saya dapat keuntungan lebih kerana harga pasaran sudah sampai paras itu. Itu pun hanya setakat lima peringkat, lebih daripada satu rantai.

Kalau kita panjangkan lagi *supply chain* itu, maka hujungnya *consumer* beli barang itu, harga dia tidak serupa dengan apa analisis yang kita nampak *on paper* ini. Memang beza. Itu memang berlaku di dalam pasaran. Kerana apa? Ini kerana kita faham bukanlah dalam pasaran ini semua hanya pemborong dapat daripada pengilang, *and then* peruncit dapat daripada pemborong. Setakat ini ada *consumer* boleh terus dapat daripada pengilang, ada peruncit dapat daripada peruncit. Maka ini kita kena ambil kira dan perbandingan antara ini apabila suasana ekonomi berlaku yang *se-actual* itu, tidak semesti sama dengan analisis kita ini, kesannya sebenarnya tidak semesti dengan yang kita kira.

Saya juga buat perkiraan ini di mana saya dapat satu *trend* di mana sekiranya *profit margin* setiap rantai ini lagi tinggi, maka perbezaan harga pada hujung *end user* di antara yang ada *claim input tax* dengan yang tidak *claim input tax*, jurang dia lagi besar.

Maka dia akan wujud satu keadaan di mana sama ada harga kalau katakan pasaran biasa di antara pasaran boleh jual harga yang lagi mahal, lebih baik saya ikut harga yang lagi mahal. Inilah salah satu punca yang menyebabkan kecenderungan bahawa harga sampai *end user* ini adalah lebih tinggi.

Saya faham dari segi sistem GST ini ada kebaikan. Kita tidak menafikan tetapi apabila *actual situation* bukan macam itu, maka apabila pelaksanaan itu, hujung kesannya bukan sesuatu yang di dalam jangkaan yang memang menepati tujuan itu, maka terpaksa kita kena ambil kira.

#### ■1520

Saya setuju dengan cadangan bahawa kalau ada rasa alat-alat atau pun barang-barang yang perlu kita kecuai, tidak perlu kita hendak hapus GST. Kita letakkan dalam bakul yang perlu dikecuai. Daripada segi konsep, betul tetapi bezanya walaupun kita tahu bahawa bawah CPI ini hampir 900 lebih barang, 60 peratus di bawah GST, 38 peratus di bawah SST. Isu di sini bukan setakat berapa peratus yang kita alihkan dari sini, perbanyakkan dalam senarai. Ini kerana satu barang dimasukkan di bawah pengecualian dalam SST, tidak sama dengan satu barang yang dimasukkan dalam senarai kecuai GST kerana pelaksanaan dia berbeza. Sebab apa? Sebab kita nampak, yang daftar di bawah SST lebih kurang dijangka melibatkan 70 ribu orang peniaga.

Maksudnya *monitor*, pemantauan ke atas 70 ribu syarikat. Akan tetapi kalau GST, pendaftaran syarikat hampir 500 ribu. Sebab apa? Kerana dia berperingkat. Maksudnya, kalau ada satu barang kita hendak kecuai daripada cukai, kita cari pengilang sahaja dalam SST. Akan tetapi kalau dalam GST, satu barang hendak disenaraikan terkecuai, kita kena cari daripada peringkat pengilang, ikut lagi sampai peruncit, pemborong untuk semak sama ada betul dia terkecuai dalam senarai dia. Apa lagi kalau peruncit ini dia jual barang 1,000 jenis, 500 yang terkecuai, 500 yang tidak terkecuai.

Adakah kos pelaksanaan itu diambil kira? Walaupun itu bukan di bawah beban kerajaan tetapi kita telah ambil kira sekiranya barang itu, satu barang dimasukkan dalam senarai terkecuai, maka setiap peringkat ada kesan. Kesan dia tidak boleh *equal* satu dengan satu. Ini lah saya rasa saya setuju kalau ada barang kita rasa kita hendak letak di bawah senarai. Akan tetapi isu saya di sini kesan dia bukan satu *equal* dengan satu kerana setiap barang yang dimasukkan dalam senarai terkecuai ini kalau bawah GST ini kita kena semak ikut sampai peruncit sama ada dia ikut. Itu yang menyusahkan.

Bayangkan kalau satu syarikat kecil, kedai runcit yang *turnover* dia tidak sampai 500 ribu, mungkin 200 ribu, kerana untuk pelaksanaan itu bukan sahaja *software* termasuk *manpower*, dan paling tidak GST untuk buat semakan daripada akauntan sekurang-kurangnya 1,000 lebih, tidak kira lah berapa alat ke atau barang yang dijual. Maka, impak itu perlu diambil kira. Itulah sebabnya dalam keadaan yang kita faham bahawa ada beza sistem ini, kekuatan dia, kelemahan dia, tetapi kita kena ambil kira suasana ekonomi sekarang atau pun cara ekonomi pasaran kita tidak semestinya serupa dengan *on paper* yang kita baca itu.

Saya sendiri berniaga, saya faham. Kadangkala barang ini bertukar dua tiga tangan di antara peruncit kalau GST kena. Adakah itu sesuatu yang produktif? Tidak. Akan tetapi ada sistem cukai ini, maka dia akan ambil kira. Maka, dalam pihak kerajaan saya rasa bab itu kita ambil kira. Saya tidak menafikan kebaikan atau pun sistem GST ini tetapi oleh kerana dalam keadaan yang kita tidak ada kemampuan yang boleh melaksanakan sebaik mungkin sementara ini saya rasa SST kita boleh kurangkan negatif impak yang saya ceritakan tadi dan sementara ini memang kita akan kurang dari segi *revenue* yang kita dapat.

Cuma di sini saya hendak jelaskan kekurangan *revenue* tersebut tidak semesti kerana walaupun mungkin sebahagian daripada *black market* atau pun larian cukai. Akan tetapi sebahagian itu memang dapat daripada *multiplied effect* daripada cukai tersebut yang saya ceritakan tadi. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak percaya, Ahli-ahli Yang Berhormat cuba kira sendiri. Akan tetapi jangan guna empat peringkat, guna sampai lima, enam peringkat rantaian *supplier*, *you* akan nampak bezanya kesan itu. Saya harap dalam bab ini pihak pembangkang pun kita sama-sama kaji lah sama ada kalau *betui* Ahli-ahli Yang Berhormat hendak setuju untuk GST pun, kita wujudkan...



**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Minta laluan Yang Berhormat Alor Setar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Alor Setar berkenaan dengan cukai perkhidmatan ini. Oleh sebab kita dah kena jualan. Dah lulus kelmarin. Maknanya cukai jualan dikenakan pada peringkat pengilang. Cukai jualan ini kita telah kenakan.

Kedua, bolehkah kita *follow-up* harga kebertanggungjawaban sebagai sebuah kerajaan untuk hendak menentukan harga di peringkat akhir iaitu pengguna *end user*. Itu satu. Bila kita kena pula cukai perkhidmatan, ini dah dua kali cukai yang dikenakan, yang akan dibayar oleh pengguna.

Siapa yang kebertanggungjawaban untuk hendak *follow-up* kepatuhan harga yang sampai ke peringkat pengguna terpaksa bayar? Okey GST kita boleh. Cuma kerajaan kena fikir macam mana hendak kawal harga supaya tidak tinggi bila dikenakan GST di peringkat awal walaupun berperingkat. Dikeluarkan pada pengilang, dikenakan GST, lepas itu pemborong, pengedar dan sehinggalanya kepada peruncit yang dibayar.

Makna empat peringkat ini dapat dikawal oleh kerajaan bagaimana harga di hujung sana ditentukan oleh peniaga, peruncit dan dibayar oleh pengguna. Cukai perkhidmatan ini adakah kaedah yang sama hendak dibandingkan dengan GST? Bagaimana kebertanggungjawaban kerajaan untuk mengawal peringkat yang paling akhir yang dibayar oleh pengguna? Oleh kerana hanya satu perkhidmatan dikenakan di peringkat pengilang. Sekian.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Saya faham. Itulah saya kata sebenarnya saya bahas dalam secara pakej. Memang sepatutnya ini lebih tepat kepada GST, tetapi ada juga..

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tidak boleh pakej.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Saya faham.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ini kita kena bincang secara terperinci untuk rakyat.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Saya faham.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Bukan untuk kerajaan, bagaimana hendak mengawal? Ini saya bangkitkan.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Ada juga perkhidmatan, ada juga perniagaan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Kita tidak boleh fikir terus laksana, fikir terus laksana. Kena fikir apa yang bebanan rakyat tanggung. Baru boleh. Pakej ini satu yang besar.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Memang lah kita kena ambil kira.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** *Macro and micro must go together.*

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Memang lah, memang lah kena ambil kira. Itu lah sebabnya ada perniagaan yang hanya *provide service*, dia tidak semestinya jual barang tetapi konsep dia sama. Akan tetapi saya faham bahawa harga *end user* itu sebenarnya kita selalu ada pemikiran bahawa kita hendak *control* harga dia, kita *make sure* akhir sekali, harga itu tidak boleh melebihi satu harga yang tetap.

Akan tetapi selain daripada harga barang kawalan, kita susah hendak letakkan satu harga walaupun kita ada akta untuk pencatutan tetapi cara pengiraan dia adalah *profit margin* yang berbanding dengan selepas dan sebelum. Akan tetapi kalau lah rantaian *supplier* itu lebih, dia tidak salah sebab setiap peringkat itu keuntungan dia sama. Marginnya tidak tinggi tetapi oleh kerana rantaian itu lebih, akhir punya harga mesti akan lebih daripada sebelum ini. Ini market pasaran. Cuma bezanya kalau SST, dia tidak ada paksaan untuk setiap peringkat. Dia ada satu pasaran.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua. Apa ini Yang Berhormat Alor Setar, kita *tak apa* Pendang dengan Alor Setar, kami *mai* satu negeri. *Tak dak* masalah kami boleh *bertekaq*. Okey lah saya setuju dari segi cara kaedah mengenakan cukai perkhidmatan ini tetapi entiti untuk mengawal atau pun *enforcement, observation by some* mana-mana *body* yang bagi supaya rakyat tidak beban apa yang saya cakapkan sini supaya rakyat tidak terbeban dengan apa yang dilaksanakan. Itu sahaja.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Faham, faham. Setuju.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Apa kaedah *no problem*, tapi *enforcement* mesti benda ini perlu dilihat sebagai satu elemen penting bagi mengawal pelaksanaan sistem baru ini iaitu cukai perkhidmatan, jualan kita dah bincang panjang *lebaq* kelmarin. Sekian.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Setuju, setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta Yang Berhormat Alor Setar bagi Speaker bercakap. Minta Yang Berhormat Alor Setar rumuskan sedikit.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Oh! Okey, okey. Sebenarnya. Hendak mencelah? Celah.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Saya rasa perbincangan Yang Berhormat Alor Setar yang terbaik daripada pihak kerajaan. Sebab sangat memahami isu ini dan tidak hanya cakap benda-benda yang tidak ada kaitan. *That's very good* perbincangan *actually. I was listening to you*. Cuma yang pertamanya, Yang Berhormat Alor Setar sendiri memahami bahawa SST ada *cascading effect* dan bila *cascading effect* itu berlaku dan memang betul lah bukan semua tempat yang pengguna beli dikenakan cukai penjualan.

Akan tetapi dalam kes restoran makan atau pun hotel *cascading effect* itu akan berlaku. Maksudnya cukai di tempat *manufacturer* dan juga di peringkat kedai. Jadi dia dua kali lah cukai itu berlaku. Akan tetapi saya hendak berbalik kepada contoh yang diberi oleh Yang Berhormat Alor Setar tadi berkenaan dengan rangkaian yang panjang.

#### ■1530

Saya setuju kalau rantai ini terlalu panjang dia akan menyebabkan harga itu naik. Contoh yang diberi oleh Yang Berhormat Alor Setar adalah bila peruncit beli daripada peruncit, beli daripada peruncit ini menyebabkan harga dia naik tetapi dua perkara yang saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Alor Setar.

Pertamanya, adakah Yang Berhormat Alor Setar mempunyai maklumat berkenaan dengan berapa banyak kedai sebenarnya yang melalui rantai yang begitu panjang sebab saya hendak tahu sama ada ini kes yang banyak atau kes yang terpencil yang hanya relevan kepada kawasan-kawasan yang betul-betul pendalaman, itu yang pertama. *Do you know the exact figures?*

Kedua, sudah pasti mengikut perniagaan ini persaingan adalah cara yang terbaik untuk kita mengatasi perkara ini sebab kerana kita hendak bersaing, semua peniaga-peniaga akan cuba memendekkan rantai mereka. *They have no interest in keeping the chain long, it will be expensive for them*. Oleh sebab itu semua peniaga cuba pendekkan rantai. Oleh sebab itu bagi saya akhirnya masalah rantai yang panjang ini akan diselesaikan akhirnya oleh persaingan sebab semua akan cuba memendekkan rantai tersebut. Terima kasih.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Terima kasih, Yang Berhormat Rembau. Pertama, berapa kes itu memang tidak akan ada statistik, kerana apa, kerana setiap dalam zaman ekonomi sekarang setiap peruncit, dia sendiri mungkin jadi pemborong. Dia sendiri pun jadi *consumer sometimes*. So, kalau hendak ambil kira dia sebagai status mana hanya boleh kira ikut item, saya jual barang ini sebagai peruncit tetapi saya jual barang ini sebagai pemborong.

Maka kalau hendak ikut, itu kita hanya ikut *item*. Ini amat susahlah untuk *dicategorizedkan* tetapi dari segi teori kalau ini berlaku memang akan jadi harga naik. Saya faham kalau katakan tukar tangan dua, tiga kali harga akan naik tetapi bezanya bila ada GST, persaingan pasaran itu beza sebab ada seolah-olah ada satu daya dari kerajaan *push* dia setiap peringkat mesti ada tambahan.

Saya bagi contoh, sekiranya rantainya tambah dari rantai keempat, kelima, peruncit kali dua kali, maka perbezaan harga di antara *end user* itu asalnya beza 1.6 peratus. Ini saya guna RM20 sebagai marginlah tetapi satu rantai tambahan marginnya beza akan jadi 1.8 peratus saya tidak kira sampai ratus ringgitlah.

Cuma bila kita nampak trendnya beza kita akan nampak impak atas ekonomi itu beza. Akan tetapi beza di sini adalah kerana kerajaan bila kita masuk dengan GST maka walaupun pasaran ada daya untuk turunkan harga itu tetapi di sebelah sini ada daya untuk *make sure* harga dia tidak turun pada paras ini kerana apa pun dia kan kenakan sekali cukai itu. Maka dia akan tambahkan satu insentif di sini supaya dia tidak turunkan harga kerana *you* terpaksa jual harga campur *tax* harga dengan ini pasal apa saya hendak turunkan harga.

Ini salah satu yang perlu kaji tetapi saya nampak perbezaan di sini dan saya harap dalam bab ini dia bukan hendak kata kita kata SST ini bagus sangat tetapi ada bezanya dari segi impak ini dan kalau tuan-tuan hendak kaji, 'tuan-tuan' cuba buat pengiraan lebihkan daripada *chain* tersebut 'tuan-tuan' akan nampak.

Dengan ini saya tidak buang masa saya harap dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang bagi peluang untuk saya bahas dan saya dengan ini sokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Alor Setar. Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Boleh satu lagi, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya. Saya ingin tamatkan perbahasan, dan saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### 3.34 ptg.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018.

Tadi sumbangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Alor Setar adalah sangat bernas sekali dan telah membolehkan kita mencakupi mengapa GST dengan semua selok-belok dan liku-likunya apabila menghadapi masalah *input tax* yang tidak dibayar balik menjadikan satu cukai yang dilambak mengikut peringkat yang dia terpaksa lalui.

Di sini saya ingin menjawab secara terus beberapa soalan yang ditujukan. Saya hendak mula dengan Yang Berhormat Ayer Hitam sungguhpun Yang Berhormat Ayer Hitam tidak ada. Bila dia memberikan beberapa fakta yang tidak betul. Antaranya ialah menyatakan bahawa sekolah akan dikenakan cukai SST kerana bil elektrik. Kalau sekolah dikenakan SST, bukankah di bawah GST pun kena.

Saya rasa semua Ahli Parlimen daripada sana atau menteri pun tahu bahawa sekolah dikecualikan. Saya ingin Yang Berhormat Pontian pun tahu sekolah dikecualikan di bawah GST. Betul tidak? Betul takkan Yang Berhormat Ayer Hitam tidak tahu. Oleh kerana dikecualikan maka tentu SST pun keculikan sekolah. Mengapa gunakan contoh sekolah? Bila beliau sebut tentang SST dikenakan untuk penggunaan elektrik lebih 600 unit beliau menentang. Baik, boleh menentang ini demokrasi dalam Malaysia Baru tetapi jangan cakap GST lebih baik kerana nilai ambang atau *threshold* untuk penggunaan elektrik bawah GST ialah 300 unit. Kita tetapkan sekali ganda lebih besar 600 unit. Mana yang lebih baik?

So, saya harap kalau hendak buat kritikan biarlah ia berdasarkan kepada angka dan fakta. Bukanlah berdasarkan tipu dan fitnah dan saya harap bahawa sekiranya ada mana-mana tempat yang kurang kita akan cuba betulkannya tetapi jangan sebut oh ini 600 unit ini adalah satu yang tidak adil kerana sebelum ini tidak ada, ada di bawah GST *threshold*, nilai ambang ialah 300 unit yang lebih akan dikenakan GST. So, ini nyata sekali bahawa SST sekali lagi membuktikan bahawa ia adalah satu sistem percukaian yang sungguhpun membolehkan kerajaan mengutip lebih banyak cukai tetapi untuk rakyat SST adalah lebih ringan berbanding dengan GST.

Sesuatu yang mungkin tidak diberikan perhatian oleh pihak pembangkang ialah dengan pemansuhan GST dan pelaksanaan SST, kini kerajaan negeri dan kerajaan tempatan tidak perlu lagi bayar 6 peratus. Kalau sebelum ini kerajaan negeri dan kerajaan tempatan harus bayar cukai 6 peratus untuk semua projek termasuk projek jalan. Kalau buat projek jalan untuk tujuan awam kena bayar 6 peratus.

Contohnya di Pulau Pinang, apabila kita buat projek RM2 bilion ini bermakna 6 peratus, berapa? Kita terpaksa buat pembayaran 6 peratus sebanyak RM120 juta. So, inilah satu beban kepada kerajaan negeri. Sekarang tanpa pelaksanaan GST dengan pengenalan SST kerajaan negeri, kerajaan tempatan boleh jimat bayaran cukai 6 peratus ini... *[Tepuk]* Bukan sahaja di peringkat kerajaan negeri dan kerajaan tempatan, Kerajaan Persekutuan bila buat projek pun boleh jimat 6 peratus ini kerana GST tidak kenal orang. Mereka hendak kutip sahaja dia akan dikenakan kepada semua pihak dalam semua peringkat. So, itulah yang kita boleh jimatkan.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila, ini kawan saya daripada Tanjong Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri KPKT ada. Kalau saya tidak silap seingat sayalah, urusan dengan kerajaan tempatan memang kita kecualikan GST. Kalau projek-projek rakyat ini kalau saya tidak silap mungkin Yang Berhormat Menteri boleh sahkan. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri jadi kalau betul projek-projek dengan kerajaan tempatan dikecualikan GST, jadi kenyataan Yang Berhormat Menteri tidak berapa tepatlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih. Mungkin Yang Berhormat tidak pernah jadi kerajaan negeri. So, tidak tahu bahawa keadaan di kerajaan negeri adalah berlainan. Di pihak kerajaan negeri bila kita sebut tentang jalan mungkin Yang Berhormat sebut tentang perkhidmatan, perkhidmatan kerajaan tempatan pada suatu ketika dikenakan selepas ini saya rasa pada tahun terakhir ada diberikan sedikit pengecualian.

#### ■1540

Akan tetapi untuk projek-projek yang dijalankan oleh kerajaan negeri masih dikenakan GST. Projek jalan, projek longkang, projek bina dewan, semua dikenakan GST, tidak diberikan sebarang pengecualian.

So, itu yang saya hendak sebutkan di sini bahawa tengok sampai Yang Berhormat Menteri tidak tahu bahawa inilah suatu beban yang terpaksa dibayar oleh kerajaan negeri. Apabila kita mansuhkan GST, kita gantikan dengan SST, kerajaan negeri untung. Mereka dapat jimatkan cukai enam peratus yang mereka terpaksa bayar. Sungguhpun projek ini projek pembangunan adalah untuk rakyat. Tidak ada unsur-unsur keuntungan bukan laba. Akan tetapi kena juga dibayar GST. Di bawah sistem SST, tidak perlu lagi. So, itulah perbezaan. So, di sini kalau sebelum ini tentu negeri Pulau Pinang lain. Kerajaan tempatan semua perkhidmatan, semua pembayaran GST ditanggung oleh kerajaan tempatan di Pulau Pinang. Macam....

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti sekejap, nanti sekejap. Macam kita letak kereta. Itu kena bayar GST. Sewa dewan kerajaan tempatan, itu pun kena bayar GST. Buat jalan, buat longkang ini tidak payah cakaplah. Akan tetapi selepas itu saya difahamkan tahun terakhir ada setengah yang diberikan pengecualian tetapi akhirnya pun kena bayar.

Dengan pengenalan atau pemansuhan GST dengan digantikan SST, ini adalah satu penjimatan kepada pihak kerajaan negeri dan kerajaan tempatan sebanyak enam peratus untuk projek belanjawan, projek pembangunan dalam belanjawan mereka. Itulah perbezaan. Sila tadi Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Bagaimanakah Yang Berhormat Menteri, sudah ada kaedah terperinci untuk mengawal yang pertamanya *black economy*.

Kedua, manipulasi peniaga ketika kita melaksanakan SST. Adakah sudah ada kaedah yang lebih jelas supaya kita dapat tahu bagaimana rakyat dapat dipertahankan. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat Pendang, merujuk kepada ekonomi samar, *black economy*, ekonomi samar. Ekonomi samar ini adalah sesuatu yang kita akan tangani dan kita harap dapatlah kita kurangkan dengan sistem pengkomputeran. Dalam *economy digital*, kita menuju ke arah ketelusan. Itu adalah saya rasa suatu cabaran yang mesti di atasi oleh pihak Jabatan Kastam.

Kalau sebelum ini semua manual. Manual ini seperti yang disebut bergantung kepada penyata kewangan atau lejar satu, lejar dua, buku lejar satu, buku lejar dua, buku lejar tiga. Akan tetapi dengan sistem pengkomputeran, Yang Berhormat Pendang pun tahu, lain. Lebih-lebih lagi apabila kita menuju ke arah *blockchain* lain. So, itulah saya rasa suatu masalah teknologi dan teknikal yang harus diusahakan oleh pihak Jabatan Kastam. Kita harap dapatlah mengurangkan aktiviti ekoran daripada ekonomi samar.

So, di sini apabila kita lihat kebaikan ini, ini satu cerita baik kepada pihak kerajaan. Ini satu isu yang dekat dalam hati saya. Ini kerana saya tidak setuju dan saya tidak faham mengapa kerajaan negeri dan kerajaan tempatan perlu bayar cukai GST enam peratus untuk projek-projek yang memberikan faedah dan kepentingan kepada rakyat, semata-mata untuk kegunaan rakyat, untuk kepentingan awam. Akan tetapi pun kena bayar GST. Saya tahu, saya tidak payah sebut nama, saya tahu.

Ada sesetengah kerajaan negeri di mana projek tidak boleh jalan kerana mereka tidak mampu bayar enam peratus GST. Ini kerana enam peratus GST untuk sesuatu projek besar. Kalau projek-projek pembangunan RM100 juta, dia kena ambil keluar tambahan RM6 juta. Bukan semua kerajaan negeri berkemampuan. Saya rasa ini suatu perkara yang sangat tidak adil. Itulah sebabnya suatu kepincangan ini kita telah betulkan dengan menggantikan GST dengan SST. Saya percaya, ini adalah satu berita baik untuk semua kerajaan negeri tidak kira daripada pembangkang ataupun Pakatan Harapan... [Tepuk]

Saya tidak faham macam mana Yang Berhormat Ayer Hitam boleh kira *double taxation* 10 campur enam. Ini, dengan izin *it does not compute*. So, saya tidak mahu sebut tentang perkara ini. Ini kerana kalau kita hendak gunakan kaedah ataupun sistem atau kaedah perkiraan yang sama, kita belum boleh sebut di bawah GST barangan enam peratus, perkhidmatan pun enam peratus. Enam campur enam pun 12. Kita pun boleh sebut macam itu.

Pada masa yang sama jangan lupa 10 peratus adalah nominal kerana ini adalah cukai satu peringkat. Sekiranya ada banyak peringkat, kadar sebenarnya atau *the effective rate* bukanlah 10 peratus ialah di antara lima peratus hingga tujuh peratus. Secara purata adalah enam peratus sama dengan GST. Ini juga sekiranya SST pada tahap 10 peratus. Sekiranya SST pada tahap lima peratus, kadar sebenarnya mungkin tiga peratus sahaja. So, itulah balik kepada hujah utama saya sebelum ini iaitu sistem percukaian SST adalah jauh lebih ringan kalau dibandingkan dengan SST. Sila.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *Just* hendak minta penjelasan sebab Yang Berhormat Ayer Hitam pun tidak ada di sini. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam itu adalah apa yang dikenali sebagai *cascading effect* dalam SST di mana di peringkat pengilang, dia sudah bayar *sales tax*. *Sales tax* itu sudah *embedded* dalam harga yang sudah dijual kepada sebagai contoh hotel.

Jadi hotel itu pun jual biskut sebagai contoh yang datang daripada kilang dengan harga yang sudah di-*embedded sales tax* dengan dia punya margin dan dikenakan *service tax*. Itu maksud dia. Maksudnya dikenakan dua kalilah *sales tax* dengan *service tax*. Betul atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, sekiranya kita hendak gunakan hujah yang sama, ini pun boleh diaplikasikan untuk GST. GST pun dikenakan ke atas barangan, pun dikenakan ke atas perkhidmatan, sama jua. *What is good for the goose is also good for the gander.*

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** But GST dikenakan kepada nilai tambah, bukan *embedded* dalam harga, ia lain. Oleh sebab itu ada *claim by tax*.

**Tuan Lim Guan Eng:** *But you are talking about goods and services.*

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *No, no. But there is a difference.*

**Tuan Lim Guan Eng:** *It's also the same.*

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *The tax was not embedded into the goods price.*

**Tuan Lim Guan Eng:** *The another problem is when you talk about GST, it also the problem of the claim for the input tax.*

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *GST is the value added on the stage of production. There is a big difference Yang Berhormat Menteri.*

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa kita terus ada perbezaan di sini. Apa yang penting ialah sistem cukai pelbagai peringkat dengan sistem cukai seperingkat. So, sekiranya kita hendak gunakan hujah sedemikian, saya rasa kita pun kena lihat bahawa kaedah kalau kita gunakan untuk GST pun boleh digunakan dengan penjelasan yang sama.

So, di sini saya ingin menyatakan bahawa kalau kita sebut tentang kos yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam yang sebut tentang *economy digital* dan juga *intermediate goods* saya rasa itu adalah sesuatu yang sama dilaksanakan di bawah GST. Tidak ada perbezaan.

Ini saya hendak rujuk kepada Yang Berhormat Jeli yang menimbulkan satu soalan yang penting berkaitan dengan perkhidmatan global khususnya *shared services*. Di sini, pihak kerajaan akan bagi *group relief* kadar transaksi-transaksi dalam sektor perkhidmatan di antara syarikat. So, ini adalah sesuatu yang kita hendak galakkan.

Akan tetapi seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Jeli, sekiranya transaksi ini berlaku dalam FIC atau *Licensed Manufacturing Warehouse (LMW)*, ia tidak dikenakan cukai SST. So, dalam aspek ini saya rasa sesuatu yang tidak timbul sama sekali.

#### ■1550

Yang Berhormat Jeli juga bertanya tentang *refund, input tax* yang tidak dibayar balik. Saya tidak bercadang untuk membincangkannya di sini. Saya akan bincang di dalam rang undang-undang seterusnya apabila Dewan yang mulia ini akan membahaskan untuk memansuhkan Rang Undang-undang GST. Apa yang penting ialah untuk GST berbanding dengan SST, masalahnya ialah apabila *input tax* tidak dibayar- Yang Berhormat Pontian sebut, "*Kalau kita menjadi kerajaan, kita kena tanggung semua. Kalau tidak dapat isi, tulang yang adapun kita kena terima*". Betul tak? Betul tidak? Itu maksud daripada Yang Berhormat Pontian. Tidak apalah, kalau mahu tinggalkan tulang kepada pihak Kerajaan Pakatan Harapan, kita akan terima sekiranya ada tulang.

Akan tetapi, yang menjadi masalahnya ialah telan habis-habis, tulang pun tidak ada!... [*Dewan riuh*] Itu yang menjadi persoalannya apabila kita melihat amalan rasuah yang begitu teruk sekali. Saya tidak akan berganjak langsung bila saya sebut tentang *input tax* yang tidak berbayar dirompak oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lama. Saya akan berikan bukti dan nanti. Ya, memang dirompak! Jangan cakap bahawa ini adalah masalah teknikal.

Semalam saya cakap dua tahun. Sebenarnya lebih daripada dua tahun. Ada yang tidak berbayar sejak GST mula diketip atau dilaksanakan pada 1 April 2015. Tiga tahun! Jangan pula salahkan pegawai Jabatan Kastam, dia tidak tuntutan. Ini bukan masalah Jabatan Kastam. Jika wang tidak mahu diberikan, apa Jabatan Kastam boleh buat, bagaimana Jabatan Kastam boleh bayar balik *input tax* yang dituntut? Yang sepatutnya dibayar dalam 14 hari tetapi sehingga hari ini tidak dibayar. Sekiranya ada tulang, kita boleh bayar sikit-sikit. Tulang pun tidak ada, bagaimana mahu bayar?

Yang Berhormat Pontian minta...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, boleh?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya habiskan dulu. Saya akan bagi. Yang Berhormat Pontian pula sebut, "*Kalau ada masalah, samanlah!*" Siapa berani saman Kerajaan Persekutuan? Begitu garang sekali. Kalau tidak mahu dengar, akan dikenakan pelbagai tekanan termasuklah mungkin disiasat oleh LHDN. Bukan mudah. Siapa yang berani saman? Mereka hanya menulis surat untuk menuntut sahaja. So, saya harap Yang Berhormat Pontian bersikap adil kepada syarikat tersebut dan juga kepada pihak Kerajaan Persekutuan yang baharu. Kita mahu selesaikan masalah.

Satu lagi, sebelum saya berikan laluan. *Prepaid card*, kita tidak akan kenakan enam peratus seperti yang dilakukan oleh kerajaan lama. Kita akan gunakan kaedah lama supaya tidak akan dikenakan ke atas mereka yang membeli *prepaid card*. Sistem kaedah lama kita akan pakai untuk SST. Silakan.

**Seorang Ahli:** Dahsyat!

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, sistem kaedah lama untuk *prepaid card*, terima kasih. Kalau mereka berada di pihak yang benar, Yang Berhormat Menteri, kalau syarikat-syarikat itu berada di pihak yang benar, apa yang mereka hendak takutkan? Berani kerana benar. Bukan begitu, Yang Berhormat Kapar? Berani kerana benar... *[Disampuk]* Saman sahajalah. Saman Jabatan Kastam. Itu cadangan saya kepada semua yang belum lagi menerima *input tax credit* (ITC). Saya mengesyorkan mereka beramai-ramai saman Jabatan Kastam.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang baru mahu syorkan. Dulu tidak syorkan seperti itu. Dulu nafikan sama sekali ada masalah *input tax* yang tidak dibayar lebih dua tahun. Sekarang baru mahu mengakui bahawa itu adalah masalah. Kalau ada masalah, saman. Tidak perlu saman kerana sekarang kerajaan ini bertanggungjawab, kita akui memang ini *certified*, jumlah yang tidak berbayar, kita mahu bayar tetapi kita tidak ada wang untuk bayar.

**Seorang Ahli:** Dahsyat itu!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini kerana sepatutnya dalam Akaun Amanah. Tidak beramanah langsung!

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tidak ada wang, carilah wang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu yang menjadi masalah!

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tidak ada wang, carilah wang... *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu yang saya sebutkan tadi telan bulat-bulat...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Menteri Kewangan tidak tahu cari wang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Telan bulat-bulat sampai tulang pun tidak ada. Sekarang boleh minta kerajaan baharu cari wang.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kalau Menteri Kewangan tidak tahu cari wang, bagi Yang Berhormat Kapar jadi Menteri Kewangan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** *Fuh! Dahsyat!... [Dewan riuh]*

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Mohon laluan Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Marilah kita...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Mohon laluan Menteri. Sedikit. Sedikit. Pada *point* yang sama. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila. Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Kubang Kerian

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti apa yang dibincangkan ialah soal *input tax* yang tidak dibayar kembali. Dengan pertukaran sistem ini, pertama sekali, berapakah jumlah *input tax* yang sepatutnya dibayar dan belum dibayar? Apakah mekanisme yang dibuat oleh pihak kerajaan? Sebab, saya menganggap ini sebagai hutang yang wajib dibayar dan mesti dibayar. Walaupun tulang pun tidak ada tetapi usaha mesti dibuat dan apakah mekanisme pembayaran balik yang dicadangkan oleh pihak kerajaan bila bertukar daripada GST kepada SST? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Berkaitan dengan GST ini, saya akan dedahkan kemudian apabila saya bantah rang undang-undang pemansuhan GST. So, ini ialah berkaitan dengan SST di mana saya ingin tegaskan bahawa ini adalah satu sistem percukaian yang adil. Mungkin, seperti yang disebutkan oleh pihak pembangkang iaitu tidak efisien kutip wang, tidak begitu telus kerana berbanding dengan sistem GST, dia sapu habis tetapi sekarang bukan sahaja rakyat biasa yang mendapat faedah, kerajaan negeri pun akan mendapat faedah. Di sini, Kerajaan Negeri Kelantan pun akan mendapatkan faedah. Ini kerana tidak perlu bayar GST enam peratus untuk semua projek yang kerajaan negeri jalankan kepada Kerajaan Persekutuan.

Jangan lupa, apabila anda membayar GST enam peratus, anda tidak dapat balik satu kupang pun daripada Kerajaan Persekutuan. Semua diangkat oleh Kerajaan Persekutuan. So, itu adalah sesuatu perkara yang saya rasa amat penting untuk kita fahami bahawa GST dikenakan ke atas semua peringkat.

Sungguhpun ada disebut oleh mantan Perdana Menteri, oh, ada banyak pengecualian, tetapi ini semua indah khabar daripada rupa. Benarkah ia begitu baik? Sekiranya begitu baik, mengapa rakyat merana dan merintih bahawa harga barangan semua naik dengan mendadak sekali? Sila, Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti beberapa hari kenyataan oleh Menteri Kewangan mengenai kedua-dua akta. Berulang-ulang kali Yang Berhormat Menteri mengatakan tentang kelemahan, tentang beberapa kekangan yang dihadapi oleh kerajaan kini. Kami di barisan pembangkang ingin mengetahui apakah langkah-langkah drastik yang mahu dilakukan supaya rakyat segera merasainya? Kita tidak mahu walaupun telah menjadi kerajaan, sikap 'kepembangkangan' terus dilaksanakan.

Kami memberikan kepercayaan untuk melakukan apa sahaja jika sistem baru melalui SST dapat dilakukan. Ya, kita mengakui kerana kita bukan bersifat maksum atau bukan sempurna, ada kelemahan, ada kelebihan. Suatu kelemahan itu kerana Allah SWT telah mentakdirkan kerajaan sekarang ini mengambil alih, maka lakukanlah. Akan tetapi, jangan lakukan *blame game* berterus-terusan. Dalam perkara ini, kita harus lebih bersikap pragmatik, seharusnya.

Saya fikir bahawa apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri berulang-ulang dengan pelbagai balingan, terajangan dengan kebencian terhadap apa yang telah dilakukan. Kami memberikan mandat, rakyat memberikan mandat untuk melakukan yang terbaik, lakukanlah yang terbaik. Cukuplah *blame game* ini. Saya harap dengan hati terbuka dan berlapang dada, lakukan yang terbaik demi rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.



## ■1600

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya tidak mahu berkelahi dengan Yang Berhormat Ketua Pembangkang tetapi saya ingin menarik perhatian daripada Yang Berhormat Bagan Datuk bahawa ini satu isu yang besar. Satu isu di mana wang yang sepatutnya dimasukkan di Akaun Amanah tidak dilakukan. Sekiranya ia tidak diketahui oleh Menteri-menteri Kabinet, itu menimbulkan satu isu besar. Adakah maklumat ini disorokkan daripada Ahli-ahli Kabinet pun, sampai hanya mantan Perdana Menteri seorang sahaja yang tahu kedudukan sebenarnya?

Saya percaya Yang Berhormat Ketua Pembangkang pun tahu tentang perkara ini. Yang Berhormat Ketua Pembangkang pun faham betapa seriusnya masalah ini. Sampai apabila saya menyatakannya nanti, saya harap mungkin boleh buat syor bagaimana boleh mengatasi masalah ini. Jangan beritahu saya seperti Yang Berhormat Pontian. Oh! Kalau sekarang *you* sudah jadi kerajaan, ini semua *you* kena tanggung. Akan tetapi kita cuba mencari jalan keluar.

Itulah sebabnya saya harap Yang Berhormat Ketua Pembangkang boleh sokong Rang Undang-undang Akta Cukai Perkhidmatan. Oleh kerana sekiranya ditolak, khususnya termasuk di Senat, ini akan mencatitkan kedudukan kewangan yang bukanlah angkara pihak kami, diwarisi oleh kerajaan lama. Itulah sebab pembangkang pun ada tanggungjawab bersama sebagai pihak yang bertanggungjawab mencetuskan masalah ini, untuk menyelesaikannya secara bersama.

Satu langkah penting ialah untuk menyokong, meluluskan Rang Undang-undang Akta Cukai Perkhidmatan. Saya hanya hendak merujuk kepada...

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Sedikit sahaja sebelum sambung kepada paragraf itu. Saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat dan rakan-rakan di sebelah sana bersedia menerima akibat terhadap pelaksanaan SST dan cukai perkhidmatan? Akibat dari segi tidak adanya harga yang meningkat dan menerima akibat penolakan rakyat terhadap kesan yang negatif atau, dengan izin, *adverse effect* kepada pelaksanaannya.

Oleh sebab kita tahu bahawa terdapat beberapa kekangan yang telah berlaku di negara-negara yang akhirnya bertukar kepada GST. Saya tidak mahu mengulangi apa yang rakan-rakan saya sebutkan. Akan tetapi soalan saya kembali, sanggup kah Yang Berhormat dan kerajaan yang ada menerima akibat jika kerajaan ini ditolak oleh rakyat apabila tidak ada kesan yang positif terhadap pelaksanaan apa Yang Berhormat sebutkan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak nafikan bahawa dari segi kutipan cukai akan berkurangan. Saya pun tidak akan memberikan jaminan bahawa harga barang tidak akan naik. Saya telah sebut daripada awal perbahasan. Saya hanya menegaskan...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Guan Eng:** ...biar saya habiskan dahulu. Saya menegaskan bahawa sekiranya harga barangan naik dan boleh cek *Hansard*. Sekiranya harga barangan naik...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]:** Betul, betul, Yang Berhormat tidak sebut.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...biar saya habis dahulu.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]:** Cuma Yang Berhormat Damansara ada sebut semalam.

**Tuan Lim Guan Eng:** Biar saya habis dahulu. Saya menyatakan sekiranya harga barangan naik, kesannya adalah separuh berbanding dengan kesan GST ke atas kenaikan harga barang.

Itu yang saya nyatakan dan saya ulangi berkali-kali tetapi Kerajaan Persekutuan masih berharap bahawa keadaan ini masih boleh dikawal menerusi penguatkuasaan yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di bawah Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. So, itulah harapan pihak Kerajaan Persekutuan.

Dalam pada masa yang sama, kerana tumpuan kita ialah ke atas kesejahteraan rakyat. Memang rakyat sukar kerana GST. Ini tidak boleh dinafikan. Sampai kerajaan negeri pun susah, kerajaan tempatan pun susah. Tidak boleh menjalankan projek kerana tidak boleh cari 6 peratus untuk membayar GST ini. Ini memang ada. Sekiranya kita boleh mengurangkan beban kehidupan harian kepada rakyat, mengapa tidaknya? Itulah prinsip, itulah teras kita membentangkan Rang Undang-undang Akta Percukaian. Yang Berhormat Pengerusi PAC, bagi kepada Yang Berhormat bekas Menteri dahulu kerana dia yang bangun awal.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, tentang janji Yang Berhormat, betullah saya tidak dengar Yang Berhormat kata SST ini menyebabkan harga barang turun. Akan tetapi sahabat Yang Berhormat daripada Damansara ada mengatakan semalam. Itu yang kita pun hairan dan saya telah pun menekankan tidak mungkin kerana selepas kita *zerorise* itu, barang sudah pun merupakan satu harga yang diterima oleh semua pihak, kita masukkan lagi 10 peratus, mana mungkin ia turun balik. Itu tidak apalah, kita tidak usah *argue* dengan Yang Berhormat Damansara lagi.

Cuma yang saya hendak minta Yang Berhormat di sini adalah apabila Yang Berhormat beritahu tadi, tolonglah bantu kerana kerajaan ini sudah tidak ada lagi *income*, selama tiga bulan ini sudah tidak ada GST, *zerorise*. Itu yang kami di sini, di sebelah pihak di sini mengatakan bukan salah kami, salahnya Yang Berhormat berjanji dalam pilihan raya untuk menghapuskan GST. Jadi, sepatutnya Yang Berhormat kata kami dah setuju, tidak payah buat SST lagi, perbetulkan sahaja peratusan. Kalau kerajaan negeri hendak berikan *exemption*, bagilah *exemption*. Apa salahnya daripada kita hendak melakukan sesuatu yang baru, sehinggakan ada lagi tambahan benda-benda yang lain.

Contoh saya hendak beri Yang Berhormat, *workshop* sebagai contoh. Hari ini kita sudah beli tayar yang sudah *zerorise*. Semua orang berebut-rebut hendak pergi *workshop*, tukar kereta sebab *first September* sudah ada 10 peratus kepada tayar dan 6 peratus kepada servis yang akan dikenakan. Ini menyebabkan bukanlah kita hendak kira satu barang sahaja tetapi kebanyakannya akan menjadi sebegini rupa. Oleh sebab itulah yang saya hendak maksudkan kepada Yang Berhormat tadi, janganlah salahkan kita, tidak ada pendapatan sudah. Pasal apa hendak salahkan kita apabila itu janji Yang Berhormat? Sekarang ini kita kompromi.

Kita kata guna balik GST, okey *one percent, two percent, three percent*, terpulangnya yang mana hendak bagi *exemption*, bagilah *exemption*. Yang mana tidak baik, tadi Yang Berhormat kata, oh! Yang tidak baik, kita akan gunakan KPDNHEP. Saya bekas Menteri itu, saya tahu. Bukan pegawai-pegawai KPDNKK tidak buat kerja, bukan *enforcement* tidak buat kerja. Akan tetapi *enforcement* yang ada hanya 2,300 orang, tidak mencukupi. Perniagaan yang ada di seluruh negara, restoran sahaja 10,000 Yang Berhormat- 10,000 restoran. Hendak kata Akta Anti Pencatutan hendak tentukan semua ini pun susah Yang Berhormat.

Oleh sebab itu, saya yakin sahabat saya Menteri KPDNHEP yang baru ini akan tentukan selepas SST nanti tidak naik harga. Jadi, kami cuba untuk membantu Yang Berhormat, teruskan dan *insya-Allah* kita pun hendak melihat kesejahteraan rakyat, hendak memakmurkan negara, ini sama. Tidak payahlah Yang Berhormat kata Yang Berhormat sahaja hendak lakukan. Setelah 60 tahun kita merdeka, daripada sebuah negara yang begitu teruknya, hari ini Yang Berhormat berdiri tegak, boleh beli banglo, boleh beli macam-macam kerana hebatnya negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya boleh rasa Yang Berhormat sangat *frust* lah. Saya simpati. Akan tetapi yang kita hendak bagi simpati ialah kepada rakyat. Apabila Yang Berhormat sendiri mengakui bahawa pegawai anda tidak cukup untuk membendung kenaikan harga dengan GST. Mengapa kita mahu terus bergantung kepada GST?

## ■1610

Carilah satu alternatif dan sekiranya ini boleh berjaya, kita akan lihat keadaan di mana harga tidak akan naik dengan sewenang-wenangnya. Itulah sebabnya kita lihat dari segi pelaksanaan dan juga implikasi dan kesannya, bahawa impak lebih kurang dan ringan berbanding dengan GST. Dan, ya, ya sila.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya melihat bahawa, sering kali Yang Berhormat Menteri menyatakan akan menentukan, mengekalkan kesejahteraan rakyat. Saya cuma ingin dapatkan justifikasi, bagaimana kerajaan hendak mengekalkan kesejahteraan rakyat dengan pembangunan-pembangunan infrastruktur terutama di luar bandar.

Daripada pengurangan *revenue* kerajaan dan pengekalan subsidi dan pelbagai perbelanjaan yang semata-mata untuk menjustifikasikan beberapa perkara yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri. Harga minyak ketika ini, disubsidikan pada RM2.20 lebih kurang 27 sen disubsidikan oleh kerajaan sebanyak 30 sen dan memakan lebih kurang RM3 bilion sehingga akhir tahun ini. Bagaimana justifikasikan kesejahteraan rakyat dari segi ke perolehan rakyat terhadap permohonan asas dengan *revenue* yang bergantung banyak sekarang ini pada harga bahan api, minyak yang diperoleh oleh kerajaan. Bayangkan ketika bila bahan api pada Perdana Menteri yang lalu berhadapan dengan harga petrol pada peringkat USD48 se *barrel*. Tentu sekali akan memberi kesan begitu drastik kepada *revenue* kerajaan.

Yang Berhormat Menteri ada bercakap tentang diperluaskan *revenue* kerajaan dan bukan bergantung kepada pungutan cukai. Akan tetapi pungutan cukai dan juga cukai korporat, cukai individu dan sebagainya merupakan salah satu daripada *revenue* kerajaan. Bagaimana Yang Berhormat Menteri justifikasikan kesejahteraan rakyat itu dengan *revenue* yang berkurangan dan tanggungan subsidi yang begitu banyak yang dijanjikan oleh kerajaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itulah perbezaan dari segi ideologi di antara Barisan Nasional dan Pakatan Harapan. Pakatan Harapan memberikan keutamaan kepada rakyat biasa. Kita hendak ringankan beban mereka. Barisan Nasional hanya memberikan tumpuan kepada projek-projek, hendak jaga kontraktor, kroni-kroni sahaja, so itulah perbezaan. Sungguhpun saya tahu bahawa dari segi hasil kurang dan kerana hasil kurang, kita terpaksa mengkaji semula banyak projek-projek mega yang mahal. Tentu yang rugi, yang tidak puas hati ialah kontraktor yang terbabit.

Oleh sebab itulah pihak Kerajaan Pakatan Harapan telah mengambil satu pegangan bahawa, sekiranya kita perlu buat keputusan dan pilihan, kita pilih rakyat jelata yang biasa di Malaysia. Itulah perbezaannya. So, tentu ini tidak akan memuaskan hati semua pihak, termasuk...

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** [Bangun]

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tebrau minta laluan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Tebrau dahulu saya ingat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Tebrau. Yang Tebrau dulu.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Bolehkah saya bercadang kepada Kerajaan Pakatan Harapan, kerana pihak pembangkang selalunya sentuh isu tentang kekurangan hasil selepas pelaksanaan SST. Saya tadi pun dengar, kerana ada kontraktor-kontraktor, kroni BN yang melibatkan kos yang tinggi. Di sini saya pun hendak tanya, peruntukan-peruntukan untuk Ahli-ahli Parlimen yang kita boleh salurkan kepada rakyat, saya difahamkan, ICU ada kontraktor-kontraktor yang sedia ada, mereka adalah kontraktor-kontraktor lantikan pada masa pemerintahan Barisan Nasional.

Saya difahamkan harga yang mereka tawarkan kepada ICU, selepas kita ambil alih pun lebih kurang sama dengan harga yang dahulu. Kita difahamkan dahulu punya, biasa mereka buat *markup* 30 peratus dan adakah ini akan diteruskan oleh Kerajaan PH? Jikalau tidak kita harus melantik kontraktor-kontraktor baharu, supaya kita boleh kurangkan kos, supaya lebih banyak lagi manfaat boleh disalurkan kepada rakyat. Dalam segi ini, kemungkinan kita boleh jimat lebih banyak lagi duit untuk ganti kekurangan dari kutipan dari SST. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau saya rasa itu adalah satu masalah yang serius dan saya telah pun meminta bantuan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Beliau akan mengaturkan satu sesi taklimat dengan Ahli Parlimen Pakatan Harapan, berkaitan dengan masalah yang disebut tadi, berkaitan dengan peruntukan yang diberikan oleh semua Ahli Parlimen. Macam mana kita boleh cari satu kaedah yang lebih baik, yang lebih licin, yang lebih lancar supaya kita benar-benar dapat memanfaatkan rakyat. Sebelum ini Yang Berhormat, kawan saya daripada Tanjong Karang. Akan tetapi sebelum ini hendak buat satu hujah *just one* iaitu itulah sebabnya, apabila kita sebut tentang kekurangan hasil, seperti yang disebut oleh banyak Ahli-ahli Parlimen di sebelah sana.

Sekiranya benar-benar mengambil berat tentang perlunya kerajaan menambah hasil, mengapa hendak lambatkan kelulusan rang undang-undang ini. Sekiranya dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan, ini akan melambatkan kutipan hasil daripada SST. Seterusnya mengakibatkan baki semasa berada di dalam keadaan defisit. So, sungguhpun begitu, masih mahu lambatkan lagi dan saya harap bahawa pembangkang boleh benarkan rang undang-undang ini diluluskan, menghormati mandat yang diberikan rakyat supaya kita dapat kutip RM4 bilion yang kita harapkan daripada SST, supaya keadaan kedudukan kewangan, fiskal kita tidak berada dalam keadaan defisit. Sila Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Saya tertarik Yang Berhormat Menteri kata untuk kesejahteraan rakyat. Jadi, apabila kita sebut tentang kesejahteraan rakyat, tentulah kos sara hidup. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri kata kami hendak kena sokong, kita tidak sokong, akta ini akan diluluskan juga.

Akan tetapi hendak tanya Yang Berhormat, ada atau tidak Yang Berhormat ada dapat pandangan ataupun memanggil tuan punya-tuan punya *Hypermarket* yang selalunya mengawal barang-barang inilah. Jadi, adakah mereka memberikan jaminan bahawa dengan adanya undang-undang baharu ini tidak ada GST, mereka juga beri jaminan kepada kerajaan bahawa barang-barang ini tidak akan naik? Adakah Yang Berhormat Menteri panggil mereka berbincang ataupun Yang Berhormat Menteri minta supaya mereka jangan naikkan harga pula?

**Tuan Lim Guan Eng:** Sekarang Malaysia adalah Malaysia baharu. Kita tidak akan arahkan peniaga buat itu dan buat ini. Mereka pun tertakluk kepada kuasa pasaran. Akan tetapi rakan saya Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, telah pun berbincang dengan *Hypermarket* dan saya yakin beliau akan meminta mereka lihat seberapa yang boleh, macam mana keadaan boleh terkawal.

Akan tetapi saya hendak tegaskan di sini, pihak kami tidak pernah jaminan bahawa harga barangan tidak akan naik. Akan tetapi sekiranya naik, impaknya separuh daripada impak GST, itu sahaja. Akan tetapi kita akan cuba seberapa yang boleh.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak rakam betul-betul kenyataan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri kata tadi, Yang Berhormat Menteri tidak boleh jamin kata barang tidak naik, tetapi jikalau barang naik pun mestilah kurang daripada kesan harga kerana GST, ini janji Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Bermakna, selepas ini harga barang jikalau naik sedikit sahaja. Itu maksud Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Lim Guan Eng:** Separuh daripada kesan GST.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Kita tunggu dan lihat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Separuh daripada kesan GST. Ini kerana kita...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Jikalau kenyataan Yang Berhormat Menteri ini berbeza, harga naik lebih daripada GST, apa tanggungjawab Yang Berhormat Menteri akan ambil? Adakah Yang Berhormat Menteri sanggup untuk letak jawatan sebagai Menteri Kewangan? Itu saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri kena ambil tanggungjawab ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Menteri janji di dalam Dewan, Yang Berhormat Menteri berjanji di dalam Dewan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat, semasa Yang Berhormat menjadi menteri, saya pun tidak pernah buat tuntutan macam itu.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Bukan. Sebab saya tidak janji.

**Tuan Lim Guan Eng:** So, yang pentingnya ialah bahawa...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Menteri, saya tidak janji. Yang Berhormat yang berjanji.

■1620

**Tuan Lim Guan Eng:** Biarkan saya jelaskan. Mengapa saya cakap sedemikian? Hal ini kerana apabila kita lihat kutipan cukai daripada GST ialah RM44 bilion. Kutipan cukai daripada SST ialah RM21 bilion. So, kita kutip separuh dan itulah sebabnya kita cakap kesannya seharusnya separuh daripada kesan GST. So, itulah maksud saya.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Separuh itu bagi pada rakyat kah ataupun berlaku ketirisan? Itu soalnya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sekali lagi?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Separuh kutipan itu, adakah Yang Berhormat kata separuh itu kerana bagi balik kepada rakyat?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Apakah benar bagi pada rakyat ataupun berlaku ketirisan dalam sistem SST ini?

**Tuan Lim Guan Eng:** Sekiranya ada ketirisan, kita harap ia boleh dikawal dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Itulah harapan saya, harus jadi harapan semua rakyat Malaysia. Saya tidak mahu berpanjang – ini yang terakhir ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, semalam kita agak yakinlah dengan Yang Berhormat apabila menyebutkan 5,443 *items* yang tidak akan dikenakan *tax* di bawah SST. Apabila saya minta Yang Berhormat bekalkan, Yang Berhormat minta saya *check* dalam *website Customs*, yang ada hanyalah *list of proposed taxable services*. *That's all*. Apa yang *non-* yang tidak dikenakan cukai itu tidak ada setakat hari ini. Jadi saya minta Yang Berhormat bekalkan saya...

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya pun tidak tahu mengapa tetapi saya akan *check*.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Okey.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akan bekalkan senarai kepada Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Satu lagi, sedikit lagi tentang kontraktor tadi. Apabila kontrak dibatalkan, Yang Berhormat kata yang rugi adalah kontraktor semata-mata.

Akan tetapi jangan lupa Yang Berhormat, kalau projek yang memberi impak kepada rakyat secara *direct* apabila kontrak itu dibatalkan, yang rugi adalah rakyat yang menunggu projek yang setelah begitu lama mereka tunggu. Contoh di Sabah, Sarawak- bekalan air luar bandar, bekalan api luar bandar dan sebagainya. Selain daripada itu, kontraktor mempunyai pekerja. Batal projek bermakna pekerja mereka juga akan hilang pekerjaan. Jadi dua perkara lain yang penting yang melibatkan rakyat perlu difikirkan oleh Yang Berhormat.

Ketiganya, kontraktor apabila *sign agreement* dengan kementerian, kalau projek dibatalkan mereka boleh *sue*, mereka boleh saman kementerian, mereka boleh *put up injunction* dan sebagainya, tentu sahaja *project delay*. Kalau ada saman dan sebagainya, kerajaan akan *incur more cost*. Jadi saya percaya Yang Berhormat boleh beri pandangan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih atas pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Bera. Ini semua kita akan mengambil kira. Saya ingin betulkan sedikit apa hujah tadi bahawa apabila saya sebut tentang projek yang kita batalkan ialah projek di mana SST masih belum dikeluarkan. Sekiranya SST dikeluarkan dan ia bukan dalam peringkat kemajuan kerja yang *advance* dan tidak dijalankan secara tender terbuka, itu yang kita kena lihat semula.

Akan tetapi itu bukan melibatkan semua projek. Itu sebab proses kaji semula. Bukan bermakna semua projek akan dibatalkan, tidak. Projek kalau mementingkan rakyat akan terus jalan tetapi kita mahu ia dijalankan dalam kaedah yang bersih iaitu sistem tender terbuka. Mereka yang dapat kontrak betul-betul boleh buat kerja, bukanlah kerana mereka kroni-kroni pihak tertentu.

Saya hendak habiskan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya rujuk kepada *serviced apartment*. Berkaitan isu pengenaan cukai perkhidmatan ke atas *serviced apartment*, sebenarnya apa yang dikenakan cukai perkhidmatan adalah perkhidmatan penginapan. Jika seseorang menginap di *serviced apartment*, maka mereka perlu membayar cukai perkhidmatan. Layanan ini sama seperti di bawah era GST tidak ada perbezaan.

Apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tentang *serviced apartment* yang tidak dikenakan GST adalah sebenarnya berkaitan dengan perkhidmatan penyelenggaraan yang disediakan oleh *Joint Management Body (JMB)* atau *Management Corporation (MC)* di sesebuah kediaman berstrata seperti rumah pangsa, apartmen ataupun kondominium. Di bawah GST, perkhidmatan yang disediakan oleh JMB atau MC adalah dikecualikan daripada GST. Di bawah SST, perkhidmatan yang sama juga tidak dikenakan SST.

Tentang perkhidmatan kad prabayar, secara asasnya pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan prabayar adalah secara inklusif dan cukai akan termasuk dalam nilai kad prabayar. Ini bermaksud jika pengguna membeli *top up* RM10, maka mereka hanya perlu membayar RM10. Berkenaan cukai perkhidmatan ini adalah sama di bawah era GST di mana pengguna masih perlu membayar GST apabila membeli *top up*. Dengan ini, tiada isu kenaikan harga ke atas nilai kad prabayar.

Bagi perkhidmatan restoran pula, hanya lebih kurang 7,000 restoran dijangka berdaftar di bawah cukai perkhidmatan dengan mengambil kira nilai ambang jualan tahunan bagi tujuan pendaftaran pada RM1 juta. Ini jauh lebih rendah dengan bilangan restoran yang berdaftar di bawah GST iaitu sebanyak 17,000. 7,000 SST. 17,000 GST. Kerajaan juga akan menetapkan supaya cukai perkhidmatan atau servis caj tidak akan dikenakan cukai perkhidmatan. Dengan itu, isu pengenaan cukai berganda langsung tidak timbul. Layanan yang ditetapkan ini berbeza di bawah era GST di mana servis caj oleh restoran atau hotel dikenakan GST.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** [Bangun]

**Tuan Lim Guan Eng:** Mengapa apabila kita lihat di sini SST jauh lebih baik tetapi mendapat kritikan yang begitu kuat daripada pihak pembangkang? Saya harap pihak pembangkang jangan kerana GST adalah daripada Barisan Nasional, anda tidak mahu lepas. Lepaskanlah rakyat Malaysia.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta pencelahan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Pengguna perlu faham, bahawa...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong minta laluan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Pencelahan, terima kasih.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti hujahan Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan tersusun dan penuh iltizam dan melihat daripada kutipan yang berkurangan demi berkurangan, demi berkurangan kerana menukar GST kepada SST sekitar dalam RM23 bilion Tuan Yang di-Pertua tetapi yang penting rakyat itu diangkat hak keadilan mereka.

Namun yang jelas dan Yang Berhormat Menteri bersetujukah dengan saya di samping kita telah kehilangan RM23 bilion, jangan dilupai tentang ketirisan Laporan Audit Negara setiap tahun berbilion-bilion perlu dicari sampai ke lubang cacing dan jangan ada kata Yang Berhormat Menteri, saya tidak tahu, saya tidak tahu! Mesti tahu sebab ini tanggungjawab mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua... [*Tepuk*]

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dengan izin, sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini yang terakhir.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti saya akan- saya hendak jawab ini dahulu.

Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar kerana hujahnya akan memberikan motivasi kepada kita untuk buat- laksanakan tugas kita secara bersungguh-sungguh. Terima kasih dan syabas, Yang Berhormat Kapar.

Sila, Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih, Yang Berhormat Bagan.

Saya rasa SST ini juga akan disambut baik oleh golongan profesional termasuklah peguam dan doktor. Ini kerana jumlah *threshold* tersebut telah pun dinaikkan ke RM500,000. Kalau dulu kita lihat SST itu adalah jumlah kutipannya adalah sebanyak RM100,000. Ini akan menggalakkan penubuhan firma-firma guaman terutamanya yang baru berkecimpung dalam bidang guaman dan juga doktor untuk menggalakkan mereka untuk mengadakan firma-firma sendiri dan juga klinik-klinik sendiri. Memberikan mereka ruang untuk membina kerjaya-kerjaya mereka dan akan disambut baik oleh golongan profesional terutamanya doktor dan peguam-peguam. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Jelutong atas sokongan yang diberikan tetapi mungkin Yang Berhormat Jelutong harus mengisytiharkan kepentingan beliau kerana [*Ketawa*] Beliau adalah seorang peguam. Akan tetapi saya ucapkan terima kasih atas sokongan yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Jelutong kerana memang benar kita telah naikan nilai ambang untuk peguam dan juga ahli profesional daripada RM100,000 kepada RM500,000.

Akhirnya tentang itu *food truck*. Ada syor tadi bahawa *food truck* harus dikecualikan. Di sini saya telah nyatakan tadi bahawa semua restoran termasuk *food truck* nilai ambangnya ialah RM1 juta.

#### ■ 1630

Sekiranya ada mana-mana *food truck* atau pengusaha *food truck* boleh dapat hasil atau perniagaan sebanyak RM1 juta, saya rasa- itu bukanlah suatu *business* yang mempunyai *volume* yang begitu besar. Sekiranya boleh capai RM1 juta, saya rasa mereka harus sumbang kepada negara bayaran iaitu cukai perkhidmatan.

Saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sumbangan ke atas perbahasan dalam Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan dan saya sekali lagi...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya ada...

**Tuan Lim Guan Eng:** Melahirkan harapan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Satu soalan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kita telah dengar pengumuman Yang Berhormat Menteri di luar mengenai kehadiran kapal *Equanimity*, adakah Yang Berhormat Bagan bercadang untuk membawa kita pergi melihat kapal *Equanimity* ini supaya kita dapat lihat, apakah yang sebenarnya berada dalam kapal ini di mana ianya dianggarkan berbilion-bilion?...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu lari daripada topik.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Nilai RM1 bilion. Jadi kalau boleh, Yang Berhormat Menteri, kerana Yang Berhormat bercadang untuk juga melelongkan kapal ini untuk kita menggantikan untuk kita mendapatkan pendapatan. So adakah Yang Berhormat bercadang untuk membawa kita pergi melihat kapal tersebut?... *[Tepuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya amat menghargai minat yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Jelutong tetapi itu di luar bidang kuasa saya *[Ketawa]* So, saya harap Yang Berhormat mungkin boleh tanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ataupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan harap bahawa semua Ahli Yang Berhormat boleh pastikan kita dapat luluskan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan ini... *[Tepuk]* Supaya kita dapat hasil yang kita hilang kerana memansuhkan GST.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 95 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah) dan diluluskan]*



## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PEMANSUHAN) 2018**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **4.36 ptg.**

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk memansuhkan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 yang dicadangkan adalah bagi memansuhkan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Cukai barang dan perkhidmatan (GST) akan digantikan dengan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) selaras keputusan Kerajaan Persekutuan yang prihatin terhadap beban kos sara hidup rakyat jelata. Ini adalah janji pertama yang tertulis dalam Manifesto Pakatan Harapan bagi Pilihanraya Umum Ke-14 yang lepas.

Di dalam dokumen tersebut, Kerajaan Pakatan Harapan akan menghapuskan GST dan menggantikannya dengan cukai jualan dan cukai perkhidmatan iaitu SST. Cukai GST secara teorinya adalah satu cukai penggunaan pelbagai peringkat yang sepatutnya telus dan efisien. Ia lebih tepat dikenali sebagai cukai tambah nilai atau *value added tax* kerana semua aktiviti penambahan nilai sepanjang rantaian penawaran dicukai dengan rapi dan menyeluruh.

Mengikut model yang digunakan pakai, kerajaan akan memulangkan sebahagian daripada kutipan cukai yang diterima bagi memastikan hanya aktiviti pertambahan nilai sahaja dicukai sambil mengelakkan percukaian bertindih. Wang cukai yang dipulangkan ini diberi nama tuntutan cukai input yang dibuat oleh pengilang, pengeluar, pembuat atau peniaga yang perlu dikembalikan oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia dalam masa 14 hari selepas tuntutan dibuat.

Malangnya, realiti pembayaran balik cukai input dalam pelaksanaan GST adalah indah khabar dari rupa. Kerajaan yang terdahulu telah gagal membayar tuntutan cukai input dalam masa dua minggu. Rekod Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang disahkan menunjukkan bahawa jumlah tunggakan pembayaran bagi tuntutan cukai input GST lebih daripada tempoh dua minggu yang diperuntukkan di bawah undang-undang adalah- setakat 31 Mei 2018, yang masih belum dibayar balik sejak tahun 2015 adalah sebanyak RM19.4 bilion.

Daripada jumlah tunggakan RM19.4 bilion ini, sebanyak RM9.2 bilion atau 47 peratus daripada jumlah keseluruhannya adalah daripada tahun 2018. RM6.8 bilion atau 35 peratus adalah dari tahun 2017. RM2.8 bilion atau 15 peratus dari tahun 2016 dan RM600 juta atau tiga peratus adalah dari tahun 2015. Tunggakan sebesar ini.

Bayaran balik melebihi dua tahun berlaku bukan sahaja kerana garis panduan tidak dipatuhi sepenuhnya tetapi ia dianggap sebagai satu peluang oleh kerajaan terdahulu untuk menyelewengkan jumlah wang ini.

#### **■1640**

Seperti yang dikatakan tadi, kedudukan tunggakan bayaran balik GST sehingga 31 Mei 2018 adalah sebanyak RM19,397 juta. Sementara baki yang sedia ada dalam tabung bayaran balik hanya RM1,486 juta sahaja. Saya hendak tegaskan Tuan Yang di-Pertua, ini adalah jumlah yang telah disahkan selepas menjalani pemeriksaan dan juga pengauditan dalaman oleh pihak Jabatan Kastam yang menandakan bahawa *shortfall* kita kira-kira RM18 bilion. Tunggakan bayaran balik adalah disebabkan kelemahan aliran tunai Kerajaan Persekutuan akibat kekurangan disiplin fiskal, pembaziran yang berleluasa dan pertambahan hutang yang besar.

Sebenarnya, apa yang dilakukan oleh pentadbiran lama merupakan pemalsuan akaun dan penyelewengan tunggakan bayaran balik cukai untuk kegunaan lain atau untuk menutup defisit supaya mereka dapat menunjukkan keadaan baki akaun semasa lebihan. Kami kesal bahawa tunggakan ini berlaku akibat kegagalan kerajaan lama memasukkan kutipan GST ke dalam akaun amanah yang dikhaskan untuk melunaskan tuntutan cukai GST.

Sebaliknya Kerajaan Barisan Nasional telah merompak akaun amanah tersebut dengan memasukkan wang tunai kutipan cukai GST terus kepada Kumpulan Wang Disatukan sebagai hasil untuk dibelanjakan dengan sewenang-wenangnya. Wang ini kemudiannya tidak dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk dimasukkan kepada akaun amanah. Bak kata pepatah Melayu, 'harapkan pegar, pegar makan padi'.

Ini adalah satu penyalahgunaan kewangan yang serius terutama sekali bila perbelanjaan ini termasuklah untuk membiayai projek-projek kepunyaan kroni pemerintah yang terdahulu. Kerajaan yang lama tidak boleh lari daripada pemalsuan akaun dan penyalahgunaan cukai input sebagai hasil kerajaan untuk menutup sebarang defisit perbelanjaan atau untuk menyokong perbelanjaan pembangunan untuk kroni-kroni. Ini berlaku sejak GST mula diperkenalkan tiga tahun yang lepas. Malah wang tersebut telah dipergunakan untuk menutup masalah-masalah yang berkaitan dengan skandal-skandal kewangan.

Rakyat tahu bahawa GST adalah hasil daripada skandal 1MDB. Saya percaya, saya tidak perlu pergi panjang lebar tentang skandal 1MDB yang sekarang diketahui umum, bukan sahaja oleh rakyat Malaysia tetapi di seluruh dunia. Akan tetapi masalah GST *refund*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu isu yang kita kena berhadapan kerana ini bukanlah wang kerajaan. Ini adalah wang pembayar cukai. Sepatutnya ia harus jadi satu amanah oleh pemegang wang itu iaitu Kerajaan Persekutuan untuk menyimpannya dengan baik, dengan teratur, dengan selamat dan tidak disalahgunakan seperti yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Itulah sebabnya apabila saya diminta untuk merombak GST, saya telah sebut bahawa sebenarnya apa yang berlaku ialah kerajaan lama telah merompak *refund* GST.

Sungguhpun jumlah ini agak besar dan Kerajaan Pakatan Harapan sekarang tidak ada sumber untuk mencari RM18 bilion ini untuk dipulangkan kepada pembayar cukai, Kementerian Kewangan berpendirian bahawa tunggakan bayaran balik cukai GST wajib dilangsaikan atau dijalankan dalam masa yang terdekat kerana ini merupakan wang rakyat dan juga wang syarikat-syarikat dan bukannya kepunyaan kerajaan.

Membayar balik tunggakan bayaran balik cukai GST adalah *moral imperative*, dengan izin, kerana ini adalah wang rakyat dan juga syarikat-syarikat. Kelewatan pembayaran balik cukai ini menjejaskan suasana perniagaan dan memberi kesan negatif kepada daya saing negara. Jika wang sebanyak RM19.4 bilion dapat dipulangkan kepada rakyat dan syarikat-syarikat, saya percaya ia akan sedikit sebanyak merangsang pertumbuhan ekonomi Malaysia. Akan tetapi daripada segi etika dan moral, ia harus dipulangkan.

Kementerian Kewangan akan mengambil langkah untuk mengkaji pelbagai cara untuk memperoleh dana yang mencukupi untuk membuat pembayaran balik kepada pembayar cukai. Kita harap mulai pada tahun depan. Kegagalan pembayaran balik tuntutan ini telah meranapkan keseluruhan sistem cukai GST. Aliran tunai bagi para peniaga serta syarikat terganggu dengan teruk dan ini kemudiannya meningkatkan kos perniagaan secara mendadak tanpa diduga. Banyak aduan telah dibuat oleh peniaga dan syarikat ke atas kelewatan pembayaran balik tuntutan cukai input sejak 1 April 2015 apabila GST diperkenalkan. Ada yang terpaksa menutup kedai kerana GST atau kerana lambat terima *input tax*.

Kegagalan pemulangan cukai input adalah satu punca utama yang menyumbang kepada kenaikan harga yang tinggi seperti yang berlaku semasa GST masih diguna pakai. Peniaga dan syarikat yang berdepan dengan masalah aliran tunai akibat tuntutan yang tidak terbayar mula menjadikan cukai input GST sebagai kos perniagaan walaupun ini tidak sepatutnya berlaku secara teori.

Peniaga kemudiannya terpaksa menolak kos ini ataupun mengalihkan kos ini kepada para pengguna lalu mengakibatkan harga pengguna naik melambung tinggi. Hal ini terus berlaku sehingga GST disifarkan kadarnya pada 1 Jun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan pelaksanaan ini memang menyusahkan rakyat terutama apabila cukai pelbagai peringkat GST ini merangkumi 60 peratus daripada bakul barangan dan perkhidmatan indeks harga pengguna. Ini jauh lebih tinggi berbanding 38 peratus daripada bakul yang sama yang akan dikenakan SST hanya kerana liputan 60 peratus daripada bakul barangan kesan kenaikan harga kerana tunggakan tidak terbayar menyebabkan harga naik ke atas banyak barangan asas.

Disebabkan liputan cukai GST yang meluas yang saya sebut *cradle to grave*, ini mempunyai, dengan izin, *cascading effect* ke atas semua harga barangan. Memang sistem GST ini cacat sehinggakan ia ditolak sama sekali oleh rakyat. Oleh itu, adalah tanggungjawab kita untuk sama-sama dengan rakyat menolak sama sekali GST... [*Dewan tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal bermula dengan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018. Rang undang-undang ini hanya mempunyai sepuluh fasal seperti berikut:

#### ■1650

Fasal 1 menjelaskan kuasa Menteri Kewangan untuk menetapkan tarikh kuat kuasa bagi akta ini.

Fasal 2 menjelaskan takrifan kepada perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam akta.

Fasal 3 adalah berkenaan pemansuhan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Fasal 4 menerangkan berkenaan:

- (i) apa-apa liabiliti berkaitan GST yang kena dibayar, terlebih bayar atau terkhalaf bayar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 masih boleh dipungut semula, diremit atau dikuatkuasakan seolah-olah akta itu tidak dimansuhkan;
- (ii) peruntukan berkaitan seksyen 178, 181 dan 191 di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 iaitu berkaitan dengan pemansuhan Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 serta bayaran balik khas- *special refund*, akan terus berkuat kuasa.

Fasal 5 menerangkan rayuan ke atas keputusan Ketua Pengarah Kastam yang dibuat sebelum atau selepas tarikh kuat kuasa boleh dirayu kepada TRK dalam tempoh 30 hari daripada tarikh keputusan tersebut. TRK adalah Tribunal Rayuan Kastam. Rayuan yang telah difailkan kepada Tribunal Rayuan GST sebelum tarikh kuat kuasa tetapi belum dibuat keputusan akan disambung pendengaran oleh TRK.

Fasal 6 menerangkan sebarang tempoh bercukai akan dianggap berakhir pada tarikh kuat kuasa akta ini. Oleh itu, orang berdaftar perlu mengemukakan penyata terakhir bagi tempoh bercukai tersebut dan membayar amaun GST yang terlibat dalam masa 120 hari dari tarikh kuat kuasa akta ini.

Fasal 7 menerangkan keperluan untuk orang selain orang kena cukai untuk mengemukakan pengisytiharan terakhir dan membuat pembayaran dalam tempoh 30 hari dari kuat kuasa akta ini.

Fasal 8 menjelaskan sebarang cukai input yang belum dituntut sebelum tarikh kuat kuasa perlu dituntut melalui penyata terakhir dalam tempoh 120 hari dari tarikh kuat kuasa dan tuntutan tersebut akan dianggap sebagai tuntutan terakhir bagi kesemua cukai input. Ketua pengarah akan membuat pembayaran dalam tempoh enam tahun dari tarikh kuat kuasa tertakluk kepada keputusan pengesahan audit atau siasatan.

Fasal 9 menerangkan berkenaan pelantikan mana-mana orang selain pegawai kastam bagi menjalankan sebarang tugas atau perkhidmatan bagi tujuan fasal 4 dan penyambungan tugas atau perkhidmatan olehnya selepas Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dimansuhkan.

Fasal 10 menerangkan bahawa ejen cukai yang diluluskan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 masih boleh bertindak bagi pihak pembayar cukai ke atas perkara berkaitan GST sehingga kelulusan sebagai ejen cukai tamat atau dibatalkan oleh Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan menepati janji manifesto Pakatan Harapan pada hari ini dengan memansuhkan GST demi menyejahterakan rakyat Malaysia. Saya sekali lagi mengajak pihak pembangkang menghormati mandat rakyat Malaysia kepada kerajaan baharu dengan menyokong cadangan Kerajaan Persekutuan untuk menggantikan GST dengan cukai SST. Saya harap mereka boleh berikan idea macam mana cari RM18 bilion yang telah hilang ini.

Bagi pihak Kementerian Kewangan, saya hendak maklumkan kepada semua yang telah tunggu begitu lama untuk bayaran balik GST, saya harap mereka boleh sabar sedikit masa lagi. Pihak Kerajaan Persekutuan akan berusaha untuk memulangkannya mulai tahun hadapan yang tidak dibuat oleh kerajaan lama. Kita akan cuba betulkan kegagalan dan juga kekhilafan mereka.

Cukai SST telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat. Kami harap bahawa pemansuhan GST boleh dibenarkan bukan sahaja di peringkat Dewan Rakyat, tetapi juga di Dewan Senat bersama dengan Akta Cukai Jualan dan Akta Cukai Perkhidmatan. Marilah kita bersama menghadapi cabaran besar ini supaya kita dapat menyelamatkan ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Tuan Yang di-Pertua, penyokong tetap. Saya sokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, Pontian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pontian, silakan.

4.56 ptg.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera...

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa 15 minit Yang Berhormat Pontian, cukup 15 minit?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Salam Negaraku 1Malaysia. Apabila tahun 2018 menjelma, saya yakin pihak kastam tidak pernah menyedari dan tidak pernah ada dalam kepala mereka ada satu masa selama tiga bulan yang dipanggil sebagai *tax holiday*. Ini dalam perancangan pihak Kastam. Tidak ada dalam perancangan mereka SST tidak ada dilaksanakan, GST tidak dilaksanakan. Tidak ada dalam perancangan pihak Kastam, saya yakin.

Apa yang membuat keputusan untuk mengadakan *tax holiday* ini adalah Kerajaan Pakatan Harapan. Apa yang berlaku apabila tiga bulan *tax holiday* dilaksanakan? Apa yang berlaku? Hilang RM11 bilion. Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut mana hendak cari RM19.4 bilion. Yang Berhormat Menteri punya keputusan yang salah itu menghilangkan RM11 bilion. Sebanyak RM44 bilion kutipan setahun bahagi 12 – RM3.666 bilion sebulan darab tiga bulan *tax holiday*. RM3.666 bilion darab tiga – RM11 bilion.

Jumlah RM11 bilion daripada RM19.4 bilion itu ada dalam *tax holiday* yang keputusan Yang Berhormat buat. Kenapa kami pula yang disalahkan? Tentang hilang RM19.4 bilion itu, 47 peratus ialah untuk tahun 2018. Jumlah 47 peratus darab RM19.4 bilion ialah RM9.118 bilion sepatutnya dibayar untuk tahun 2018 ini, tetapi hilang RM11 bilion kerana keputusan silap daripada Yang Berhormat sendiri.

Sepatutnya apa yang patut dibuat? Tidak perlu ada *tax holiday*. Sepatutnya 1 September hendak *start* SST, *start* hapuskan GST pada tarikh yang sama. Maka tidak ada hilang walaupun satu sen pun. Jadi Yang Berhormat yang salah, kami yang kena bantai.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Damansara minta laluan Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berikan?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tidak, tidak cukup masa. Satu lagi...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ada dua orang.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Apalah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Satu lagi Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Damansara, dengan Ipoh Timur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar. Biarkan Yang Berhormat Pontian teruskan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Sudah curi wang orang, lepas itu hendak kita cukaikan rakyat lagi untuk bayar wang yang sudah dicuri. Apalah Kerajaan Barisan Nasional...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak diberi laluan. Ya, silakan. Silakan Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudahlah. Banyak tipu! Duduk.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Itu fakta yang pertama yang saya ingin kongsi. Kedua, dituduh bahawa GST ini dilaksanakan untuk membayar hutang 1MDB. Saya hendak maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada tahun 2014, hasil minyak kita ialah RM26.9 bilion. Tahun 2015 turun kepada RM11.5 bilion, RM26.9 bilion turun kepada RM11.5 bilion.

#### ■1700

Mujur pada ketika itu kita ada GST RM27 bilion kutipan pada tahun 2015. Pada 2016 turun lagi hasil minyak daripada RM26.9 bilion turun pada RM8.4 bilion. Mujur kita ada GST pada ketika itu RM41.2 bilion. Tahun 2017 daripada RM26.9 bilion turun kepada RM10.9 bilion. Mujur kita ada kutipan GST RM44 bilion. Kalau tidak ada GST ini, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian apa yang berlaku, sebagaimana di sebut oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi GST menyelamatkan ekonomi negara. Yang Berhormat hendak tahu apa berlaku kalau tidak ada GST? Kena berhutang untuk membayar gaji.

Kita hanya defisit pembangunan iaitu DE atau *development expenditure*. Kita tidak pernah defisit sejak daripada merdeka dalam OE atau *operating expenditure*. Akan tetapi, kalau kita tidak laksanakan GST telah berlaku defisit untuk peruntukan operasi OE yang menyebabkan apa yang dipanggil sebagai *double deficit*. Apabila *double deficit* seluruh *rating agency* dalam dunia ini akan bagi kita negatif.

Pada ketika itu ekonomi akan jatuh. Sebenarnya GST menyelamatkan ekonomi negara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Minta jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Damansara minta jalan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Satu perkara lagi yang saya hendak sebut ialah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak diberikan, sila duduk.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** GST lebih berkesan menangani isu berkaitan *hidden economy*. Ini adalah daripada kastam sendiri yang memaklumkan, dokumen kastam ada di tangan saya ini. GST lebih berkesan menangani isu berkaitan *hidden economy*, kastam yang sebut.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pontian, Jelutong minta jalan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini dalam SST, kali ini akan berlaku *hidden economy* akan bertambah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kesan harga cukai bertindih, *cascading effect*. Dalam SST bukan GST, sekali lagi disebut dalam dokumen yang dikeluarkan oleh kastam. Satu lagi disebut kesan harga berganda, *compounding* jika kaedah margin keuntungan peratusan digunakan, dalam SST bukan GST, dokumen kastam berikan. Satu lagi disebut isu *transfer pricing*, dalam SST bukan GST. Dokumen kastam, kutipan hasil kerajaan akan merosot kerana besar ketirisan akan berlaku. Dalam dokumen ini juga menyebut kesan *hidden taxes* untuk eksport yang akan menyusutkan eksport negara kita. Oleh itu ia berlaku dalam SST bukan GST.

Itu sahaja yang ingin saya sampaikan, saya ingin menegaskan sekali lagi GST lebih baik daripada SST dan GST tiga peratus lagi baik daripada SST. Terima kasih, saya menolak apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Minta penjelasan. Banyak masa lagi!

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan, ya. [Disampuk] Tidak berikan.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Melaka. Silakan. Ada Yang Berhormat Kota Melaka?

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Keluar.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Johor Bahru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya ikut senarai. Yang Berhormat Lembah Pantai, tidak ada?

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Johor Bahru boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Johor Bahru, silakan.

### 5.03 ptg.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk sama-sama berbahas Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018.

Banyak perkara yang telah dibangkitkan. Jadi saya rasa tidak perlu saya ulang hujah-hujah yang sama. Kalau kita lihat ketiga-tiga RUU ini berkait rapat. Akan tetapi, bila saya mengamati perbahasan daripada kedua-dua belah pihak saya ingin mengambil peluang yang diberikan pada kali ini untuk merungkaikan kekusutan atau kebimbangan yang cuba diada-adakan oleh pihak pembangkang.

Kembali perbincangan ini, perbahasan ini kepada matlamat yang asal iaitu memastikan mereka yang benar-benar terkesan dengan isu ini, soal cukai GST dan SST iaitu rakyat akhirnya terbela. Jadi perbahasan saya bahagikan kepada tiga perkara utama. Pertama, soal kesilapan pelaksanaan GST oleh belah sana, kedua, macam mana SST ini adalah satu jalan penyelesaian dan ketiga, aspirasi dan harapan rakyat.

Jadi bahagian pertama soal pelaksanaan GST ini. Asas bangkangan daripada Barisan Nasional adalah mereka sebenarnya dalam perbahasan dari semalam telah mengaku kesalahan di mana selama tiga tahun ini banyak silap yang dibuat. Pertama ialah hujan daripada Yang Berhormat Rembau, sekarang ini beliau mencadangkan agar kadar enam peratus yang dianggap sekarang ini terlalu membebankan dan dikurangkan kepada tiga peratus. Itu mengaku bahawa kadar yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah silap.

Kedua, belah sana juga sebut macam jumlah barangan yang dikenakan SST ini sebelum ini terlalu menyeluruh tapi hendak salahkan juga GST ini adalah *broad-based tax* yang merangkumi sebahagian besar barang-barang dalam pasaran dan juga perkhidmatan yang sekali gus turut membebankan nasib rakyat kebanyakan.

Ketiga, yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan berkaitan dengan *refund* ataupun *input tax credit* yang sering diulang-ulang oleh Yang Berhormat Pontian yang rupanya tidak dikembalikan. Walaupun ikut undang-undang sepatutnya dibayar dalam tempoh dua minggu tapi ada yang terpaksa tunggu dua tahun. Kini Yang Berhormat Menteri Kewangan sebut tiga tahun sejak pelaksanaan GST ada mereka yang tidak dapat *refund* lagi. Apabila *refund* ini tidak dikembalikan peniaga-peniaga terpaksa menanggung bebanan aliran tunai terutamanya peniaga-peniaga kecil ini yang akan memindahkan bebanan tersebut kepada pengguna dengan menaikkan harga barang.

Jadi sekarang ini mana hilangnya RM18 bilion ini? Kenyataan bahawa kerajaan sekarang perlu cari balik wang-wang ini adalah tidak bertanggungjawab. Bukankah ini satu bentuk memang tidak menjalankan amanah yang diberikan kepada kerajaan sebelum ini. Jadi memang terbukti, kalau ada pihak yang sangkal terpulanglah tetapi terbukti bahawa rakyat hidup sengsara dan terbeban dengan kenaikan kos sara hidup yang tinggi. Mereka di sebelah sana tidak habis-habis kata itu bukan salah Barisan Nasional, itu bukan salah GST. Jadi salah siapa?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pekan.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Siapa yang telah menghapuskan subsidi minyak?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Isteri Yang Berhormat Pekan.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Siapa yang menyebabkan harga minyak tidak stabil?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Isteri Yang Berhormat Pekan.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Siapa yang memansuhkan subsidi gula?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Isteri Yang Berhormat Pekan.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Siapa yang membiarkan salah guna kuasa, ketirisan dan rasuah berlaku daripada peringkat tertinggi. Hari ini kita tengok laporan media macam mana tim pasukan keselamatan Perdana Menteri yang lepas turut disiasat oleh MACC.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** RM3 bilion.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Siapa yang menekan rakyat dengan melaksanakan GST?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sungguh dahsyat.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Jadi, jangan semudah itu untuk kita cuci tangan. Saya hormat kenyataan Yang Berhormat Bagan Datuk sebentar tadi tetapi jangan mudah sangat cuci tangan. Biar dalam hati kita ini ada rasa tawaduk. Kita telah diberikan amanah oleh rakyat, pikul sedikit tanggungjawab. Rakyat kamu telah bebankan, rakyat kamu tekan, sekurang-kurangnya minta maaf kepada rakyat... *[Tepuk]*

*Alhamdulillah*, masuk perkara kedua soal SST sebagai penyelesaian. Mandat telah diberikan oleh rakyat supaya kita boleh perbaiki dan bina balik negara ini. Bayangkanlah, saya hendak tanya Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, bayangkan kalau UMNO masih kekal sebagai kerajaan, adakah mereka akan usulkan cukai ataupun kadar GST ini diturunkan.

**Seorang Ahli:** Naik... *[Dewan riuh]*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Saya rasa memang kalau Barisan Nasional kekal sebagai kerajaan kadar GST akan dinaikkan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya, rakyat merana.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Jadi berkaitan dengan pengenalan semula ini kita rujuk penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, pembahas-pembahas daripada pihak kerajaan jelaskan macam mana kaedah pelaksanaan ini dan juga implikasi kewangan kepada kita.

Kita akui bahawa bukanlah satu penyelesaian ataupun jalan yang sempurna tetapi sekurang-kurangnya kita faham denyutan dan nadi rakyat itu. Dari segi konsepnya, cabaran kita sekarang adakah dengan menggantikan GST dengan SST ini harga barang, kos sara hidup ini akan stabil ataupun turun.

#### ■1710

Dari segi konsepnya, memang harga barang akan stabil. Akan tetapi daripada segi pelaksanaannya, menjadi tanggungjawab kepada kerajaan dan juga pengguna, kepada kita semua untuk pastikan matlamat itu tercapai.

Bekas-bekas Menteri telah jelaskan tadi, bebanan terhadap KPDNHEP amat berat, dengan staf yang tidak mencukupi dan sebagainya. Akan tetapi dalam segala kekangan ini, kita kena berusaha sebaik mungkin. Saya telah bangkitkan soal kos sara hidup dalam ucapan sulung saya. Saya sebut panjang lebar macam mana monopolinya, macam mana peniaga yang mungkin menaikkan harga mengambil kesempatan dan sebagainya dan Menteri KPDNHEP telah menjawab. Beliau menyatakan komitmen dan terangkan panjang lebar usaha-usaha oleh kakitangan kerajaan macam mana kita hendak kuatkuasakan.

Selain daripada itu, masa inilah kerajaan baharu perlu memastikan ada penguatkuasaan untuk Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Ini kerana kalau kita lihat, ini adalah satu mekanisme untuk mengenal pasti keuntungan yang tidak munasabah. Peniaga yang naik harga melampau yang sebenarnya akan membebankan rakyat. Jadi, sebenarnya tanggungjawab kita sebagai kerajaan, sebagai pembangkang, adalah untuk memastikan tiada pihak yang cuba mengambil kesempatan dan juga cuba mengambil peluang yang mana rakyat akan dimangsakan.

Seterusnya dalam soal memastikan SST ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Selama ini kita merujuk kepada Indeks Kawalan Harga (CPI) sebagai rujukan atau kayu pengukur kepada harga barang itu turun, naik ataupun sebagainya. Akan tetapi kayu pengukur ini berdasarkan *basket of goods*, dengan izin, yang mana merangkumkan segala barang-barang dalam satu pengiraan secara purata. Akan tetapi kerajaan juga saya harapkan memang tekanan itu tinggi. Kita kena ada kaedah supaya kesan SST ini, impaknya kepada golongan susah, golongan berpendapatan rendah, B40, adalah pada tahap yang minimum.



Jadi, walaupun secara logiknya kalau kita buat perbandingan, di bawah SST, barang dan perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada cukai adalah 10 kali ganda berbanding dengan GST, jadi secara logiknya memang lebih banyak barang yang tidak dikenakan cukai tetapi menjadi tanggungjawab kita untuk pastikan barang-barang terkecuali ini sebenarnya memberikan keuntungan kepada rakyat kebanyakan. Jadi, saya harap supaya kajian ini kita tumpukan kepada kumpulan-kumpulan sasaran, keluarga-keluarga muda, anak-anak muda, pesara kerajaan, orang sakit, supaya kita tahu apabila terlaksana SST ini, kita dapat memastikan kos sara hidup mereka terkawal.

Jadi, bahagian ketiga. Apakah harapan rakyat? Apakah aspirasi rakyat? Kita yakin, saya yakin bahawa rakyat tahu dan rakyat boleh terima tanggungjawab untuk membayar cukai. Saya tidak rasa rakyat di luar sana mempertikaikan sama ada aku perlu bayar ataupun tidak. Akan tetapi apa yang rakyat tuntutan, biarlah cukai itu yang dikenakan adalah adil dan tidak membebankan. Apa gunanya rakyat membayar cukai tetapi ketirisan, pembaziran dan rasuah berlaku seluas-luasnya.

Kita tidak nafikan yang macam Yang Berhormat Jeli sebutkan, memang saya perhatikan beliau sering mengutarakan kepentingan pembangunan. Kerajaan perlukan dana, kerajaan perlu bina hospital dan juga infrastruktur untuk kemudahan rakyat. Kita tidak nafikan. Akan tetapi kita kena pastikan ada *accountability* terhadap mereka yang mendapat laba dan keuntungan. Soal kontraktor dan sebagainya, perkara ini kita perlu hentikan. Kalau kita lihat daripada segi indeks pembaziran kerajaan, ketirisan yang kita hadapi adalah sekitar 15.5 peratus daripada bajet negara- saya sering ulang angka ini selepas ini- yang mana lebih kurang RM43 bilion adalah kita jangka dibazirkan atau tiris begitu sahaja.

Sementara Menteri Kewangan ada di sini, memang beliau telah menjawab persoalan saya yang saya tanya dalam soalan lisan. Saya tanya soal NFC, *National Feedlot Corporation* yang melibatkan dana kerajaan berjumlah RM250 juta. Skandal ini kita telah dedahkan tahun 2011 lagi. Jadi, saya hendak bertanya kepada Menteri dan Menteri telah menjawab. Saya tanyakan, apakah NFC ini telah bayar balik dana-dana tersebut? Adakah tindakan telah diambil terhadap mereka ini? Jawapan Menteri mudah, Menteri cakap, NFC masih menanggung hutang sebanyak RM248.9 juta.

Pinjam RM250 juta tahun 2007, sekarang ini masih berhutang RM248.9 juta. Menteri Kewangan juga telah dedahkan bahawa pada tahun 2015 dan tahun 2016, pelaksanaan tindakan undang-undang ke atas NFC telah dipertimbangkan. Namun, tindakan tersebut ditangguhkan atas arahan Menteri Kewangan Kedua pada masa berkenaan. Oleh sebab itu, rakyat marah. Kita kutip cukai, kita suruh buat macam-macam tetapi bila sampai kepada peringkat kita untuk belanja dan sebagainya, kita tidak kawal nafsu.

Itu yang sebenarnya kalau kita usaha yang terbaik, rakyat faham akan tanggungjawab mereka. Kalau pemerintah itu jujur dan amanah, sebenarnya rakyat tidak perlu pun terbeban dengan cukai GST tiga tahun yang lepas. Kalau negara ini ditadbir urus dengan baik dan telus, negara tidak akan berdepan dengan bebanan fiskal dan hutang beratus bilion ringgit dan kita jangan sesekali menafikan kebijaksanaan rakyat. Ada yang sebut rakyat tidak pandai menilai dan sebagainya. Tiga tahun rakyat merana, tiga tahun rakyat menderita, tiga tahun rakyat melalui pengalaman di bawah rejim GST. Mereka faham, mereka memahami, mereka merasai GST itu. Rakyat telah menentukannya bahawa kita harus berubah.

Maka dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang GST (Pemansuhan) 2018. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum*.

**Tuan Yang di-Petua:** Yang Berhormat Jasin.

5.17 ptg.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bagi saya peluang untuk mengambil bahagian.

Pertamanya, cukai jualan dan cukai perkhidmatan telah dilaksanakan sejak tahun 1972 bagi cukai jualan dan pada tahun 1975 bagi cukai perkhidmatan. Oleh kerana kita mempunyai banyak kelemahan dan kekurangan terutama daripada segi ketirisan dan penipuan yang tinggi, dengan izin, *tax evasion* yang berleluasa serta banyak *hidden cost* dan perlunya kita melebarkan *tax base*, maka kedua-duanya telah dimansuhkan dan kerajaan telah berhijrah kepada rejim baharu percukaian GST semenjak 1 April 2015. Pelebaran *tax base* ini bukan sahaja dapat menambahkan barangan bercukai dan juga *taxable items* di bawah GST berbanding SST tetapi juga untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada hasil komoditi seperti minyak, minyak mentah dan juga minyak sawit.

GST telah dilaksanakan pada tahun 2015 setelah kerajaan membuat kajian yang begitu mendalam sekali selama 20 tahun, selepas kerajaan menghalusinya daripada pelbagai sudut serta apabila kerajaan berpuas hati dan ia banyak mendatangkan faedah dan kebaikan kepada kerajaan dan juga kepada rakyat, berbanding daripada keburukan seperti SST yang dahulu.

Bukan sahaja kajian dibuat secara menyeluruh dan juga teliti, malah pra pelaksanaannya juga dibuat secara terancang dan menyeluruh yang meliputi sistem, struktur, *hardware* dan juga *software*. *Engagement* dilakukan berbulan-bulan dengan semua *stakeholders* iaitu sepanjang rantai daripada peringkat pelabur, pengilang, pengusaha, hinggalah kepada peringkat pemborong, peruncit dan pengguna seluruh negara.

#### ■1720

Apa yang lebih signifikan lagi, ialah *timing* pelaksanaan kita GST yang tepat iaitu pada 1 April 2015. Pada tahun 2015 dan tahun 2016, harga minyak mentah kita yang berlegar di antara harga US100 setong telah merudum USD30 setong, yang demikian hasil kerajaan dari sumber petroleum telah turun menjunam. Dengan ini, seharusnya seluruh rakyat Malaysia mesti mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pekan semasa menjadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu yang melaksanakan GST. Ini kerana sebagai bukti, pada tahun 2014, hasil cukai petroleum kita oleh kerajaan adalah sebanyak RM27 bilion. Pada tahun 2015 dan tahun 2016, ekoran daripada kejatuhan harga minyak mentah itu kutipan hasil tersebut telah masing-masing menjunam kepada 11.6 peratus- RM6 bilion pada tahun 2015 dan juga kepada RM84 bilion pada tahun 2016 atau merosot sebanyak RM15 bilion ke RM19 bilion.

Namun, kita bernasib baik kerana telah diselamatkan oleh GST. Kutipan SST hanya sebanyak RM17 bilion pada tahun 2014 telah dapat dilonjakkan kepada RM41.2 bilion pada tahun 2016. Melalui kutipan GST atau peningkatan sebanyak RM24 bilion. *Alhamdulillah* negara kita selamat.

Berbalik kepada SST ini, saya tidak nampak apa usaha-usaha gigih. Bahkan, tidak ada *engagement*. Kalau kita buat GST dahulu, bukan sahaja di uar-uarkan dalam semua media masa. Kerajaan mengambil masa. Masa kita membuat perancangan pada tahun 2013, Oktober 2013, kita luluskan rang undang-undang GST untuk Bajet 2014. Semua pihak diberikan penerangan dan *engagement* dibuat pada semua peringkat masyarakat supaya semua mendapat maklum dan faham tentang apakah sebenarnya inti sari kita memperkenalkan sistem percukaian GST yang cukup efisien ini. Berbalik pada SST tadi, saya nampak sebenarnya kita akan kekurangan hasil. Jadi, akan tanggung beban nanti adalah rakyat. Adakah kerajaan bercakap sekarang konon untuk kesejahteraan rakyat. Akan tetapi, kalau kita tidak ada duit hendak cakap apa? Sekarang fasal kita sudah kurang duit. Bukan sahaja kita kekurangan hasil daripada pungutan cukai GST, bahkan kita hendak bayar lagi subsidi minyak.

Jadi, tanggungan kita begitu besar, esok dia ada alasan, kita tidak ada duit. Kerajaan berhutang. Jadi, tidak ada pembangunan. Sekarang pun kita nampak tidak ada apa-apa pembangunan. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap saya ambil sadur daripada satu tulisan yang saya baca disebut di sini, dengan izin "*Things don't seem to be moving on the ground since May 9th*" Ini hakikat dia. Kerana apa? Dia kata kita ada hasil kerana *tax holidays*.

Jadi, keadaan yang demikian saya yakin akan berlaku banyak *hiccups* yang sudah- yang apakah sebenarnya *safety* dan juga *remedial measures* yang sudah disediakan oleh kerajaan untuk menangani masalah luar jangka ini. Anehnya, idea asal untuk memperkenalkan GST negara ini adalah datangnya daripada Yang Amat Berhormat Langkawi semasa beliau menjadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kali pertama.

Justeru, apa sebab kita *U-turn*? Walaupun kita telah menjanjikan dalam manifesto kita tetapi rakyat faham kalau kita tidak dapa melaksanakan tidak ada bayaran kepada tol. Rakyat faham. Kalau tidak nanti kerajaan akan menanggung satu bayaran yang amat besar. Kalau kita cagak dengan rakyat, rakyat faham. Ini kerana semasa...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tumpat minta laluan. Boleh? Yang Berhormat Tumpat minta laluan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya. Sila.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada apa ucapan Yang Berhormat Jasin dan juga semalam saya meneliti ucapan daripada Yang Berhormat Rembau. Apa sebenarnya yang setelah mana kita lihat bagaimana disebut dan Yang Berhormat Menteri sendiri dalam jawapan sebelum daripada ini menyebut tentang bahawa SST ini secara perbandingannya dengan GST mana GST lebih efisien, lebih telus dan sebagainya. Sebelum saya hendak sebutkan ini, maknanya dari segi pendirian PAS, makna kita menolak GST dan juga menolak SST atas tekanan kepada rakyat.

Jadi, apakah keterburuan ataupun keterpaksaan untuk mengalih kepada SST ini adalah hanya kerana janji ataupun kalau kita lihat di antara perkara besar yang disebut dalam SST ini, mudahnya tauke-tauke ataupun *businessman* besar ini lari daripada cukai dan sebagainya. Apakah itu, tekanan sebenarnya yang menyebabkan SST ini terpaksa diadakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Itu sebab saya sebut tadi, kenapa kita tergesa-gesa untuk mencadangkan dasar-dasar baru yang boleh menyebabkan kita tambah risiko kepada ekonomi negara. Kita telah diingatkan oleh Bank Dunia bahawa dasar-dasar yang diperkenalkan boleh menyebabkan kita akan menghadapi masalah. Saya sudah sebut tadi. Ini kerana kalau dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Disebut di sini dengan terang dalam *Malaysia Economic Monitor* pada 2 Julai. Dengan izin. Dia kata, "*The government has introduced several policy changes in line with its election mandate, and this needs to be managed carefully to minimize additional risks to the economy*". Jadi, kita telah diperingatkan. Jadi, janganlah hendaknya nanti kita akan menghadapi suatu masalah. Sekarang saya yakin akan ada banyak *hiccups* yang akan berlaku.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 176 buah negara telah melaksanakan GST semenjak tahun 1954 iaitu negara Perancis. Ada negara maju seperti USA dan Jepun. Ada negara membangun seperti India dan juga China dan ada pula negara yang mundur dan miskin seperti Uganda dan juga Bangladesh yang melaksanakan GST. Saya rasa kita nampak tidak ada sebuah negara pun yang telah memansuhkan GST dan balik semula ke belakang untuk memperkenalkan SST. Maknanya kita sekarang regresif. Kenapa kita ambil langkah ini yang boleh merugikan ekonomi negara. Tidakkah tindakan ini merupakan satu keputusan-keputusan yang sangat merugikan serta menunjukkan kita berundur ke belakang dan melucukan dan memalukan pada rakyat Malaysia.

Setelah tiga tahun ia dilaksanakan, jentera GST sudah mula mantap. Sistem komputernya..

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Jasin. Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rasah minta laluan. Diberikan?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Boleh? Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Tadi Yang Berhormat Jasin mengatakan memalukan apabila kita berbalik kepada mansuhkan GST, berbalik kepada SST. Apakah yang Yang Berhormat Jasin mempertikaikan keputusan yang telah dibuat oleh rakyat pada PRU-14? Itu mandat daripada rakyat. Kenapa kami mansuhkan GST, kenapa memperkenalkan semula SST sebab mandat daripada rakyat dalam PRU Ke-14. Jadi, saya mohon Yang Berhormat Jasin jangan kita mempertikaikan kebijaksanaan ataupun keputusan yang telah dibuat. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam pilihan raya, kita membuat janji. Ini kerana janji tersebutlah sebenarnya rakyat benci pada kerajaan pada ketika tersebut kerana perkara yang mustahil hendak kita buat. Konon hendak mansuhkan pungutan cukai jalan, *I mean* cukai tol. Hendak mansuhkan GST, kita tahu perkara itu akan merugikan rakyat, akan merugikan kerajaan. Rakyat dan juga kerajaan kerana kita bekerjasama tetapi kita kena berjanji untuk memancing undi. Itu sebablah Pakatan Harapan menang. Kalau tidak takkan merasa. Ini kerana penipuan kita pada rakyat sekarang kira rakyat akan menanggung bebannya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sini sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak. Minta laluan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Setujukah Yang Berhormat Jasin kalau saya katakan bahawa Pakatan Rakyat telah terperangkap dengan strategi mereka? Terperangkap. Sudah dijanjikan satu janji, satu polisi yang tidak praktikal dan tidak membawa keuntungan kepada rakyat. Akan tetapi, janji hendak ditunaikan.

#### ■1730

Kalau tak ditunaikan, nanti rakyat marah kepada kerajaan. So, suka tak suka walau macam mana pun bergelutlah dengan masalah ini, terpaksa lakukan juga. Jadi, apabila hendak melakukan begitu, mereka sanggup melihat kekurangan pendapat sebanyak RM19 bilion tadi Yang Berhormat sebut. Ini menyebabkan kekurangan kewangan negara untuk melakukan projek-projek pembangunan. *It's a loss of opportunities for economic development*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, bila tidak ada pembangunan atau kita merencanakan pembangunan, bermaknanya kita mengorbankan masa depan rakyat. Mengorbankan masa depan negara. Kita hendak menuju kepada negara maju. Kita tidak mahu lagi tinggal sebagai negara *middle income, we want to go for higher income country*. Kita hendak meningkatkan pendapatan rakyat. Bagaimana kita hendak mendapatkan tahap yang begitu kalau sekiranya ekonomi kita tidak tumbuh? Kekayaan baharu perlu diwujudkan.

Hari ini kita dengar projek itu ditangguhkan, projek ini ditangguhkan. *Scale* projek itu terlalu besar, dikurangkan saiznya. Ini kerja semua orang boleh buat. Yang menjadi cabaran kepada kerajaan sekarang, kita hendak tengok kehebatan Kerajaan Pakatan Harapan. Ada punya strategi-strategi yang hebat, dasar, polisi dan program yang boleh membangunkan Malaysia ini menjadi negara maju. *First World Country*, ini yang kita hendak.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Salak.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Buktikan. Akan tetapi sampai hari ini kita tak dapat. Kita tak dengar pun. Satu dasar, satu polisi. Betul tak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jasin hendak jawab.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Salak. Saya masukkan ucapan ini dalam ucapan saya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya ambil alih, terima kasih [*Ketawa*]

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Apa saya hendak sebut sini Tuan Yang di-Pertua, semenjak tiga tahun kita telah laksanakan GST. GST telah begitu mantap dan sebenarnya pungutan cukai kita sudah licin dan juga lancar. Paling penting sekali, *mindset players*, dengan izin, iaitu peniaga dan juga pengguna sudah kebiasaan dalam sistem ini. Kenapa kita tukar lari? Kita sudah tahu ini baik. Adakah ini kerana dasar parti Pakatan Harapan? Untuk menunjukkan konon hendak mendapatkan populariti daripada rakyat? Sehingga boleh merugikan kepada negara. Saya bimbang.

Tuan Yang di-Pertua, apa nanti dia akan buat apabila kutipan SST nanti akan merosot kerana terdapat kekurangan RM27 bilion nanti, kerajaan akan mempunyai beberapa pilihan. Pertamanya mungkin, dia akan naikkan cukai pendapatan untuk menambahkan hasil. Kurang hasil yang juga dia akan naikkan nanti *capital gain tax* kerana hendak dapatkan hasil.

Kedua, dia mungkin akan kurangkan perbelanjaan termasuk perbelanjaan pembangunan untuk rakyat yang rakyat dahagakan sangat. Ini bermakna dia akan membatalkan atau menangguhkan projek-projek pembangunan yang telah diluluskan sebelum ini.

Ketiga, yang kita bimbang sekarang defisit fiskal kita pada tahun lepas cukup cantik sekali 3.1 peratus. Ia diakui.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, sila menggulung. Masa sudah tamat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya, yang akhir. Ia telah akui oleh IMF tetapi kita bimbang kalau ini berlaku, defisit fiskal kita akan meningkat kerana opsyen tersebut amat berbahaya kerana boleh menjejaskan pasaran modal dan mengakibatkan penerapan kredit hutang antarabangsa negara kita juga diturunkan kepada paras daripada sekarang kita dapat "A3" atau "A-", mungkin kepada "BBB". Ini sudah tentu akan meningkatkan lagi kos pinjaman dan juga memudaratkan ekonomi negara. Saya hormati masa Tuan Yang di-Pertua, apatah lagi saya cukup hormati Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ini tidak menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Jasin.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Kota Melaka.

**5.34 ptg.**

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera. Saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk menyertai perbahasan yang penuh bersejarah pada hari ini.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sebelum itu boleh hendak tanya sedikit soalan kepada Tuan Yang di-Pertua tak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tanya saya?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, ini saya baru terbaca ini. Soalan-soalan lisan tiap-tiap hari ini, orang tu balik orang tu, orang tu juga yang dapat. Soalan dia naik. Soalan kita tak pernah naik. Tolong *check* dengan Setiausaha Dewan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Soalan *you* tak baiklah, sebab itu *you* tak naik soalan *you*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Soalan Yang Berhormat Pontian naik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Mungkin yang...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tak baik, ya jangan cakap tak baik.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Soalan *you* tak baik, sebab itu *you*, soalan *you* tak naik.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Belajar sejarah dulu.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yang Berhormat Pasir Salak. Soalan saya tak pernah naik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Mungkin itu mutu, mutu soalan itu perlu dipertingkatkan. Sila, Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa 18 minit.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Hari ini saya ambil bahagian dengan perasaan yang begitu gembira. Gembira sebab hari ini merupakan satu hari yang bersejarah kerana kita akan meluluskan satu rang undang-undang untuk menghapuskan GST. GST satu yang membebaskan rakyat. Seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian tadi dia ia tiga bulan kita tak kutip cukai. Sudah hilang kutipan untuk tiga bulan. Itu perkataan salah, itu bukan hilang.

Oleh sebab kita Pakatan Harapan, kita berjiwa rakyat. Kita tahu rakyat sudah sengsara selama ini sejak tahun 2015 kerana GST. Oleh sebab itu kita bagi mereka tempoh tiga bulan, kasi mereka bebas daripada sengsara GST tersebut.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Esok sengsara baharu.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang pemansuhan ini penuh bersejarah kerana GST yang diperkenalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lama pada tahun 2015. Bukan sekadar kita melihat dari sudut sistem percukaian, apabila kita hendak bahas tentang GST ini kita tidak harus lihat daripada sistem percukaian. Hal ini kerana GST merupakan satu makhluk ciptaan BN yang telah membawa kesusahan dan kesengsaraan kepada rakyat Malaysia.

Pada 9 Mei 2018, rakyat Malaysia, pengundi Malaysia telah bangkit untuk menolak GST dan menuntut perubahan dengan tolak UMNO Barisan Nasional. Oleh itu, proses pemansuhan GST di Dewan yang mulia ini adalah menunaikan kehendak rakyat dan juga janji Manifesto Pakatan Harapan. Atas mandat yang diberikan oleh rakyat yang juga dari Kota Melaka, saya menyatakan sokongan penuh terhadap pemansuhan Akta GST.

Tuan Yang di-Pertua, secara teorinya barangkali GST adalah salah satu sistem percukaian yang dikatakan lebih efisien dan boleh mengutip lebih banyak cukai. Namun begitu, pelaksanaan GST tidak boleh diambil kira dari sudut itu sahaja. Hal ini kerana kita perlu juga mengambil kira konteks sosioekonomi dan politik negara. Dari segi ini, saya ingin mengutarakan dua persoalan untuk dibahaskan.

Pertama, ketika GST diperkenalkan pada tahun 2015, adakah rakyat pada masa tersebut bersedia dan mampu untuk membayar cukai GST? Saya lihat dari sudut individual pada masa tersebut, pada tahun 2015 85 peratus daripada 14.6 juta pekerja Malaysia tidak bayar cukai pendapatan. Hal ini kerana pendapatan mereka kurang daripada RM2,851. Oleh sebab itu mereka tidak perlu bayar cukai pendapatan. Ertinya, pendapatan mereka tidak harus, ia tidak perlu bayar cukai. Akan tetapi, oleh sebab GST mereka terpaksa bayar cukai.

Dari segi isi rumah pula, golongan B40 di Malaysia 40 peratus daripada isi rumah dengan purata 4.3 orang dalam satu isi rumah mempunyai pendapatan kurang daripada RM3,860 dan golongan B40 ini merupakan rakyat Malaysia yang paling terjejas dengan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan.

#### ■1740

Untuk golongan B40 ini, setiap ringgit adalah sangat penting bagi mereka sebab bagi mereka yang kaya-raya, pergi set rambut satu kali RM1,000. Itu orang kaya tetapi bagi kita, bagi mereka B40, gunting rambut satu kali RM10 seumur hidup pun dia tak guna sampai RM1,000 set rambut. Jadi sebab itu B40 mereka terjejas tetapi yang kaya-raya, kroni mereka tidak tahu kesusahan rakyat. Cukai GST telah membebankan mereka kerana ia telah meningkatkan kos sara hidup kerana mereka terpaksa bayar GST sehingga dulu kita pergi tandas kencing pun kena bayar GST, pergi tandas kencing pun mahu bayar GST.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Tumpat minta laluan, adakah Yang Berhormat Kota Melaka akan benarkan?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tidak, sekejap lagi. Biar saya habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sekejap. Sila duduk, sabar. Dia sekarang tengah berkobar-kobar.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Masa berkobar ini kalau boleh.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Mengikut satu analisis.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Saya hendak ucap tahniah.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Nanti saya bagi peluang ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tahniah pun tidak diizinkan, sekarang masa dia berbahas.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Mengikut suatu analisis yang telah dilakukan oleh Profesor Dr. KS Jomo, jumlah pendapatan kerajaan daripada isi rumah iaitu *fiscal revenue from households*. Hasil daripada isi rumah telah meningkat daripada RM39.1 bilion pada tahun 2013 kepada RM66.7 bilion pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak 71 peratus di mana faktor utamanya ialah GST.

Peningkatan ini bukan disebabkan oleh kenaikan pendapatan isi rumah tetapi kerana beban cukai dipindahkan kepada mereka, kerana GST. Analisa oleh KS Jomo juga mendapati pada masa yang sama, jumlah subsidi dan bantuan sosial yang diterima oleh isi rumah telah berkurangan daripada RM43.3 bilion pada tahun 2013 kepada RM24.6 bilion sahaja pada tahun 2016. Penurunan sebanyak 43 peratus.

Angka-angka ini jelas menunjukkan bahawa walaupun Kerajaan Barisan Nasional apabila mereka melaksanakan GST, mereka kata mereka berikan BR1M untuk meringankan beban rakyat tetapi pada hakikatnya, pada masa yang sama mereka telah mengambil lebih banyak wang. Kerajaan Barisan Nasional yang lama telah mengambil lebih banyak wang daripada rakyat dan membatalkan subsidi-subsidi lain seperti subsidi minyak, subsidi minyak untuk masak dan juga biasiswa dan lain-lain.

Jadi pendek kata, analisis ini menunjukkan dua perkara Tuan Yang di-Pertua. Pertama, GST meningkatkan beban percukaian rakyat tetapi pada masa yang sama subsidi dan bantuan sosial kepada rakyat berkurangan. Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini tertimbulnya persoalan...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Minta laluan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Konteks yang kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Tumpat hendak tahniah ke nak tanya?

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Sekali tahniah, tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bolehkah?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** 30 saat.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Okey. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Kota Melaka yang memperlihatkan perjuangan rakyat, maknanya begitu prihatin terhadap kesusahan rakyat dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat Kota Melaka bersetuju dengan saya, dengan kami orang PAS ini maknanya kita menghapuskan GST dan tidak mengenakan SST kerana sesungguhnya setelah penghapusan ataupun *zerorise* GST baru-baru ini dari segi kesan penurunan harga barangan tidak begitu ketara, tidak setanding dengan penurunan yang dibuat.

Apabila ditambah dengan SST ini, akan meningkatkan kos kepada, beban kepada rakyat yang dibela oleh Yang Berhormat Kota Melaka tadi. Jadi adakah Yang Berhormat Kota Melaka boleh setuju dengan PAS, kita hapuskan GST, kita tolak juga SST dan kita fikir satu kaedah yang dicadangkan semalam oleh Yang Berhormat Kuala Nerus yang tidak melibatkan percukaian kepenggunaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu Yang Berhormat Tumpat, kalau kita hapuskan GST, kita tak kenakan SST, mana dapat hasil? Jadi sebab itu barangkali negeri masih lagi miskin [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Kita ada kaedah percukaian tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Tumpat, nanti saya bagi 15 minit untuk Yang Berhormat Tumpat bahas. Sekarang masa dia. Yang Berhormat Kota Melaka...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Dia tanya saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini soal, ini masa bersoal bukan untuk helah untuk berbahas. Yang Berhormat Kota Melaka, teruskan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Maka dengan ini timbul persoalan konteks yang kedua iaitu mengapa GST diperlukan pada tahun 2015, kenapa Barisan Nasional memperkenalkan GST. Apakah kebaikan GST jika ia tidak memberi manfaat kepada rakyat. Pada pendapat saya, sebab utama GST diperkenalkan pada tahun 2015 adalah kerana Kerajaan Barisan Nasional yang lama tidak cukup duit pakai. Mengapa tidak cukup duit pakai? Kerana rasuah dan ketirisan, pemborosan telah berleluasa dan membazirkan wang rakyat seperti skandal 1MDB, *scoping*, skandal MARA, skandal FELDA dan banyak lagi.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tidak gunanya mengutip...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Kalabakan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Saya tidak ada masa lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tak ada masa.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Minta maaf. Tidak gunanya kita mengutip GST jika wang rakyat digunakan untuk membayar RM7 bilion hutang 1MDB. Tidak gunanya mengutip GST jika wang rakyat digunakan untuk membeli cincin permata dan beg yang mahal-mahal.



Tidak ada gunanya mengutip GST jika wang rakyat digunakan secara tidak berhemah untuk memenuhi nafsu perasuah yang barangkali ada dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan GST adalah langkah pertama sahaja dan langkah yang seterusnya adalah untuk mereformasikan sistem ekonomi dan percukaian yang lebih menyeluruh. Perkara-perkara ini adalah penting untuk meningkatkan daya saing ekonomi dan Kerajaan Malaysia. Dari segi ini izinkan saya untuk menggariskan tiga prinsip penting yang wajar ditekankan dalam mereformasikan dasar ekonomi dan sistem percukaian.

Pertama, iaitu sistem ekonomi dan percukaian mestilah pro rakyat ataupun *people centric*. Ini bermakna keadaan sosioekonomi rakyat mesti dijadikan faktor utama dan melalui perkataan rakyatlah saya maksudnya rakyat jelata dan bukannya pemimpin maha berkuasa dan kroni-kroni. Jadi sebab itu GST mesti dielakkan.

Kedua, adalah prinsip pengagihan yang adil. Seperti mana yang disebut oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi tempoh hari, sistem ekonomi dan percukaian harus mengambil kira jurang miskin kaya. Untuk membina sebuah negara yang bersatu dan kuat, golongan B40 mesti menjadi tumpuan kerajaan.

Prinsip ketiga yang perlu ditekankan ialah *zero tolerance towards corruption*, dengan izinnya, ataupun sifar korupsi. Ini adalah kerana jika tidak, tiada gunanya kita mempunyai sistem percukaian dan dasar ekonomi yang terbaik tetapi wang yang terkumpul akan dibazirkan seperti yang terjadi dengan GST dan 1MDB. Perkara ini penting untuk memberi keyakinan kepada rakyat dan industri supaya mereka boleh memberi sokongan dan kepercayaan terhadap dasar-dasar dan program yang akan dilaksanakan oleh kerajaan. Untuk memastikan sifar korupsi, SPRM harus diperkasakan dan diberi kebebasan sepenuhnya.

Secara kesimpulannya, suara rakyat suara keramat dan pada pilihan raya umum yang lepas, suara rakyat cukup kuat dan jelas, rakyat menolak UMNO Barisan Nasional, rakyat menolak GST, rakyat mahu GST dimansuhkan. Oleh itu Kerajaan Pakatan Harapan mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan mandat ini.

#### ■1750

Sekian sahaja perbincangan saya ini. Saya dengan ini memohon menyokong usul memansuhkan GST. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Perbincangannya penuh bersemangat dan berkobar-kobar. Sekarang saya jemput, dari Melaka pergi ke Negeri Sembilan, Yang Berhormat Rembau.

#### 5.50 ptg.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018.

Tuan Yang di-Pertua, kita berada di ambang satu rombakan besar dalam sistem percukaian negara kita. Dengan lulusnya rang undang-undang ini, ini merupakan rang undang-undang ketiga yang utama yang akan membawa perubahan besar kepada *taxation system* negara kita dengan implikasi-implikasi yang sangat besar.

Saya rasa kesal sebab dalam kita melihat kepada perbincangan SST dengan GST ini, oleh kerana GST ini, dengan izin, di *demonized* dengan begitu dahsyat sekali dan perbincangan ini di *politicized* dengan begitu mendalam sekali, maka kita telah marahkan nyamuk dan bakar kelambu. *We throw out the baby with the bathwater*. Seolah-olah GST ini adalah sistem yang langsung tidak ada kebaikannya. Langsung tiada ruang untuk memperbaiki pelaksanaannya walaupun diakui bahawa dari segi sistem percukaian, *as a taxation system, it is far better and far wider applied in the rest of the world*.

Saya tidak dengar apa-apa perbahasan termasuk jawapan daripada Menteri sendiri yang memberi hujah yang meyakinkan bahawa sistem GST itu merupakan sistem yang *defective* ataupun lebih *deficient*, dengan izin, daripada SST. Apa yang kita dengar adalah masalah pelaksanaan. Apa yang kita dengar adalah kadar ambang yang telah ditetapkan. Apa yang kita dengar adalah jumlah barangan yang ada di dalam senarai pengecualian. Apa yang kita dengar adalah kadar yang ditetapkan. Apa yang kita dengar adalah masalah dari segi *input tax credit* yang ada yang tidak dibayar balik dan sebagainya. Ini semua adalah berkaitan dengan pelaksanaan yang saya percaya dan yakin dapat diatasi oleh pemerintah yang ada pada hari ini.

Saya nak rujuk kepada isu pertama iaitu isu yang menggegarkan Dewan pada malam semalam dan juga hari ini juga. Isu utama yang disebut sebagai *the final nail in the coffin*, dengan izin, untuk kita memansuhkan GST iaitu tuntutan yang tidak dibayar balik kepada syarikat-syarikat yang buat tuntutan terhadap *input tax credit*. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi adalah bahawa setakat 31 Mei, ada sejumlah RM19.4 bilion yang tidak dibayar balik kepada syarikat-syarikat yang telah buat tuntutan dan pecahan itu telah dibuat mengikut tahun-tahun sejak pelaksanaan GST. Salah satu persoalan penting telah dinyatakan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Pontian, adalah daripada RM11 bilion ini, RM11 bilion boleh dicari melalui *foregone taxation* dalam tempoh masa *tax holiday* yang ada tersebut.

Akan tetapi, saya juga dengar dalam penelitian Yang Berhormat Menteri tadi bahawa Menteri sebut ini bukan sahaja disebabkan oleh garis panduan yang tidak dipatuhi. Maksudnya, ada daripada *figure* tersebut, jumlah tersebut, ada yang disebabkan kerana tidak ada pematuhan daripada pihak syarikat-syarikat yang buat tuntutan tersebut berkenaan dengan *input tax credit* mereka yang bertindih, bercanggah ataupun menimbulkan keraguan di peringkat Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Jadi, kita perlu tahu apakah pecahan tersebut. Apakah tuntutan ini yang tidak dibayar semula kepada syarikat-syarikat yang menuntut? Berapa banyak yang disebabkan kerana tidak mematuhi garis panduan? Berapa banyak disebabkan kerana proses audit yang sedang dijalankan oleh Jabatan Kastam? Berapa banyak dibuat kerana ada keraguan dari segi *reporting* daripada syarikat tersebut? Berapa banyak adalah dari segi *budgeting process*? Ini mungkin kekurangan dari segi unjuran yang dibuat oleh Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Kastam pada awal setiap tahun. Dia akan buat bajet. Dia akan buat bajet untuk menyediakan belanjawan berapa banyak yang diperlukan untuk dimasukkan ke dalam akaun amanah untuk dibayar balik ITC di bawah GST ini.

Ada kalanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Jeli hendak mencelah.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Sekejap. Ada kalanya unjuran itu menimbulkan *shortfall*. Sebagai contoh, RM20 bilion diminta oleh Jabatan Kastam untuk menampung *input tax credit* (ITC) atau pembayaran balik pada tahun 2016, sebagai contoh, tetapi sebenarnya yang buat ITC adalah jumlah RM25 bilion. Jadi, ada *shortfall* RM5 bilion. Jadi ada pelbagai sebab.

Saya tidak tolak apa yang Menteri sebutkan tadi tetapi ini menimbulkan satu tuduhan yang sangat besar. Sangat besar sebab menggunakan perkataan rompak. Rompak. Maksud rompak ini adalah curi. Maksud curi ini adalah *misappropriation*, penyelewengan yang berlaku. Maksud di sini, kita tidak boleh hanya hadkan penjelasan Menteri Kewangan yang dibuat pada hari ini kepada kenyataan yang dibuat di Parlimen sahaja. Kalau berlakunya penyelewengan, kalau berlakunya *misappropriation*, saya pun tidak setuju dengan apa yang telah pun berlaku.

Saya minta kalau ada penyelewengan dan *misappropriation*, nyatakan jumlah yang sebenar sebab tadi dicampuradukkan dengan jumlah yang disebabkan garis panduan tidak dipatuhi. *We want to know the actual figure of misappropriation*. Betulkah *misappropriation* ataupun tidak dimasukkan dalam akaun amanah.

Kalau berlaku *misappropriation*, Rembau sokong Yang Berhormat Bagan bawa kes ini ke mahkamah sebagai kes jenayah *because it is* penyelewengan. Rompak. Yang Berhormat Jeli, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isunya ialah RM19.4 bilion angka yang besar. Ini satu perkara yang saya, Yang Berhormat Rembau dan lain-lain amat memandang berat perkataan-perkataan yang digunakan. Rompak, palsu akaun, seleweng- macam ada jenayahlah. Niat jahat, terancang. Itu tuduhan yang amat berat. Yang Berhormat Rembau ada sebut tadi. Kalau kita longgokkan semua itu dalam satu bakul, saya nak *highlight* satu sahaja iaitu ITC ini ada kadang-kadang menimbulkan keraguan dan kadang-kadang ditolak oleh kastam. Adalah amat tidak adil untuk melonggokkan kumpulan ini dalam bakul yang sama. Atas dasar itu, kita kata perompak, palsu akaun atau seleweng, itu tuduhan amat berat.

Adakah Yang Berhormat Rembau bersetuju dengan saya, kita lakukan demi keadilan- saya juga memperjuangkan ketelusan, keadilan- adakah Yang Berhormat Rembau setuju kalau kita buat *a proper inquiry*? Kerana ini tuduhan yang berat. Rompak, palsu, komplot. Ini mencemarkan imej pentadbiran awam. Jabatan Kastam, MoF, orang politik juga. Banyak terlibat dan terpalit.

Jadi adakah satu komplot antara pentadbiran awam, orang politik untuk menipu rakyat Malaysia? Ini tuduhan yang amat berat. Jadi adakah Yang Berhormat Rembau bersetuju diadakan *open inquiry* ataupun kita ada PAC supaya kita *resolve once and for all*? Berat ini. Palsu, perompak, seleweng. Seolah-olah ada satu jenayah. Satu jenayah terancang. *This is a crime* kalau cara disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Setujukah Yang Berhormat Rembau?

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat Jeli. Saya pun berbincang dengan Yang Berhormat Jeli tadi. Kami tidak sanggup perkara in berada di atas *conscience* kita sebab kalau berlakunya rompak dan penyelewengan, dia tidak cukup sekadar Menteri cakup dalam Dewan sahaja sebab berlaku *misappropriation*. Ini adalah isu yang sangat besar.

Jadi saya sokong cadangan Yang Berhormat Jeli agar perkara ini dirujuk kepada satu *inquiry* besar ataupun dirujuk kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ataupun dirujuk kepada mana-mana pihak yang wajar dan bertanggungjawab untuk buat siasatan yang lanjut untuk kita memastikan bahawa berlakunya rompak, *misappropriation and theft of the GST and ITC money somewhere else wherever that is*.

■1800

Saya Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perkara lagi yang saya hendak sampaikan tetapi ini merupakan satu *academic exercise* sahajalah, dengan izin, sebab hari ini akan di-*bulldoze* rang undang-undang untuk memansuhkan GST ini. Walaupun saya cadangkan bahawa mengikut semangat untuk kita membawa reformasi besar kepada institusi Parlimen, patut rang undang-undang ini melalui satu jawatankuasa terpilih dahulu, tetapi itu tidak akan berlaku dan hari ini juga rang undang-undang ini akan di-*bulldoze*.

Cuma saya hendak mengakhiri perbahasan saya berkenaan dengan isu GST, SST ini dengan menyatakan bahawa apabila kita mansuhkan GST, kita kehilangan satu senjata yang ampuh bagi kerajaan. Kita kehilangan sebenarnya pandangan jelas terhadap seluruh rantaian pembekalan. Bagi Jabatan Kastam, ini adalah satu kehilangan yang sangat-sangat besar. Ini akan mendorong apa yang kita sebutkan sebagai ketirisan, ini akan mendorong apa yang kita sebutkan sebagai ekonomi samar ataupun *black economy*.

Tadi Yang Berhormat Menteri sebut bahawa *black economy* ini akan ditangani melalui *computerization, block chain* dan sebagainya, ini mungkin perkembangan untuk masa hadapan. Akan tetapi hakikatnya apabila kita kembalikan kepada SST, itu adalah *single stage* dan kita hilang pandangan yang jelas terhadap *the entire supply chain* dan ini akan menyebabkan masalah yang sangat-sangat besar.

Apabila kita hilang pandangan terhadap rantaian nilai ataupun rantaian pembekalan kita, maka saya tidak pasti bahawa kita dapat bendung walaupun ada KPDNKK dan sebagainya, kita dapat bendung daripada segi *transfer pricing*, daripada segi elak bayar cukai dan sebagainya. Kita juga kembalikan satu sistem yang menyebabkan masalah *compounding, cascading* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi.

Jawapan daripada Menteri yang saya sebutkan dalam penggulungan tadi, Menteri sebut bahawa kita ada perbezaan di sini. *No, it's a fact. It's a fact that cascading will happen.* Menteri tadi jawab *cascading* itu, itu perbezaan pandangan antara beliau dan saya. Fakta yang *cascading* akan berlaku, Yang Berhormat Pontian sebutkan tadi masih lagi di *website* Kastam, masih lagi di *website* Kastam tentang GST akan menyebabkan kita dapat elak daripada *cascading*. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh tegur Pegawai-pegawai Kastam kenapa *PowerPoint* yang mempertahankan GST masih lagi berada dalam *website* Kastam. Hari ini lepas ini boleh buang daripada *website* Kastam ya.

Jadi bagi saya Tuan Yang di-Pertua, hari ini sebenarnya apa sahaja yang disebut oleh kerajaan dan Menteri adalah berkenaan dengan GST yang lama. Saya tampil semalam untuk nyatakan satu penyelesaian iaitu jangan bandingkan SST dengan GST yang lama. Kalau betul kerajaan negeri terpaksa bayar GST atas projek-projek mereka, maka GST yang baru kecualikan kerajaan negeri. Kalau nilai ambang dahulu terlalu tinggi berbanding dengan hari ini di bawah SST, *do a new GST. That was the point. The point was to compare the SST with the reformed GST*, dengan GST yang lebih baik sebab ada kebaikan pada GST.

Akan tetapi oleh kerana masalah ini dipolitikkan, GST *didemonized* sebagai satu sistem percukaian yang sangat-sangat tidak adil kepada rakyat, maka kita akan kehilangan satu sistem percukaian yang sebenarnya banyak boleh bantu kerajaan bukan hanya daripada kutipan tetapi daripada elak *black economy*, daripada kita pastikan bahawa lebih *fair*, kadar yang lebih rendah, pengecualiannya lebih luas dan sebagainya. Akan tetapi konteks perbincangan itu balik semula *every single time* kepada GST yang lama.

*We are not here anymore talking about the old GST*, dengan izin. Kita telah tampil untuk menyatakan bahawa jangan kerana marahkan nyamuk, bakar kelambu. *Can save the GST* dan pastikan bahawa kita tidak regresif, kita tak mansuhkan satu sistem percukaian yang moden semata-mata ini janji pilihan raya. Seperti mana yang saya sebut waktu saya bahas kali pertama, jangan sistem dasar ekonomi yang baik dikorbankan semata-mata nak memenuhi satu janji yang populis yang tidak bertanggungjawab. Tuan Yang di-Pertua, saya menolak rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Segala yang berlaku mesti ada baik dan buruk dan dia ada hikmah di sebaliknya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kedah.

#### 6.05 ptg

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya bersama berbahas tentang Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018. Saya mulakan dengan membaca satu mesej yang saya dapat semalam, kelmarin, kelmarinlah. Bahasa orang Kedah kata kelmarin itu semalam, daripada seorang kontraktor yang banyak mendapat kontrak daripada kerajaan yang lepas dan beliau merupakan seorang pengundi di kawasan saya, sebelum kita sampai panjang perbincangan kita.

Mesejnya saya baca *word-for-word* dengan izin, "*Pasal GST ini sejak dari mula laksana, syarikat saya bayar setiap bulan RM14,000, lebih RM14,000 tetapi tak pernah dapat refund pun, kontra sampai ke sudah. Hujung tahun lepas, pejabat diserbu pula atas alasan melakukan pemeriksaan audit, nak tengok atas apa amaun RM14,000 itu sedangkan saya bukan penjual barang. Saya hanya syarikat perkhidmatan. Dapat payment dari kerajaan dah termasuk enam peratus, hanya ibarat lalu sahaja dalam akaun lepas itu kembali ke kerajaan melalui kastam. Bila persoal siasatan, terus baca akta. Boleh didakwa sekiranya menghalang tugas penjawat awam. Itulah pengalaman GST bagi saya*".

Itu mukadimah yang saya dapat sebelum kita berbahas panjang, semalam. Itulah juga pengalaman kebanyakan orang peniaga-peniaga dengan GST yang mana memang ada kekuatannya tersendiri, tak dinafikan. Akan tetapi pelaksanaannya, *timing*nya dan juga GST bila disepadankan dengan masyarakat negara kita yang bukan berpendapatan tinggi, kita berpendapatan pertengahan, maka hasilnya memang berlaku tindakan-tindakan penzaliman dan berlaku penurunan keupayaan peniaga-peniaga meneruskan aktiviti perniagaan mereka. Itu berlaku.

Di kawasan saya, banyak *forwarding services* di Kuala Kedah dan mereka ada masalah besar. Mereka tidak dapat *refund* sehingga itu sangat menggugat perniagaan mereka. Itu fakta. Ada perbezaan di antara teori dan realiti, teori dan kehidupan sebenarnya. Dalam teori, memang GST satu sistem yang lebih baik. Ia satu sistem yang lebih telus, sistem yang lebih efisien dan sistem seperti yang disebut tadi dapat menangani dan mendapatkan data-data tentang *black economy* dan lain-lain lagi. Akan tetapi kebijaksanaan ialah kita menemukan sistem dengan keadaan yang sesuai. Ketepatan menemukan itulah akhirnya menghasilkan sistem yang berfungsi baik dalam sesuatu keadaan dan sesuatu masyarakat. Teori lain dan juga realiti lain.

Sebelum GST dilaksanakan, ada orang yang terkenal sebut dan banyak orang sebut, seseorang tokoh kerajaan yang lepas mencanangkan bahawa dengan GST harga barang boleh turun dengan begitu *confident* sekali. Kerusi ini boleh turun, boleh murah. Itu boleh berlaku. Dengar pelik tetapi boleh berlaku, tetapi itu tak berlaku. Maka begitulah juga sistem SST kerana rejim percukaian hanyalah salah satu daripada faktor yang menentukan harga barang, harga perkhidmatan. Ada banyak faktor lain, ia sangat kompleks. Begitu pun, akhirnya dalam sistem percukaian apabila kurang dicukai, maka itu adalah satu sistem yang lebih *humane* dengan izin, lebih berperikemanusiaan dan kurang menekan.

Pada sistem GST, memang betul percukaian berlapis-lapis dan lain-lain lagi, tetapi akhirnya yang dicukai ialah pengguna sehingga RM44 bilion. Itu salah satu unjuran yang diberikan untuk tahun 2018. Pada SST, akhirnya yang akan dikutip oleh kerajaan diunjurkan RM21 bilion lebih kurang. Jadi maksudnya ada kurang percukaian. Itulah *essencenya*, itulah inti pati yang akhirnya kurang cukai tadi. Memang saya setuju bahawa kerajaan perlu kreatif untuk mendapatkan pelbagai hasil menampung balik segala yang hilang tadi, tetapi sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, sebuah kerajaan yang mahu terus menang pilihan raya, ia perlu kreatif, ia perlu boleh. Kalau tidak, ia gagal.

#### ■1810

Maka itu tanggungjawab yang perlu ditanggung oleh setiap orang. Ini kerana kita di pihak kerajaan yang mahu kerajaan ini terus berjaya. Tuan Yang di-Pertua, realiti dan juga teori itu berbeza tetapi dalam masa yang sama *timing* juga penting dan dalam masa yang sama juga macam saya kata tadi sistem tidak menjamin segala-galanya. Semua faktor itu hendaklah diambil. Begitu pun faktor terbesar yang menyebabkan tekanan kepada rakyat Malaysia sejurus sebelum Barisan Nasional dikalahkan dan yang kita warisi sekarang ialah tinggalkan-tinggalan yang merupakan *corruption*, korupsi, rasuah, *leakages* dengan izin, segala ketirisan.

Itu yang kita hadapi sekarang dan tidak pernah berlaku dalam sejarah negara kita di mana hampir setiap tempat, setiap bandar ada kisah-kisah rasuahnya. Setiap orang menyebutkan bahawa kalau hendak buat sesuatu projek perlu mengenali seseorang, perlu bayar sekian, sekian, banyak peratus. Itu kita alami sebelum kejatuhan Barisan Nasional.

Saya berharap kerajaan baharu ini akan mempertahankan integriti dan kredibiliti dan tidak akan mengulangi perkara yang sama. Tidak pernah kita naik ranking begitu dalam Indeks Persepsi Rasuah pada masyarakat antarabangsa sehingga ada klip-klip video yang menyebut Malaysia sebagai antara negara dan Malaysia antara orang yang paling banyak terlibat dengan rasuah. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa dalam banyak hujah di sebelah sana, sebelah pembangkang tentang bagaimana efisiennya GST tadi dan bagaimana kita boleh memanfaatkan segala yang telah ada, data-data dan lain-lain lagi untuk menangani *black economy*. Saya rasa itu ialah salah satu daripada tugas Yang Berhormat Menteri Kewangan kita dan Kabinet kita sekarang.

Saya cukup yakin benda itu boleh dilakukan kerana apa saja yang dicipta oleh manusia, manusia boleh merungkainya dan itu memang perlu kita lakukan. Tentang saranan bahawa kita hentikan GST kerana ia menekan rakyat dan kita juga tidak mengenakan SST. Itu satu saranan yang baik dalam satu dunia yang sempurna dan dunia yang kita diami ini jauh daripada kesempurnaan. Dalam dunia yang jauh dari kesempurnaan ini saya rasa itu satu saranan yang tidak praktikal.

Tentang meninggikan *corporate tax* dan lain-lain itu, saya minta Yang Berhormat Menteri dalam jawabannya menerangkan dari segi teori sekurang-kurangnya negara yang telah berjaya melaksanakannya dan dengan cara yang memanfaatkan rakyat dan negara. Saya tidak ada sebarang rujukan menunjukkan idea yang sama dilaksanakan di mana-mana negara dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, macam yang saya baca tadi keluhan daripada peniaga tadi, maka harapan tinggi mereka ialah supaya secepat mungkin mereka akan mendapat *refund* dan dapat kembali...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Minta laluan.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** ...Dapat kembali. Sekejap saja, sekejap saya bagi. Dapat kembali berdiri dengan teguh menjalankan perniagaan mereka kerana saya cukup-cukup-ya saya akan bagi sekejap lagi. Saya cukup-cukup faham bagaimana perasaan mereka bila didedahkan bahawa *refund* itu sebenarnya wangnya tidak ada kerana mereka ini walaupun perniagaannya asalnya besar tapi di hujung rejim Barisan Nasional yang lepas, sebahagian daripada mereka hampir kais pagi makan pagi. Ini kerana tidak ada bayaran yang mereka dapat sekian lama dan juga tidak ada *refund* kepada cukai input GST yang telah mereka bayarkan kepada kerajaan. Ya, silakan.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Daripada apa yang disebut tadi bahawa apabila kita mencadangkan cukai saham dan juga cukai simpanan korporat, Yang Berhormat Kuala Kedah tadi sebut tidak ada mana-mana negara sebelum ini, sebagai contohnya yang telah melaksanakan demikian itu. Jadi, soalan saya memansuhkan GST kembali kepada SST, ada mana-mana contoh negara yang telah berbuat demikian?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Soalan pertama itu saya minta Yang Berhormat Menteri jawab dan soalan kedua, memansuhkan GST dan kembali kepada SST adalah sesuatu yang rekod pada Malaysia, itu saya akui. Akan tetapi itu adalah rekod yang jauh lebih baik daripada menjadi negara kleptokrasi.

Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Kuala Kedah, sikit saja.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tentang cukai simpanan korporat dan cukai pegangan saham, itu adalah sistem zakat dalam Islam. Mereka yang ada simpanan melebihi nisab RM17 ribu dan cukup tempoh setahun, dia kena bayar zakat. Macam mana Yang Berhormat Kuala Kedah menyatakan tidak pernah diamalkan. Itu adalah amalan sistem Islam yang sedang diamalkan sekarang. Cuma tidak mempunyai satu perintah kepada perintah wajib berdasarkan undang-undang negara. Ertinya, kalau kita mahu ambil sampel, sampelnya telah ada. Di pusat zakat sedia ada sekarang orang Islam yang faham Islam mereka zakat simpanan dan mereka bayar cukai ataupun zakat pegangan saham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya, saya jawab tadi. Saya memberikan saranan dan menanyakan tadi dalam konteks negara moden. Kita ada sistem zakat berjalan, itu kita setuju dan ada kebanyakan negara Islam juga mengutip zakat dengan secara sistematik, itu kita setuju.

Akan tetapi dalam konteks negara moden, majmuk macam Malaysia, maka contoh sebuah negara yang dapat menegakkan dan dapat menjalankan ekonominya berdasarkan semata-mata dengan *corporate tax* dan zakat, itu sesuatu yang belum saya lihat. Kalau ada sila sebut.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Kuala Kedah satu lagi.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tidakkah Malaysia bersedia menjadi negara pertama, masyarakat majmuk yang boleh mengemukakan sistem Islam yang baik dikala mana di negara Jordan sebagai contoh yang juga membuka ruang untuk zakat menjadi sebahagian pendapatan negara. Mereka membayar zakat, menjadi satu daripada wang negara dan Malaysia, ini peluang kita sebagai negara yang menyebut dalam artikel 31, Islam agama persekutuan.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya, itu satu saranan yang baik. Kita tunggu kertas kerja yang rasmi dan juga yang sistematik dan yang juga berkredibiliti daripada PAS *insya-Allah*.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Bukan dah siapkan dokumen hijau.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya, dokumen hijau.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Sudah siap, sudah *ready*. Berikan kami peluang untuk memerintah, kita buat *insya-Allah*.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Semoga hasil persahabatan PAS dengan sahabat barunya akan menghasilkan sesuatu yang positif. Tuan Yang di-Pertua... [*Dewan riu*]

**Seorang Ahli: [Bangun]**

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Akhirnya, saya ada ingin menggulung apa yang saya sebut tadi bahawa saya dan rakan-rakan saya sebelah sini tidak menolak kelebihan GST sebagai satu sistem. Akan tetapi ia kena dipadankan dengan realiti dan dalam masa yang sama, realiti sekarang dan realiti sebelum ini, ia tidaklah *favourable*, dengan izin, kepada pelaksanaan GST. Tekanan yang berlaku, ditambah dengan diadunkan dengan korupsi, ketirisan, itu memberikan tekanan yang sangat besar kepada rakyat.

Saya membawa suara rakyat di kawasan saya, mereka sangat mengharapkan supaya GST dihapuskan dan diganti sistemnya kerana banyak pengilang, banyak pengusaha, banyak peniaga terutama dalam *forwarding services* dengan *input tax* yang belum dibayar, mereka sangat tercungap-cungap sekarang dan mengharapkan mereka dapat *refund* dan dapat kembali berniaga. Itu suasananya...

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** *Last one*.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Dan kerana itu jugalah maka saya menyokong rang undang-undang ini...

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Sikit Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** ...Dan saya sangat berharap. Sekejap ya. Sangat berharap supaya akhirnya kita tidak akan mengalami apa-apa halangan di sini dan juga di Dewan Negara nanti dan dengan itu sama-sama kita bina dan sama-sama kita usaha dengan cara kreatif untuk mencari segala sumber-sumber lain yang mendatangkan pendapatan kepada negara supaya kita dapat menampung apa yang kurang tadi.

Akan tetapi yang paling penting Tuan Yang di-Pertua, pada saya Malaysia sebuah negara yang penuh dengan sumber-sumber asli dengan minyak dan lain-lain lagi, dengan potensi yang besar rakyatnya. Terpenting sekali ialah kita memerangi rasuah dan tidak ada lagi 1MDB, tidak ada lagi orang beli kapal *Equanimity* dan lain-lain lagi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Bak kata pepatah Melayu, "Binatang pegang kepada tali, manusia pegang kepada janji". Hari ini Pakatan Harapan tunaikan janji untuk mansuhkan GST.

Saya sebagai Tuan Yang di-Pertua pun tunaikan janji. Tadi saya janji Yang Berhormat Tumpat. Sila Yang Berhormat Tumpat. Janji di kota.

**6.19 ptg.**

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas penunaian janji.

■1820

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Cuma minggu lepas ada sekali janji tetapi tidak bagi [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Itu bukan tidak bagi, itu tidak sempat.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018.

Jadi, walaupun sebahagian besar daripada persoalan ingin saya kemukakan dalam Dewan ini telah pun saya kemukakan dalam soalan-soalan, cuma tinggal lagi jawapan-jawapannya yang diberikan belum memuaskan hati saya. Saya mengharapkan supaya Yang Berhormat Menteri dapat memberikan jawapan sebaiknya terhadap soalan-soalan yang telah saya kemukakan kepada rakan-rakan pembahas tadi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dalam kempen pilihan raya yang lalu dan juga sebelum pilihan raya, Pakatan Harapan telah menyerang Parti Islam se-Malaysia (PAS) kerana dikatakan kami ini menyokong GST. Sedangkan padalannya, pada setiap masa mana PAS sentiasa konsisten dengan pendirian menolak pelaksanaan sistem percukaian GST sejak ia dibentangkan pada tahun 2014. Hari ini, mana sekali lagi kita menegaskan bahawa pemansuhan akta ini bertepatan dengan pendirian PAS sejak sekian lama.

Walaupun begitu, jangan pula menyerang PAS kononnya menyokong SST, tentu sekali tidak. Kalau GST yang diakui oleh kedua-dua belah, baik belah sini atau belah sana, termasuk Menteri nya menyebut tentang kebaikan GST itu sendiri, terutamanya dari segi ketelusan, efisien dan sebagainya, pun ditolak. Maka, sudah tentu lah SST yang lebih boleh dimanipulasikan, terutamanya dalam pelarian cukai dan sebagainya, maka sudah tentu akan ditolak oleh Parti Islam se-Malaysia (PAS).

Pendirian untuk menolak GST ini bertitik tolak daripada mekanisme pelaksanaan GST itu sendiri yang bertentangan dengan prinsip-prinsip percukaian yang digariskan Islam. Meskipun di sana pelbagai barang keperluan yang dikecualikan, sifat *broad based system* itu sendiri telah menyebabkan cukai turut dikutip ke atas mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah. Ini adalah menyebabkan tekanan kepada rakyat itu sendiri.

Dalam perkara ini saya hanya ingin menyentuh mengenai beberapa soalan kepada pihak kerajaan mengenai fasal 8, Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 berkenaan tuntutan bagi cukai input dan bayaran balik. Walaupun Yang Berhormat Menteri telah pun menjelaskan tadi mengenai nilai cukai input yang masih tidak dituntut dan disebut oleh beberapa rakan pembahas tadi. Berdasarkan data 31 Disember 2017, *refundable amount* mencecah RM10 bilion dan jumlah terkini tentu lah sangat besar. Jadi, apakah langkah-langkah penyelesaian oleh pihak kerajaan dalam perkara ini?

Kedua, saya juga ingin mendapatkan maklumat mengenai dakwaan pihak yang mengatakan bahawa kerajaan sebelum ini telah menggunakan- Menteri sebenarnya mengatakan bahawa kerajaan sebelum ini telah menggunakan wang *refund* yang telah dimasukkan ke dalam kumpulan wang yang disatukan dan digunakan oleh pihak kerajaan.



Saya kira dakwaan tersebut dan beberapa dakwaan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Jeli dan juga disebut oleh Yang Berhormat Rembau, adalah merupakan satu dakwaan yang cukup berat dan adalah suatu yang perlu dibuktikan secara serius oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita memahami mengenai isu kedudukan fiskal negara ketika ini. Kita perlu melihat pendapatan dan perbelanjaan negara secara bersama. Menambah pendapatan negara mesti diselarikan dengan memastikan perbelanjaan yang berhemah. Pelaksanaan GST berteraskan kepada kedudukan pendapatan berkaitan petroleum, menunjukkan penurunan yang begitu ketara. Dalam tempoh 7 tahun sehingga tahun 2017, pendapatan berkaitan petroleum berkurang dari 35.9 peratus pada tahun 2011 kepada 14.9 peratus pada tahun 2017, berbanding pendapatan keseluruhan negara.

Namun, dengan paras harga minyak mentah dunia ketika ini, kita dijangka menambah pendapatan berkaitan petroleum kepada RM60 bilion kelak. Kami mengambil perhatian mengenai langkah menambahkan pendapatan negara. Ramai yang bertanya, apakah pendirian PAS selepas menolak pelaksanaan kedua-dua cukai ini? Apakah PAS tidak memikirkan soal pendapatan negara? Dalam menambah soal pendapatan negara, kami telah mencadangkan supaya kerajaan meneliti suatu sifat percukaian yang jauh daripada cukai kepenggunaan.

Seperti yang kita bahaskan beberapa hari yang lalu iaitu daripada GST kepada SST. Di mana kedua-duanya adalah berasaskan kepada kepenggunaan yang menekan, terutamanya kepada rakyat termiskin. Saya percaya dalam soal ini Yang Berhormat Kota Melaka akan bersetuju dengan saya kerana beliau sangat-sangat memperjuangkan kesusahan rakyat miskin ini. Walaupun apa hujah yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah dan rakan-rakannya, kami tetap mengemukakan cadangan cukai saham dan cukai simpanan korporat bagi mendapatkan pendapatan negara serta satu alternatif supaya kita keluar dari kepompong cukai kepenggunaan yang menyusahkan rakyat ini.

Cukai saham berasaskan 2.5 peratus kepada saham yang masih dimiliki selepas cukup haul dan saham-saham yang dijual beli sepanjang haul atau yang lebih dikenali sebagai *capital gains tax*. Cukai simpanan terendah korporat pula berkenaan dengan angka simpanan minimum dalam tempoh setahun dan berdasarkan kepada kekayaan tidak produktif. Kedua-dua cadangan ini bagi memastikan pusingan kekayaan atau pun *circulation of wealth* berlaku dan kekayaan tersebut tidak berlegar hanya di kalangan orang-orang yang kaya semata-mata.

Kami sentiasa terbuka kepada sebarang perbincangan mengenai cadangan cukai saham dan cukai simpanan korporat ini. Apa yang penting adalah prinsip percukaian terhadap *idle resources* yang masih tidak disentuh oleh pihak kerajaan. Dari sudut perbelanjaan negara pula dengan kekayaan sumber seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Kuala Kedah itu tadi, dua perkara yang perlu diberi perhatian.

Pertama, soal mengubati penyakit ketirisan, boros, tidak efisien dan sebagainya. Kedua, soal menentukan keutamaan atau pun prioriti dalam perbelanjaan. Perkara ini turut dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di mana Baginda menyebut dengan jelas tentang prioriti dalam perbelanjaan negara, khususnya dalam memastikan rakyat termiskin terbela.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya mengharapkan agar perkara-perkara ini dipertimbangkan sebaiknya oleh pihak kerajaan. Sekali lagi dengan tidak menyokong SST. Saya menyokong Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bukit Bendera.

**6.28 ptg.**

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perdebatan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018.

Rang undang-undang yang dibentangkan pada Dewan Rakyat selepas PRU Ke-14 ini antara lain Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018, Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018, Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 dan yang akan bakal kita *debate*, Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018. *First few legislative business*, dengan izin, *for the House* ialah *repeal* atau pun pemansuhan beberapa akta yang diluluskan semasa rejim Barisan Nasional.

Niat bersama Eksekutif dan *Legislative* ialah untuk memperbetulkan apa yang tidak betul, mendedahkan apa-apa salah laku, *scandal* dan kepincangan. Kalau kita mengimbas balik tiga tahun, dua bulan pelaksanaan GST dan kelemahan-kelemahan ketara pelaksanaan GST, antara lain peraturan yang kompleks dan *compliance cost* yang tinggi untuk perniagaan. Sehingga ada peniaga-peniaga kecil seperti kedai runcit dan kedai ubat yang memilih untuk tidak meneruskan perniagaan menjelang pelaksanaan GST.

Pihak peniaga mengharapkan dua tahun *amnesty period* tetapi tiada *amnesty period*. Akan tetapi audit GST yang ketat serta penguatkuasaan yang aktif.

**■1830**

Mekanisme *GST refund* yang memakan masa terlalu lama dan juga beban ke atas rakyat memandangkan dikenakan ke atas 60 peratus bakul barangan atau *basket of goods* di bawah *consumer price index* (CPI). Kelmarin Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mendedahkan bahawa ada cukai input yang sepatutnya dikembalikan sehingga melebihi tiga tahun pun belum dipulangkan wang. Baru sekejap tadi Yang Berhormat Menteri telah memberitahu bahawa wang cukai input yang belum dipulangkan RM19.4 bilion.

Saya dapati bahawa tindakan ini memang tidak mematuhi undang-undang dan juga peraturan kewangan khususnya yang perlu- wang yang *GST refund* ini perlu dimasukkan ke akaun amanah tetapi tidak berbuat demikian. Saya ingin mengkritik mantan Menteri Kewangan yang juga Yang Berhormat Pekan kerana gagal menjalankan tugas beliau untuk memastikan prosedur kewangan diikuti dengan betul... [*Tepuk*] Saya juga hairan kenapa *internal audit* di Kementerian Kewangan dan juga Ketua Audit Negara tidak dedahkan perkara ini lebih awal dan tidak menegur salah laku tersebut.

Saya membaca banyak rintihan dari komuniti perniagaan dan perakaunan bahawa isu-isu yang mereka prihatin berkenaan dengan *post-GST period* ialah antara lain dan di bawah rang undang-undang ini, Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018, seksyen 8(1) tuntutan bagi cukai input dan pembayaran balik dalam masa 120 hari dari tarikh yang ditetapkan.

Saya mendengar Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bahawa proses pembayaran balik cukai input dalam kes yang *clear-cut* yang tidak ada *dispute* berkenaan hal cukai yang sepatutnya 14 hari boleh dilakukan dalam tahun 2019. Saya harap ini dapat dilakukan dan saya rasa tanggungjawab berat dipikul oleh Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai Kementerian Kewangan kerana terpaksa bertungkus-lumus untuk memperbetulkan apa yang songsang dari segi kewangan. Kekhawatiran saya adalah sama ada kerajaan mempunyai keupayaan untuk membuat pemulangan wang tersebut yang berjumlah RM19.4 bilion memandangkan tiada kutipan GST akan datang dan kutipan SST masih belum dapat dikuatkuasakan sehingga semua proses *legislative* selesai.

Tadi saya mendengar juga *debate* dari kawan-kawan di sebelah sana Yang Berhormat Jasin mengatakan bahawa tiada sebuah negara pun akan undur dari GST ke SST tetapi saya ingin menyatakan bahawa tiada satu negara pun yang tidak memasukkan wang seperti masuk ke akaun amanah, tidak ada sebuah negara pun GST yang simpan yang tidak memulangkan RM19.4 bilion tidak pulang kepada cukai input.

Yang Berhormat Pontian menyatakan bahawa tidak kutip tiga bulan rugi, itulah pandangan dan paradigma Yang Berhormat Pontian kerana saya masih ingat pada 2015 apabila sebelum pelaksanaan GST, prioriti Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Pekan ialah pergi ke Jabatan Kastam untuk *check computer system* untuk lihat sama ada wang GST masuk atau tidak.

Akan tetapi kita sepatutnya mereka turun padang untuk dengar rintihan komuniti perniagaan dan juga rakyat dan bukan pergi Jabatan Kastam untuk *check computer system* sama ada wang sudah masuk atau tidak. Saya rasa juga untuk kawan-kawan di sebelah sana yang sebelum ini Ahli Kabinet, mempunyai *collective responsibility* untuk bertanggungjawab secara bersama terhadap perkara ataupun insiden.

Bukan insiden tetapi ini satu salah laku tidak memasukkan yang sepatutnya dalam akaun amanah, itu pecah amanah. Itu saya terhidu bau skandal, terhidu bau skandal. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri buat siasatan dan pendedahan lebih lanjut supaya semua rakyat Malaysia tahu tentang apa yang sebenarnya berlaku. Wang itu sama ada telah dibelanjakan sehingga kita tidak dapat memulangkan cukai input kepada komuniti perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 4(1) telah juga menyatakan tentang penerusan liabiliti terkurang bayar boleh dikutip oleh Kastam Diraja Malaysia. Di bawah seksyen ini saya rasa terdapat obligasi dari perakaunan untuk simpan dokumen dan fail untuk tujuh tahun. Masih terdapat keperluan untuk perniagaan untuk fail borang GST-03 sehingga notis oleh Pengarah Kastam.

Mengikut rang undang-undang ini pihak kastam masih berkuasa untuk membuat GST Audit selepas pemansuhan GST. Saya meminta pihak Pengarah Kastam untuk mengeluarkan satu praktis *note yang clear-cut* tentang peralihan dari GST ke SST supaya peniaga-peniaga boleh mendapat gambaran yang sepenuhnya semasa tempoh peralihan ini. Saya berharap pemansuhan GST dan memperkenalkan SST ini akan mengurangkan beban rakyat dan juga beban kepada sektor perniagaan memandangkan SST hanya dikenakan atas 38 peratus untuk *basket of goods* di bawah *consumer price index* berbanding 60 peratus di bawah GST. Dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Saya nampak Yang Berhormat Jelutong. Sila.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Kuala Nerus Tuan Yang di-Pertua.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**6.36 ptg.**

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memulakan perbincangan ini dengan serangkap pantun berbunyi seperti berikut.

*Pisang emas di bawa belayar;  
Masak sebiji di atas Equanimity;  
Hutang emas boleh dibayar;  
Hutang 1MDB rakyat bayar sampai mati... [Tepuk]*

Di sini saya mengambil kesempatan untuk menyatakan sebab mengapa kita sebagai Wakil Rakyat perlu menyokong pemansuhan rang undang-undang ini memansuhkan GST.

Pertamanya, adalah disebabkan oleh skandal-skandal yang telah berlaku yang menyebabkan secara tidak langsung menyebabkan GST ini dikenakan. Pertamanya adalah skandal tanah RM270 juta di Jalan Semarak melibatkan tanah FELDA di mana tanah itu telah dipindah keluar dan selepas itu dipindah balik kepada FELDA. Sehingga ke hari ini tidak ada sebarang penjelasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada di sebelah sana.

Ketirisan-ketirisan seperti ini adalah sebabnya mengapa rakyat telah dibebankan untuk membayar GST. Ini adalah hakikat yang sentiasa dinafikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Saya tidak nampak Yang Berhormat Rembau, beliau telah keluar. Skandal melibatkan pembelian pangsapuri MARA di Australia, Swanston Street bernilai *A41.8 million*. skandal yang melibatkan NFC Corporation RM250 *million*, skandal di mana seorang CEO seperti yang telah didedahkan dalam Dewan yang mulia ini dibayar RM5 juta, Arul Kanda oleh 1MDB. Skandal melibatkan pembelian kapal mewah, kapal layar mewah *Equanimity* USD250 *million*. Skandal melibatkan pembayaran hutang 1MDB RM7 bilion, skandal melibatkan USD4.5 bilion melibatkan 1MDB dan senarainya masih lagi berterusan.

#### ■1840

Semua skandal ini adalah sebabnya saya fikir mengapa GST telah pun dikenakan. Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana bersetuju sehingga hari ini semua skandal ini adalah skandal yang masih membelenggu kewangan negara sehinggalah menyebabkan GST dikenakan dan mungkin dinaikkan sekiranya UMNO dan Barisan Nasional menang dalam pilihan raya.

Sekarang saya lihat cara Yang Berhormat Rembau berbahas macam-macam cadangan dibuat. Beliau mencadangkan pengecualian, beliau mencadangkan beberapa *reform* dan sebagainya. Memang saya lihat cara beliau berbahas begitu meyakinkan. Akan tetapi mengapakah perkara-perkara ini tidak diutarakan ketika Pakatan Harapan mencadangkan pemansuhan GST?

Kalau betul Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana mempunyai semua perkara ini dalam minda ketika itu, saya tanya sekarang. Mengapakah cadangan-cadangan yang dibuat di Dewan yang mulia ini semasa perbahasan oleh Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Jeli dan Yang Berhormat Ayer Hitam tidak dicadangkan pada ketika itu? Semua begitu ghairah membela GST. Tidak ada sebarang cadangan alternatif dibuat ataupun mungkin kah Ahli-ahli Yang Berhormat seperti biasa datang ke Dewan yang mulia ini sandiwara, hanya untuk menunjukkan kepada rakyat di luar sana bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mencadangkan sesuatu yang alternatif kepada pemansuhan GST.

Saya yakin, rakyat di luar sana sedang melihat. Saya yakin, rakyat sedang melihat bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat di sana tidak ikhlas, tidak berlaku benar dan hanya ingin mempertahankan sesuatu yang tidak boleh dipertahankan. Skandal-skandal yang telah saya sebut tadi sehingga sekarang tidak ada sebarang penjelasan. Ini adalah sebabnya mengapa rakyat dibebankan setiap hari sehinggalah kita menang dengan kewajipan untuk membayar GST apabila keluar dari rumah, setiap perbelanjaan yang mereka belanja terpaksa mereka bayar GST.

Saya tanya Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Kalau GST ini diteruskan, bukankah ia sebenarnya membebaskan rakyat? Bukankah GST ini cara Barisan Nasional mengutip cukai tambahan daripada rakyat yang sudah pun susah dengan kenaikan kos sara hidup semata-mata untuk mempertahankan sistem kewangan Barisan Nasional yang begitu kurang mantap, yang begitu teruk ditadbir dan yang begitu penuh dengan semua gejala rasuah?

Bukankah skandal-skandal ini sehingga hari ini berlaku sehingga tidak ada sebarang penyelesaian? Seperti yang kita ketahui dan umum maklum bahawa di Dewan yang mulia ini, perkara-perkara melibatkan 1MDB pun tidak boleh dibahaskan sebelum ini. Akan tetapi sekarang kita membahaskan, kita dibenarkan untuk membahaskan. Seperti perkara yang sama, saya ingin tanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana sekali lagi.

Kalau cadangan-cadangan yang telah dibuat dan yang sedang dibahaskan ini telah dicadangkan, kalau benar Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana ikhlas, semua cadangan yang dibuat ketika kita membahaskan perkara ini yang datangnya dari sebelah sana sepatutnya dibuat sebelum rang undang-undang ini dicadangkan di Dewan yang mulia ini.

Oleh yang demikian, saya yakin bahawa pemansuhan undang-undang ini, pemansuhan GST sebenarnya akan meringankan beban rakyat. Sememangnya adalah sesuatu yang patut dilaksanakan oleh Pakatan Harapan kerana kita berpegang kepada janji dan kita harus meyakinkan rakyat di luar sana bahawa pemilihan yang telah dibuat oleh mereka dalam pilihan raya yang lalu adalah sesuatu pilihan yang baik kerana Pakatan Harapan adalah pakatan yang akan membela rakyat, bukannya menyusahkan rakyat...  
[Tepuk]

Oleh yang demikian Ahli Yang Berhormat, saya mengambil kesempatan ini untuk bangun dan menyuarakan sokongan saya kepada undang-undang ini. Banyak penduduk di kawasan saya, pengundi-pengundi di kawasan saya akan juga turut menyokong pemansuhan rang undang-undang GST kerana saya datang dari suatu kawasan di mana terdapat rakyat daripada berbilang kaum, pihak-pihak ada yang berniaga, ada yang menganggur, ada *pensioners*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Mereka semua menanggung beban yang disebabkan oleh GST. GST adalah sesuatu yang telah dinyatakan secara terbuka semasa kempen pilihan raya sebagai suatu perkara yang akan dilaksanakan- pemansuhannya akan dilaksanakan apabila kita menjadi kerajaan. Kita telah menjadi kerajaan sekarang dan saya yakin bahawa rakyat di luar sana akan melihat...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta oleh Yang Berhormat Tumpat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Silakan.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita faham benar maknanya dari segi pemansuhan GST ini boleh meringankan bebanan rakyat. Cuma yang kita tidak faham ini hendak kenakan SST ini pula yang boleh membebankan rakyat. Tiba-tiba sebelah sana boleh setuju pula. Macam mana?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, saya rasa penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adalah begitu jelas. Tidak perlu saya mengulangi. Akan tetapi ya kita yakin bahawa pengenaan SST ini tidak akan membebankan rakyat kerana kita memerlukan wang tersebut untuk tujuan pentadbiran. Saya rasa Yang Berhormat Bagan akan menjelaskan perkara ini.

Yang Berhormat kena faham saya berpendirian bahawa semua cukai GST yang dikenakan adalah disebabkan Kerajaan Barisan Nasional dan UMNO ingin menutup lubang yang menjadi besar dari satu hari ke hari yang lain disebabkan oleh semua hutang yang disebabkan oleh rasuah. Semua perkara yang berlaku, kerajaan hilang duit bayangkan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Minta laluan, Yang Berhormat Jelutong. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong, sahabat. Tuan Yang di-Pertua, yalah kita sekarang hendak berbincang untuk menghapuskan GST. Semalam saya sudah tanya Yang Berhormat Menteri, berapa pula caj yang hendak dikenakan ke atas SST sebab sekarang ini kita semua bercakap untuk hendak membela rakyat. SST ada *own calculation*, begitu juga GST ada *own calculation*.

Di sinilah kita hendak *cascading down*, kita hendak dapatkan apa yang hasil rakyat dapat daripada pelaksanaan GST tetapi sampai sekarang kita tidak dapat lagi penjelasan berkenaan dengan peratusan yang dikenakan ke atas SST yang akan dilaksanakan yang kita sedang bincang sekarang. Minta penjelasan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang, kawan saya. Penjelasan itu akan diberi oleh Yang Berhormat Bagan. Saya akan menggulung sahaja.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan saya bangun dan ingin turut serta dalam perbahasan ini kerana semasa kempen pilihan raya Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah berbahas dan semasa kempen berucap di atas perkara ini.

Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah Pakatan Harapan akan turut serta membahaskan dan menunjukkan bahawa kita ikhlas dengan janji yang dibuat. Bukan seperti Barisan Nasional hanya melontarkan janji-janji semasa pilihan raya. Seperti Yang Berhormat Pekan, satu dua hari sebelum pilihan raya beliau telah tiba-tiba muncul dalam televisyen dan membuat kenyataan bahawa kononnya tol bagi Lebuhraya Utara-Selatan akan dimansuhkan untuk beberapa hari.

Kononnya tol di Jambatan Pulau Pinang akan dimansuhkan dan tidak akan dikutip untuk penunggang-penunggang motosikal. Kita bukan macam Barisan Nasional, hanya membuat janji semasa pilihan raya. Kita adalah kerajaan yang begitu prihatin terhadap masalah rakyat yang merana, yang terpaksa membayar GST. Semuanya disebabkan oleh Yang Berhormat Pekan dan isterinya. Terima kasih, saya mohon menyokong.

#### ■1850

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Pasir Mas. Saya mahu tanya Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Mas? Sudah habis. Yang Berhormat Jelutong sudah duduk. Ya, pembahas seterusnya? Ada pembahas sebelah sini? Yang Berhormat Ayer Hitam? Yang Berhormat Ayer Hitam sudah bercakap tadi?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Kuala Nerus. Kuala Nerus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ayer Hitam? Yang Berhormat Ayer Hitam sudah berbahas tadi kan?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tidak, saya dalam bil yang baru saya tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tidak apa mahu bagi kepada mereka dahulu pun tidak apa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat Kuala Nerus dahulu.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### 6.50 ptg.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah... [Membaca sepotong doa].* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana telah berjaya membawa satu *bill*, satu rang undang-undang untuk memansuhkan GST. Di sinilah titik persamaan antara PAS dengan Pakatan Harapan iaitu sama-sama menolak satu sistem cukai yang kita namakan sebagai GST.

Cuma, barangkali walaupun kita bersama dari sudut ini, tetapi saya melihat niatnya agak berbeza. Di kala mana, dua orang Ahli Parlimen Pakatan Harapan di soal sebentar tadi, kenapa menghapuskan GST tetapi mengekalkan SST jawapan yang diberikan hampir sama. Yang Berhormat Tangga Batu memberikan jawapan, "*Kerana kita perlukan wang*". Yang Berhormat Jelutong juga memberikan jawapan "*Kerana kita perlukan wang*". Adakah wang semata-mata menjadi sebab untuk kita menerima dan menolak sesuatu akta ataupun suatu cukai.

PAS menegaskan bahawa kita menolak sistem cukai GST kerana beberapa sebab. Pertama sekali kerana kerajaan tidak perlukan tambahan cukai. Ini khususnya cukai daripada sistem cukai kepenggunaan. Tidak perlukan GST, tidak perlukan SST. Seperti mana hujah saya dua hari yang lalu iaitu pada semalam iaitu dengan *income* yang sedia ada, GST hanya memberikan *income* RM44 bilion selepas tiga tahun dilaksanakan. SST pula dijangkakan memberikan *income* RM20 bilion.

Hujah saya ialah, dengan *income* sedia ada ini jika tidak ada sebarang ketirisan, diuruskan dengan cara yang baik, tidak ada pemborosan dan perbelanjaan, maka kita boleh menjimatkan RM20 bilion sehingga RM40 bilion. Itu berdasarkan banyak kajian. Mengapakah tidak boleh Kerajaan Pakatan Harapan jangan mengambil sikap terburu-buru untuk memperkenalkan sistem SST selepas mana kita bersetuju untuk menghapuskan GST.

Berilah ruang untuk rakyat melihat betapa kita berjaya untuk menguruskan kerajaan dengan baik berbeza dengan Kerajaan Barisan Nasional. Untuk tempoh setahun pertama hingga akhirnya dengan pendapatan sedia ada, apatah lagi dengan pertambahan *income* daripada hasil petroleum yang dahulunya hasil petroleum USD52 satu tong, sekarang USD75 satu tong. Ini bererti memberikan pertambahan *income* kepada kita. Kenapa tidak kita ambil ruang yang panjang selama tempoh setahun menunjukkan kepada rakyat bahawa kita mampu dengan cara berhemah, berjimat untuk kita uruskan rakyat tanpa kita perlukan GST mahupun SST.

Hujah saya yang pertama ialah kerajaan tidak perlukan tambahan cukai untuk menambahkan pendapatan. Itu satu. Kedua, cukai GST adalah cukai yang zalim. Ini kerana pertama sekali ia melibatkan bukan hanya orang kaya tetapi juga melibatkan orang miskin. Ini hujah yang saya sampaikan banyak kali di Parlimen. Ini kerana, kaedah Islam mengatakan bahawa konsep zakat, zakat satu konsep mengambil harta daripada orang kaya untuk kebaikan orang-orang miskin... [*Membaca sepotong hadis*] Antara maksudnya, diambil daripada orang kaya, diagihkan kepada orang miskin.

Inilah konsep zakat. Daripada konsep inilah lahir konsep cukai. Cukai sepatutnya mengambil duit orang kaya untuk diagihkan kepada orang miskin. Sedangkan cukai GST diambil daripada orang kaya dan juga diambil oleh orang miskin. Kedua-duanya. Tidak boleh kita bezakan siapakah orang miskin, dan siapakah dia orang kaya? Ketika mereka membeli barang-barang, mereka pergi ke pasar raya tidak mungkin *cashier* akan bertanya, "Saudara orang kaya atau saudara orang miskin?" Semuanya akan dikenakan cukai.

Di sinilah cukai GST memberikan satu keadaan menzalimi orang-orang miskin. Walaupun diberikan kepada kita satu pandangan bahawa kami akan pulangkan balik apa yang kita kutip itu, walaupun daripada orang miskin akan dipulangkan balik dalam bentuk BR1M dan sebagainya.

Akan tetapi, adakah apa yang kita kembalikan itu betul-betul sampai pada orang yang telah membayar GST tadi walaupun nilainya kecil. Mungkin 10 sen, 20 sen, RM1 atau RM2 sahaja. Belum tentu sampai dan akan ada yang sampai, akan ada yang tidak sampai. Maka di situ, sistem GST ini menunjukkan kepada kita ada ruang-ruang untuk memberikan kezaliman kepada orang-orang miskin.

Oleh sebab itulah, konsep yang kita tegaskan ialah tidak boleh dikenakan cukai kepada semua orang baik yang kaya ataupun miskin. Kalau kita berbalik kepada SST pula, walaupun cukai dikenakan kepada pengilang tetapi akhirnya kenaikan harga barang akan diserap. Kos-kos harga barang akan diserap menerusi cukai-cukai ini. Kebanyakan yang berlaku ialah kenaikan harga barang juga. Oleh sebab itulah saya semalam saya istilahkan bahawa GST seperti perompak, manakala SST pula seperti pencuri. Dua-duanya perlu kita tolak.

Kemudian, apa yang penting apabila kita berbincang tentang GST ini, yang kita bersetuju untuk hapuskan ialah kita perlukan satu cukai alternatif. Yang tidak berasaskan kepada konsep kepenggunaan. Oleh sebab itu, saya sebutkan semalam, dua sistem cukai Islam yang patut diambil berat oleh Kerajaan Pakatan Harapan iaitu satu, Cukai Simpanan Korporat yang kedua Cukai Berasaskan Pegangan Saham.

Kedua-dua cukai ini, memang telah menjadi amalan orang Islam. Orang Islam yang faham Islam bila mana mereka menyimpan dalam bank, jumlah sebanyak RM17,000 itu adalah nilai nisab kita panggil dan cukup tempoh setahun mereka akan bayar 2.5 *percent*. Daripada jumlah itu untuk diagihkan kepada tempat-tempat yang ditentukan oleh Allah SWT.

Begitu juga mereka yang mempunyai saham, mereka ada pegangan saham. Tentulah saham-saham ini bukan hanya dipegang atau dibeli oleh orang miskin, dibeli oleh orang-orang kaya. Kalau hanya bermodalkan RM1,000 atau RM2,000 mereka tidak masuk ke dalam jual beli saham ini.

Ini untuk orang yang duitnya banyak contoh RM20,000, RM100,000, RM1 juta dan sebagainya. Maka sebagai seorang Muslim, bila mana mereka ada pegangan saham yang jumlahnya, nisabnya cukup RM17,000 dan cukup haulnya selama setahun, mereka akan bayar 2.5 *percent* daripada jumlah keseluruhan untuk diagihkan kepada fakir miskin dan sebagainya.

Ertinya, sistem ini telah ada. Diamalkan di semua negeri-negeri di seluruh Malaysia ini yang menjadi satu sistem zakat. Cuma, hasil daripada zakat itu, dipulangkan kepada pusat pungutan zakat. Tidak menjadi hasil bagi negeri dan juga tidak menjadi hasil bagi negara. Idea kami ialah, ambil sistem itu. Jadikan ia sebagai satu model. Ambil model zakat cukai simpanan korporat, ambil model zakat cukai pegangan saham dijadikan sistem cukai negara untuk dikenakan secara wajib kepada semua orang yang menyimpan yang kami cadangkan simpanan korporat sahaja. Orang-orang yang menyimpan sedikit sebanyak tidak perlu kita ambil. Ini cadangan di peringkat negara.

Ambil untuk korporat-korporat yang besar seperti bank-bank yang ada simpanan. Tabung Haji, mereka ada simpanan, mereka bayar cukai simpanan mereka. Tabung Haji juga bayar cukai saham mereka. Begitu juga apa yang kita mahu kepada semua korporat-korporat seluruh negara untuk mereka dikenakan cukai ini. Jumlahnya tidak besar hanya 2.5 *percent* sahaja. Anggaran yang saya berikan ialah untuk tahun 2017 sahaja, kita mempunyai simpanan sekitar RM1.6 trilion. Saya membuat anggaran jumlah simpanan korporat adalah sekitar RM500 bilion. Ini anggaran yang kita buat. Bila kerajaan ambil sebagai satu idea, maka dia boleh melihat angka yang lebih tepat.

Dengan kita beranggaran RM500 bilion adalah simpanan korporat, dikenakan hanya 2.5 *percent* tidak jadi miskin dengan 2.5 *percent*, jumlah kecil sangat. Bila Allah Taala buat sistem zakat untuk berikan 2.5 *percent* ibarat kata, jika kita ada RM100 kita bayar RM2.50. Kalau kedekut hendak bayar RM2.50 ini memang *confirm* bakhil taik hidung masin! Jumlah yang kecil sangat. Kalau itulah sistemnya, dikenakan dengan RM500 bilion, dikenakan 2.5 *percent*, kita boleh mendapat *income* RM12.5 bilion ini bukan angka yang kecil, yang diambil daripada orang kaya. Bukan sistem SST, bukan GST, itu satu.

#### ■1900

Kedua cukai pegangan saham. Saham menurut data semalam, 7 Ogos 2018 jumlah nilai saham ialah RM1.86 trilion. Jika dikenakan cukai 2.5 *percent* bagi saham yang dipegang dalam tempoh setahun, dikenakan 2.5 *percent*, kita boleh mendapat *income* RM47.5 bilion. Bayangkan di campur dua *income* ini, RM12.5 bilion campur dengan RM47.5 bilion kita mendapat *income* RM60 bilion. Inilah nilai yang hilang, yang patut kita ambil daripada orang-orang kaya, poket orang kaya... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ambil daripada orang-orang kaya, korporat-korporat para pemegang saham ini, agih balik kepada rakyat miskin dan kita tidak perlukan GST, tidak perlukan SST.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa minta laluan.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Itulah saya menegaskan di sini bahawa, kami sangat menyokong untuk GST dihapuskan dalam masa yang sama kami menentang untuk SST dilaksanakan dan kami mencadangkan sistem Cukai Islam, cukai simpanan korporat dan cukai pegangan saham sebagai alternatif.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengamati hujahan dari Yang Berhormat Kuala Nerus semenjak dari semalam yang memperkenalkan alternatif kepada cukai kepenggunaan. Namun sayangnya saya tidak mendengar komen secara tuntas daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan.



Setuju kah Yang Berhormat Kuala Nerus dengan saya bahawa pemansuhan GST ini sangat dialu-alukan oleh rakyat di bawah termasuk di kawasan saya, termasuk juga di kawasan Kuala Kedah tadi yang dia sebut bahawa rakyat mengalu-alukan pemansuhan GST.

Namun, rakyat menanti dengan penuh tentang pelaksanaan SST ini yang barangkali juga akan berlaku apa yang disebut sebelum daripada ini, apabila kerajaan dahulu melaksanakan GST dengan hujahan yang diberikan bahawa harga barang akan turun. Akan tetapi hakikatnya berlaku kenaikan harga barang yang di luar daripada kawalan.

Jadi, rakyat menanti dengan penuh debaran, SST yang hendak dilaksanakan ini juga akan mengulangi kesilapan yang sama dan rakyat yang terjerut leher mereka dengan sebab pelaksanaan ini. Setuju kah Yang Berhormat Kuala Nerus?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya, ketika dibentangkan rang undang-undang berkaitan GST di Parlimen pada tahun 2014, kerajaan ketika itu menyatakan bahawa dijangka akan berlaku inflasi sekitar dua *percent* dalam tempoh dua tahun.

Akan tetapi apa yang berlaku kemudiannya ialah inflasi yang dicatatkan untuk tahun 2017 sahaja, saya perhatikan daripada awal tahun, daripada bulan satu, bulan dua sampai bulan enam dia tidak lari daripada sekitar empat *percent* ke lima *percent*. Apa yang saya hendak sebut ialah bahawa apa yang diandaikan tahun 2014 tidak berlaku, walaupun pelbagai hujah diberikan kerana berlaku inflasi bukan kerana GST dan sebagainya, itu hujah. Hari ini keadaan yang sama juga...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Kita diberikan jawapan bahawa, nanti tidak akan berlaku inflasi daripada cukai SST. Saya bimbang itu hanyalah alasan kita tanpa kita mengukur keadaan sebenar. Ini kerana ada kajian awal menunjukkan akan berlaku kenaikan harga barang juga. Inflasi akan berlaku.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pendang minta laluan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Kuala Nerus berkenaan *syariah compliance* yang di terang secara agak terperinci tadi.

Saya tertarik apakah perlu Yang Berhormat Kuala Nerus untuk kita menyusun, mengatur program-program penerangan berkenaan dengan *syariah compliance*, berkaitan dengan kutipan zakat dari segi Islamik yang kita tengok adalah lebih baik, kita ada ruang yang lebih baik daripada cukai-cukai yang ada sekarang. Perlukah, saya rasa ramai yang ada di sini tidak faham sebenarnya bagaimana kaedah yang baik ini perlu kita garap bagi meringankan bebanan rakyat. Minta penjelasan.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya. Sistem cukai alternatif yang saya cadangkan tadi boleh kita *access* di semua laman web Pusat Pungutan Zakat. Di semua, termasuk Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. Jikalau mahu diperkembangkan lagi kefahamannya, makinlah cabaran untuk Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mengambil tanggungjawab memberikan penjelasan lebih *detail* hingga difahami bukan hanya oleh orang Islam, tetapi juga bukan Islam untuk melihat keindahan dan kecantikan daripada sistem Islam itu.

Cuma saya hendak sambung tentang inflasi tadi. Setiap kali berlaku perubahan rejim cukai dia akan beri peluang untuk para peniaga menaikkan harga barang. Barangan bila dia naik, dia tidak mungkin turun. Jikalau air harganya RM1 naik jadi RM1.50 air minuman biasa di tepi jalan, dia tidak akan berkurang. Hari ini kita perkenalkan SST, jikalau air tebu harga, ini contoh sahajalah. Air tebu harganya RM1.50 sekarang, dia tidak akan turun menjadi RM1.20.

Akan tetapi dia akan memberi peluang kepada para peniaga menaikkan pula harga hingga akhirnya menjadi RM1 ataupun menjadi RM2. Ertinya setiap kali perubahan sistem, rejim cukai ini akan menjadi ruang untuk para peniaga menaikkan harga barang. Oleh sebab itu saya menyatakan bahawa kita mengalu-alukan rang undang-undang untuk menghapuskan GST.

Akan tetapi kesilapan besar Pakatan Harapan ialah mengubahnya dengan cukai SST dengan hujah yang sangat remeh, hujah daripada Yang Berhormat Jelutong, hujah daripada Yang Berhormat Tangga Batu, alah kerana kita perlukan wang. Jikalau kita perlukan wang, hanya SST sahaja kah caranya? Tidak. Kenapa kita sempitkan fikiran kita, pemikiran kita, akal kita hanya melihat pada SST? Kita boleh berjijihad, kembangkan lagi. Banyak lagi ruang dan peluang yang boleh kita guna. Saya mencabar Pakatan Harapan kerajaan baharu untuk melihat dan meneroka ruang-ruang ini. Oleh sebab itu saya menyatakan sekali lagi sokongan saya untuk GST dihapuskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Gudang minta laluan, secara ringkas. Boleh Yang Berhormat? Yang Berhormat Pasir Gudang minta laluan.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Saya ingin turut membahaskan boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, untuk berbahas. Saya ada senarai lain di sini. Yang Berhormat Rasah dahulu.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Okey. Terima kasih.

#### 7.06 mlm.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan untuk Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018. Pada 7 April 2014, rakyat Malaysia mendapat hadiah daripada Kerajaan Barisan Nasional ketika itu. Dengan lulusnya GST... [Tepuk] Hari ini tanggal 8 Ogos 2018, Kerajaan Pakatan Harapan membuang kezaliman yang ada, yang telah dilaksanakan oleh kerajaan yang lepas supaya rakyat Malaysia terhindar daripada kezaliman yang berterusan, dengan termansuhnya GST pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Kuala Nerus di awal perbahasan beliau, beliau ada mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan atas pemansuhan GST. Saya berharap rakan-rakan yang bersama dengan Yang Berhormat Kuala Nerus nanti waktu mengundi itu, bersamalah dengan kami untuk sama-sama memansuhkan GST, jangan bersama dengan kawan baharu yang bermati-matian, berkobar-kobar mahu mempertahankan GST sampai hari ini. Walaupun telah diajar dengan kertas undi pada PRU Ke-14.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hari ini kita cukup bertuah disebabkan oleh mandat daripada rakyat, disebabkan pilihan daripada rakyat yang telah meneliti, yang telah membaca dengan teliti keseluruhan manifesto daripada Pakatan Harapan yang mana kami telah menawarkan satu pendekatan bahawa cukai yang zalim, menzalimi rakyat, menyusahkan rakyat yang hanya menguntungkan sistem ataupun rejim kleptokrasi dimansuhkan dan digantikan dengan cukai SST yang lebih mesra dan lebih adil kepada rakyat untuk kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya terkejut apabila Yang Berhormat Menteri tadi mendedahkan bahawa, sebanyak RM19.4 bilion cukai input yang patutnya dipulangkan, masih gagal dipulangkan oleh kerajaan yang lepas. Saya rasa, bukan setakat kegagalan tetapi jauh lebih penting adalah kerajaan yang lepas telah pecah amanah. Memecahkan amanah yang telah diberikan, tanggungjawab yang sepatutnya digalas oleh kerajaan yang lepas yang hari ini terpaksa ditanggung liabilitinya oleh kerajaan baharu Pakatan Harapan. Akan tetapi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Gelugor minta laluan. Boleh?

**Tuan Ramkarpal Singh a/ Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Minta laluan.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ya.

**Tuan Ramkarpal Singh a/ Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Atas isu- terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Atas isu pemulangan *refund* tersebut yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rasah tadi.

#### ■1910

Kita dengar daripada Yang Berhormat Menteri bahawa terdapat jumlah yang agak besar, RM19 bilion lebih, RM19.4 bilion kalau tidak silap saya, dikatakan ada terdapat elemen pecah amanah di mana jumlah besar tersebut tidak dipulangkan dan tidak dapat di-*accounted for*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Tadi semasa perbahasan ini dijalankan, kita dengar daripada pihak Barisan Nasional bahawa ini adalah satu perkara yang serius yang dibangkitkan oleh Menteri, perkataan-perkataan seperti rompak, *misappropriation* dan sebagainya. Ini adalah isu-isu serius yang tidak dibuktikan dan perlu kita buktikan. Baru sahaja kita boleh membawa perkara ini ke perhatian rakyat umum.

Persoalan saya sekarang, adakah Yang Berhormat Rasah setuju bahawa *first and foremost*, isu *misappropriation* tersebut tidak pernah dibawa ke mahkamah setakat sekarang, dan oleh itu, tiada *avenue* untuk kita membuktikan perkara tersebut? Akan tetapi apa yang lebih penting, adakah Yang Berhormat Rasah setuju bahawa isu ini adalah cukup penting untuk dibahaskan di Dewan yang mulia ini? Oleh sebab ini ialah satu isu yang kena mengena dengan semua rakyat termasuk Yang Berhormat Rasah, saya dan rakyat biasa, *ordinary men in the street*. Jadi, adakah kita perlu membahaskan isu itu di Dewan yang mulia ini? Apakah pandangan Yang Berhormat Rasah? Terima kasih.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya setuju benar dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor sebab perkara ini bukan sahaja menyentuh rakyat daripada mana-mana kawasan tetapi seluruh rakyat Malaysia yang mempunyai kepentingan, mempunyai hak untuk mengetahui apakah yang terjadi di bawah rejim kerajaan yang lepas. Saya bersetuju ia perlu dibahaskan. Selepas itu, pihak yang berwajib patut mengheret sesiapa yang terlibat dalam penyelewengan, ketirisan dan penyalahgunaan dana tersebut ke muka pengadilan supaya akhirnya wang ataupun dana yang sepatutnya dijana untuk pembangunan negara dan kepentingan rakyat dapat dikembalikan kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya nampak rakan-rakan daripada pembangkang yang dahulunya menjadi kerajaan bermati-matian mahu mempertahankan GST termasuk saya tengok sahabat saya, jiran saya di Negeri Sembilan, Yang Berhormat Rembau, mengatakan bahawa kalau boleh dikurangkan peratusan dan sebagainya, di-*modified* supaya ada GST baharu.

Saya tidak bersetuju. Hujah saya mudah sahaja. Kalau Yang Berhormat Rembau sebagai mantan Menteri di bawah pimpinan rejim yang lepas, kalaulah cadangan GST baharu itu cukup baik dan menguntungkan rakyat, kenapa sewaktu berkuasa, sewaktu diberikan mandat dan amanah oleh rakyat untuk menjadi Menteri dalam Kabinet tidak dicadangkan, tidak dikemukakan dan tidak dilaksanakan? Hari ini sudah jadi pembangkang, baru hendak menunjukkan kehebatan seolah-olah hujahan tersebut menguntungkan rakyat. Bagi saya, apa yang dilakukan, apa yang diketengahkan oleh pihak pembangkang khususnya daripada Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Rembau, tidak lebih daripada menegakkan benang yang basah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga rasa berbesar hati hari ini sebab saya nampak rakan-rakan daripada pihak PAS khususnya, yang mempertikaikan ataupun dalam kata lain bimbang pembangunan negara akan terbantut dengan pemansuhan GST. Jangan bimbang. Walaupun dengan pemansuhan GST hasil kerajaan berkurangan, hampir separuh sahaja kutipan SST berbanding dengan GST...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Rasah, minta laluan sedikit. Terima kasih sahabat. Kami tidak bimbang penghapusan GST.

Cuma kami bimbang pelaksanaan SST itu tidak menguntungkan rakyat kerana masih ada lagi *loopholes* yang perlu kita atasi termasuk *enforcement* dan sebagainya sebab berdasarkan perkara-perkara yang lepas. Maknanya banyak lubang-lubang yang tiris akibat daripada pelaksanaan sistem. Itu sahaja. Pasal GST, tadi sudah disebut oleh Yang Berhormat Kuala Nerus, kita menyokong penghapusan GST tetapi yang baharu pelaksanaan SST ini, itu yang kita bangkit. Jadi, hendak perbetulkan yang itu sahaja. Terima kasih.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Rasah, sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Saya mengamati semua ucapan-ucapan yang menyokong SST dan pemansuhan GST tidak lari daripada bercakap soal ketirisan kerajaan sebelum daripada ini dengan dakwaan pelbagai termasuk daripada Yang Berhormat Menteri, seperti rasuahlah, perompaklah dan sebagainya. Saya pernah meneliti ucapan Naib Presiden PKR yang dahulu Ahli Parlimen Pandan, dia mengatakan bahawa dengan pemansuhan GST cukup dengan hanya mengawal ketirisan sudah boleh menampung perbelanjaan negara yang hilang daripada pemansuhan GST.

Jadi soalan saya ialah bagaimana kesungguhan Pakatan Harapan dalam usaha mengawal ketirisan ini sehingga Pakatan Harapan boleh memberi *income* kepada negara dan tidak perlu kerajaan baharu pada hari ini membebaskan rakyat dengan satu cukai yang baharu? Tidak perlu membebaskan dengan cukai yang baharu kerana cukup dengan mengawal ketirisan sudah boleh mengembalikan kepada kantung kerajaan jumlah yang dianggarkan kalau mengikut Laporan Audit, RM20 bilion lebih jumlah ketirisan. Mohon pandangan Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan Yang Berhormat Pendang atas kebimbangan yang dikemukakan. Akan tetapi, saya hendak maklumkan bahawa ini kerajaan baharu Pakatan Harapan, ini bukan rejim lama yang telah memerintah 61 tahun. Kami tidak mengamalkan penyelewengan, ketirisan dan penyalahgunaan kuasa dan juga kleptokrasi.

Jadi saya harap rakan-rakan lama dahulu yang bersama dengan kami dapat memberikan keyakinan ataupun memberikan masa yang secukupnya kepada kerajaan baharu Pakatan Harapan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Langkawi supaya kerajaan baharu yang hari ini genap tiga bulan kami diberikan mandat oleh rakyat Malaysia, supaya melakukan yang terbaik.

Saya hendak membangkitkan perkara terakhir berkenaan isu pembangunan. Tadi ramai yang bimbang termasuk daripada pihak pembangkang, UMNO pun bimbang, mengenai dana pembangunan. Dikatakan apabila GST dimansuhkan, kutipan SST yang hanya lebih kurang separuh sahaja daripada GST akan menyebabkan banyak projek terpaksa tergendala ataupun KIV. Saya rasa benda itu tidak timbul. Apa yang penting adalah pengurusan kewangan. Kita menghapuskan penyelewengan, memastikan dana digunakan sebaiknya.

Kalau dahulu dengan GST pun banyak projek untuk kepentingan rakyat di kawasan Parlimen yang diwakili Menteri sendiri yang saya ketengahkan pada tengah hari tadi, Hospital Rembau sekurang-kurangnya tiga PRU disebut, hari ini sebatang tiang pun tidak ada. Ini hospital untuk kepentingan rakyat. Apakah di Rembau tidak ada keperluan? Saya rasa ada. Saya tahu tempat itu. Akan tetapi cuma disebabkan ketirisan, walaupun dengan hasil kutipan GST yang tinggi.

Jadi isunya di sini bukan berapa hasil kutipan tetapi lebih kepada hasil kutipan walaupun kurang tetapi jika dana awam tersebut dapat digunakan sepenuhnya tanpa penyelewengan, tanpa membeli cincin ataupun *handbag Bijan*, akhirnya rakyat akan untung walaupun kutipannya hanya separuh daripada GST.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Rasah, Jelebu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelebu.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Jelebu kena bagi laluan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Kena bagi. Pertama, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Rasah kerana kita daripada Dewan Undangan Negeri, kita masuk ke Parlimen walaupun berlainan blok.

Yang Berhormat Rasah, saya dengar perbincangan Yang Berhormat Rasah tentang pembangunan yang kemungkinannya tidak dapat dijalankan secara total kalau pendapatan GST kita dapat kurang. Yang Berhormat Menteri Kewangan beritahu tahun depan kita akan kurang RM23 bilion. Tahun 2018 kita kurang, *short* dari segi pendapatan kerajaan RM17 bilion.

Cuma saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Rasah, bagaimana pula pembelaan kepada rakyat? Apabila pendapatan kita kurang, tentunya bantuan kepada rakyat seperti yang telah dijalankan oleh kerajaan terdahulu seperti bantuan BR1M umpamanya, sekarang kita sudah kurangkan bantuan kepada rakyat walaupun dalam bentuk apa sekalipun yang kita namakan. Kemudian elaun JKKK umpamanya. Kalau dahulu dapat RM800, RM900, sekarang sudah tinggal RM500. Bantuan kepada nelayan umpamanya, satu perkara lagi.

#### ■1920

Jadi saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Rasah, adakah kerana kekurangan kutipan cukai yang tentunya kita bagi RM23 bilion- saya pegang kepada Yang Berhormat Menteri, maklum kepada Dewan bahawa RM23 bilion ini adalah satu perkara besar yang kita beri kepada rakyat tetapi hakikatnya dalam tempoh ini, rakyat mendapat kekurangan daripada bantuan-bantuan sebelum ini. Sila Yang Berhormat Rasah. Terima kasih.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu, rakan lama saya di Dewan Undangan Negeri Sembilan. Yang Berhormat Jelebu, untuk makluman, saya sudah jelaskan tadi, walaupun hasil kutipan cukai berkurangan dengan adanya SST berbanding dengan GST tetapi disebabkan kami tidak mengamalkan penyelewengan, ketirisan dan sebagainya yang berlaku pada rejim yang lepas, mungkin Yang Berhormat Jelebu waktu itu di Negeri Sembilan tidak terlibatlah, bukan salah Yang Berhormat Jelebu. Akan tetapi ia berlaku, hakikatnya ia berlaku dan apa yang terjadi, kita nampak semua yang menyebabkan walaupun hasil kutipan tinggi tetapi akhirnya limpahan pembangunan tidak dinikmati oleh rakyat.

Jadi walaupun kutipan itu kurang, saya rasa tidak ada masalah. Soal elaun JKKK itu dikurangkan, saya rasa itu kita kena faham. Itu elaun bukan untuk semua penduduk, itu untuk ketua kampung, JKKK. Jadi itu adalah antara yang kami lakukan, kerajaan baharu lakukan untuk memastikan kelancaran dan memastikan dana pembangunan itu cukup sebab yang 500 itu bukan serahkan kepada rakyat. Itu kepada pengerusi JKKK. Jadi bukan untuk rakyat. Itu lebih kepada lantikan. Jadi saya harap Yang Berhormat Jelebu jangan bimbang. Pembangunan akan terus, termasuk di kawasan Jelebu, saya percaya.

Jadi saya rasa masa sudah cukup Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk sama-sama menyokong rang undang-undang ini dimansuhkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin Yang Berhormat Pasir Gudang pembahas yang terakhir ya mengikut senarai saya. Ya, silakan.

#### 7.22 mlm.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbincangan ini, saya ingin menyokong usul daripada Menteri untuk meluluskan rang undang-undang pemansuhan GST ini.

Akan tetapi sebelum itu, saya ingin mengucapkan syabas kepada sahabat Ahli-ahli Parlimen daripada blok Barisan Nasional yang masih ada dalam perbahasan ini hingga ke akhirnya. Begitu juga daripada GPS dan lebih-lebih lagi penghargaan saya kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen daripada blok PAS yang cukup berminat untuk membincangkan isu cukai ini. Kepada blok kerajaan, para Menteri dan *backbencher* Pakatan Harapan nampaknya bersungguh-sungguh untuk membahaskan isu ini.

Semalam telah diluluskan Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018. Petang ini juga telah diluluskan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018. Jadi sebenarnya, Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) ini memang logiklah dan mesti diluluskan. Kalau tidak nanti kita ada dua cukai, GST ada, SST pun ada tetapi kita fahamlah ini *ritual* yang terpaksa kita lalui.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan saya ini, pentingnya disebutkan di sini, ini Parlimen yang baharu selepas pilihan raya 9 Mei yang lalu. Ertinya masih ingat lagi dalam pilihan raya itu isu GST ini merupakan isu utama yang diketengahkan oleh Pakatan Harapan untuk mendapat sokongan dan mandat daripada rakyat. Jadi pada hari ini, tidak munasabah kalau Pakatan Harapan datang ke Parlimen ini hanya untuk kurangkan peratusan GST tetapi GST itu dikekalkan, hanya turun sahaja. Pendeknya, Pakatan Harapan tidak boleh jumpa rakyat. Ini bermakna telah mungkir janji dan ini tidak akan kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi masalah sekarang kepada rakyat dan disebut dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu rakyat yang terpinggir. Rakyat yang terpinggir ini rakyat yang miskin, yang duduk di bawah lapisan yang bawahan ini. Ini bukan teori ekonomi tetapi ini realiti yang nyata bahawa rakyat bawahan terpinggir B40 atau B60 ini, yang bawah ini memang tertekan dengan cukai GST yang baharu tiga tahun dilaksanakan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** [Bangun]

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Kita mesti ingat ...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Pasir Gudang, Lembah Pantai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lembah Pantai minta mencelah.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Ya, silakan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat Pasir Gudang, disebutkan tentang golongan B40 yang rasa tertekan dengan masalah terbelenggu dengan GST selama tiga tahun lebih. Pada masa yang sama, hari ini kita diberitahu oleh Yang Berhormat Bagan, Menteri Kewangan bahawa nampaknya syarikat-syarikat juga tertekan dan terbelenggu dengan jumlah RM19.4 bilion, dengan izin, *input tax* yang tidak diberikan semula kepada mereka.

Jadi saya hendak tanya, selain daripada golongan B40 yang tertekan, adakah Yang Berhormat Pasir Gudang bersetuju jika kita adakan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk mengenal pasti bagaimana jumlah yang teramat besar ini, RM19.4 bilion telah kehilangan? Adakah Yang Berhormat bersetuju?

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya sungguh bersetuju. Perkara ini juga ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Ertinya kita tidak boleh lepaskan isu *refund GST* ini yang telah tidak dibayar kepada pembayar-pembayar cukai, syarikat-syarikat dan sebagainya, ini satu pecah amanah. Ertinya kesalahan ini kesalahan yang kolektif, tanggungjawab bersama, pimpinan yang lepas perlu disiasat.

Saya harap pertanyaan tadi bersama dengan ucapan saya ini dalam perbahasan ini iaitu saya sendiri terperanjat dengan apa yang didedahkan oleh Menteri Kewangan, Yang Berhormat Bagan tadi. Sekarang jelaslah mengapa GST ini telah mendapat tentangan daripada rakyat dan hari ini didedahkan di kalangan peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha. Jadi penjelasan oleh Menteri Kewangan, Yang Berhormat Bagan tadi ini cukup jelas dan saya rasa tidak dapat disangkal oleh pihak pembangkang di sebelah Barisan Nasional sana.

Jadi saya percaya Tuan Yang di-Pertua, memang perlu ada cukai yang menggantikan, alternatif. Jika GST kita mansuhkan, mesti ada cukai sebagai gantinya. Cadangan daripada sahabat-sahabat daripada PAS tadi, satu cadangan tetapi yang mentadbir sekarang ialah Kerajaan Pakatan Harapan. Kena realistik iaitu kita percaya, saya sendiri percaya bahawa sistem cukai SST ini bukannya sempurna, bukannya *perfect* tetapi dalam keadaan sekarang, antara GST dengan SST ini, ertinya jauh bezanya. Jadi kita kembali kepada waktu ini kepada cukai SST.

Kita perlu ingat dalam 14 kali pilihan raya diadakan di Malaysia ini, Pilihanraya Umum Ke-14 inilah soal cukai menjadi isu utama. Sebanyak 13 kali pilihan raya tidak timbul soal cukai, soal jalan raya, soal rasuah, soal pembangunan tidak ada, elektrik tidak ada tetapi kenapa dalam Pilihanraya Umum Ke-14 ini cukai duduk *center stage* itu.

#### ■1930

Ini bermakna, cukai GST itu di tolak oleh rakyat. Yang Berhormat Rembau kena akur tentang perkara ini. Yang Berhormat Pontian yang kata dahulu, cukai GST bila dilaksanakan harga barang akan turun, kenapa tidak tunggu sampai akhir pada petang ini? Iaitu maknanya ini keadaannya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari kerajaan yang mentadbir sekarang perlu ada sistem walaupun tidak sempurna, tidak *perfect* sistem SST itu tetapi kita perlu ada sistem yang lebih baik daripada GST, memang betul kutipan daripada sistem...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Penjelasan sedikit, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Tuan Yang di-Pertua, ya terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat tentang cadangan untuk meringankan beban rakyat. Walaupun kita tahu GST dihapuskan, memang semua kita tidak suka cukai membebaskan rakyat. Akan tetapi apakah SST tidak membebaskan rakyat? Apa salahnya kita mempelbagaikan sumber pendapatan negara?

Cadangan kami untuk memperkenalkan cukai korporat dan pegangan saham. Perkara-perkara ini adalah satu cadangan yang baik, yang sebenarnya yang kita cukaikan adalah golongan yang berpendapatan tinggi. Apakah perkara ini tidak- kita cuba tengok apa hasilnya? Kenapa kita harus takut semata-mata kerana itu bukan cadangan daripada Pakatan Harapan, ini adalah pandangan daripada Parti PAS.

Sepatutnya sebagai dalam Dewan ialah kita mencari yang terbaik untuk rakyat, macam mana kita hendak mendapatkan hasil untuk menambahkan hasil untuk tidak membebaskan rakyat golongan yang termiskin. Apa pandangan Yang Berhormat?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat]***

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya berharap pandangan dan cadangan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada PAS ini dapat disentuh juga oleh Yang Berhormat Bagan Menteri Kewangan apabila menjawab merumuskan usul ini.

Malah, saya juga ingin mengemukakan dalam masa yang singkat ini kepada kerajaan yang memerintah sekarang iaitu perlukah- mungkin tidak sekarang tetapi memikirkan iaitu kalau cukai SST ini juga yang akan dilaksanakan nanti, rakyat biasa, rakyat bawahan walaupun kurang terbeban berbanding GST, masih bayar cukai. Golongan bawahan ini saya ingin kerajaan pertimbangkan tentang bagaimana 10 peratus yang ke atas atau lima peratus yang ke atas dalam piramid susunan lapis masyarakat kita yang menguasai kekayaan negara kita ini. Yang agihan kekayaan negara ini tidak adil sebenarnya.

Selain daripada SST ini, maknanya perlu atau tidak memikirkan bahawa golongan elit yang kaya berkuasa ini, dari segi ekonomi ini, kekayaan mereka itu yang semakin lama semakin bertambah, golongan miskin semakin lama semakin papa kedana ini, golongan yang terkaya ini perlu diteliti, maknanya cukai khas untuk mereka ini. Mungkin satu lagi cadangan saya dalam kerajaan untuk memperbanyakkan sumber dana, hasil bagi negara, adakah trend kita makin lama cukai korporat itu semakin dikurangkan untuk menarik FDI daripada luar?

Ertinya, tidakkah maknanya kita lihat bahawa golongan-golongan korporat ini juga perlu menyumbang kepada negara kita ini dalam keadaan kita menghadapi kesusahannya ini supaya mereka juga sama-sama berkorban seperti orang miskin dan sebagainya untuk membayar cukai yang sepatutnya tidaklah terlalu rendah.

Jadi pada akhirnya, dalam penggulungan saya ini, memang penting iaitu ketirisan mesti diatasi oleh kerajaan yang memerintah sekarang ini untuk selamatkan wang negara supaya tidak bocor, itu yang pertama. Kedua, kerajaan sekarang ini, yang memerintah sekarang ini mesti berjimat cermat, jangan boros. Ketiga, perang terhadap rasuah ini mesti diteruskan supaya tidak lagi wang negara ini dicuri, dihakis, dicangkul untuk kepentingan kroni-kroni secara yang jenayahnya salah. Cukup salah, wang negara ini di seleweng dan sebagainya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya kata saya percaya penjelasan daripada Yang Berhormat Bagan tadi cukup jelas. Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang untuk penghapusan GST ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tamatkan perbahasan dan sekarang meminta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### 7.36 mlm.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Parlimen yang mengambil bahagian dalam perbahasaan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 GST.

Di sini saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih, khas kepada rakan daripada Pakatan Harapan, daripada Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Johor Baru, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Jelutong, juga daripada rakan lain yang menyatakan sokongan baik daripada Yang Berhormat Kapar mahupun daripada Yang Berhormat Lembah Pantai dan juga daripada beberapa ahli pembangkang yang menyokong rang undang-undang GST ini dimansuhkan. Kecuali sahaja mungkin daripada pihak Barisan Nasional yang masih mahu memeluk GST ini sampai habis-habisan.

Melalui perbahasan, didapati di antara perkara yang banyak dibahaskan adalah berkaitan dalam kelemahan dalam SST, kehilangan hasil negara, bahawa GST lebih baik daripada SST. Kalau kita kurangkan kadar GST daripada enam peratus kepada tiga peratus, adalah satu alternatif yang lebih baik daripada memperkenalkan SST. Sesi *engagement* bersama rakyat, *amnesty period* dan juga garisan panduan untuk tempoh peralihan dari GST ke SST dan tentulah tentang jumlah wang *refund* yang tidak dikembalikan kepada pembayar-pembayar cukai. Saya akan menggulung perbahasan berdasarkan kepada perkara yang dibangkitkan.

Berkaitan dengan kelemahan dalam SST sebelum ini seperti ekonomi samar, *cascading tax*, *transfer pricing* dan kehilangan ataupun kelemahan dari segi pemantauan. Kesan ekonomi samar di bawah SST dijangka akan berkurangan. Oleh kerana kalau kita lihat dalam aspek pangkalan data yang sedia ada, pangkalan data perniagaan bagi mereka yang berdaftar di bawah GST boleh diguna pakai dalam sistem percukaian SST.

Semua data ini akan digunakan bagi memastikan pengilang dan penyedia perkhidmatan yang telah mencecah nilai ambang berdaftar SST akan kekal berada dalam sistem SST. Ini bermakna, mereka akan sentiasa dipantau melalui sistem percukaian SST.



Selain itu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga telah melaksanakan inisiatif perkongsian maklumat dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri, di mana MOU telah ditandatangani di antara kedua-dua agensi. Melalui inisiatif ini, sebarang maklumat yang dijumpai oleh sesuatu agensi semasa mereka menjalankan semakan atau audit akan dikongsi dengan agensi yang lain.

#### ■1940

Melalui perkongsian data dan maklumat ini, kesan ekonomi samar akan dapat ditangani kerana semua pengilang, pemborong dan peruncit yang berdaftar GST akan ada di dalam radar pemantauan kedua-dua agensi walaupun GST dimansuhkan dan SST dilaksanakan.

Berhubung dengan kesan cukai bertindih atau *cascading tax*, skop SST yang akan diperkenalkan hanya merangkumi beberapa kategori barang dan perkhidmatan tertentu sahaja. Ini bermaksud kesan cukai bertindih atau cukai atas cukai yang berlaku di dalam sistem SST tidak akan memberi impak besar kepada rakyat berbanding dengan GST. Kategori barang dan perkhidmatan dikenakan cukai adalah jauh lebih banyak berbanding dengan SST. Pada masa yang sama, masalah *transfer pricing* akan ditangani melalui peruntukan perundangan berkaitan penilaian, *evaluation* dan juga dengan bergantung kepada peraturan *anti-fragmentation*.

Tuan Yang di-Pertua, hujah kononnya GST lebih baik daripada SST ditetapkan kepada tiga peratus. Apa jua penambahbaikan yang dilakukan di bawah GST tidak akan menyelesaikan masalah. Kerajaan berpandangan pelaksanaan SST iaitu cukai seperingkat adalah lebih mudah dan dapat membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat berbanding GST yang dikenakan di pelbagai peringkat. Secara perbandingan, 470,000 peniaga menghasilkan kutipan GST sebanyak RM44 bilion.

Akan tetapi di bawah SST, hanya 70,000 peniaga diperlukan untuk mendapatkan hasil sebanyak RM21 bilion. Dengan ini amat jelas pentadbiran cukai serta kos pematuhan cukai akan jadi lebih mudah dan efisien kepada peniaga yang secara langsung dapat memberi kesejahteraan kepada rakyat. Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan menumpukan sumber kepada usaha-usaha penguatkuasaan untuk menangani isu pelarian cukai, ekonomi samar dan juga *transfer pricing*.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa ada perselisihan ideologi di sini. Kalau kita hendak sebut dengan mekanisme dan pelaksanaan, tentu sama-sama ada kelemahan dan juga kekuatan sendiri. Akan tetapi dari segi ideologi, kita lihat GST lahir kerana skandal kewangan 1MDB. Ia mempunyai benih yang sudah rosak, benih yang bermasalah. Punca adalah skandal 1MDB. Kalau bukan skandal 1MDB, saya yakin GST tidak akan dilaksanakan. Itulah sebabnya kalau kita hendak teruskan dengan GST, saya rasa itu sesuatu yang susah untuk diterima oleh kerajaan baharu. Ini kerana sumbernya, puncanya adalah sesuatu yang kita rasa sudah terpesong, sudah tidak betul dan berdasarkan satu landasan yang tidak berkepentingan rakyat.

Ditambah pula dengan masalah penyelewengan yang berlaku. Di mana seperti yang saya sebut tadi tuntutan *GST refund* sebanyak RM9.4 bilion di mana hanya RM1.4 bilion dalam akaun amanah. Bermakna RM18 bilion tidak dimasukkan seperti yang diperlukan kepada akaun amanah. Itu sesuatu yang sangat serius. Sungguhpun Menteri-menteri Kabinet kerajaan lama nampaknya tidak tahu tentang perkara ini termasuk seorang ahli Kabinet yang begitu kanan sekali seperti Yang Berhormat dari Jeli pun nampaknya tidak tahu. Itu menunjukkan betapa serius isu ini tetapi kita tahu tentu Menteri berkenaan sedar tentang perkara ini.

Saya syak KSP pun pasti sedar tentang perkara ini kerana apabila tuntutan dibuat, sudah pastinya KSP masa itu, iaitu Ketua Setiausaha Perbendaharaan masa itu tentu mesti buat sesuatu keputusan. Akan tetapi kita hendak lihat kalau kita sebut rantai perbekalan, kita hendak tahu rantai keputusan, *the decision making chain* siapa yang tahu tentang perkara ini. Ini saya rasa tentu siasatan dibuat dan kita akan dapat itu rumusan.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Parlimen yang mencadangkan bahawa kita buat satu siasatan menyeluruh tetapi biarlah kerajaan untuk buat siasatan terlebih dahulu supaya kita boleh serahkan kepada Kabinet untuk keputusan apakah tindakan seterusnya.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Dengan izin.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa di sini...

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Dengan izin.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Masalahnya- nanti saya habis dahulu, saya akan bagi. Saya rasa di sini memang kita tahu siapa yang terlibat, siapa yang tidak terlibat. Kalau kita lihat secara amnya, wang yang tidak dimasukkan kepada akaun amanah digunakan seperti yang saya sebut tadi secara am, secara am. Kalau kita lihat dari segi spesifik, kita masih belum kenal pasti, tetapi secara am untuk tutup defisit untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan sebagainya. Menganggap ia sebagai satu hasil kerajaan bila ia bukan hasil kerajaan, ia harus diletakkan dalam akaun amanah. Ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Rasah adalah satu kes pecah amanah.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** [Bangun]

**Tuan Lim Guan Eng:** Akan tetapi sejauh manakah seorang pegawai kerajaan apabila membuat keputusan ini tidak jelas boleh dikaitkan bahawa beliau ada kepentingan secara langsung. Sejauh manakah itu pecah amanah? Itu kita kena tunggu hasil siasatan.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Dengan izin...

**Tuan Lim Guan Eng:** Akan tetapi yang menjadi- satu ayat sahaja. Akan tetapi yang menjadi perkara pokok ialah ia telah berlarutan tiga tahun. Itu yang saya sebut *falsification of account*. Sampai kita lihat penyata kewangan bukanlah apa yang sebenarnya dicatatkan. Sila.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri menjawab dengan tenang. Saya memberi sokongan 100 peratus kepada Yang Berhormat dalam bab untuk kita ambil tindakan dan menyiasat apa sebenarnya berlaku. Saya yakin Yang Berhormat tahu bahawa cara kita mengutip semua cukai akhirnya dimasukkan ke dalam Akaun Yang Disatukan adalah perkara biasa.

Saya beri contoh negara jiran Singapura. Mereka juga ada Akta GST 1993 yang mana seksyen 2 *administration clause 5* menyatakan "*The controller shall be responsible generally for the carrying out of the provisions of this act and for the collection of tax and shall pay all amounts collected in respect thereof into the Consolidated Fund*". Bermaksud apa yang *Singapore* lakukan juga masuk dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan.

Akan tetapi betul, Yang Berhormat kata ada *shortfall*. Apakah pandangan Yang Berhormat *shortfall* ini bermula pada 2014 atau tiga tahun yang lalu dan akhirnya telah tertunggak sehingga RM94 bilion. Kalau ada *shortfall*, apakah bukan satu cadangan daripada Jabatan Kastam lazimnya setiap tahun mereka akan anggarkan berapa yang patut dimasukkan dalam akaun amanah?

Jadi saya berharap cadangan saya kepada Yang Berhormat dan minta pandangan iaitu apabila kita buat siasatan rapi ini, ya kita tidak melindungi mana-mana individu yang salah gunakan khususnya kalau mereka ambil keluar wang ini. Ini tidak boleh.

#### ■1950

Akan tetapi, kalau wang itu dimasukkan dalam kumpulan wang yang disatukan, itu juga wang kerajaan yang tidak hilang. Jadi bagaimana hendak pindah kepada wang amanah? Kita sokong perlu kita pulangkan wang ini kerana wang itu bukan— maksudnya wang yang telah dibayar melalui *input tax*.

Jadi saya minta Yang Berhormat untuk kita sokonglah iaitu kita menyiasat dan kita patut ambil tindakan melalui tidak kiralah PAC atau apa-apa *tribunal* yang patut kita tubuhkan. Apa pandangan, Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya harap...

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh saya minta laluan? *Just a-* terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Ini adalah perkara yang agak penting di mana isu penyelewengan dan sebagainya telah pun ditimbulkan dan ini adalah satu perkara yang agak serius. Mengikut perbincangan yang telah pun kami ikuti sepanjang hari, didapati juga kebanyakan perkara ini tidak dalam pengetahuan bekas-bekas Menteri pada kerajaan lalu.

Jadi saya minta pendapat ataupun pandangan Yang Berhormat Menteri, bukannya ia menjadi tugas agar bekas *Finance Minister* atau Menteri Kewangan hadir di sini untuk memberi penjelasan atau memberi jawapan berkenaan dengan isu penyelewengan tersebut, akauntabiliti tersebut terutamanya dengan berkenaan *shortfall* yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi di mana ini merupakan satu perkara di mana pihak di sebelah sana *seems to be in the dark*, dengan izin. Apakah pandangan, Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Ayer Hitam memberikan gambaran beliau tidak tahu tentang perkara ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bukan Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan. Saya setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Minta maaf, bukan Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Bukit Gelugor dan memang bahawa Yang Berhormat Ayer Hitam tidak tahu tentang perkara ini sama seperti Yang Berhormat Rembau nampaknya pun tidak tahu tentang perkara ini.

Sekiranya ada satu perselisihan satu tahun, itu kadang-kadang kita boleh dapat itu penjelasan dan penjelasan itu mungkin kita boleh terima atas isu-isu perakaunan. *When they see what we call a transition period, one year.* Akan tetapi, bila ia berlaku selama tiga tahun, itu nampak bahawa ia disengajakan.

Itulah sebabnya saya berasa kesal dengan Yang Berhormat Pontian bila saya sebut tentang perkara ini, beliau pula salahkan kerajaan baharu kerana menghapuskan atau sifarkan GST dan benarkan *tax holiday* iaitu cuti cukai yang menyebabkan kita tidak mampu bayar RM18 bilion ini. Saya rasa itu satu sikap yang tidak bertanggungjawab kerana puncanya daripada kerajaan lama. Mahu tidak mahu, sebagai sebuah kerajaan yang mengamalkan *collective responsibility*, akhirnya anda semua adalah bertanggungjawab.

Akan tetapi, tentu- *mitigating factor* ialah sekiranya anda semua tidak tahu, *that would be the mitigating factor*. Mengapa tidak dimaklumkan kepada ahli Kabinet? So, nampaknya ada banyak benda yang ahli Kabinet tidak tahu termasuk saya percaya *project pipeline* di Sabah, *project multiproduct pipeline* dari Melaka hingga ke Jitra pun nampaknya tidak tahu iaitu pembayaran sebanyak 88 peratus telah dibuat sungguhpun tidak ada kerja, tidak ada kemajuan di tapak kerja.

So, nampaknya ahli Kabinet pun tidak tahu tentang kaedah seperti ini. Tidak pernah berlaku dalam Malaysia di mana pembayaran dibuat mengikut tempoh masa tidak kira ada kerja atau tidak ada kerja tapi pembayaran terus dibuat. Nampaknya ahli Kabinet pun tidak tahu bahawa layanan yang sebaik ini diberikan kepada kontraktor negara asing dan tidak diberikan kepada kontraktor tempatan. Nampaknya banyak yang ahli Kabinet tidak tahu.

Ini amat merunsingkan kerana akhirnya anda juga bertanggungjawab mengikut prinsip *collective responsibility*. So, itulah sebabnya...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah?

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila, Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta maaf, saya tadi terlepas, tidak sebut nama Yang Berhormat Kuala Kedah. Terima kasih atas ucapan tadi.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Tidak apa, saya baru bangun. Tadi Yang Berhormat Pontian ada menyebut tentang *tax holiday* bahawa itu tidak perlu dilakukan. Boleh Yang Berhormat Menteri Kewangan beri komen? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** *Tax holiday*.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *Tax holiday* tiga bulan itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Oh, komen dia *tax holiday*. Itu ekoran daripada GST disifarkan dan SST tidak dapat diperkenalkan sehingga ada sesi Parlimen. So, ini saya rasa sesuatu yang kita hendak memudah cara ataupun hendak berikan satu peluang kepada rakyat untuk menikmati *tax holiday* ini apabila mereka sudah sengsara selama tiga tahun di bawah GST.

Akan tetapi, ini pula digunakan oleh Yang Berhormat Pontian untuk menghentam kerajaan baharu. Sehingga bila kita sebut tentang isu ini iaitu *refund* GST yang tidak dimasukkan ke akaun amanah tapi digunakan seperti hasil kerajaan sendiri, itu pun salah kita. Ini saya rasa tidak betul. Ini yang saya rasa tidak bertanggungjawab dan ini saya rasa harus diperbetulkan oleh Yang Berhormat Pontian kerana mahu tidak mahu, kita...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri, Lembah Pantai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Bagaimana kalau kita lanjutkan tempoh *tax holiday* sampai tempoh setahun agar rakyat benar-benar meraikan kemenangan Pakatan Harapan dan juga mengetepikan Barisan Nasional?

**Seorang Ahli:** Cadangan yang baik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini nanti Malaysia akan jadi bankrap. Tidak bolehlah. Kita tak mampu buat sedemikian.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri, Lembah Pantai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tadi sebutkan berkenaan dengan jumlah RM19.4 bilion daripada *input tax* yang perlu di-*refund* ataupun dikembalikan kepada syarikat-syarikat dan ini merupakan satu jumlah yang, dengan izin, *mind-boggling*, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sungguh dahsyat.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ia kalau kita pinjam daripada Yang Berhormat Kapar, sungguh dahsyat, maha dahsyat kerana kalau kita buat perkiraan, ia adalah hampir 7.5 kali ganda jumlah RM2.6 bilion yang masuk ke dalam akaun Yang Berhormat Pekan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sungguh dahsyat.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** 7.5 kali ganda. Jadi ini bukan satu jumlah yang kecil, bukan satu angka yang boleh diremehkan. Saya mohon Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk pertimbangkan secara serius cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen agar diusahakan bukan sahaja satu siasatan tapi satu Suruhanjaya Siasatan Diraja memandangkan ini adalah perkara yang berlaku bukan 30 tahun dahulu tapi berlaku tiga tahun berturut-turut

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Betul.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** ..Dan *it is still very fresh*.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Rosmah sudah sapu.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Jadi saya pohon Yang Berhormat Menteri bagikan pandangan tentang perkara ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya mohon...

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, nanti. Saya jawab dulu. Saya akan bagi kepada Yang Berhormat Pontian.

Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Lembah Pantai dan saya pun menghargai sokongan yang diberikan oleh beliau tentang satu perkara yang seperti Yang Berhormat Lembah Pantai sebut, *mind-boggling* atau yang amat mengejutkan. Lebih daripada mengejutkan sebenarnya.

Ini saya rasa menimbulkan banyak persoalan yang harus dijawab oleh pihak kerajaan lama. Saya telah meminta Ketua Setiausaha Negara untuk cari kertas-kertas Kabinet sama ada perkara ini pernah ditimbulkan. Beliau tidak ingat. "*Saya nampaknya tidak ingat bahawa perkara ini pernah dibincangkan.*" Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana pun tidak ada *impression* bahawa perkara ini pernah dibangkitkan dalam Mesyuarat Kabinet. Ada tidak? *Any recollection that this was raised in the previous Cabinet when you were a Minister?...*

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *Can I answer?*

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, *sure*.

#### ■2000

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Yang Berhormat Menteri, saya setuju bahawa memang ada tanggungjawab bersama dalam konsep kerajaan berjemaah Menteri. Akan tetapi dengan izin *collective responsibility only extends what we know or what we are told*. Sekejap. Setahu saya sebab itu saya bangkitkan perkara ini dengan Yang Berhormat Jeli tadi.

Walaupun benda ini berlaku tiga tahun berturut-turut, kami tidak ada apa-apa maklumat berkenaan dengan perkara ini. Oleh sebab itulah saya tanya tadi berkenaan dengan RM19.4 bilion ini. Yang Berhormat sebut bahawa ini adalah rompakkan. Sekarang ini sudah sebut bahawa penyelewengan, *misallocation* ataupun *misappropriation*. So kita hendak disiasat dengan cepat.

Oleh sebab itu adalah adil kepada kita, di pihak kerajaan yang lama. Kalau tidak perkara ini akan berada di atas tanggungjawab kami di sini sedangkan kami tidak ada apa-apa maklumat tentang perkara ini. Oleh sebab itu saya minta *breakdown* yang mana disebabkan oleh *as you said* rompakkan yang mana disebabkan pertikaian kastam, audit dan sebagainya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu sudah *certified*. *It was certified* disahkan. Saya ingin jelaskan di sini...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh saya mencelah?

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti sekejap, satu ayat, nanti saya bagi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sebab banyak sangat Pontian disebut.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingin menjelaskan bahawa dalam akaun Amanah ada RM1.5 bilion. Akan tetapi yang belum dibayar ialah RM19.4 bilion. Bermakna kita ada *shortfall*. Kita kurang RM18 bilion. Akan tetapi jumlah ini masih besar. Sekiranya ia telah berlaku, berulang setiap tahun selama tiga tahun tanpa pengetahuan Kabinet atau Ahli-ahli Kabinet, saya rasa itu perkara besar.

Saya masih menyatakan bahawa saya tidak sebut nama Ahli-ahli Kabinet. Semalam saya sebut rompak oleh kerajaan dahulu. Ini memang satu rompak. Ini kerana yang tidak dapat bayaran wang yang sepatutnya mereka terima adalah pembayar cukai. Saya telah jumpa banyak daripada peniaga-peniaga tersebut, ada yang menangis, merayu saya membuat bayaran. Ini bukan jumlah kecil, ini adalah jumlah yang besar.

Sungguhpun SME berjuta-juta ringgit, mereka ada hutang. Saya amat kasihan dan simpati kepada mereka itu sebab bila saya bincangkan perkara ini dengan beberapa pemimpin termasuk Tan Sri Zeti daripada CEP, pendirian beliau pun sama dengan saya. *We have a moral imperative to repay them this money as soon as possible.*

Untuk tahun ini tidak mungkin dan itu lah sebabnya Kementerian Kewangan bercadang untuk mulakan pembayaran balik mulai tahun depan. Kita tentu akan pastikan bahawa dalam usaha kita mendapat atau memperoleh wang ini untuk dibayar balik mesti memenuhi kebertanggungjawaban fiskal. *It must be fiscally responsible. So that it doesn't affect our finances.*

Masalah ini memberikan tekanan, saya ingin terus terang kepada saya, kepada pihak kementerian kerana tiba-tiba kita kena cari jumlah wang yang amat besar yang kita tidak jangka langsung. Macam mana perkara ini boleh berlarutan? Macam mana kes pembayaran balik ini boleh dibenarkan begitu sahaja tanpa sebarang sekatan? Ini menunjukkan seperti yang ditanya tadi oleh Ahli Parlimen mengapa Ketua Audit Negara ataupun mengapa bila kita audit akaun itu ini tidak diketahui. Ini saya rasa menimbulkan banyak persoalan juga. Yang Berhormat Pontian, sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya mendapat jawapan bertulis daripada soalan saya semalam 7 Ogos. Ada beberapa perkara yang saya tanya mengenai GST dan satu perkara yang saya tanya ialah berapakah kehilangan hasil bila GST jadi 0 peratus. Jawapan rasmi yang saya terima apabila GST kadar sifar kehilangan hasil ialah RM11 bilion. Ini baru saya peroleh. Bererti apa yang saya kira selama ini betul. Semasa *tax holiday*, kehilangan hasil adalah RM11 bilion.

Apabila Yang Berhormat menyebut tadi, *tax refund* yang tidak dibayar untuk tahun 2018 daripada RM19.4 bilion itu ialah 47 peratus. 47 peratus untuk tahun 2018. 47 peratus daripada RM19.4 bilion ialah RM9.118 bilion yang *tax refund* tidak dibayar untuk tahun 2018. Apa yang saya bangkitkan ialah kalau tidak dibuat *tax holiday*, RM9.118 bilion ini *confirm* boleh dibayar. Oleh sebab yang kehilangan hasil ialah RM11 bilion, yang kita tidak bayar ialah RM9 bilion. Itu maksud saya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat daripada Pontian masih tidak mahu akui. Sudahlah, saya tidak mahu buang masa. Kalau sehingga sekarang masih mempersalahkan kerajaan baharu bila ini berlaku dalam tempoh kerajaan lama tidak payah jawab soalan, tidak payah jawab komen Yang Berhormat Pontian ini. Tolonglah. Siapa yang bertanggungjawab? Ini bukan tanggungjawab kerajaan sekarang...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *Tax refund* tahun 2018 dibayar daripada kutipan tahun 2018.

**Tuan Lim Guan Eng:** Rakan-rakan Kabinet pun bersetuju ini adalah...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Akan tetapi tahun 2018 hilang RM11 bilion.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dalam kabinet kebertanggungjawaban bersama dan mereka mahu satu siasatan. Mereka sendiri akui berlaku semasa kerajaan yang lama. Akan tetapi bila kita bagi *tax holiday*, ini salah kita. Apa logik ini? Apa sistem *morality* ini? Kita tidak salah, kita sekarang kena tanggung. Tolonglah!

Kita sekarang cuba cari penyelesaian. Ini satu cabaran, satu tanggungjawab yang berat. Akan tetapi dalam masa yang sama kita pun hendak tahu macam mana ini boleh dibenarkan berlaku tiga tahun berturut-turut. *Is that you are trying to assign blame to us?* Ini memang bukan sahaja tidak adil, ini tidak beretika dan tidak bermoral sama sekali... [Dewan tepuk]

Saya ingin memberikan jaminan kepada Ahli Yang Berhormat. Kita akan siasat macam mana wang sebesar ini boleh hilang. *I think we have to find the source.* Saya harap dan saya percaya yang Ahli Kabinet yang tidak terbabit juga akan memberikan kerjasama sekiranya perlu. Kerana ini adalah wang rakyat. Itu sebab saya rasa di sini, bukan sahaja kita kena tipu- kami di sebelah sini kena tipu itu biasalah. Akan tetapi nampaknya di sebelah sana pun kena tipu. *So I think that is the problem. We are facing...*

**Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Tanya mereka dahulu dalam Kabinet mana, kabinet dapur kah?

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Ketawa*] Dapur bermaksud siapa? Mungkin bukan dekat sini. Saya hendak berikan maklumat juga tentang itu kutipan dan bayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan. Sebenarnya kalau kita lihat, kutipan kasar untuk empat tahun ini adalah sebanyak RM194 bilion. Pindahan kepada akaun Amanah ada pindahan sebanyak RM63.6 bilion. Sepatutnya di pulang balik adalah RM83 bilion. Akan tetapi seperti yang saya sebut tadi RM63 bilion sahaja dibayar menjadikan bakinya RM19.4 bilion. So, itu yang berlaku.

Untuk tiga tahun berturut-turut, satu perkara yang besar yang akan ditangani oleh kerajaan baharu dan saya harap bahawa pihak pembangkang boleh faham betapa besarnya masalah yang diwariskan kepada pihak kami.

#### ■2010

Saya tentu tolak sama sekali sikap negatif Yang Berhormat Pontian yang sebut bahawa kita kena tanggung semua. Kalau tidak ada isi, tulang pun kena dapat. Masalahnya tulang pun tidak ada. Akan tetapi, saya harap marilah kita tangani ini bersama. Itulah sebabnya saya minta sokongan parti pembangkang untuk sama-sama memansuhkan GST, meluluskan SST sebagai gantian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Seperkara. Tambahan. Boleh? Boleh satu lagi? Cadangan. Cadangan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini kerana sekiranya tidak dilakukan keadaan akan jadi lebih teruk lagi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Cadangan *last*. Cadangan.

**Tuan Lim Guan Eng:** *You* hendak salahkan pihak kami lagi kah?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tidak. Tidak.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi sudah. Sekarang hendak tarik balik kah?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini lain. Hal lain.

**Tuan Lim Guan Eng:** Hendak tarik balik tak?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tadi saya membuat cadangan kepada mana-mana syarikat yang rasa terkesan kerana lambat diberikan *tax refund* ini tolong saman Kastam. Jadi, tahun 2015 ada tiga peratus, tahun 2016 ada 15 peratus dan tahun 2017 ada 6.8 peratus. Mereka ini sepatutnya saman kerajaan. Saya menyokong mereka menyaman Kastam. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sekarang tentu boleh buat syor kerana anda tidak perlu bertanggungjawab... [*Dewan riuh*] Janganlah macam itu. Baling batu sembunyi tangan... [*Dewan ketawa*] [*Tepuk*] Akhirnya anda seperti meludah ke langit sahaja. Akan kena ke muka anda sendiri.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya ucapkan terima kasih kerana setuju kepada siasatan ini dan saya rasa kami pun setuju bahawa perkara ini perlu disiasat sepenuhnya. Cuma, di Dewan ini saya sekali lagi hendak tanya sebelum siasatan ini dibuat secara menyeluruh.

Daripada jumlah RM19 bilion lebih itu ada disebabkan seperti mana yang disebutkan tadi *misallocation*, ada disebabkan ia tidak mematuhi garis panduan, ada disebabkan kerana audit masih lagi berjalan dan ada disebabkan sebab pertikaian daripada Jabatan Kastam sendiri. Jadi, kita hendak tahu sama ada butiran itu ada pada Yang Berhormat Menteri sekarang. Berapa banyak yang disyaki *misallocation*.

**Tuan Lim Guan Eng:** Jumlah yang saya laporkan adalah yang sudah diperhalusi. Kalau ada mana-mana jumlah yang dipertikaikan ini tidak diambil kira di sini. Akan tetapi, tentu kita sedia bahawa jumlah ini dikaji dengan lebih teliti oleh syarikat perakaunan untuk melihat sama ada itu adalah *net figure*. Akan tetapi, saya rasa secara amnya ini adalah jumlah mutakhir dan muktamad. Okey.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *Just clarifying* sebab dalam ucapan Yang Berhormat Menteri tadi, Yang Berhormat Menteri sebut bahawa RM19.4 bilion ini bukan sahaja kerana garis panduan tidak dipatuhi tetapi juga kerana *misallocation*. Maksud di situ adalah *there are many reasons for this. Now, you are saying that it is net of the pertikaian*.

**Tuan Lim Guan Eng:** *Yes, the misallocation of course I'm talking about how the money was diverted.*

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Ya lah, *I mean* jumlah dia. Jumlah dia. Oleh sebab jumlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** *Diverted you know.*

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *But, just now earlier in your speech, you said,* bukan sahaja kerana garis panduan tidak dipatuhi. *So, I want to know whether RM19.4 billion is all misallocated or because of...*

**Tuan Lim Guan Eng:** *From what we have-* maklumat yang saya terima dari Kastam itulah.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Itu yang belum dibayar lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sudah diperhalusi. Akan tetapi, kita akan halusinya lagi.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *So, you don't have the details yet?*

**Tuan Lim Guan Eng:** Hah?

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *You don't have the details.*

**Tuan Lim Guan Eng:** *I don't have the details yet. It's supposed here.*

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *Okay, it's okay. Never mind. All right, okay. Thank you.*

**Tuan Lim Guan Eng:** *But we can- I think we'll leave it to the experts.* Supaya bebas. Ini kerana *I think you are also an interested party*, dengan izin. Okey, di sini saya ingin sekali lagi meminta bahawa kalau kita hendak dapat suatu formula untuk mengatasi masalah yang kita hadapi ingat kita hadapinya secara bersama. So, di sini saya pun tidak mahu bercakap panjang lebar kerana fokusnya ialah tentang jumlah yang begitu besar ini. Saya memang mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya dalam Pakatan Harapan, Ahli-ahli Parlimen yang berikan sokongan secara padu untuk usaha kita membersihkan kedudukan kewangan dan ekonomi Malaysia.

Marilah, saya masih yakin sungguh pun cabaran ini nampaknya lagi sukar tetapi saya yakin selagi kita bersama kita akan mengatasinya. Sekian, terima kasih. Saya menyokong... [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.



*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah) dan diluluskan]*

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**8.18 mlm.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), tanpa menghiraukan usul yang terdahulu, Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan sekarang dan akan disambung semula pada jam 10 pagi hari Khamis, 9 Ogos 2018.”

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada sokongan?

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]:** Saya menyokong.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi hari Khamis 9 Ogos 2018.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.19 malam]*